TARIKUDDIN BIN HAJI HASSAN
PEMERINTAHAN
KERAJAAN
BANI
ABBASIYYAH
(132-656H = 749-1258M)
JAHABERSA
www.jahabersa.com

PEMERINTAHAN

KERAJAAN BANI ABBASIYAH

Kitab yang ada di hadapan pembaca ini merupakan kitab yang membincangkan tentang sejarah kerajaan Islam di masa lalu. Kerajaan-kerajaan Islam yang diperintah oleh penguasa-penguasa Muslim yang telah mengukir sejarah peradaban umat. Pemerintahan yang diterajui oleh para Bani Abbasiyyah ini telah mengalami pasang surut dalam kepimpinannya. Ada kalanya ia dipimpin oleh seorang raja yang adil namun terdapat juga penguasa yang zalim.

Walau bagaimanapun dalam pemerintahan Kerajaan Bani Abbasiyyah sejarah pernah mencatat bahawa sepanjang kerajaan tersebut memerintah ia pernah dipimpin oleh seorang raja yang sampai hari ini kisah dan pengajarannya masih segar dalam ingatan. Hal ini kerana kecerdikan dan perhatian baginda dalam dunia ilmu begitu besar sehingga dari jasa dan usaha usahanya telah membawa umat ke zaman keemasan iaitu zaman kemuncak tamadun umat Islam yang tersohor dan diakui di seluruh dunia. Penguasa tersebut tidak lain adalah raja Harun ar-Rasyid di mana kisah-kisahnya lebih lanjut dapat dibaca dalam buku ini.

ISBN 978-967-308-318-3

9 789673 083183

PJ-2275

KANDUNGAN

BAB 5:

BAB 6:

BAB 8:

BAB 9:

BAB 10:

KATA PENERBIT

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِى اَلَّفَ بِالإِسْلاَمِ بَيْنَ قُلُوْبِ الْمُؤْمِنِيْنَ، وَاَوْجَبَ الاِتِّحَادَ
وَحَرَّمَ التَّفَارُقَ فِى كِتَابِ الْمُبِيْنِ. اَشْهَدُ اَنْ لاَ اِلٰـهَ اِلاَّ اللهُ هَدَى مَنْ شَاءَ
اِلَى صِرَاطِ الْمُسْتَقِيْمِ. وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ خَيْرَ دَاعٍ اِلَى الطَّرِيْقِ
الْقَوِيْمِ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
الَّذِيْنَ تَهَذَّبَتْ نُفُوْسُهُمْ وَاتَّخَذَتْ قُلُوْبُهُمْ فَكَانُوْا السَّادَةَ الْمَنْصُوْرِيْنَ.

Segala pujian hanya bagi Allah semata, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam semoga tercucurkan kepada junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. yang telah membawa risalah, menunaikan amanah dan pemberi nasihat kepada umat, serta kepada ahli keluarganya, sahabat-sahabatnya dan mereka yang sentiasa mengikut sunnahnya.

Kami sebagai penerbit berasa bangga dan bahagia kerana dapat menerbitkan buku lagi yang bertajuk:

"PEMERINTAHAN KERAJAAN BANI ABBASIYAH"

Kitab yang ada di hadapan pembaca ini merupakan kitab yang membincangkan tentang sejarah kerajaan Islam di masa lalu. Kerajaan-kerajaan Islam yang diperintah oleh penguasa-penguasa Muslim yang telah mengukir sejarah peradaban umat. Pemerintahan yang diterajui oleh para Bani Abbasiyyah ini telah mengalami pasang surut dalam kepimpinannya. Ada kalanya ia dipimpin oleh seorang raja yang adil namun terdapat juga penguasa yang zalim.

Walau bagaimanapun dalam pemerintahan Kerajaan Bani Abbasiyyah sejarah pernah mencatat bahawa sepanjang kerajaan tersebut memerintah ia pernah dipimpin oleh seorang raja yang sampai hari ini kisah dan pengajarannya masih segar dalam ingatan. Hal ini kerana kecerdikan dan perhatian baginda dalam dunia ilmu begitu besar sehingga dari jasa dan usaha-

usahanya telah membawa umat ke zaman keemasan iaitu zaman kemuncak tamadun umat Islam yang tersohor dan diakui di seluruh dunia. Penguasa tersebut tidak lain adalah raja Harun ar-Rasyid di mana kisah-kisahnya lebih lanjut dapat dibaca dalam buku ini.

Selanjutnya kami dari pihak penerbit berasa senang dan berbangga hati semoga usaha yang memeras tenaga dan fikiran dalam menyusun serta melakukan beberapa peringkat kerja keras lainnya bagi terbitnya buku ini, sehingga ia dapat dibaca dan mendatangkan manfaat bagi umat Islam secara amnya. Dari semua ini apa yang terpenting bagi kami adalah mendapatkan keredaan dari Allah SWT.

Semoga penyajian, huraian dan paparan dalam buku ini dapat mendatangkan manfaat serta pengajaran yang berguna bagi kita. Akhirnya kami dari pihak penerbit tidak lupa mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak EIMEDIA yang sudi bekerja sama sehingga buku ini dapat diterbitkan. Segala kebenaran datangnya hanya dari Allah SWT semata, oleh kerananya kami sangat mengalu-alukan saranan dan cadangan dari pembaca bagi kesempurnaan pada cetakan yang akan datang dari segala kesilapan dan kekurangan. Hanya Allah yang Maha Sempurna lagi Maha Benar.

Penerbit,
Perniagaan Jahabersa

SEPATAH KATA DARI PENYUSUN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Munculnya kerajaan dinasti bani Abbasiyyah ialah setelah tumbangnya kerajaan bani Umayyah yang berjaya menguasai takhta pemerintahan kerajaan Islam selama 91 tahun. Kalau khalifah-khalifah bani Umayyah cuma berjumlah 14 orang sahaja, jumlah khalifah-khalifah bani Abbasiyyah kesemuanya ialah seramai 37 orang. Tetapi khalifah-khalifah bani Abbasiyyah yang terkemuka hanyalah seramai 9 orang sahaja iaitu bermula di peringkat awal pemerintahan. Seterusnya adalah khalifah-khalifah atau pemerintah yang lemah dan cuma sebagai lambang atau boneka kepada orang lain sahaja. Manakala kekuasaan yang sebenarnya berada di tangan bangsa atau kaum Turki.

Kalau zaman pemerintahan kerajaan bani Umayyah, keagungan kerajaan mereka terletak pada kejayaan melebarkan empayar kerajaan Islam atau meluaskan jajahan takluk Islam di seluruh penjuru dunia, tetapi pada zaman pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah keagungannya terletak pada kemajuan tamadun dan perkembangan ilmu yang bukan sahaja di dalam bidang ilmu agama, tetapi juga di dalam bidang ilmu-ilmu keduniaan seperti falsafah, perubatan (kedoktoran), kaji bintang (astronomi), matematik, sains (biologi, kimia dan fizik), sejarah, geografi, kesusasteraan, nyanyian, reka cipta dan sebagainya. Kerana pada zaman pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah, banyak buku-buku karangan intelek-intelek Greek atau Yunani, Mesir, Rom, Farsi dan India telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Tambahan pula pada zaman pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah ramai sekali tokoh-tokoh intelek Islam dari berbagai-bagai bangsa dan keturunan terutama dari India, Farsi, Turki dan Arab sendiri telah datang menyumbang kebolehan mereka kepada agama Islam.

Sejarah pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah telah dipengaruhi oleh tiga peringkat bangsa. Peringkat pertama dipengaruhi oleh bangsa Arab sendiri. Peringkat kedua oleh bangsa Farsi dan peringkat ketiga oleh bangsa Turki. Pengaruh bangsa Arab bermula pada zaman pemerintahan Khalifah Abul Abbas as-Saffah sehinggalah ke zaman pemerintahan Khalifah al-Amin. Empat orang khalifah. Pengaruh bangsa Farsi pula mulai pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid dan berakhir pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun. Manakala ketiga pengaruh bangsa Turki bermula pada zaman pemerintahan Khalifah al-Mu'tasim sehinggalah ke zaman keruntuhan kerajaan ini iaitu pada zaman pemerintahan Khalifah al-Musta'sim billah iaitu khalifah

kerajaan bani Abbasiyyah yang ketiga puluh tujuh atau yang terakhir.

Kalau kerajaan bani Umayyah berasal dari keturunan Umayyah bin Abdul Syams yang kalah bertaruh di dalam soal kemuliaan dan keutamaan peribadi di kalangan bangsa Arab dengan Hasyim bin Abdul Manaf bapa saudaranya sendiri dan ia telah terpaksa keluar dari kota Mekah selama sepuluh tahun dan berdiam di negeri Syam, maka kerajaan bani Abbasiyyah adalah berasal dari keturunan al-Abbas bin Abdul Muttalib, cucunda kepada Hasyim bin Abdul Manaf yang telah menang di dalam pertandingan kemuliaan dan ketinggian darjat di kalangan bangsa Arab dengan Umayyah bin Abdul Syams, moyang Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

Dari seramai-ramai anak-anak al-Abbas bin Abdul Muttalib, Allah swt telah memilih Abdullah bin al-Abbas untuk menjadi moyang kepada khalifah-khalifah atau pemerintah-pemerintah kerajaan bani Abbasiyyah. Bukan dari sulbi atau keturunan al-Fadhl atau Qutsam atau Tammam atau Abdul Rahman atau lain-lain anak-anak al-Abbas yang berjumlah dalam lingkungan sepuluh orang itu.

Tanda-tanda akan wujudnya kerajaan bani Abbasiyyah telah diisyaratkan oleh putera Ibnu Abbas sendiri iaitu Ali bin Abdullah bin al-Abbas ketika Khalifah al-Walid bin Abdul Malik yang telah menganiayai beliau berkaitan dengan soal pernikahan. Dalam peristiwa itu bukanlah Ali bin Abdullah bin Abbas ada melakukan sebarang kesalahan sama ada terhadap agama atau pemerintah kerajaan bani Umayyah, tetapi semata-mata kerana Ali bin Abdullah bin al-Abbas telah mengahwini janda Khalifah al-Walid bin Abdul Malik yang diceraikan oleh baginda. Khalifah al-Walid bin Abdul Malik telah melakukan tindakan yang telah menyakiti hati dan badan Ali bin Abdullah bin al-Abbas yang menyebabkan Ali bin Abdullah bin al-Abbas berkata kepada al-Walid;

"Nanti akan lahir dari kalangan anak cucuku orang-orang yang akan menumbangkan kerajaan kamu."

Tenyata kata-kata Ali bin Abdullah bin al-Abbas ini telah dimakbulkan oleh Allah swt yang mana kita dapat lihat pada perjalanan sejarah Islam.

Meskipun kerajaan bani Abbasiyyah adalah dari keturunan al-Abbas bin Abdul Muttalib yang merupakan keturunan dari Hasyim bin Abdul Manaf yang pernah bersengketa dengan Umayyah bin Abdul Syams, dan telah memberi keaiban kepada orang-orang bani Umayyah, tetapi yang menyedihkan juga ialah kerajaan ini juga telah bersengketa dengan anak-anak bapa saudara mereka iaitu keturunan Rasulullah s.a.w. dan juga keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib. Inilah yang malangnya.

Memang perjuangan untuk menumbangkan kerajaan bani Umayyah telah dipelopori oleh bani Hasyim yang di dalamnya bersatu bani al-Abbas dan bani Abu Talib serta bani Fatimah puteri kesayangan Rasulullah s.a.w. Memang pada mulanya pergerakan perjuangan golongan al-Hasyimi untuk

menggulingkan kerajaan bani Umayyah diketuai oleh para tokoh dari bani Abu Talib dan bani Rasulullah s.a.w. Sejak permulaan zaman pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah iaitu khalifah kerajaan bani Umayyah yang kedua lagi, pergerakan perjuangan untuk menegakkan pemerintahan keluarga Rasulullah s.a.w. atau Ahlil Bait terhadap pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah telah dilakukan oleh Sayidina al-Husein bin Ali, putera kedua Sayyidah Fatimah az-Zahra' rha dan cucunda kesayangan Rasulullah s.a.w. Tidak ada seorangpun tokoh-tokoh dari bani al-Abbas yang telah bangkit berjuang menentang pemerintahan kerajaan bani Umayyah pada zaman atau tempoh keteguhan kerajaan atau pemerintahan mereka. Bahkan mereka berdiam diri sahaja. Paling kuat pun mereka turut bersimpati. Kita tahu ketika Sayidina Husein mahu berangkat ke kota Kufah, yang ikut bersama-sama beliau hanyalah anak-anak Sayidina Ali bin Abu Talib dari isteri-isteri yang lain, anak-anak Aqil bin Abu Talib dan anak-anak Ja'far bin Abu Talib. Anak-anak al-Abbas tidak ada. Cuma Abdullah bin Abbas sahaja yang banyak menasihati Sayidina Husein agar janganlah berangkat ke negeri Iraq kerana bahaya yang sedang menantinya di sana. Dan Abdullah bin al-Abbas menasihatkan Sayidina Husein kalau mahu pergi juga ke Iraq (kota Kufah), janganlah membawa bersama-samanya para isteri dan anak-anaknya dan kerabatnya yang masih kecil. Pergilah dengan sepupu-sepupunya kaum lelaki yang telah dewasa sahaja.

Pergerakan pemberontak dari kota Merw, negeri Khurasan, salah sebuah negeri yang terletak di timur negara Farsi yang dipimpin oleh Panglima Abu Muslim al-Khurasani sangat mengerti bahawa perjuangan kaum bani Hasyim untuk menggulingkan pemerintahan kerajaan bani Umayyah adalah untuk tujuan mengalihkan pimpinan pemerintahan dari tangan bani Umayyah kepada bani Rasulullah s.a.w. melalui anak-anak Sayidina Ali bin Abu Talib dari isteri beliau Sayyidah Fatimah az-Zahra' rha. Sebab itu sebaik sahaja Abu Salamah al-Khallali, seorang pemimpin pergerakan perjuangan bani Hasyim di negeri Iraq menyedari kerajaan bani Umayyah telah tumbang pada tahun 132 hijrah/750 Masihi, beliau secara tergesa-gesa pergi berjumpa dengan Imam Ja'far as-Siddiq, piut Sayidina Ali bin Abu Talib dari putera beliau Sayidina al-Husein, cucunda tercinta Rasulullah s.a.w. putera kedua Sayyidah Fatimah az-Zahra' rha mahu membaiatnya selaku Khalifah bani Hasyim yang pertama. Tetapi Imam Ja'far as-Siddiq telah menolaknya. Tidak bersedia menerima jawatan itu kerana merasa hairan bagaimana Abu Salamah al-Khallali yang tidak pernah dikenalinya tiba-tiba mahu melantiknya sebagai khalifah yang bakal ditubuhkan? Begitu juga Abdullah bin Hasan yang mula-mula beria-ia untuk menerima tawaran yang agong itu, tetapi kemudian ditolak juga setelah mendapat penjelasan dari Imam Ja'far as-Siddiq. Umar al-Asyraf yang ditawarkan jawatan khalifah setelah Abdullah bin Hasan menolaknya telah menolak juga dengan jawapan, "Aku tidak kenal pengirimnya (Abu Salamah al-Khallali), jadi bagaimana aku mahu menjawabnya?"

Setelah Abul Abbas as-Saffah dilantik menjadi khalifah kerajaan bani

Abbasiyyah yang pertama, baginda yang menyedari kelicikan Abu Salamah al-Khallali itu, terus membunuh Abu Salamah al-Khallali. Panglima Abu Muslim al-Khurasani yang menyedari keadaan sudah bertukar arah itu telah sempat menyembunyikan kemahuan hatinya. Mujurlah dia tidak bertindak terlebih dahulu daripada Abu Salamah al-Khallali, kalau tidak dia juga telah menerima nasib yang serupa dengan Abu Salamah al-Khallali. Tetapi saudara Khalifah Abul Abbas as-Saffah iaitu Abu Ja'far al-Mansur telah dapat mencium isi hati Panglima Abu Muslim al-Khurasani dengan mengambil iktibar daripada apa yang telah dilakukan oleh Abu Salamah al-Khallali. Tetapi Abu Ja'far al-Mansur menyimpan di dalam hatinya sahaja. Sebab itu sebaik sahaja dia dilantik menjadi khalifah menggantikan tempat adinda beliau Abul Abbas as-Saffah, dia telah membunuh Panglima Abu Muslim al-Khurasani dengan cara yang licik sekali.

Selama zaman pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah sejak dari tahun 132 Hijrah/749 Masihi, di antara musuh para khalifah kerajaan bani Abbasiyyah yang terbesar ialah anak-anak keturunan Rasulullah s.a.w. dari keturunan puteri bongsu kesayangan baginda Sayidah Fatimah az-Zahra' rha yang juga adalah keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib. Para khalifah kerajaan bani Abbasiyyah terus menerus membantai anak-anak keturunan Rasulullah s.a.w. yang disebut Ahlil Bait atau kaum Syiah atau kaum Alawiyyeen yang dinisbahkan kepada nama Sayidina Ali bin Abu Talib sendiri.

Sepatutnya kalau anak cucu Sayidina al-Abbas bin Abdul Muttalib yang menjadi pemerintah umat Islam, wajar sekali anak-anak keturunan Rasulullah s.a.w. dan anak-anak keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib menjadi para menteri. Kalau tidak menjadi para menteri, setidak-tidaknya dapat hidup selesa di bawah pemerintahan mereka. Sebab Rasulullah s.a.w. pun tidak mahu anak-anak keturunan baginda menjadi para pemerintah ke atas umat Muslimin. Baginda tahu risiko yang terpaksa diambil oleh setiap orang yang menjadi pemerintah terutama pemerintah tertinggi negara. Kebanyakan mereka terpaksa menjual akhirat untuk menjaga kepentingan kebesaran, kemegahan dan kenikmatan duniawi melalui kuasa memegang kerajaan. Kalau tidak mereka tidak akan dapat menjadi pemerintah atau mengekalkan kerajaan mereka dalam jangka masa waktu yang panjang.

Apa pun dengan berjayanya para tokoh dari kalangan keturunan Hasyim bin Abdul Manaf berjaya menumbangkan kerajaan anak keturunan Umayyah bin Abdul Syams, maka bererti sekali lagi kaum Hasyimiyyah atau Hasyim bin Abdul Manaf telah mengalahkan kaum Umayyah atau Umayyah bin Abdul Syams setelah diri Hasyim bin Abdul Manaf yang sebenar-benarnya berjaya menewaskan diri Umayyah bin Abdul Syams yang sebenar-benarnya di dalam pertandingan merebut kemuliaan dan keunggulan darjat diri di kalangan kaum Quraisy Mekah pada zaman jahiliyyah dahulu.

Apa yang sangat disesalkan terhadap khalifah-khalifah bani Abbasiyyah selain tindakan mereka mencetuskan permusuhan dengan keluarga Ahlil Bait,

ialah pegangan beberapa orang di kalangan mereka kepada mazhab Mu'tazilah iaitu salah satu mazhab yang menyeleweng dari ajaran agama Islam yang sebenar. Mazhab ini mula wujud atau terasas pada zaman pemerintahan Khalifah al-Amin dan telah menjadi subur pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun. Dan terus subur hingga ke zaman pemerintahan Khalifah al-Mu'tasim dan al-Wathiq. Ketiga-tiga khalifah ini telah menyokong dan menjadi penganut kepada fahaman Mu'tazilah khususnya di dalam furu' akidah. Pada zaman ketiga-tiga khalifah ini, para ulama' Ahlis Sunnah wal Jamaah telah mengalami hidup yang sangat menderita kerana ketiga-tiga khalifah yang menganut aliran mazhab ini telah menyeksa setiap ulama' yang enggan menganut fahaman Mu'tazilah terutama di dalam bidang akidah. Mazhab Mu'tazilah menetapkan bahawa al-Qur'an adalah makhluk, manakala pegangan golongan Ahlis Sunnah wal Jamaah ialah al-Qur'an adalah Kalam Allah yang qadim. Beberapa orang ulama' atau kepala ulama' yang mengetuai golongan mazhab Ahlis Sunnah wal Jamaah telah mengalami penderitaan yang hebat kerana telah disiksa oleh kerajaan termasuklah Imam Ahmad bin Hanbal yang dipukul setiap hari oleh ketiga-tiga khalifah penganut mazhab Mu'tazilah itu.

Sebagai akhir kata dari penyusun, penyusun sangat-sangat mengharapkan semoga buku ini diterima oleh Allah swt sebagai suatu amal salih yang dapat menjadi bahan tatapan dan pentelaahan umum oleh seluruh umat Islam yang cintakan pengetahuan khasnya sejarah Islam. Ambillah pengetahuan dan pengajaran daripadanya. Mana-mana yang tidak menepati kebenaran buang sahaja, usah dipakai atau diambil sebagai maklumat sejarah. Sekiranya masih terdapat di kalangan para pembaca yang mempunyai pengetahuan yang cukup atau benar berkaitan dengan sejarah kerajaan bani Abbasiyyah ini, eloklah pengetahuan tuan-tuan dan puan-puan itu disalurkan ke dalam buku ini. Semoga seluruh isi buku ini terisi dengan maklumat dan fakta-fakta sejarah yang tepat dan sahih. Penyusun tidak merasa besar diri untuk bermegah bahawa apa yang datang dari usaha penyusun adalah semuanya benar, manakala yang datang dari usaha para pembaca semuanya tidak benar dan tidak tepat. Penyusun tidak mahu termasuk ke dalam golongan orang-orang yang menyombong diri, tetapi penyusun mengharapkan semoga Allah SWT memasukkan penyusun ke dalam golongan orang-orang yang beriman sejati dan melakukan amal-amal salih dengan penuh keikhlasan semata-mata kerana mengharapkan keredhaan Allah SWT semata. Semoga buku yang tidak sepertinya ini dapat diterima oleh seluruh umat khasnya umat Islam yang mahu pengetahuan sejarah Islam berada di dalam hati dan pemikiran mereka. Selamat membaca. Sekian. Wassalam.

BAGAIMANA KERAJAAN BANI ABBASIYYAH DITEGAKKAN

(132-656 Hijrah = 749-1289 Masihi)

Peranan Golongan Syiah Ahlil Bait

Kita sudah tahu kerajaan atau pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah didirikan selepas mereka berjaya meruntuhkan kerajaan bani Umayyah pada tahun 132 hijrah/749 Masihi yang telah memerintah selama kira-kira 91 tahun. Tahukah kita bagaimanakah kerajaan bani Abbasiyyah boleh ditegakkan? Siapakah tokoh-tokoh yang mula-mula memperjuangkan idea ini? Marilah kita lihat sejarah perjuangannya:-

Perjuangan untuk menumbangkan kerajaan bani Umayyah dan cita-cita untuk menggantikannya dengan kerajaan bani Hasyim (bani Abbasiyyah) telah diusahakan oleh dua cabang keturunan bani Hasyim iaitu pertama oleh keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib dari pihak kedua isteri baginda iaitu keturunan Sayidah Fatimah az-Zahra' rha yang dikenali sebagai golongan Ahlil Bait, dan dari pihak isteri baginda wanita bani Hanifah iaitu oleh Muhammad bin al-Hanafiyyah yang merupakan anak kepada Khaulah binti Ja'far bin Qais al-Hanafi dan anak Muhammad bin al-Hanafiyyah iaitu Abu Hasyim. Manakala pihak yang kedua dilakukan oleh keturunan Abdullah bin al-Abbas yang diketuai oleh Muhammad bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas. Namun perlaksanaannya tidak berjalan serentak. Keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib dari keturunan isteri beliau Sayidah Fatimah az-Zahra' rha yang memulakan dahulu. Kemudian baru diikuti oleh cucu Sayidina Ali bin Abu Talib yang bernama Abdullah bin Muhammad bin al-Hanafiyyah yang terkenal dengan nama Abu Hasyim serentak dilakukan dengan anak-anak Ali bin Abdullah bin al-Abbas.

Usaha pertama dilakukan oleh Sayidina Husein cucunda kesayangan Rasulullah s.a.w. yang telah bangkit memberontak terhadap pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah iaitu Khalifah bani Umayyah yang kedua pada bulan Muharam 10 hari bulan tahun 61 hijrah/680 Masihi. Namun usaha ini telah mengalami kegagalan yang dahsyat kerana Sayidina Husein telah terbunuh bersama-sama sejumlah anggota keluarganya yang terdekat yang

merupakan penyokong-penyokong beliau yang datang bersama-sama beliau ke kota Kufah kerana mahu menegak keadilan dengan menggulingkan pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah.

Setelah kewafatan Sayidina Husein akibat terbunuh di Padang Karbala', maka kaum Alawiyyeen telah berpecah kepada dua golongan atau puak. Golongan pertama mahukan putera Sayidina Husein iaitu Imam Ali Zainal Abidin menjadi pemimpin atau Imam Syiah Ahlil Bait. Manakala golongan yang kedua mahukan putera Sayidina Ali bin Abu Talib yang beribukan wanita suku Hanifah iaitu Khaulah binti Ja'far bin Qais al-Hanafi iaitu Muhammad bin al-Hanafiyyah yang gagah perkasa sebagai pemimpin kaum Alawiyyeen. Perpecahan golongan Syiah Alawiyyeen semakin teruk berlaku setelah wafatnya Imam Ali Zainal Abidin kerana para penyokong perjuangan Syiah Ahlil Bait mahukan anak-anak Imam Ali Zainal Abidin yang berlainan sebagai pemimpin atau imam mereka. Sebagai contoh ada yang mahukan Imam Muhammad al-Baqir dan ada pula yang mahukan Imam Zaid bin Ali Zainal Abidin. Manakala golongan Syiah Kaisaniyyah mahukan putera Muhammad bin al-Hanafiyyah iaitu Abu Hasyim sebagai pemimpin kaum Syiah setelah Muhammad bin al-Hanafiyyah wafat.

Pada zaman Imam Ali Zainal Abidin menjadi Imam Syiah Ahlil Bait, kaum Syiah tidak melakukan apa-apa perjuangan, baik secara sembunyi-sembunyi mahupun secara terang-terangan. Ini adalah kerana peribadi Imam Ali Zainal Abidin yang wara', salih, zahid dan tidak mempunyai cita-cita atau agenda politik. Beliau tidak pernah berniat untuk menjadi khalifah. Cukuplah sekadar imam di dalam persoalan-persoalan agama sahaja. Dengan kata yang lain Imam Ali Zainal Abidin adalah seorang insan yang suka ilmu, beribadat dan hidup di dalam kedamaian. Beliau telah berbaik-baik dengan para pemimpin bani Umayyah sejak ayahanda beliau Sayidina Husein terkorban di medan Karbala' tahun 61 hijrah/680 Masihi. Ketika terjadi pemberontakan Madinah pada bulan Zulhijjah tahun 63 Hijrah/682 Masihi, yang dicetuskan oleh penduduk kota Madinah yang dipimpin oleh seorang tokoh yang bernama Abdullah bin Hanzalah yang telah berjaya mengusir seluruh kaum bani Umayyah dari kota Madinah. Imam Ali Zainal Abidin telah melindungi Marwan bin al-Hakkam yang datang meminta perlindungan di rumahnya, padahal Abdullah bin Umar bin al-Khattab tidak bersedia untuk melindungi tokoh bani Umayyah yang penuh kontroversi itu.

Pendekata para Imam Ahlil Bait dari mazhab Ithna Asya'ariyyah selepas Sayidina Husein tidak melakukan apa-apa perjuangan untuk menggulingkan pemerintahan bani Umayyah. Kecuali Imam Zaid bin Ali Zainal Abidin dari mazhab Zaidiyyah (beliau adalah pengasas mazhab ini) yang telah bangkit melakukan pemberontakan bersenjata terhadap pemerintahan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik pada tahun 122 hijrah/740 Masihi dan juga telah terbunuh di dalam perjuangannya itu.

Demikianlah perjuangan golongan Syiah Ahlil Bait. Bagaimanakah pula dengan peranan yang dimainkan oleh tokoh-tokoh dari kalangan keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib dari pihak anak beliau yang bernama Muhammad bin al-Hanafiyyah yang beribukan perempuan suku Hanifah itu dan dari kalangan bani al-Abbas bin Abdul Muttalib yang kemudian telah berjaya menerajui pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah setelah tumbangnya kerajaan bani Umayyah?

Peranan Golongan Syiah Kaisaniyyah

Kumpulan atau pengikut Muhammad bin al-Hanafiyyah dikenali sebagai penganut mazhab syi'ah Kaisaniyyah. Muhammad bin al-Hanafiyyah memainkan peranannya di kota Kufah tempat beliau menetap sejak zaman pemerintahan ayahandanya lagi. Perjuangan beliau untuk mengguling pemerintahan kerajaan bani Umayyah telah disokong oleh al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi, putera kepada pahlawan yang terkorban di medan al-Jisr pada zaman Khalifah Umar bin al-Khattab yang juga adalah ipar kepada Abdullah bin Umar bin al-Khattab. Setelah wafatnya Muhammad bin al-Hanafiyyah dan terbunuhnya al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi pada tahun 65 hijrah/684 Masihi, perjuangan kaum Syiah Kaisaniyyah ini telah diteruskan oleh anak Muhammad bin al-Hanafiyyah yang bernama Abu Hasyim. Abu Hasyim adalah seorang yang mulia, bijak dan petah bercakap. Selama perjuangannya menentang pemerintahan kerajaan bani Umayyah, Abu Hasyim telah didokong oleh pengikut-pengikutnya yang tidak sedikit meskipun nama beliau tidak begitu menonjol sebagaimana nama tokoh-tokoh Syiah Alawiyyeen yang lain. Namun disebabkan kekuatan pemerintahan kerajaan bani Umayyah terutama pada zaman pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan dan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik, perjuangan Abu Hasyim tidak begitu bererti kerana tidak berjaya menggoncangkan kerajaan bani Umayyah apa lagi menggulingkannya.

Perjuangan Abu Hasyim terus berjalan setakat zaman pemerintahan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik sahaja (105-125 hijrah/723-743 masehi). Diriwayatkan oleh al-Mas'udi di dalam kitabnya Murujuz Zahab bahawa Abu Hasyim pada suatu hari telah datang menghadap Khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Seperti yang telah disebutkan di atas bahawa Abu Hasyim adalah seorang yang mulia, bijak dan petah bercakap. Apabila Khalifah Hisyam bin Abdul Malik melihat kemuliaan akhlak, kepintaran dan kefasihan Abu Hasyim berbicara, maka baginda bimbang orang yang semacam itu lambat laun akan membahayakan kerajaan bani Umayyah. Lidah yang sebegitu fasih di dalam berkata-kata dengan akal yang pintar dan cerdik, kalau digunakan untuk mempengaruhi rakyat agar menentang pemerintah, ditambah lagi dengan akhlak yang mulia sudah pasti rakyat akan terpesona dan terpengaruh. Ketika Abu Hasyim bin Muhammad bin al-Hanafiyyah keluar meninggalkan baginda, Khalifah Hisyam

bin Abdul Malik telah memerintah kepada seseorang pesuruh baginda supaya mengekori Abu Hasyim dan memasukkan racun ke dalam susu yang akan diminum oleh Abu Hasyim. Ketika Abu Hasyim merasa dirinya telah diracun, dia tidak pulang ke kota Kufah, sebaliknya telah menukar haluan menuju ke kota Humaimah dan menyerahkan kepimpinan kaum Alawiyyeen berserta para pengikutnya kepada pemimpin pergerakan bani Hasyim cawangan bani al-Abbas iaitu Muhammad bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas. Sejak itu pemimpin perjuangan bani Hasyim berada di dalam tangan golongan bani al-Abbas sahaja.

Tetapi mengikut apa yang dicatit oleh Dr Yusuf al-Isy di dalam bukunya Dinasti Abbasiyyah bahawa Abu Hasyim menyerahkan kuasa perjuangan bani Alawiyyeen golongan Kaisaniyyah kepada Muhammad bin Ali sejak tahun 98 hijrah/716 Masihi lagi.

Peranan Golongan Bani Al-Abbas

Sekarang sampailah masanya untuk kita memperkatakan tentang perjuangan yang digerakkan oleh tokoh-tokoh bani Hasyim dari cawangan bani al-Abbas bin Abdul Muttalib yang merupakan kemuncak perjuangan yang merintis kepada tumbangnya pemerintahan kerajaan bani Umayyah dan tertegaknya kerajaan bani Abbasiyyah. Peranan yang dimainkan oleh tokoh-tokoh bani al-Abbas bermula dari keluarga seorang tokoh yang bernama Ali bin Abdullah bin al-Abbas. Ali bin Abdullah adalah seorang yang terkemuka dan berpengaruh kerana beliau adalah putera kepada Abdullah bin al-Abbas, sahabat Rasulullah s.a.w. merangkap sepupu baginda yang paling alim di dalam ilmu tafsir, hadis, sangat pintar, cerdik, licin, salih dan ahli politik yang handal. Namun Ali bin Abdullah adalah seorang yang tidak mempunyai cita-cita di dalam politik. Beliau adalah seorang yang sangat cintakan kehidupan yang baik, bersih, sederhana dan penuh keharmonian sebagaimana juga dengan sikap, peribadi dan jiwa Imam Ali Zainal Abidin. Ini disebabkan Ali bin Abdullah adalah seorang yang kuat imannya, membenci kemewahan hidup di dunia dan sangat suka beribadat dan bergiat di dalam persoalan-persoalan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan khususnya pengetahuan agama. Kecintaan beliau kepada agama dan sangat memikirkan tentang akhirat kerana keimanan beliau yang kuat dapat dilihat pada tindakan beliau yang menamakan sebahagian besar anak-anak beliau dengan nama para nabi dan rasul sebagaimana tindakan seorang sahabat Nabi yang terkemuka ahli syurga iaitu Talhah bin Ubaidullah juga. Ali bin Abdullah mempunyai seramai sepuluh orang anak lelaki iaitu Muhammad, Abdullah, Daud, Salih, Musa, Isa, Ibrahim, Ismail, Idris dan Abdul Samad. Sikap beliau yang tidak memperlihatkan tindakan dan kelakuan yang berunsur membenci pemerintahan kerajaan bani Umayyah telah menyebabkan para khalifah bani Umayyah terutamanya Khalifah al-Walid bin Abdul Malik menyukai beliau.

Ketika Khalifah al-Walid bin Abdul Malik dilantik menjadi khalifah, baginda telah mengkhususkan sebuah kawasan kepada Ali bin Abdullah dan keluarganya di kota Humaimah, sebuah kota kecil yang terletak dekat dengan Palestin dan juga dengan kota Damsyik sendiri. Ini setelah Ali bin Abdullah dan keluarganya terhalau dari kota Mekah pada zaman pemerintahan Abdullah bin az-Zubair dari tahun 64 hijrah/683 Masihi hingga ke tahun 73 hijrah/692 Masihi. Namun kemudiannya telah terjadi persengketaan di antara Ali bin Abdullah dengan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik gara-gara Ali telah mengahwini bekas isteri Khalifah al-Walid yang diceraikan baginda. Tetapi permusuhan Khalifah al-Walid dengan putera Abdullah bin al-Abbas itu tidaklah berpanjang kerana sikap Ali yang asyik dengan ilmu dan ibadat tidak mempedulikan persoalan politik itu. Meskipun Ali bin Abdullah seorang yang sangat memikirkan persoalan Hari Akhirat dan tidak mempedulikan kerenah-kerenah dunia, namun anak-anak beliau yang ramai itu tidak semuanya bersikap seperti ayah mereka. Terutamanya anak sulung beliau Muhammad. Putera sulung Ali bin Abdullah ini adalah seorang pemuda yang mempunyai sifat-sifat yang sesuai untuk menjadi seorang pemimpin negara atau khalifah. Beliau seorang yang mempunyai jiwa yang kuat, bersemangat tinggi, berkemahuan keras, mempunyai cita-cita yang tinggi, berakal tajam dan mempunyai pandangan yang jauh serta sangat cergas. Akal beliau di dalam mengatur strategik perjuangan politik amat tajam sekali.

Perjuangan Dan Idea Muhammad bin Ali

Muhammad bin Ali cucu Abdullah bin al-Abbas mempunyai niat dan cita-cita untuk menggulingkan pemerintahan kerajaan bani Umayyah setelah beliau melihat khalifah-khalifah bani Umayyah dan para pegawai mereka terutama al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi yang telah memerintah secara zalim dan kejam ke atas rakyat. Tetapi disebabkan beliau adalah seorang yang bijaksana, maka beliau telah mengambil iktibar daripada tindakan-tindakan yang dilakukan oleh keluarga Sayidina Ali bin Abu Talib khususnya oleh Sayidina Husein yang telah bangkit memberontak terhadap pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah secara kekerasan dan telah mengakibatkan beliau gugur di medan yang berat sebelah. Para pengikut Syiah pula pada mulanya memokaskan matlamat perjuangan mereka hanya kepada seorang tokoh atau pemimpin sahaja dalam satu-satu waktu. Setelah pemimpin yang diharap-harapkan akan menduduki kerusi khalifah gugur atau ditangkap, maka sudah tidak ada lagi tokoh penggantinya kerana mereka menumpukan kepada seorang tokoh sahaja. Kemudian setelah zaman Sayidina Husein, mereka memfokuskan kepada ramai individu terkemuka sehingga mengakibatkan perpecahan dan kelemahan. Muhammad bin Ali melihat ada tiga tindakan yang perlu dilakukan di dalam usaha untuk menggulingkan kerajaan bani Umayyah yang sedang kuat dan masih belum menunjukkan tanda-tanda kelemahan itu.

Pertama, perjuangan hendaklah dimatlamatkan kepada mencapai Redha Keluarga Nabi Muhammad s.a.w., bukan kepada seorang tokoh sahaja. Apa maksudnya? Maksudnya perjuangan yang akan dilancarkan nanti hendaklah untuk ahli keluarga Rasulullah s.a.w., bukan untuk orang lain. Dan ianya tidak boleh dibuat dengan bermatlamatkan seorang tokoh sahaja untuk menerajui kerajaan sekiranya pemerintah yang ada runtuh. Sebab itu Muhammad bin Ali merencanakan perjuangan mereka adalah untuk mencapai redha keluarga Nabi Muhammad s.a.w., memberi maksud bahawa perjuangan adalah untuk sesiapa sahaja daripada anggota keluarga Rasulullah s.a.w. yang layak dan berkebolehan untuk menduduki kerusi pemimpin tertinggi negara atau khalifah. Ini bererti sekiranya seorang tokoh yang mengepalai perjuangan terkorban, maka perjuangan janganlah terhenti atau terputus. Dan seruan seperti ini tidak menimbulkan kemarahan siapa-siapa dari sepupu-sepupu bani al-Abbas iaitu anak keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib yang lebih dahulu berjuang itu kerana sebutannya sangat umum. Meskipun orang ramai atau rakyat lebih merasakan jawatan khalifah nanti akan diserahkan kepada anak-anak keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib dari pihak isteri pertama beliau Sayidah Fatimah az-Zahra' rha kerana kedudukannya yang dekat dengan Rasulullah s.a.w., namun cita-cita dalam hati para pejuang anak-anak keturunan bani al-Abbas adalah jawatan khalifah itu adalah tetap untuk mereka.

Kedua, kaum atau golongan bani Hasyim janganlah bangkit berjuang secara terang-terangan atau secara kekerasan, tetapi hendaklah dilakukan dalam bentuk dakwah dan lisan sehinggalah ke satu waktu yang sesuai. Pelan perjuangan hendak disusun dengan teratur dan kemas, sehinggalah sebahagian besar rakyat telah menerima perjuangan mereka dan sudah menjadi sangat benci kepada kerajaan bani Umayyah yang sedang memerintah.

Ketiga, membentuk rangkaian perjuangan di antara tiga kota atau wilayah iaitu kota Humaimah di negeri Syam, kota Kufah di Iraq dan kota Merw di negeri Khurasan. Kota Humaimah dijadikan sebagai pusat pentadbiran dan penyusunan perjuangan. Kota Kufah pula sebagai pusat perhubungan dalam menyampaikan maklumat dan pesanan-pesanan oleh pemimpin-pemimpin di kota Humaimah kepada para pejuang di negeri Khurasan. Manakala negeri Khurasan pula dijadikan sebagai pusat kegiatan ketenteraan.

Kenapa kota Humaimah dijadikan pusat pentadbiran dan penyusunan sahaja, tidak tempat kegiatan? Ini adalah kerana kota Humaimah letaknya sangat berdekatan dengan kota Damsyik, pusat pemerintahan kerajaan bani Umayyah. Kalau kegiatan perjuangan dilakukan di kota ini, sudah pasti dalam masa yang singkat sahaja rahsianya akan terbongkar atau diketahui oleh pihak pemerintah kerajaan bani Umayyah. Dengan itu perjuangan mereka akan menemui kegagalan.

Manakala kota Kufah sesuai dijadikan pusat perhubungan antara kota Humaimah dengan kota Merw kerana di sana terdapat ramai sekali para

pembenci kerajaan bani Umayyah kerana mereka merupakan para pendukung Khalifah Ali bin Abu Talib dan mudah untuk bekerja bagi pihak propaganda perjuangan menentang kerajaan bani Umayyah dan pula letaknya yang di tengah-tengah antara kedua-dua negeri yang merancang dengan negeri yang melaksanakan. Negeri Khurasan sesuai dijadikan pusat kegiatan ketenteraan adalah kerana tempat itu amat jauh daripada negeri Syam atau kota Damsyik dan kebanyakan rakyat di sana adalah keturunan Yaman dan sangat tidak menyukai kepada pemerintahan kerajaan bani Umayyah yang telah 'menganaktirikan ' mereka ke atas suku Qais. Memang para khalifah bani Umayyah mengutamakan suku Qais berbanding suku Yaman kecuali beberapa orang khalifah sahaja yang cuba menyamaratakan antara kedua-dua suku ini seperti Khalifah Umar bin Abdul Aziz dan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Penduduk negeri Khurasan telah menerima Islam pada zaman Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan lagi iaitu pada tahun 42 hijrah/662 Masihi di mana gabenor Iraq iaitu Abdullah bin Amir telah berjaya menakluk negeri Farsi timur iaitu wilayah Khurasan. Tetapi pada zaman Ziyad bin Abihi menjadi gabenor Iraq pada tahun 45 hijrah/665 Masihi, beliau telah memindahkan seramai 50,000 penduduk Iraq yang kebanyakannya terdiri daripada orang-orang keturunan Yaman yang terdiri daripada suku Tamim, Azd dan Abdul Qais ke negeri Khurasan. Disamping itu para penduduk negeri Khurasan adalah orang-orang Farsi yang mana mereka sejak dari zaman berzaman lagi sebelum memeluk agama Islam sangat berpegang kepada konsep Keluarga Di Raja Yang Suci dan Kerajaan Waris di Raja. Dan mereka juga sangat marah kepada kerajaan bani Umayyah yang telah meruntuhkan kerajaan mereka dan menjadikan mereka golongan bawahan yang hina sedangkan mereka sebelum kedatangan atau dikalahkan oleh pihak Islam adalah lebih mulia dan gagah daripada bangsa Arab.

Tokoh Penting Di Kota Kufah

Kalau tokoh-tokoh penting di kota Humaimah yang merupakan perancang dan penyusun perjuangan terdiri daripada anak-anak Ali bin Abdullah bin al-Abbas yang dikepalai oleh Muhammad bin Ali, maka siapakah pula tokoh penting yang mengetuai perjuangan rahsia di kota Kufah? Dia ialah seorang yang bernama Maisarah. Maisarah asalnya adalah seorang hamba yang berkhidmat kepada seorang lelaki bani al-Abbas. Kerana kebolehan Maisarah, maka pihak tokoh-tokoh bani al-Abbas telah bersetuju melantik beliau sebagai ketua pejuang rahsia di kota Kufah. Beliau kemudian telah didatangi oleh seorang saudagar yang kaya dari negeri Sind India bernama Bukair bin Mahan. Berdasarkan nama ayahnya, jelas Bukair bukan seorang India, tetapi seorang Farsi yang berkemungkinan sekali selalu berulang alik berniaga ke negeri Sind. Atau Bukair menetap di negeri Sind. Bukair bin Mahan selain kaya adalah seorang yang sangat pintar dan mempunyai cita-cita dalam politik. Maisarah kemudian menceritakan tentang perjuangan yang sedang bergerak secara rahsia

untuk menumbangkan kerajaan bani Umayyah yang dianggap zalim oleh tokoh-tokoh dari bani Hasyim untuk menegakkan kerajaan keluarga Rasulullah s.a.w. kepada Bukair bin Mahan. Ini menjadikan Bukair bin Mahan bersetuju untuk turut serta di dalam perjuangan menggulingkan kerajaan bani Umayyah (yang zalim) itu. Oleh itu Bukair bin Mahan telah memberi kekayaannya untuk membantu perjuangan yang baru bermula itu dengan hati yang jujur dan ikhlas mahu melihat kerajaan bani Umayyah tumbang dan kerajaan baru yang diterajui oleh anggota keluarga Rasulullah s.a.w. pula memerintah dunia Islam dan umat Islam.

Setelah Maisarah wafat, Muhammad bin Ali telah melantik pula Bukair bin Mahan sebagai ketua perjuangan rahsia bani Hasyim (pergerakan sulit Abbasiyyah) di kota Kufah. Sebaik sahaja menerima tanggungjawab yang besar dan berat itu, maka Bukair bin Mahan tidak berlengah-lengah lagi telah meneruskan usaha yang dirintis oleh Mairasah sebelumnya dengan bersungguh-sungguh. Beliau telah bekerja dengan kuat untuk menarik seramai mungkin rakyat di kota Kufah agar menyokong perjuangan untuk menumbangkan pemerintahan kerajaan bani Umayyah dan menggantikannya dengan kerajaan Keluarga Nabi Muhammad s.a.w. pula. Bukair bin Mahan telah mendapat ramai pengikut di antaranya ialah seorang pemuda yang cergas, bercita-cita tinggi dan bijak bernama Hafs bin Sulaiman. Kerana sangat tertarik hati kepada pemuda yang bernama Hafs itu, maka Bukair bin Mahan telah menjodohkan salah seorang anak perempuan beliau dengan Hafs bin Sulaiman. Di kemudian hari Hafs bin Sulaiman terkenal dengan gelaran Abu Salamah al-Khallali. Dalam pada itu juga Bukair bin Mahan ada memiliki seorang hamba bernama Abdul Rahman bin Muslim yang kemudian hari terkenal dengan nama Abu Muslim al-Khurasani. Kedua-dua Abu Salamah al-Khallali dan Abu Muslim al-Khurasani sama sebangsa dengan Bukair bin Mahan, sama-sama berkebangsaan Farsi.

Perjuangan untuk menggulingkan pemerintahan kerajaan bani Umayyah dan menegakkan pemerintahan kerajaan bani Hasyim (kerajaan bani Abbasiyyah) terbahagi kepada dua peringkat atau dua corak perjuangan. Peringkat pertama ialah peringkat rahsia sebagaimana yang telah disebutkan atau kerja di bawah tanah, dan peringkat kedua ialah perjuangan secara terbuka atau secara terang-terangan. Peringkat bawah tanah atau tersembunyi dimulakan pada tahun 98 hijrah/716 masehi sehinggalah ke tahun 127 hijrah/745 masehi. Ini bererti perjuangan pergerakan bani Hasyim secara rahsia dimulakan pada akhir zaman pemerintahan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik sampailah ke zaman pemerintahan Khalifah Ibrahim bin al-Walid atau permulaan zaman pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad, pemerintah terakhir kerajaan bani Umayyah.

Masa kelancaran dan kecergasan pergerakan perjuangan secara rahsia ini apabila masuk zaman pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz (99

hijrah/717 masehi hingga 101 hijrah/719 masehi). Ini adalah kerana watak Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang wara', salih, menyukai kebaikan dan perdamaian dan tidak memandang curiga kepada manusia. Para pejuang bani Hasyim melihat keramahan, kepenyabaran dan kelembutan hati Khalifah Umar bin Abdul Aziz terhadap musuh politik kerajaan bani Umayyah telah menjadikan mereka semakin berani dan bersemangat untuk meneruskan perjuangan rahsia mereka. Kalau kaum Khawarij yang dipimpin oleh Syauzab al-Yasykuri telah didekati oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz dengan cara yang baik iaitu mengajak mereka berbincang tentang pegangan masing-masing di dalam persoalan-persoalan agama dan baginda bersedia mendengar hujjah masing-masing, padahal sebelumnya kaum Khawarij diburu dan diperangi oleh para khalifah kerajaan ini, maka Muhammad bin Ali merasakan betapa terselamatnya mereka di dalam perjuangan mereka yang bukan mengangkat senjata itu, cuma berdakyah dengan mulut sahaja tentulah lebih dapat dimaafkan oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz sekiranya beliau tertangkap.

Disamping itu pula pada ketika itu tokoh-tokoh Syiah atau Alawiyyeen yang dapat menyaingi ketokohan Muhammad bin Ali sudah tidak ada lagi. Bahkan jawatan ketua Syiah Kaisaniyyah pula telah diserahkan oleh Abu Hasyim bin Muhammad Ibnul Hanafiyyah kepada Muhammad bin Ali setelah beliau merasa akan mati dipercayai diracun oleh Khalifah Hisyam bin Abdul Malik seperti yang telah disebutkan sebelumnya.

Mengatur Perjuangan Bawah Tanah Di Khurasan

Dalam masa yang dikira 'aman ' dan sangat 'berpeluang ' itu, Muhammad bin Ali sangat cerdik menyembunyikan identiti dirinya. Dia bersama-sama saudara-saudara dan anak-anaknya telah menampakkan diri-diri mereka sebagai ahli-ahli ibadat yang wara' (mereka sebenarnya adalah manusia-manusia yang alim). Mereka mengambil masa yang lebih untuk duduk di dalam masjid untuk beribadat dan beriktikaf. Mereka benar-benar mempamirkan kewara'an dan kekuatan mereka beribadat sesuai mereka adalah anak-anak atau keluarga Ali bin Abdullah bin al-Abbas yang terkenal kuat beribadat, menumpu hanya kepada persoalan-persoalan akhirat dan tidak ada keinginan kepada kerajaan dan kerana mereka adalah putera-putera kepada Ali bin Abdullah dan cucu kepada Ibnu Abbas, sahabat Rasulullah s.a.w. merangkap sepupu baginda yang paling alim di dalam ilmu tafsir dan hadis. Ini menambah lagi keyakinan hati-hati para penguasa kerajaan bani Umayyah bahawa keluarga Ali bin Abdullah bin al-Abbas memang tidak mempunyai cita-cita politik dalam hidup mereka.

Usaha Muhammad bin Ali menjalankan kegiatan dakyah di negeri Khurasan dilakukan dalam dua cara. Pertama pihak tokoh-tokoh bani Hasyim khususnya bani al-Abbas di negeri Humaimah membuat hubungan dengan ketua-ketua atau pemimpin-pemimpin kaum di sana yang dipercayai cenderung hati

mereka kepada keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib atau kaum Syiah Alawiyyeen. Kedua dengan cara membentuk pasukan pendakyah yang pintar-pintar kemudian dihantar bekerja (berdakyah) di sana. Menjelang tahun 103 hijrah/721 masehi, iaitu pada zaman pemerintahan Khalifah Yazid bin Abdul Malik, Muhammad bin Ali telah membentuk sekumpulan para pendakyah atau penyebar dakyah untuk bekerja dengan lebih keras dan bersungguh-sungguh di negeri Khurasan menggerakkan hati seluruh rakyat Khurasan supaya membenci pemerintahan bani Umayyah. Mereka adalah seramai dua belas orang pendakyah. Pembentukan penyebar dakyah ini adalah mencontohi cara yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. yang melantik dua belas orang naqib yang terdiri daripada orang-orang Aus dan Khazraj disaat-saat akan terjadinya hijrah ke kota Madinah. Muhammad bin Ali telah melantik empat orang penyebar dakyah itu dari suku Khuza'ah, empat dari suku Tamim, seorang Ta'i, seorang Syaiban, seorang Bujailah dan seorang lagi dari kaum mawali (orang bukan Arab) yang bernaung di bawah suku bani Hanifah. Semua dua belas orang penyebar dakyah itu adalah terdiri daripada penduduk yang tinggal di kota Merw, ibu negeri Khurasan.

Bagi setiap penyebar dakyah bani Hasyim itu dilantik pula seramai 12 orang ketua kumpulan. Ketua kumpulan ini dilantik oleh penyebar dakyah itu sendiri atau oleh Muhammad bin Ali dan mereka tidak mengenali atau mengetahui siapakah pemimpin atau imam mereka. Dengan erti kata setiap ketua kumpulan yang seramai 144 orang itu tidak pernah mengenali Muhammad bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas pemimpin tertinggi mereka. Ini adalah perbezaan yang sangat nyata di antara penyebar-penyebar dakyah dengan ketua-ketua kumpulan. Bagi setiap ketua kumpulan yang berjumlah seramai 144 orang itu masing-masing mempunyai seramai 70 orang murid pula. Manakala para murid yang berjumlah sekurang-kurangnya 10,000 orang itu mempunyai murid-murid mereka pula. Alangkah ramainya para pejuang bani Hasyim yang berjuang secara rahsia di negeri Khurasan. Penyebar dakyah yang paling masyhur di negeri Khurasan bernama Sulaiman bin Kathir al-Khuza'i al-Yamany. Sulaiman bin Kathir al-Khuza'i al-Yamany telah lama menetap di kota Merw, ibukota negeri Khurasan. Mungkin dia termasuk orang-orang Yaman yang dihantar secara beramai-ramai oleh Ziyad bin Abihi yang menjadi gabenor Iraq pada tahun 45 hijrah/665 masehi yang telah memindahkan seramai 50,000 penduduk Iraq yang kebanyakannya terdiri daripada orang-orang keturunan Yaman yang terdiri daripada suku Tamim, Azd dan Abdul Qais ke negeri Khurasan.

Semua penyebar-penyebar ini menyamar sebagai saudagar-saudagar yang memperdagangkan barang-barang mereka di negeri Khurasan, padahal mereka sebenarnya bekerja keras menghasut rakyat sambil 'berniaga' itu agar membenci pemerintahan kerajaan bani Umayyah dan para pegawai mereka. Mereka melaung-laungkan bahawa para pemerintah atau khalifah-khalifah

kerajaan bani Umayyah adalah raja-raja dan pembesar-pembesar yang mengutamakan kehidupan dunia dan sangat banyak melakukan kemungkaran di atas muka bumi ini. Mereka juga menyebut-nyebut tentang persamaan darjat di antara orang-orang Arab dengan yang bukan Arab (Ini tidak dilakukan oleh kerajaan bani Umayyah yang menganaktitikan bangsa Farsi ke atas bangsa Arab). Inilah yang akan dilakukan oleh kerajaan bani Hasyim sekiranya kerajaan bani Umayyah dapat ditumbangkan. Dan mereka juga mengumandangkan kepada rakyat seluruh negeri Khurasan bahawa keturunan Ahlil Bait adalah pihak yang sebenarnya berhak terhadap jawatan khalifah, bukan orang-orang bani Umayyah.

Empat tahun kemudian iaitu menjelang tahun 107 hijrah/725 masehi, Bukair bin Mahan telah menghantar atas persetujuan Muhammad bin Ali kakitangannya ke negeri Khurasan untuk meninjau perkembangan gerakan di sana, apakah mendapat kemajuan atau penolakan para penduduk negeri Khurasan. Kakitangan yang dimaksudkan itu ialah Ammar al-Abdi. Dia adalah kakitangan pertama yang dihantar oleh pihak pergerakan perjuangan bani Hasyim ke negeri Khurasan. Setelah Ammar al-Abdi bekerja selama dua tahun iaitu pada tahun 109 hijrah/727 masehi, kakitangan kerajaan bani Umayyah di sana telah berjaya menangkap Ammar al-Abdi setelah dapat mengesan pergerakannya. Ammar al-Abdi telah ditangkap dan dibunuh. Tanpa berlengah lagi di atas persetujuan Muhammad bin Ali sekali lagi, pada tahun itu juga, Bukair bin Mahan telah menghantar seorang lagi kakitangannya yang sangat memahami keadaan di negeri Khurasan. Kakitangan itu adalah dari kabilah Khaddasy, satu kabilah Farsi. Kerana kepandaiannya, tokoh itu telah mencapai beberapa kejayaan atau meningkatkan pengaruh pergerakan atau sokongan rakyat Khurasan kepada perjuangan menegak kerajaan bani Hasyim di sana. Sehingga kerana sangat cergas dan bersemangatnya yang meluap-luap untuk memperjuangkan cita-cita bani Hasyim, lelaki Khaddasy itu telah membuat perhubungan yang salah iaitu dia telah membuat perhubungan dengan kaum al-Kharramiyyah iaitu satu perkumpulan orang-orang Farsi yang bukan dari kalangan para penganut Islam. Bahkan mereka adalah satu kumpulan yang melampaui di dalam aktiviti mereka. Ini telah menyebabkan para penyokong Ahlil Bait atau orang-orang Syiah Alawiyyeen menjadi sangat marah kepadanya. Orang-orang Syiah itu telah menghantar satu perutusan kepada Muhammad bin Ali di kota Humaimah memintanya agar memecat atau menyingkir si Khaddasy itu daripada meneruskan kerja-kerjanya. Tetapi Muhammad bin Ali memejam matanya terhadap saranan kaum Syiah Alawiyyeen itu kerana merasa kagum terhadap keupayaan si Khaddasy di dalam melakukan kerja-kerja atau usaha-usahanya di negeri Khurasan itu. Setelah berjuang dan bekerja selama kira-kira sembilan tahun di negeri Khurasan, iaitu satu jangka masa yang lama dan telah banyak mencapai kejayaan di dalam usaha-usahanya itu akhirnya iaitu pada tahun 118 hijrah/736 masehi, nasib malang telah menimpa si Khaddasy itu kerana pergerakannya

juga telah dapat dikesan oleh kakitangan kerajaan bani Umayyah di sana. Akibatnya si Khaddasy telah ditangkap dan dibunuh sebagaimana yang terjadi ke atas Ammar al-Abdi juga.

Kebetulan sekali pada tahun itu juga (tahun 118 hijrah/736 masehi) ayah kepada Muhammad iaitu Ali bin Abdullah bin al-Abbas wafat, namun semangat perjuangan Muhammad bin Ali tidak pernah luntur untuk meneruskan perjuangannya yang telah berjalan sekian lama itu sehinggalah beliau berjaya mencapai cita-citanya. Dan meskipun Ammar al-Abdi dan si Khaddasy telah dibunuh ketika sedang bekerja dengan gigih di negeri Khurasan, namun maklumat tentang perkembangan perjuangan untuk menumbangkan kerajaan bani Umayyah dan menegakkan kerajaan bani Hasyim (bani Abbasiyyah) di negeri Khurasan tetap sampai kepada Muhammad bin Ali setiap tahun ketika musim haji. Para pendakyah dari negeri Khurasan yang datang bersama-sama penduduk negeri Khurasan untuk menunaikan ibadat haji di kota Mekah dan mereka telah singgah dan berjumpa dengan Muhammad bin Ali serta menyampaikan maklumat kepada beliau yang berdiam di kota Humaimah itu. Ini sangat mudah dilakukan oleh pendakyah-pendakyah itu kerana kota Humaimah tidak jauh untuk ditempohi oleh sesiapa yang datang dari negeri Khurasan untuk pergi ke kota Mekah atau untuk mengerjakan ibadat haji.

Setelah itu Muhammad bin Ali telah mengarahkan pula kepada Bukair bin Mahan sendiri agar dia berangkat ke negeri Khurasan untuk menyelidik perkembangan perjuangan di sana. Apakah bertambah maju, bertahan atau tidak berkembang. Disamping untuk membantu naqib-naqib dan para pendakyah yang sedang bekerja bertungkus lumus di sana sejak sekian lama. Ketika Bukair bin Mahan baru sahaja sampai di kota Merw, beliau mendapati sokongan penduduk di sana tidak begitu menggalakkan. Malah ketika beliau sampai di kota Merw, para penduduk di situ tidak begitu memberi sambutan yang memberangsangkan kepada beliau. Ini adalah disebabkan besar kemungkinan kerana mereka belum lagi mesra dengan tokoh dari kota Kufah ini. Tetapi setelah berlalu beberapa masa, para penduduk kota Merw semakin ramai menerima dakyah Bukair bin Mahan yang terus menerus mendakyah mereka agar menyertai perjuangan untuk menumbangkan kerajaan bani Umayyah yang dikatakan zalim itu dan menegakkan kerajaan bani Hasyim khususnya dari keluarga Nabi Muhammad s.a.w. pula. Tetapi Muhammad bin Ali tidak mahu Bukair bin Mahan terus berada di negeri Khurasan kerana memerlukan kepada tenaga beliau dan agar beliau terus bergiat di negeri Iraq. Muhammad bin Ali kemudiannya mengarahkan kepada Bukair bin Mahan supaya kembali semula ke kota Kufah untuk menguruskan kerja-kerja di sana.

Pada tahun 125 hijrah/743 Masihi, Muhammad bin Ali jatuh sakit dan wafat. Sebelum wafat beliau telah mewasiatkan kepada putera sulung beliau Ibrahim agar mengambil alih tempat beliau sebagai imam atau pemimpin perjuangan

menegakkan kerajaan bani Hasyim. Ibrahim dikenali sebagai Ibrahim al-Imam.

Memulakan Perjuangan Secara Terang-Terangan

Betul-betul perjuangan pergerakan mendirikan kerajaan bani Abbasiyyah mencontohi perjuangan yang dilaksanakan oleh baginda Rasulullah s.a.w., di mana baginda memulakan dengan perjuangan (seruan dakwah) secara sembunyi-sembunyi selama kira-kira tiga tahun, barulah baginda melaksanakan secara terbuka atau terang-terangan. Namun perjuangan yang dilakukan oleh para pejuang bani Hasyim ini yang dilakukan secara sembunyi-sembunyi memakan masa selama kira-kira selama 29 tahun (bermula tahun 98 hijrah/716 hijrah hingga 127 hijrah/745 Masihi).

Ibrahim al-Imam pemimpin tertinggi perjuangan pergerakan bani Hasyim yang baru yang menggantikan tempat ayahandanya yang wafat telah meminta kepada para propaganda atau pendakyah-pendakyah di negeri Khurasan khususnya untuk menyebut kepada orang ramai bahawa perjuangan mereka adalah untuk membalas dendam di atas terkorbannya tokoh-tokoh Ahlil Bait di dalam perjuangan mereka sebelum ini. Dengan cara ini menambahkan lagi semangat orang ramai untuk menyokong perjuangan menegakkan perjuangan bani Hasyim untuk menggulingkan kerajaan bani Umayyah yang sudah semakin lemah dan menunggu saat-saat kemusnahan itu.

Ibrahim al-Imam telah meminta kepada pemimpin perjuangan di kota Kufah iaitu Bukair bin Mahan agar bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh lagi daripada yang telah dilakukan sebelumnya. Bukair bin Mahan kemudian telah berangkat sekali lagi ke negeri Khurasan untuk memaklumkan kepada para petugas di sana tentang kewafatan Muhammad bin Ali dan diganti dengan putera beliau Ibrahim bin Muhammad yang lebih dikenali dengan nama Ibrahim al-Imam itu.

Namun pada tahun itu juga (tahun 125 hijrah/743 Masihi), Bukair bin Mahan turut wafat setelah dia kembali dari negeri Khurasan. Maka Ibrahim al-Imam yang baru menerajui jawatan pemimpin tertinggi pergerakan perjuangan untuk menegakkan kerajaan bani Hasyim telah melantik pula menantu Bukair bin Mahan iaitu Hafs bin Sulaiman yang lebih dikenali dengan gelaran Abu Salamah al-Khallali untuk menggantikan tempat bapa mertuanya Bukair bin Mahan dan meneruskan kerja-kerjanya. Ibrahim al-Imam telah menghantar Abu Salamah al-Khallali ke negeri Khurasan untuk meninjau perkembangan sokongan di sana dengan ditemani oleh Abu Muslim al-Khurasani, bekas hamba kepada Bukair bin Mahan. Abu Muslim al-Khurasani adalah seorang berkebangsaan Farsi dari suku Khaddasy.

Setelah berada di negeri Khurasan selama kira-kira empat bulan dan mendapati keadaan di sana telah mendatangkan keuntungan kepada perjuangan bani Hasyim, maka Abu Salamah al-Khallali dan Abu Muslim al-

Khurasani telah pulang semula ke kota Kufah setelah melantik Sulaiman bin Kathir al-Khuza'i al-Yamany sebagai tokoh yang akan mengendali perjuangan di sana. Tetapi keadaan di negeri Khurasan telah berubah menjadi suatu keadaan yang tidak menentu semula sebaik sahaja kedua-dua tokoh itu pulang semula ke Iraq. Ibrahim al-Imam merasakan keadaan di negeri Khurasan sudah sukar untuk dipulihkan kembali melainkan dengan menghantar Abu Muslim al-Khurasani ke sana semula. Maka beliau memerintah kepada Abu Muslim al-Khurasani agar kembali semua ke negeri Khurasan dan memulihkan keadaan yang telah kembali runcing itu. Sebelum berangkat Ibrahim al-Imam telah mengingatkan kepada Abu Muslim al-Khurasani supaya mengutamakan 'Syeikh' dan membuat keputusan setelah bermesyuarat terlebih dahulu dengannya. Maka berangkatlah Abu Muslim al-Khurasani ke Khurasan pada tahun 127 hijrah/745 Masihi dan beliau sampai di sana menjelang tahun 128 hijrah/746 Masihi. Siapakah 'Syeikh' yang dimaksudkan oleh Ibrahim al-Imam agar Abu Muslim al-Khurasani mentaati perintahnya dan bermesyuarat dengannya setiap ketika? Dia tidak lain daripada Sulaiman bin Kathir al-Khuza'i al-Yamany yang merupakan ketua para pendakyah perjuangan bani Hasyim di negeri Khurasan. Dengan ini bererti terlantiklah Abu Muslim al-Khurasani sebagai panglima pejuang untuk menumbangkan pemerintahan kerajaan bani Umayyah di negeri Khurasan.

Abu Muslim Al-Khurasani Memecah Perpaduan Tentera Bani Umayyah Di Khurasan

Sebelum kita membicarakan tentang perjuangan Abu Muslim al-Khurasani yang akan memulakan perjuangan mendirikan kerajaan bani Hasyim (kerajaan Abbasiyyah) secara terbuka atau terang-terangan di negeri Khurasan dan pelantikan beliau sebagai panglima perang serta kejayaan-kejayaan beliau di dalam perjuangan di negeri itu, ada baiknya kita terlebih dahulu mengenal peribadi tokoh pahlawan yang perkasa dan bijaksana ini.

Nama sebenar Abu Muslim al-Khurasani ialah Abdul Rahman bin Muslim. Sebagaimana yang telah dinyatakan, beliau berbangsa Farsi dari suku Khaddasy yang tinggal di kota Kufah bersama-sama tuannya Bukair bin Mahan. Kemungkinan sekali Abu Muslim al-Khurasani dibawa oleh Bukair bin Mahan dari Farsi ketika Bukair bin Mahan mula-mula masuk dan menetap di kota Kufah. Beliau diberi gelaran atau kuniyyah Abu Muslim adalah mengandungi tujuan yang sangat penting kepada perjuangan menegakkan kerajaan bani Hasyim. Abu Muslim bererti Bapa Kepada Semua Orang-Orang Islam. Jadi nama ini memberi erti bahawa perjuangan kaum bani Hasyim menentang pemerintahan kerajaan bani Umayyah adalah untuk menyamaratakan semua orang Islam tanpa mengira bangsa atau suku keturunan mereka. Ini adalah berbeza dengan sikap para pemerintah kerajaan bani Umayyah yang menganaktirikan orang-orang Islam bukan Arab khususnya orang-orang Farsi. Jadi perjuangan golongan bani Hasyim di negeri

Khurasan amatlah sesuai sekali dan patut disokong oleh semua orang-orang Farsi kerana perjuangan bani Hasyim adalah untuk keadilan semua. Adapun laqab atau julukan al-Khurasani di belakang nama gelaran beliau adalah untuk menarik lebih kuat lagi kesetiaan penduduk negeri Khurasan kepada perjuangan bani Hasyim.

Ketibaan Abu Muslim al-Khurasani di negeri Khurasan buat kali kedua itu telah menyebabkan rasa kurang senang di hati ketua penyebar dakyah dan perjuangan bani Hasyim di sana iaitu Sulaiman bin Kathir al-Khuza'i al-Yamany kerana beranggapan akan menyaingi kewibawaan dirinya. Namun perasaan ini hanya tertanam di dalam hati Sulaiman bin Kathir al-Khuza'i al-Yamany sahaja tanpa melempah keluar. Tetapi Abu Muslim al-Khurasani dapat melihat perasaan yang berlindung di dalam dada Sulaiman bin Kathir melalui sikap dan tindak tanduk serta air muka 'Syeikh' itu. Namun Abu Muslim al-Khurasani tidak mempedulikan itu semua bahkan beliau terus bekerja untuk mengatasi semua masalah di negeri Khurasan tanpa merasa tekanan atau ketidakselesaan di sana. Diriwayatkan setibanya di negeri Khurasan, Abu Muslim al-Khurasani telah berpidato kepada para penyokong di sana. Kebanyakan para penyokong atau kaum yang mula-mula menjadi penyokong beliau ialah kaum tani dan kaum mawali berbangsa Farsi di kota Merw (ketika itu bangsa Arab juga sudah ramai berdiam di Khurasan). Di antara isi pidato Abu Muslim al-Khurasani adalah sebagaimana berikut:-

"Aku berjanji kepada tuan-tuan dengan Kitab Allah Azawajalla, dengan sunnah NabiNya dan taat untuk redha kepada Ahlil Bait Rasulullah. Tuan-tuan harus menjaga janji dan perlembagaan Allah serta bertolak, pergi dan berjalan ke Baitullah. Tuan-tuan tidak boleh meminta rezeki dan makanan hingga pemimpin tuan-tuan memulai (memberi) nya. Sekiranya salah seorang musuh tuan-tuan ditangkap, tuan-tuan tidak boleh menghinanya kecuali di atas perintah pemimpin tuan-tuan."

Pidato Abu Muslim al-Khurasani ini adalah untuk mengingatkan semula kepada penduduk negeri Khurasan (yang merupakan orang-orang berdarah Farsi itu) bahawa orang-orang Farsi selamanya tidak pernah mempersoalkan perintah pemimpin mereka. Oleh itu mudahlah Abu Muslim al-Khurasani untuk memperkudakan para pengikutnya mengikut setiap perintah yang dikeluarkan olehnya tanpa banyak soaljawab atau bantahan.

Sebenarnya sebelum Abu Muslim al-Khurasani sampai di negeri Khurasan, penduduknya yang terdiri daripada keturunan Arab Qais dan Arab Yaman sedang berkelahi. Kaum Arab Qais terbahagi kepada dua golongan pula iaitu kaum Rabiah dan Mudhar. Manakala kaum Arab Yaman hanya satu kaum sahaja. Kaum Rabiah diketuai oleh seorang tokoh yang bernama Syaiban bin Harun. Manakala kaum Mudhar berpihak kepada gabenor Khurasan iaitu Nasr bin Saiyar. Manakala kaum Yaman diketuai oleh Juda'i bin Ali al-Kirmani. Di dalam bukunya Sejarah Dan Kebudayaan Islam (3), Prof Dr Ahmad Syalabi

mengatakan Juda'i bin Syu'aib al-Kirmani. Manakala anaknya bernama Ali. Dua golongan kaum ini jarang-jarang sahaja dapat bersatu atau berdamai. Sebagaimana sejak zaman awal-awal pemerintahan kerajaan bani Umayyah lagi, golongan keturunan Qais disokong oleh pihak pemerintah, kerana orang-orang atau suku Qais adalah suku Arab yang menurunkan kaum Quraisy. Sedangkan golongan Yaman bukan sama keturunan dengan orang-orang Quraisy, sebab itu mereka dianaktirikan oleh pemerintah bani Umayyah (kecuali Khalifah Umar bin Abdul Aziz dan seorang dua khalifah lagi). Begitu juga di negeri Khurasan. Orang-orang Arab suku Qais adalah golongan yang berpihak dan disayangi oleh gabenor negeri Khurasan iaitu Nasr bin Saiyar. Tetapi ketika Abu Muslim al-Khurasani sampai di negeri Khurasan, kedua-dua kaum Arab itu telah bersatu kerana mahu mempertahankan negeri Khurasan daripada dirampas oleh Abu Muslim al-Khurasani. Ini menyebabkan Abu Muslim al-Khurasani dengan segala kecerdikan dan kelicikannya yang ada pada dirinya telah berjaya memecah belahkan semula perpaduan yang telah bercantum antara suku Qais dengan suku Yaman itu. Abu Muslim al-Khurasani telah menyatakan sokongannya kepada suku Yaman dan membakar semangat orang-orang suku Yaman agar mereka membalas dendam terhadap orang-orang suku Qais. Inilah masanya yang terbaik untuk orang-orang suku Yaman menghancurkan orang-orang suku Qais kerana beliau bersedia untuk membantu mereka dengan sepenuh kekuatannya. Abu Muslim al-Khurasani menghasut orang-orang suku Yaman supaya membalas dendam atau menuntut bela di atas penganiayaan yang telah dilakukan oleh suku Qais terhadap mereka selama ini. Abu Muslim al-Khurasani benar-benar menyakinkan orang-orang suku Yaman bahawa beliau kini sudah menjadi sebahagian dari orang-orang suku Yaman.

Ini menyebabkan terjadi pula berbalahan di antara suku Qais dengan suku Yaman yang tadinya bersatu yang menyebabkan pertahanan Nasr bin Saiyar menjadi lemah kerana perpecahan kaum itu. Pengaruh Abu Muslim al-Khurasani semakin bertambah dan akhirnya dia berjaya menguasai sebahagian besar wilayah negeri Khurasan.

Setelah sebahagian negeri Khurasan sudah dapat dikuasai oleh Abu Muslim al-Khurasani, maka jawatan pemimpin perjuangan bani Hasyim di negeri Khurasan telah diambil alih pula oleh Abu Muslim al-Khurasani dari tangan Sulaiman bin Kathir al-Khuza'i al-Yamany. Ini menjadikan 'Syeikh' hanya sebagai pembantu sahaja. Ini menyebabkan Sulaiman bin Kathir menjadi semakin tidak menyukai kehadhiran Abu Muslim al-Khurasani di negeri Khurasan.

Abu Muslim Al-Khurasani Menakluk Khurasan

Setelah berjaya menguasai sebahagian besar negeri Khurasan dan telah berjaya mengumpul kekuatan di sana, maka Abu Muslim al-Khurasani

memulakan kerjanya dengan mengatur dan menyusun dengan lebih kemas dan teratur lagi perjuangannya di sana. Abu Muslim al-Khurasani telah bertindak bijak dengan menjalankan propaganda yang sangat licin. Oleh kerana sejak awal-awal lagi perjuangan ini dinamakan perjuangan untuk mencapai 'Keredhaan Keluarga Nabi Muhammad s.a.w. ' yang pada anggapan kebanyakan orang perjuangan ini adalah untuk kaum Syiah Alawiyyeen iaitu untuk mengembalikan takhta khalifah umat Islam kepada Ahlil Bait Rasulullah s.a.w. iaitu kepada anak-anak keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib dari pihak isteri pertama beliau Sayidah Fatimah az-Zahra' rha, maka Abu Muslim al-Khurasani telah mengibar bendera berwarna hitam yang merupakan lambang bendera golongan golongan bani Hasyim yang termasuk di dalamnya kaum Alawiyyeen di perkampungan orang-orang Khuza'ah di kota Merw yang menandakan perjuangan telah bermula dan kemenangan telah dicapai. Tindakan ini bukan sahaja dipersetujui oleh anggota Ahlil Bait, tetapi juga oleh kaum Syiah yang bukan anggota Ahlil Bait, golongan bani al-Abbas, seluruh keturunan bani Hasyim malah seluruh orang-orang Islam yang membenci pemerintahan bani Umayyah terutama orang-orang Farsi di negeri Khurasan itu. Peristiwa ini terjadi pada tahun 129 hijrah/746 Masihi iaitu iaitu ketika zaman pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad, khalifah kerajaan bani Umayyah yang terakhir.

Para pengikut atau penyokong Abu Muslim al-Khurasani adalah terdiri daripada para penduduk kota Merw yang kebanyakannya kaum mawali (berbangsa Farsi) dan para petani dan orang-orang Arab keturunan Yaman yang dipindahkan oleh Ziyad bin Abihi dari kota Kufah pada tahun 42 hijrah/662 Masihi itu. Maklumlah orang-orang yang dianaktirikan tiba-tiba datang seorang pahlawan besar membela mereka, maka siapa lagi yang tidak mahu menyokong?

Pada 1 Syawwal tahun 129 hijrah/746 Masihi, Abu Muslim al-Khurasani telah mengibar bendera hitam di perkampungan bani Khuza'ah di kota Merw. Dalam masa dua hari sahaja beliau telah didokong oleh seramai 2,200 orang penyokong yang datang kepada beliau untuk berjuang bersama-sama beliau. Tetapi setelah berlalu masa kira-kira tiga minggu atau riwayat lain mengatakan tidak sampai satu bulan setengah, jumlahnya telah meningkat menjadi 7,000 orang. Ini adalah satu kemenangan yang sangat menggalakkan. Nama-nama mereka, nama-nama ayah mereka dan nama-nama kampung mereka diarahkan supaya ditulis ke dalam buku catitan atau didewankan. Mereka digelar 'Orang-Orang Khurasaniyyah ' tanpa mempersoalkan bangsa dan suku. Semua mereka didaftarkan sebagai tentera yang mendapat gaji. Termasuk juga yang menyokong Abu Muslim al-Khurasani ialah Juda'i bin Ali al-Kirmani seorang tokoh Arab yang tinggal di Khurasan dan bekerja di bawah pemerintahan Nasr bin Saiyar, gabenor Khurasan pada masa pemerintahan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik dahulu bersama-sama sejumlah pengikutnya. Dan seorang lagi

tokoh yang turut menyertai Abu Muslim al-Khurasani ialah Abdullah bin Mu'awiyah seorang pemimpin kaum Syiah Alawiyyeen Iraq yang memberontak terhadap kerajaan bani Umayyah yang kemudiannya melarikan diri ke negeri Khurasan.

Memang pada tahun 129 hijrah/746 Masihi, kedudukan Abu Muslim al-Khurasani amat teguh sekali di Khurasan. Kerana yakin pada kekuatannya, Abu Muslim al-Khurasani telah mula 'mengacah ' gabenor Khurasan bagi pihak Khalifah Marwan bin Muhammad iaitu Nasr bin Saiyar. Beliau telah pergi meninjau markas tentera kerajaan bani Umayyah di desa Ali dekat kota Merw. Kerana merasa angkatan tentera yang dipimpinnya sudah sanggup menentang angkatan tentera gabenor Nasr bin Saiyar, maka Abu Muslim al-Khurasani telah menulis surat kepada Nasr bin Saiyar yang berbunyi;

"Kemudian daripada itu, sesungguhnya Allah yang Maha Agong menghina beberapa kaum dengan firmanNya yang berbunyi (maksudnya): **Dan mereka bersumpah kepada Tuhan dengan sekuat-kuat sumpah, kalau datang kepada mereka seorang pemberi peringatan (Rasul), tentu mereka akan lebih mengikut pimpinan yang benar itu, lebih daripada umat yang manapun. Tetapi tatkala datang kepada mereka orang yang memberi peringatan, maka kedatangannya itu tidak menambah kepada mereka, melainkan jauhnya mereka (dari kebenaran). Disebabkan kesombongan mereka di atas muka bumi ini dan rencana mereka yang jahat. Dan rencana yang jahat itu tidak akan menimpa melainkan ke atas orang yang membuat rencana itu sendiri. Maka tiadalah yang mereka nanti, melainkan (berlakunya) sunnah (aturan tetap Allah) terhadap orang-orang purbakala. Dan aturan Tuhan itu tiada engkau dapati ianya berubah. Dan aturan Tuhan itu tiada engkau mendapatinya menyimpang.**" (Surah Fatir ayat 42-43).

Nasr bin Saiyar sangat marah setelah membaca surat dari Panglima Abu Muslim al-Khurasani kepadanya itu. Apa yang sangat menyakitkan hati Nasr bin Saiyar tentang surat itu ialah perbuatan Panglima Abu Muslim al-Khurasani yang menulis namanya dahulu kemudian baru nama Nasr. Ini bererti Panglima Abu Muslim al-Khurasani telah menghina Nasr bin Saiyar dengan mengisyaratkan bahawa perjuangannya telah mencapai kejayaan dan dia adalah pemimpin atau pemerintah di negeri Khurasan pada saat itu, bukan Nasr bin Saiyar lagi.

Kerana sangat marah kepada Panglima Abu Muslim al-Khurasani, maka Nasr bin Saiyar telah menghantar satu angkatan tentera yang besar untuk menghalang pergerakan pasukan tentera penyokong perjuangan menubuhkan kerajaan bani Hasyim pimpinan Panglima Abu Muslim al-Khurasani yang sudah menampakkan taring itu. Pasukan tentera gabenor Khurasan dipimpin oleh Panglima Yazid iaitu bekas hamba kepada Nasr bin Saiyar sendiri. Manakala pasukan Panglima Abu Muslim al-Khurasani dipimpin oleh Panglima Malik bin al-Haitham al-Khuza'i.

Panglima Abu Muslim al-Khurasani telah mengingatkan kepada tentera-tenteranya bahawa perjuangan mereka adalah penentu nasib hidup mati kepada perjuangan untuk menegakkan kerajaan bani Hasyim kerana perjuangan ini adalah yang pertama dan terpenting. Kalau mereka tewas dalam pertempuran dengan tentera Nasr bin Saiyar, bererti tewaslah perjuangan menegakkan kerajaan bani Hasyim yang mereka cita-citakan setelah sekian lama mereka bertungkus lumus turut membantu dengan tenaga, masa dan harta mereka. Kerana mengingatkan kepada pesanan-pesanan yang diberikan oleh Panglima Abu Muslim al-Khurasani kepada mereka telah menyebabkan tentera penyokong revolusi telah berjuang dengan sekuat tenaga dan bersungguh-sungguh. Pasukan tentera Nasr bin Saiyar telah mengalami kekalahan dan Panglima Yazid sendiri telah dapat ditawan setelah mengalami kecederaan.

Panglima Abu Muslim al-Khurasani mengarahkan kepada tenteranya supaya jangan membunuh Panglima Yazid. Ini kerana selaku seorang pahlawan yang bijaksana, beliau mahu melakukan satu muslihat yang akan memberi keuntungan yang sangat besar kepada pihak perjuangan menegak kerajaan bani Hasyim. Beliau telah mengarahkan supaya Panglima Yazid diberi rawatan yang sebaik-baiknya sehingga sembuh. Setelah Panglima Yazid sembuh atau keadaannya semakin pulih, Panglima Abu Muslim al-Khurasani telah membuat tawaran kepada Panglima Yazid yang mana dia boleh memilih sama ada mahu tinggal bersama-sama mereka dan berjuang dengan mereka atau pulang kepada bekas tuannya Nasr bin Saiyar.

Bagi penilaian Panglima Abu Muslim al-Khurasani, mana-mana yang dipilih oleh Panglima Yazid semuanya akan memberi keuntungan kepada perjuangan tentera revolusi. Ini kerana sekiranya Panglima Yazid kembali kepada Nasr bin Saiyar, sudah tentu segelintir penduduk negeri Khurasan yang masih berbelah bagi untuk menyokong perjuangan bani Hasyim pasti akan memberi sokongan tanpa ragu-ragu kerana mengagumi kemuliaan peribadi dan kebaikan hati beliau yang telah berbuat baik kepada panglima atau pahlawan musuh itu. Biasanya apabila pahlawan musuh dapat ditawan, pihak lawan sekurang-kurangnya akan memenjara, kalau tidak membunuhnya.

Ibnu Athir seorang sejarawan Islam menceritakan di dalam kitabnya al-Kamil fit Tarikh kisah dialog Panglima Yazid dengan Nasr bin Saiyar setelah beliau dibenarkan pulang oleh Panglima Abu Muslim al-Khurasani kepada bekas tuannya itu;

Nasr bin Saiyar telah menyambut dengan gembiranya kepulangan Panglima Yazid kepadanya dan berkata kepada bekas hambanya itu, "Demi Allah! Aku sangka mereka tentu menahanmu untuk membuat dakwaan ke atas kami."

Jawab (Panglima) Yazid, "Saya juga mengira begitu. Tetapi mereka telah meminta saya berjanji tidak akan berbohong tentang diri mereka. Saya suka

memberitahu bahawa mereka sembahyang tepat pada waktu-waktunya dengan menyempurnakan azan dan iqamat, mereka membaca al-Qur'an, sentiasa berzikir. Mereka menyeru kepada kerabat Rasulullah s.a.w. Saya mengira seruan mereka akan mendapat sokongan yang meluas. Dan sekiranya bukan kerana tuan telah memberi kemerdekaan kepada saya dari belenggu perhambaan, sudah tentu saya tidak akan pulang ke mari, dan sebaliknya akan tinggal bersama-sama mereka."

Memang jangkaan Panglima Abu Muslim al-Khurasani itu tepat sekali.

Setelah tersiar berita bahawa Panglima Abu Muslim al-Khurasani yang mendapat kejayaan di dalam pertempuran dengan tentera kerajaan bani Umayyah di negeri Khurasan dan pembebasan Panglima Yazid yang sepatutnya mereka bunuh serta berita tentang keimanan, kesalihan dan ketakwaan Panglima Abu Muslim al-Khurasani dan para pendukung perjuangan menegakkan kerajaan bani Hasyim setelah diberitahu oleh Panglima Yazid kepada Nasr bin Saiyar sedangkan apa yang digembar gemburkan oleh pihak kerajaan bani Umayyah bahawa pemberontakan menyeru kepada menegakkan kerajaan bani Hasyim untuk kerabat Rasulullah s.a.w. adalah semata-mata bertopengkan agama, sedangkan mereka adalah orang-orang mulhid yang membelakangi agama, maka ramailah orang yang menyokong perjuangan untuk menubuh kerajaan bani Hasyim. Dengan itu perjuangan Panglima Abu Muslim al-Khurasani menjadi semakin kuat, semakin bertenaga kerana sokongan yang semakin bertambah setiap hari di negeri Khurasan.

Pihak Panglima Abu Muslim al-Khurasani telah berperang sekali lagi dengan tentera Nasr bin Saiyar. Kali ini Panglima Abu Muslim al-Khurasani memerintah Juda'i bin Ali al-Karmani supaya menyerang tentera Nasr bin Saiyar dahulu. Sementara Panglima Abu Muslim al-Khurasani sengaja melambat-lambatkan untuk memberi bantuan kepada tentera pimpinan Juda'i bin Ali al-Karmani. Ahli-ahli sejarah sudah dapat membaca tujuan Panglima Abu Muslim al-Khurasani berbuat demikian. Ini adalah bertujuan sekiranya pihak tentera Juda'i bin Ali al-Karmani sudah hampir tewas dan korban supaya banyak yang berjatuhan, barulah dia akan mara membantu. Sebab pada ketika itu tentera Nasr bin Saiyar pun sudah lemah dan sudah banyak tentera yang terkorban atau cedera. Inilah salah satu taktik licik Panglima Abu Muslim al-Khurasani di dalam perjuangannya di negeri Khurasan itu.

Untuk mengambil kesempatan ketika tentera Juda'i bin Ali al-Karmani sedang bertempur dengan pasukan Nasr bin Saiyar, Panglima Abu Muslim al-Khurasani telah mengambil kesempatan dengan memimpin pasukannya menyerbu ke dalam kota Merw dengan tujuan untuk merampas kuasa dari Nasr bin Saiyar. Sambil melangkah masuk ke dalam kota itu, dia membaca ayat-ayat al-Qur'an yang bermaksud, **"Dan dia masuk ke kota ketika penduduknya sedang lengah dan didapatinya di sana ada dua orang yang berselisih;**

seorang dari kaumnya dan seorang lagi dari musuhnya. (Al-Qassas ayat 15)

Kerana menyedari betapa bahayanya sekiranya Juda'i bin Ali al-Kirmani bekerjasama dengan Panglima Abu Muslim al-Khurasani yang dapat mengepungnya, maka secara diam-diam Nasr bin Saiyar telah memerintah Hatim bin al-Harith bin Suraij supaya berusaha membunuh Juda'i bin Ali al-Kirmani sebagai membalas dendam ke atas pembunuhan bapanya. Maka tempat Juda'i bin Ali al-Kirmani telah diganti oleh anaknya yang bernama Ali. Akhirnya pasukan tentera kerajaan bani Umayyah yang dipimpin oleh Nasr bin Saiyar telah tewas dan gabenor negeri Khurasan itu telah melarikan diri mencari perlindungan di negeri Naisaphur, namun beliau meskipun sudah tua masih bersemangat dan menanam niat untuk meneruskan perjuangan merampas kembali negeri Khurasan yang telah dirampas oleh pihak pejuang untuk menegakkan kerajaan bani Hasyim itu. Panglima Abu Muslim al-Khurasani telah mengisytiharkan dirinya sebagai 'Amir Ali Muhammad' yang bermaksud 'Pemimpin Keluarga Nabi Muhammad saw'. Beliau bukan sahaja menjadi gabenor yang baru bagi negeri Khurasan, malah merupakan pemimpin agong perjuangan menegakkan kerajaan bani Hasyim atau bani Abbasiyyah, dan menyeru semua orang supaya menyatakan kesetiaan kepada al-Redha dari keluarga Nabi Muhammad s.a.w. sebagaimana yang telah diketahui umum. Tetapi Ali bin Juda'i bin Ali al-Kirmani dan para penyokongnya tidak ada yang ikut di dalam persetiaan itu. Ini menunjukkan bahawa perjuangan Ali bin Juda'i bin Ali al-Kirmani bukan untuk menegak kerajaan bani Hasyim, tetapi semata-mata untuk kepentingan peribadi beliau sahaja.

Nasr bin Saiyar memang seorang ahli politik dan pahlawan yang bijak. Ketika Panglima Abu Muslim al-Khurasani telah memimpin orang-orang Khurasan masuk ke dalam kota Merw, dia telah mengingatkan kepada Khalifah Marwan bin Muhammad dan Yazid bin Umar bin Hubairah yang merupakan gabenor di Iraq bahawa perjuangan pergerakan untuk menegakkan kerajaan bani Hasyim di negeri Khurasan akan sampai ke negeri Iraq dan Syam akhirnya kalau tidak segera dibendung. Dia menghantar sebanyak tiga pucuk surat yang mana dua pucuk dihantar kepada Khalifah Marwan bin Muhammad dan sepucuk kepada Ibnu Hubairah. Tetapi tiada sebarang bantuan dihantar ke negeri Khurasan oleh Khalifah Marwan mahupun Ibnu Hubairah. Ini kerana ketika itu Khalifah Marwan dan Ibnu Hubairah juga sedang menghadapi masalah yang berat di tempat masing-masing. Khalifah Marwan bin Muhammad sedang menghadapi pemberontakan kaum Khawarij dan Nu'aim bin Thabit di negeri Syam. Khalifah Marwan meminta Nasr bin Saiyar mengatasi sendiri masalah di negeri Khurasan itu.

Surat kedua yang dihantar kepada Ibnu Hubairah juga tidak mendapat apa-apa jawapan. Di dalam surat kepada Ibnu Hubairah inilah Nasr bin Saiyar menyebut tentang gerakan perjuangan menegakkan kerajaan bani Hasyim di negeri Khurasan akan menjalar juga sampai ke negeri Iraq, andainya tidak ada

kerjasama dari negeri Iraq. Tetapi Ibnu Hubairah juga tidak dapat melayani permintaan Nasr bin Saiyar kerana kesibukannya menghadapi pemberontakan di tempatnya. Manakala surat ketiga dihantar sekali lagi kepada Khalifah Marwan setelah dia kalah berperang dengan Abu Muslim al-Khurasani dan telah lari bersembunyi di negeri orang. Di dalam surat itu Nasr bin Saiyar juga ada menyebut bahawa api perjuangan untuk kaum bani Hasyim di Khurasan yang dicetuskan oleh Panglima Abu Muslim al-Khurasani akan merebak membakar seluruh negeri, bukan di Khurasan sahaja. Tetapi Khalifah Marwan melihat sahaja surat ketiga itu dengan hati yang tabah meskipun terasa juga gelisahnya.

Ibrahim Al-Imam Ditangkap Dan Dibunuh

Memang ketika perjuangan untuk menumbangkan kerajaan bani Umayyah berjalan, pemimpin agong pergerakan tidak diketahui siapa orangnya. Orang ramai tidak mengetahui pergerakan perjuangan untuk menegakkan kerajaan bani Hasyim diarah oleh Muhammad bin Ali cucunda Abdullah bin al-Abbas yang berpusat di kota Humaimah. Yang mengetahui hanyalah para penyebar dakyah sahaja. Yang orang ramai tahu ada orang yang merupakan saudagar-saudagar datang menjelaskan kepada mereka bahawa sudahlah kerajaan bani Umayyah merampas hak keluarga Rasulullah s.a.w. di dalam memerintah negara, malah sekarang mereka sudah semakin jauh terpesong di dalam perjalanan hidup mereka. Mereka sudah sangat jauh dari berpegang dan beramal dengan ajaran al-Qur'an dan jauh dari mengamalkan sunnah-sunnah Rasulullah saw.

Begitu juga ketika Ibrahim al-Imam menjadi pemimpin agong perjuangan pergerakan untuk menegakkan kerajaan bani Hasyim. Orang ramai tidak mengetahui apatah lagi mengenali beliau. Orang ramai khasnya yang berdiam di negeri Syam tidak mengenali peribadi Panglima Abu Muslim al-Khurasani, Abu Salamah al-Khallali, Bukair bin Mahan dan lain-lain yang bergerak cergas menjalankan dakyah dan memimpin pasukan tentera di negeri yang jauh daripada pusat pemerintahan kerajaan bani Umayyah. Namun pada tahun 132 hijrah/749 Masihi, siapakah pemimpin utama atau ketua pergerakan terbesar pergerakan perjuangan untuk menubuhkan kerajaan bani Hasyim telah bocor kepada pengetahuan Khalifah Marwan bin Muhammad kerana perjuangan yang sudah dilakukan secara terbuka atau terang-terangan sudah memakan masa selama kira-kira lima tahun. Ini apabila Khalifah Marwan bin Muhammad merasa pergerakan perjuangan untuk menegakkan kerajaan bani Hasyim sudah semakin ketara dan hebat terutama di negeri Khurasan setelah mengetahui Panglima Abu Muslim al-Khurasani sedang bergerak cergas di sana. Kebetulan sekali ada seorang utusan yang dihantar oleh Ibrahim al-Imam kepada Panglima Abu Muslim al-Khurasani di negeri Khurasan telah bocor rahsianya kepada Khalifah Marwan bin Muhammad. Dan ketika Panglima Abu Muslim

al-Khurasani membalas jawapan kepada Ibrahim al-Imam, pihak Khalifah Marwan bin Muhammad telah menangkapnya.

Ahli sejarah yang terkemuka al-Mas'udi menceritakan di dalam bukunya Murujuz Zahab bahawa Khalifah Marwan bin Muhammad sebaik sahaja mendapat khabar ada seorang utusan telah dihantar oleh Panglima Abu Muslim al-Khurasani kepada Ibrahim al-Imam, terus memerintah para pengawalnya supaya utusan itu ditangkap dan dihadapkan kepadanya untuk disoal siasat tentang rahsia pergerakan perjuangan untuk menegakkan kerajaan bani Hasyim di negeri Khurasan. Khalifah Marwan bertanya kepada utusan itu;

"Berapa kau dibayar (upah) oleh tuanmu?"

Utusan itu lantas menyebut jumlahnya sekian-sekian. Maka Khalifah Marwan bin Muhammad berkata kepadanya, "Nah, ini sepuluh ribu dirham untukmu. Sesungguhnya bayaran yang diberikan oleh tuanmu itu amat sedikit sekali. Sampaikan surat tersebut kepada Ibrahim dan jangan memberitahunya apa yang berlaku. Kemudian bawa jawapannya dan serahkan kepadaku."

Utusan itu telah menurut perintah Khalifah Marwan bin Muhammad kepadanya. Setelah dia selesai berurusan dengan Ibrahim al-Imam, maka dia telah datang menghadap Khalifah Marwan bin Muhammad dan menyerahkan surat yang ditulis sendiri oleh Ibrahim al-Imam kepada Panglima Abu Muslim al-Khurasani. Isi surat itu mengandungi perintah Ibrahim al-Imam kepada Panglima Abu Muslim al-Khurasani agar bekerja dengan lebih kuat lagi, rajin dan menggunakan segala tipuhelah terhadap musuh. Membunuh sesiapa sahaja yang dicurigai di Khurasan........dan lain perintah serta larangan..............."

Tanpa berlengah lagi Khalifah Marwan bin Muhammad terus memerintah kepada gabenornya di kota Damsyik iaitu al-Walid bin Mu'awiyah bin Abdul Malik bin Marwan supaya memerintah kepada gabenor kota Balqa' agar segera berangkat ke kota Humaimah dan memberkas Ibrahim al-Imam. Gabenor Balqa' mendapati Ibrahim al-Imam sedang beri'tikaf di dalam masjid dan terus menangkapnya dan menghantar kepada Khalifah Marwan bin Muhammad di kota Damsyik. Setelah itu Ibrahim al-Imam menyerahkan tugasnya kepada saudaranya Abul Abbas as-Saffah. Dan meminta kepada Abul Abbas as-Saffah agar meninggalkan kota Humaimah dan pergi ke kota Kufah. Beliau juga menyuruh semua anggota keluarganya yang berjuang supaya mengikut Abul Abbas as-Saffah ke kota Kufah. Maka berangkatlah Abul Abbas as-Saffah menuju ke kota Kufah bersama-sama saudaranya Abu Ja'far al-Mansur, dua orang bapa saudaranya Abdullah bin Ali dan Daud bin Ali, saudara sepupunya yang gagah perkasa Isa bin Musa bin Muhammad bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas dan lain-lain.

Dengan itu berakhirlah peranan kota Humaimah sebagai pusat penyusunan, perancangan dan pentadbiran perjuangan untuk menegakkan kerajaan bani Hasyim (bani Abbasiyyah) dan menumbangkan pemerintahan bani Umayyah

setelah mencatitkan sejarah yang pahit tetapi terus melangkah ke arah kejayaan selama kira-kira 34 tahun.

Kerajaan Bani Umayyah Tumbang Diganti Dengan Kerajaan Bani Abbasiyyah

❖ Kemaraan Pasukan Abu Muslim Ke Negeri Iraq Dan Penubuhan Kerajaan Bani Abbasiyyah

Ketika keadaan di Khurasan masih lagi haru biru, tibalah satu angkatan tentera perjuangan bani Hasyim dari Iraq di bawah pimpinan Panglima Qahtabah bin Syubaib at-Ta'i. Pasukan ini dihantar oleh Ibrahim al-Imam untuk membantu perjuangan Panglima Abu Muslim al-Khurasani di negeri Khurasan sebelum beliau ditangkap dan dibunuh oleh Khalifah Marwan bin Muhammad. Dalam pada itu, setelah Nasr bin Saiyar lari berlindung di negeri Naisaphur setelah kalah kepada tentera Panglima Abu Muslim al-Khurasani, saki baki tentera Nasr telah dipimpin pula oleh anaknya yang bernama Tamim dan berkubu di luar kota Tus. Panglima Abu Muslim al-Khurasani yang amat menyedari perkara ini lantas menghantar Panglima Qahtabah bin Syubaib at-Ta'i memimpin pasukannya pergi memerangi Tamim dekat kota Tus itu. Pasukan Tamim tewas dan kota Tus telah ditawan oleh Panglima Qahtabah bin Syubaib at-Ta'i. Serangan diteruskan ke atas negeri Naisaphur yang menyebabkan Nasr bin Saiyar yang berlindung di situ terpaksa melarikan diri ke negeri sebelah barat dan melupakan hasrat dan niat beliau untuk merampas kembali Khurasan. Nasr bin Saiyar kemudian meninggal dunia iaitu setelah beberapa bulan beliau meninggalkan Naisaphur.

Seterusnya Panglima Qahtabah bin Syubaib at-Ta'i meneruskan perjuangan bagi menghapuskan saki baki tentera kerajaan bani Umayyah seperti mengalahkan pasukan pimpinan Panglima Nubata bin Hanzalah yang memimpin tentera berjumlah 10,000 orang di kota Gurgan pada bulan Zulhijjah tahun 130 hijrah/747 Masihi. Pasukan tentera kerajaan bani Umayyah telah mengalami kekalahan yang teruk. Pasukan Qahtabah mara ke kota Rayy dan tinggal di sana selama lima bulan menyediakan kelengkapan pasukannya untuk menghadapi keadaan yang lebih penting lagi. Kira-kira setahun kemudian iaitu pada tahun 131 hijrah/748 Masihi, pasukan pimpinan Panglima Qahtabah bin Syubaib at-Ta'i telah berhadapan dengan satu pasukan tentera kerajaan bani Umayyah yang besar di kota Jablaq, sebuah kota yang tidak jauh daripada kota Isfahan. Tentera kerajaan bani Umayyah ini berjumlah seramai 50,000 tentera dan dipimpin oleh Panglima Amir bin Dubarah. Juga telah ditewaskan oleh pasukan pimpinan Panglima Qahtabah bin Syubaib at-Ta'i. Kemudian angkatan tentera perjuangan untuk menegak kerajaan bani Abbasiyyah itu mara dan mengepung pula kota Nahwanda, sebuah tempat di mana angkatan tentera Islam di bawah pimpinan Panglima Nu'man bin Muqarrin telah bertempur dengan angkatan tentera Farsi pada zaman pemerintahan Khalifah Umar bin al-

Khattab dahulu. Setelah kota Nahwanda berjaya ditawan oleh pasukan Panglima Qahtabah, maka terbukalah jalan menuju ke Iraq dari arah utara atau barat laut.

Dengan pergerakan yang pantas, Panglima Qahtabah bin Syubaib at-Ta'i dengan dibantu oleh anaknya yang bernama Hasan terus memimpin pasukannya mara ke negeri Iraq dan menggempur secara mengejut ke atas kota Kufah yang ketika itu dipertahankan oleh gabenornya Yazid bin Umar bin Hubairah menjelang hari Rabu 1 Muharam tahun 132 hijrah/749 Masihi, tetapi pasukan tentera perjuangan menegakkan kerajaan bani Hasyim itu telah ditentang dengan hebat oleh pasukan tentera kerajaan bani Umayyah yang dipimpin oleh Panglima Ma'an bin Zaidah al-Syaibani di mana Panglima Qahtabah sendiri telah terbunuh. Pimpinan pasukan tentera bani Bani Hasyim kemudian telah diambil alih oleh anak Panglima Qahtabah iaitu Hasan bin Qahtabah. Panglima Hasan bin Qahtabah at-Ta'i telah mara menyerang tentera Ibnu Hubairah yang menyebabkan Ibnu Hubairah terpaksa meninggalkan kota Kufah dan berlindung ke kota Wasit yang terletak agak ke utara negeri Iraq bersempadan dengan negeri Syam. Kota Wasit adalah kota yang didirikan oleh al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi. Tentera perjuangan untuk menegakkan kerajaan bani Hasyim (bani Abbasiyyah) pimpinan Panglima Hasan bin Qahtabah at-Ta'i itu terus mengepung kota Wasit sehinggalah Khalifah Marwan bin Muhammad terbunuh di Mesir. Masanya selama kira-kira sembilan bulan.

Setelah angkatan tentera perjuangan menegakkan kerajaan bani Hasyim berjaya menakluk kota Kufah, maka Abu Salamah al-Khallali telah dilantik sebagai 'Wazir Ali Muhammad' yang bererti 'Menteri Keluarga Nabi Muhammad saw' yang berpusat di kota Kufah. Untuk menggantikan tempat Abu Salamah al-Khallali yang dinaikkan pangkat itu, Panglima Abu Muslim al-Khurasani telah melantik seorang tokoh lain yang bernama Abu Jahm bin Atiyyah sebagai ketua baru pergerakan perjuangan bani Hasyim di kota Kufah. Kedudukan Menteri Keluarga Nabi Muhammad s.a.w. (Abu Salamah al-Khallali) adalah lebih tinggi daripada jawatan Ketua Pergerakan Perjuangan Di Wilayah (Abu Muslim al-Khurasani).

Abu Salamah al-Khallali telah menggunakan kedudukannya selaku 'Wazir Ali Muhammad' dengan melantik beberapa orang ketua-ketua orang-orang Khurasan ke jawatan-jawatan penting dan mengesahkan lain-lain jawatan yang mereka telah pegang di dalam tentera. Beliau telah menambah gaji tentera daripada 300 dirham setahun kepada 80 dirham sebulan. Ini bererti gaji tentera di bawah pentadbiran Abu Salamah al-Khallali ialah sebanyak 960 dirham setahun.

Abu Muslim Mengukuhkan Kedudukannya Di Khurasan

Ketika kota Kufah mula berpindah tangan kepada golongan pejuang bani Hasyim, Panglima Abu Muslim al-Khurasani masih lagi berusaha untuk

mengukuhkan kedudukannya di negeri Khurasan. Ketika itu masih banyak lagi wilayah-wilayah di sana yang belum tunduk atau menyokong perjuangan menegakkan kerajaan bani Hasyim. Oleh itu Panglima Abu Muslim al-Khurasani telah menghantar pasukan tentera ke seluruh wilayah yang masih dibawah pentadbiran gabenor-gabenor kecil termasuklah kota atau wilayah Balkh dan Tirmiz. Semua wilayah lain mudah sahaja ditakluk kecuali wilayah Balkh dan Tirmiz sahaja yang agak sukar. Gabenor di kota Balkh ialah Ziyad bin Abdul Rahman al-Qusyairi. Manakala di kota Tirmiz ialah Muslim bin Abdul Rahman bin Muslim al-Bahili. Panglima Abu Muslim al-Khurasani telah menghantar pahlawan yang beliau percayai iaitu Panglima Khalid bin Ibrahim yang lebih dikenali dengan gelaran Abu Daud untuk menyerbu kota Balkh. Apabila Ziyad bin Abdul Rahman al-Qusyairi mengetahui perkara itu, maka dia terus mengumpul kekuatan dan keluar memimpin pasukan untuk menghalang kemaraan angkatan tentera pimpinan Panglima Abu Daud itu. Setelah mengetahui kekuatan tentera pimpinan Panglima Abu Daud, maka pasukan Ziyad telah meninggalkan kota Balkh dan berkumpul di kota Tirmiz. Kota Balkh jatuh ke tangan pasukan tentera pimpinan Panglima Abu Daud.

Panglima Abu Daud meninggalkan kota Balkh kepada Yahya bin Nu'aim setelah melantiknya sebagai gabenor di kota itu. Pihak di kota Tirmiz yang dikelolai oleh bekas gabenor kota Balkh telah berusaha mengumpul kekuatan dan cuba memujuk gabenor kota Balkh agar belot. Dia berjaya. Untuk menambah kekuatannya, Ziyad bin Abdul Rahman al-Qusyairi berusaha memujuk putera-putera mahkota di negeri Turkharistan agar menyertai mereka. Kemudian terbentuklah sebuah angkatan tentera yang besar di bawah pimpinan Panglima Muqatil bin Hayyan an-Nabati, seorang anak anggota pengawal lama di kota Merw. Pasukan ini terus mara ke kota Balkh dan berkhemah di luar kota. Sekali lagi Panglima Abu Muslim al-Khurasani telah mengarahkan kepada Panglima Abu Daud agar menggempur kota Balkh dan berjaya menewaskan tentera Ziyad bin Abdul Rahman al-Qusyairi sekali lagi. Sekali lagi tentera Ziyad terpaksa berlindung di kota Tirmiz dan sekali ini Uthman bin Juda'i al-Kirmani iaitu saudara kepada Ali al-Kirmani dilantik menjadi gabenor kota Balkh. Entah apakah sebabnya tiba-tiba Uthman bin Juda'i telah meninggalkan kota Balkh. Ini menyebabkan tentera Ziyad al-Qusyairi yang berkubu di kota Tirmiz telah mengambil kesempatan itu dengan merampas semula kota Balkh. Apabila Uthman bin Juda'i mengetahui perkara ini, beliau telah berpatah balik untuk menyelamatkan kota Balkh, tetapi dapat dikalahkan dengan mudah oleh tentera Ziyad di kota Balkh. Panglima Abu Muslim al-Khurasani terpaksa menghantar Abu Daud untuk menyelamatkan kota Balkh buat kali ketiga. Panglima Abu Muslim al-Khurasani melihat perhubungan beliau dengan pihak al-Karmani tidak mendatangkan keuntungan kepada perjuangan beliau. Maka beliau memutuskan perhubungan itu dan mengarahkan kepada Abu Daud supaya menghapuskan Uthman dan secara diam-diam supaya membunuh Ali bin Juda'i al-Kirmani, saudara

Uthman itu. Dengan itu Panglima Abu Muslim al-Khurasani menjadi penguasa tunggal di negeri Khurasan yang berpusat di kota Merw dan juga bagi wilayah-wilayah di sebelah timur.

Kemelut Ketika Akan Menubuhkan Kerajaan Bani Abbasiyyah

Sebenarnya ketika akan menubuh atau melantik salah seorang tokoh dari kalangan bani Hasyim untuk menduduki kerusi khalifah, telah berlaku sedikit kemelut yang agak membingungkan para sejarawan apabila Wazir Keluarga Rasulullah s.a.w. iaitu Abu Salamah al-Khallali telah melakukan tindakan yang dilihat secara luar adalah untuk melantik keturunan Rasulullah s.a.w. iaitu Imam Ja'far as-Siddiq cucunda Sayidina Ali bin Abu Talib dari isteri beliau Sayidah Fatimah az-Zahra' rha sebagai khalifah pertama bani Hasyim. Apabila Imam Ja'far as-Siddiq enggan menerimanya, utusan Abu Salamah al-Khallali telah datang pula kepada Abdullah bin Hasan bin al-Hasan bin Ali bin Abu Talib seterusnya Umar al-Asyraf bin Ali Zainal Abidin untuk melantiknya kekedudukan jawatan khalifah kerajaan baru setelah Abdullah bin Hasan juga tidak mahu menerimanya. Tetapi dengan cara yang tidak disangka-sangka jawatan khalifah telah jatuh ke dalam tangan Abdullah bin Muhammad bin Ali bin Abdullah bin Abbas dari keturunan Abdullah bin Abbas. Beliau digelar Khalifah Abul Abbas as-Saffah.

Ahli-ahli sejarah bingung kerana mereka mengira tindakan Abu Salamah al-Khallali itu, apakah dia sengaja mahu melantik keluarga Sayidina Ali bin Abu Talib ke kerusi khalifah yang pertama kerajaan baru (kerajaan bani Abbasiyyah) dengan meninggalkan keluarga al-Abbas bin Abdut Muttalib yang telah bersusah payah dan berkorban seluruh tenaga, masa, harta malah nyawa di dalam perjuangan untuk menumbangkan pemerintahan bani Umayyah, atau dia terkeliru. Dalam erti kata Abu Salamah al-Khallali telah terkeliru kerana benar-benar mengira perjuangan bani Hasyim untuk menggulingkan pemerintahan kerajaan bani Umayyah oleh bani Alawiyyeen dan bani al-Abbas yang kedua-duanya bekerjasama di dalam berjuang itu adalah untuk bani Alawiyyeen keturunan Rasulullah s.a.w. dari keturunan Sayidah Fatimah az-Zahra' rha?

Kalau dikatakan Abu Salamah al-Khallali memang tahu benar perjuangan ini adalah untuk bani al-Abbas, tetapi setelah kejayaan sudah tergenggam di dalam tangan bani Hasyim, lantas dia tidak mahu Khalifah berada di tangan bani al-Abbas kerana dia lebih mencintai bani Alawiyyeen, ini bererti Abu Salamah al-Khallali sengaja melakukan perbuatan berkhianat kepada bani al-Abbas yang boleh mengancam nyawanya. Apakah tuan-tuan dan saudara-saudari para pembaca menyakini demikian juga? Abu Salamah al-Khallali memang sangat tahu hujung dan pangkal perjuangan ini dan mengetahui matlamat untuk siapa! Kalau kita katakan Abu Salamah al-Khallali tidak mengetahui kerana slogan yang dilaungkan oleh pemimpin pertama perjuangan menegakkan

pemerintahan bani Hasyim iaitu Muhammad bin Ali adalah untuk 'Keredhaan Keluarga Nabi Muhammad saw' adalah untuk keturunan Sayidah Fatimah az-Zahra' rha, ini sudah tentu Abu Salamah al-Khallali meyakini perjuangan untuk menggulingkan pemerintahan kerajaan bani Umayyah adalah untuk mengangkat keluarga Rasulullah s.a.w. atau Ahlil Bait dari keturunan Sayidah Fatimah az-Zahra' rha sebagai Ketua Pemerintah Umat Islam atau khalifah setelah kerajaan bani Umayyah tumbang.

Inipun boleh jadi.

Kedua, apakah kita dapat menerima bahawa Abu Salamah al-Khallali benar-benar tahu perjuangan ini adalah untuk bani al-Abbas, bani Alawiyyeen cuma sebagai penolong sahaja? Kalau ini yang ada di dalam kepala Abu Salamah al-Khallali, bererti Abu Salamah al-Khallali sengaja melakukan penyelewengan terhadap bani al-Abbas.

Pada pendapat penyusun yang sebenarnya lemah di dalam membuat analisa tentang persoalan ini, apa yang Abu Salamah al-Khallali tahu bahawa perjuangan untuk menegakkan kerajaan bani Hasyim adalah perjuangan untuk tokoh bani Hasyim, bukan semata-mata untuk bani Alawiyyeen atau untuk bani al-Abbas. Ketika itu Abu Salamah al-Khallali melihat, disebabkan dirinya juga adalah seorang yang jujur dan cintakan kebenaran dan kebaikan, maka tokoh yang layak atau paling layak untuk jawatan khalifah bani Hasyim (bani Abbasiyyah) ialah seorang yang terkenal beriman, salih, zahid, bertaraf aulia' Allah iaitu Imam Ja'far as-Siddiq, kemudian Imam Abdullah bin Hasan bin al-Hasan bin Ali bin Abu Talib kemudian seorang lagi tokoh Alawiyyeen yang bernama Umar al-Asyraf bin Ali Zainal Abidin dari keturunan Sayidah Fatimah az-Zahra' rha juga. Kebetulan pula orang-orang atau tokoh yang paling layak itu adalah dari keturunan Rasulullah s.a.w. melalui Sayidina Ali bin Abu Talib. Inilah yang penyusun pilih. Hanya Allah SWT sahaja yang lebih mengetahui kedudukan perkara yang sebenarnya.

Kembali kita kepada membicarakan kisah seterusnya.

Khalifah Marwan bin Muhammad Terbunuh

Setelah beliau dilantik menjadi khalifah bani Abbasiyyah yang pertama, maka Khalifah Abul Abbas as-Saffah telah mengarahkan kepada bapa saudara baginda yang bernama Abdullah bin Ali bin Abdullah bin Abbas yang pintar di dalam pertempuran dan gagah perkasa supaya memimpin satu angkatan tentera yang besar pergi memerangi Khalifah Marwan bin Muhammad dan para penyokongnya yang sedang berkumpul di negeri Syam. Maka tanpa berlengah lagi berangkatlah Abdullah bin Ali memimpin pasukan tentera kerajaan bani Abbasiyyah yang besar jumlah tenteranya menuju ke negeri Syam untuk memerangi Khalifah Marwan bin Muhammad. Dikatakan jumlah tentera Khalifah Marwan bin Muhammad lebih besar lagi iaitu seramai 120,000 orang.

Para sejarawan membuat penilaian tentang semangat berjuang kedua-dua pasukan tentera Islam itu. Pasukan pimpinan Abdullah bin Ali pergi ke medan dengan semangat yang berkobar-kobar untuk kemenangan yang telah mereka kecapi sejak dari negeri Khurasan lagi. Jadi askar-askar pimpinan Abdullah bin Ali atau angkatan perang kerajaan bani Abbasiyyah yang baru didirikan berjuang dengan semangat yang membara. Manakala pasukan Khalifah Marwan bin Muhammad pula berjuang semata-mata untuk mempertahankan saki baki bumi kekuasaan mereka yang mana telah banyak dirampas oleh tentera kerajaan bani Abbasiyyah khasnya di belahan negeri Farsi dan Khurasan. Jadi semangat perjuangan tentera Khalifah Marwan bin Muhammad sudah luntur atau mengendur, manakala semangat perjuangan pasukan tentera kerajaan bani Abbasiyyah sedang hebat membara.

Kedua-dua pasukan tentera Islam itu akhirnya telah bertembung di pinggir sungai az-Zab iaitu satu cabang dari beberapa cabang sungai Dajlah (Tigris) di sebelah timur. Semangat yang kuat membara sudah tentu dapat mengalahkan semangat yang sudah luntur biarpun jumlah atau bilangan tenteranya lebih ramai. Pasukan Khalifah Marwan bin Muhammad atau pasukan kerajaan bani Umayyah yang sudah hampir tumbang telah tumbang di medan itu yang mana Khalifah Marwan bin Muhammad telah berundur bersama-sama sejumlah askar-askarnya ke kota Harran. Apabila Abdullah bin Ali mengejarnya, baginda telah lari ke kota Qinasrin yang terletak di utara negeri Syam. Kemudian berundur lagi ke kota Homs seterusnya ke kota Damsyik. Abdullah bin Ali terus mengejar baginda sambil menakluk kota-kota yang ditempuhi. Khalifah Marwan bin Muhammad berundur lagi ke Palestin dan terus masuk ke negeri Mesir. Manakala Abdullah bin Ali tidak lagi mengejar Khalifah Marwan bin Muhammad dan beliau menetap di kota Damsyik, negeri Syam, menduduki istana Khalifah Marwan bin Muhammad yang ditinggalkan itu. Kemudian Abdullah bin Ali telah mengarahkan kepada saudaranya yang bernama Salih bin Ali supaya mengejar Khalifah Marwan bin Muhammad di Mesir.

Akhirnya berlaku pula pertempuran di kampong Busir yang terletak di daerah bani Suweif, negeri Mesir itu. Khalifah Marwan bin Muhammad telah terbunuh di dalam pertempuran itu. Kepalanya telah dipotong dan dihantar kepada Khalifah Abul Abbas as-Saffah yang bersemayam di kota Kufah. Apabila Khalifah Abul Abbas as-Saffah melihat kepala Khalifah Marwan bin Muhammad tergolek di hadapan baginda, maka baginda terus sujud kepada Allah SWT yang telah memberi kemenangan kepada baginda. Setelah baginda mengangkat kepala, baginda berkata, "Segala puji bagi Allah, Tuhan yang telah mengurniakan kemenangan (kepadaku) di atasmu. Tidak ada lagi tuntutan ke atasmu."

Peristiwa ini terjadi pada tahun 132 hijrah/749 Masihi.

Dengan terbunuhnya Khalifah Marwan bin Muhammad bin Marwan bin al-Hakkam bin Abul Ass bin Umayyah bin Abdul Syams bin Abdul Manaf bin

Qusai bin Kilab, maka berakhirlah pemerintahan kerajaan bani Umayyah yang diasaskan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, seorang sahabat Rasulullah s.a.w. yang terkemuka. Kerajaan bani Umayyah tegak menguasai kaum Muslimin selama kira-kira 91 tahun bermula dari tahun 41 hijrah/661 Masihi dan berakhir pada tahun 132 hijrah749 Masihi. Dan Khalifah Abul Abbas as-Saffah merupakan khalifah tunggal kerajaan Islam di seluruh dunia Islam kecuali negeri Sepanyol sahaja kerana pada masa itu negara Sepanyol telah dirampas oleh cucu Khalifah Hisyam bin Abdul Malik iaitu Abdul Rahman bin Mu'awiyah dari tangan pemerintah kerajaan bani Abbasiyyah di sana.

Semoga Allah SWT mencucuri rahmatNya dan mengampuni kesemua para khalifah dinasti Umayyah ini dan mencurahkan keredhaanNya ke atas semua kakitangannya. Dan terhadap mereka-mereka yang telah dianiaya oleh khalifah-khalifah dan para pegawainya diharapkan Allah SWT meninggikan darjat mereka di akhirat nanti. Saya sangat mengharapkan semoga seluruh umat Islam diampunkan dan dimaafkan kesalahan dan dosa-dosa mereka oleh Allah swt, yang mana diharapkan kesemua umat Islam akan dimasukkan ke dalam syurga Jannatul Firdaus yang gilang gemilang dan bergemalapan cahayanya itu.

Memerangi Ibnu Hubairah Dan Saki Baki Pendukung Kerajaan Bani Umayyah

Ketika tentera kerajaan bani Abbasiyyah yang dipimpin oleh Panglima Abu Muslim al-Khurasani tiba di kota Kufah dan melantik Abul Abbas as-Saffah sebagai Khalifah kerajaan bani Abbasiyyah yang pertama di situ, gabenor Iraq iaitu Yazid bin Umar bin Hubairah telah berundur ke kota Wasit yang terletak di utara kota Kufah dan betul-betul di tengah-tengah sempadan antara negeri Iraq dengan Syam dan bertahan di kota itu. Ketika Abdullah bin Ali memerangi dan mengejar Khalifah Marwan bin Muhammad yang tewas di dalam pertempuran di tebing sungai az-Zab, Ibnu Hubairah sedang dikepung oleh pasukan tentera kerajaan bani Ababsiyyah yang dipimpin oleh Panglima Hasan bin Qahtabah at-Ta'i. Setelah Abul Abbas as-Saffah dilantik menjadi khalifah kerajaan bani Abbasiyyah yang pertama, maka baginda telah melantik saudara baginda iaitu Abdullah yang terkenal dengan nama Abu Ja'far al-Mansur untuk mengganti tempat Panglima Hasan bin Qahtabah at-Ta'i mengepung kota Wasit itu. Tentera kerajaan bani Abbasiyyah telah mengepung kota Wasit dengan ketat dibawah pimpinan Abu Ja'far al-Mansur pula. Ibnu Hubairah menceritakan detik-detik dia dikepung oleh Abu Ja'far al-Mansur dan rasa cemasnya yang dibuat oleh Abu Ja'far al-Mansur yang pintar, licik, kuat, cerdik dan bersemangat waja itu. Ibnu Hubairah bercerita sebagaimana yang dicatitkan oleh sejarawan terkemuka Ibu Tabatiba di dalam kitabnya al-Fakhri;

"Aku belum pernah menjumpai seorang lelaki di masa perang mahupun damai yang lebih menipu helah, lebih bijak dan lebih berhati-hati daripada

(Abu Ja'far) al-Mansur. Dia telah mengepungku selama sembilan bulan, sedangkan aku bersama-sama dengan ramai pahlawan-pahlawan Arab dan kami telah berusaha dengan segala daya upaya untuk mempengaruhi askar-askarnya (agar belot dan menyeberangi ke pihakku - P), tetapi tidak berjaya kerana dia (Abu Ja'far al-Mansur) bekerja sangat keras mengawal askar-askarnya dan sangat berhati-hati. Dia (Abu Ja'far al-Mansur) telah mengepungku sehingga kepalaku di penuhi uban, sedangkan sebelum itu tidak terdapat sehelai ubanpun di rambutku."

Setelah Abu Ja'far al-Mansur mengambil alih pimpinan mengepung Ibnu Hubairah di kota Wasit itu, beliau yang mengetahui kekuatan Ibnu Hubairah yang didokong oleh pahlawan-pahlawan Arab yang bersama-samanya bertahan di dalam kota Wasit itu telah mula membujuk Ibnu Hubairah supaya berdamai dengan kerajaan bani Abbasiyyah yang telah ditegakkan itu untuk mengelak pertumpahan darah. Beliau sendiri menyatakan kesediaan menjamin keselamatan darah Ibnu Hurairah dan semua tentera yang bertahan di dalam kota itu kepada Khalifah Abul Abbas as-Saffah. Setelah berita tewas dan terbunuhnya Khalifah Marwan bin Muhammad di Mesir sampai kepada Yazid bin Umar bin Hubairah, barulah beliau bersedia untuk berdamai dengan menyerah diri kepada kerajaan bani Abbasiyyah setelah bermesyuarat dengan empat puluh orang ulama' di dalam kota Wasit itu, apakah wajar dia menyerah diri kepada pemerintah kerajaan bani Abbasiyyah dan setelah para ulama' itu membuat keputusan membenarkannya berbuat demikian, barulah Ibu Hubairah bersedia untuk menyerahkan dirinya dan seluruh isi kota itu kepada Abu Ja'far al-Mansur. Maka keluarlah Yazid bin Umar bin Hubairah dari kubu pertahanannya dan menyerah diri kepada Abu Ja'far al-Mansur.

Tetapi apabila Panglima Abu Muslim al-Khurasani mendapat tahu perkara itu, maka beliau terus menulis surat kepada Khalifah Abu Abbas as-Saffah yang berbunyi, "Tidak ada jalan yang akan selamat selagi Ibnu Hubairah (Yazid bin Umar bin Hubairah) melaluinya."

Sebaik sahaja Khalifah Abu Abbas as-Saffah membaca surat dari Panglima Abu Muslim al-Khurasani itu, maka baginda terus memerintah Abu Ja'far al-Mansur agar membunuh Ibnu Hubairah berserta para pengikutnya yang menyerah diri itu kerana baginda faham maksud isi surat itu.

Demikianlah berakhirnya pemerintahan kerajaan dinasti bani Umayyah setelah matinya pendukung kuatnya yang terakhir iaitu gabenor Iraq Yazid bin Umar bin Hubairah yang pada mulanya dijamin keselamatan nyawanya sekiranya dia menyerah diri.

ABUL ABBAS AS-SAFFAH
(132-136 Hijrah /749-753 Masihi)

Pengenalan

Abul Abbas as-Saffah adalah Khalifah Kerajaan Dinasti Bani Abbasiyyah yang pertama. Baginda terkenal sebagai Pengasas Kerajaan Dinasti Bani Abbasiyyah kerana baginda dilantik menjadi khalifah kerajaan ini yang pertama. Kalau hendak dikira bukan baginda yang mengasaskan kerajaan bani Abbasiyyah, tetapi ayahanda baginda iaitu Muhammad bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas kemudian saudara baginda Ibrahim al-Imam yang bergerak cergas dengan kerjasama tokoh-tokoh Ahlil Bait atau kaum Alawiyyeen dengan disokong kuat oleh orang-orang Iraq dan juga tokoh-tokoh dan orang-orang dari negeri Khurasan yang di kemudikan oleh Panglima Abu Muslim al-Khurasani yang juga adalah pahlawan yang dihantar oleh Ibrahim al-Imam bin Muhammad bin Ali ke sana.

Tidak sebagaimana Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang berjuang sendiri sejak dari zaman Khalifah Uthman bin Affan sampailah ke zaman pemerintahan Khalifah Ali bin Abu Talib, dengan mengharungi pahit maun peperangan dan kelicikan akal dan kecerdikan yang luarbiasa, Abul Abbas as-Saffah dilantik menjadi khalifah pertama kerajaan bani Abbasiyyah setelah para pejuang yang unggul-unggul terdiri daripada tokoh-tokoh dari bani al-Abbas dan bani Alawiyyeen telah berkorban dan tidak sempat menikmati hasil kejayaan perjuangan mereka.

Kalau kita perhatikan perjalanan perjuangan kaum bani Abbasiyyah, kita merasakan Abul Abbas as-Saffah adalah seorang manusia yang benar-benar bertuah. Selain baginda bukanlah tokoh yang paling menonjol di kalangan para pejuang bani al-Abbas, baginda adalah adik kepada saudara baginda yang menjadi khalifah kedua dinasti ini iaitu Abu Ja'far al-Mansur. Tetapi kerana jawatan khalifah kerajaan bani Abbasiyyah yang pertama sudah menjadi rezeki baginda, maka Abul Abbas as-Saffah telah dipilih dan dilantik untuk menerajui kerajaan bani Abbasiyyah sebaik sahaja perjuangan kaum bani Hasyim telah mencapai matlamatnya apabila berjaya menumbangkan pemerintahan kerajaan bani Umayyah setelah khalifahnya yang terakhir iaitu Marwan bin Muhammad

bin Marwan bin al-Hakkam terbunuh di Mesir pada tahun 132 Hijrah/749 Masihi.

Memang bagi saudara-saudara yang telah mempelajari atau membaca sejarah kerajaan bani Abbasiyyah, tentu saudara-saudara mendapati semua khalifahnya memakai julukan di belakang nama gelaran atau nama mereka sendiri, begitu juga dengan Khalifah Abul Abbas as-Saffah. Kenapakah Khalifah Abul Abbas as-Saffah dijuluk dengan gelaran 'As-Saffah'?

Gelaran ini diberikan kepada baginda adalah berdasarkan kepada ucapan baginda juga sebaik sahaja dilantik menjadi khalifah. Baginda dilaporkan berkata, "Aku adalah as-Saffah, tiada pantang, pemberontak, pemusnah."

Apa makna 'As-Saffah '? Perkataan 'as-Saffah ' mempunyai beberapa erti atau makna. Di antaranya penumpah darah dan tersangat pemurah. Oleh kerana Khalifah Abul Abbas as-Saffah mempunyai kedua-dua sifat ini, maka gelaran 'as-Saffah' dengan makna 'seorang yang sangat pemurah dan juga penumpah darah manusia'. Tetapi para sejarawan lebih bersetuju memilih pendapat bahawa gelaran 'as-Saffah' di belakang nama khalifah Abul Abas layak diertikan dengan 'Penumpah Darah' kerana kata-kata yang diucapkan di belakang kata-kata 'as-Saffah' iaitu tiada pantang, pemberontak dan pemusnah menguatkan makna bahawa 'as-Saffah ' yang khalifah Abul Abas bangsakan kepada diri baginda ialah 'penumpah darah kerana kalimah tiada pantang, pemberontak, pemusnah itu lebih dekat sifatnya dengan sikap seorang penumpah darah.

Imam as-Sayuti menulis di dalam kitabnya Tarikh Khulafa' bahawa as-Saffah adalah seorang yang sangat pantas menumpahkan darah. Dan diikuti oleh para pegawainya."

Kelahiran Dan Peribadi

Khalifah Abul Abbas as-Saffah dilahirkan di kota Humaimah atau Hamimah pada tahun 104 hijrah/722 Masihi. Ketika itu khalifah yang sedang memerintah dunia Islam ialah Khalifah Yazid bin Abdul Malik, khalifah ke sembilan dari dinasti kerajaan bani Umayyah yang menggantikan Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang wafat. Penyusun masih belum menemui maklumat tentang pendidikan yang diperoleh oleh baginda ini. Tetapi penyusun percaya Khalifah Abul Abbas as-Saffah telah diberi pendidikan agama yang secukupnya oleh ayahanda baginda kerana baginda adalah datang dari keluarga ahli ilmu dan ahli ibadat yang zahid. Sebagaimana yang telah dijelaskan, datuk baginda Ali bin Abdullah bin al-Abbas bin Abdul Muttalib adalah seorang insan yang sangat salih hidupnya, zahid terhadap dunia, wara', alim, kuat beribadat dan tidak mempunyai cita-cita politik yang telah dididik oleh ayahnya Abdullah bin al-Abbas, sahabat Rasulullah s.a.w. yang paling alim yang dianggap sebuah lautan ilmu yang tidak bertepi dan tidak berpantai. Ada orang menyifatkan

Abdullah bin al-Abbas seperti berikut, "Apabila engkau melihat Abdullah bin al-Abbas, nescaya engkau akan mengatakan bahawa dia adalah seorang manusia yang kacak menawan. Apabila engkau berkata-kata dengannya, engkau akan mengatakan dia adalah seorang yang manusia paling fasih lidahnya. Dan kalau engkau membicarakan ilmu dengannya, nescaya engkau akan mengatakan beliau adalah seorang lautan ilmu."

Salasilah keturunan baginda yang selengkapnya ialah Abul Abbas as-Saffah Abdullah bin Muhammad bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas bin Abdul Muttalib bin Hasyim bin Abdul Manaf bin Qusai bin Kilab bin Murrah bin Kaab bin Lu'ai bin Ghalib bin Fihr bin Malik bin an-Nadhir bin Kinanah bin Khuzaimah bin Mudrikah bin Ilyas bin Mudhar bin Nizar bin Maad bin Adnan.

Manakala salasilah baginda dari pihak ibunda pula ialah Abul Abbas as-Saffah Abdullah bin Rabtah binti Ubaidullah bin Abdullah bin Abdul Madan al-Harithi, seorang perempuan merdeka bukan dari kalangan hamba.

Kisah hidup Khalifah Abul Abbas as-Saffah tidak pernah diketahui sehinggalah beliau dilantik menerajui kerajaan bani Abbasiyyah yang pertama setelah kerajaan dinasti bani Umayyah tumbang.

Memperkatakan tentang sifat-sifat fizikal iaitu tentang rupa paras dan bentuk badan baginda dikatakan bahawa Khalifah Abul Abbas as-Saffah adalah seorang lelaki yang kacak menawan, tampan dan segak. Ini adalah kerana beliau adalah cicit kepada Abdullah bin al-Abbas yang terkenal seorang lelaki yang sangat kacak, tampan dan segak.

Al-Mas'udi sejarawan terkemuka menulis di dalam kitabnya Murujuz Zahab bahawa Khalifah Abul Abbas as-Saffah adalah seorang lelaki yang kacak dan segak. Namun beliau tidak sebagaimana kebanyakan para khalifah bani Umayyah, berkahwin sehingga empat orang atau lebih. Khalifah Abul Abbas as-Saffah tidaklah demikian.

Di dalam bukunya berjudul Sejarah Kerajaan Bani Abbasiyyah (3) Prof Dr Ahmad Syalaby menggambarkan Khalifah Abul Abbas as-Saffah adalah seorang yang kacak menawan dan suka kepada memakai harum haruman. Memang kaum Quraisy biasalah merupakan manusia-manusia yang tampan dan kacak lebih-lebih lagi mereka dari keturunan Hasyim bin Abdul Manaf. Datuk beliau Abdullah bin al-Abbas terkenal sebagai seorang lelaki yang sangat tampan.

Adapun tentang sifat-sifat jiwa atau hati beliau dikatakan beliau adalah seorang yang sangat pemurah, berpengasihan belas, berakhlak mulia, pemalu, pintar dan amat menjaga janji yang dibuat. Imam Sayuti menulis di dalam kitabnya Tarikhul Khulafa' bahawa menurut as-Suli, (Khalifah Abul Abbas) as-Saffah adalah seorang yang sangat dermawan, apabila berjanji, ia tidak pernah melewat-lewatkan daripada menepatinya (kerana sangat pemalunya dan

takwanya kepada Allah SWT - P), ketika bertemu dengan orang ramai, ia tidak akan meninggalkan tempat duduknya sehingga selesai."

Terdapat cerita-cerita yang membuktikan tentang kemurahan hati Khalifah Abul Abbas as-Saffah. Diriwayatkan ketika baginda berucap di masjid Kufah sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah, setelah memuji Allah dan menyebut tentang kemuliaan keturunan Rasulullah s.a.w. dan hak-hak mereka untuk jawatan khalifah, dan menyebut tentang kezaliman serta kekejaman pemerintah kerajaan bani Umayyah (kecuali Umar bin Abdul Aziz seorang sahaja), baginda kemudian memuji-muji penduduk kota Kufah tentang pertolongan yang telah diberikan oleh mereka di dalam perjuangan menumbang pemerintah kerajaan bani Umayyah, antara pidato Khalifah Abul Abbas as-Saffah di situ ialah, ... "kami tambahkan lagi seratus dirham ke atas pendapatan kamu. Oleh itu bersedialah kamu untuk memikul amanah......"

Satu cerita lagi yang membuktikan tentang kemurahan hati Khalifah Abul Abbas as-Saffah ialah yang diriwayatkan oleh al-Asfahani di dalam kitabnya al-Aghani, "Abu Dulamah telah datang menghadap (Khalifah) Abul Abbas as-Saffah memohon agar diberikan kepadanya seekor anjing untuk berburu berserta seekor binatang tunggangan dan dua orang hamba lelaki dan perempuan. Hamba lelaki sebagai penjaga anjing, manakala hamba perempuan sebagai pengurus makanan dan minuman anjing-anjing itu. Tetapi setelah Khalifah Abul Abbas as-Saffah mengabul permintaannya itu, lantas Abu Dulamah memohon pula supaya diberi sebidang tanah kosong sebagai tempat mencari rezeki kedua-dua hamba tersebut. Tetapi Khalifah Abul Abbas as-Saffah telah memberinya sebidang tanah yang penuh dengan pohon-pohon yang sedang mengeluarkan hasil. Akhir sekali Abu Dulamah meminta izin untuk mengucup tangan baginda, tetapi untuk yang ini Khalifah Abul Abbas as-Saffah tidak dapat menunaikannya."

Pelantikan Dan Pemerintahan

Khalifah Abul Abbas as-Saffah mula memegang jawatan khalifah bermula pada tahun 132 hijrah/749 Masihi sebaik sahaja angkatan tentera revolusi bani Abbasiyyah dari negeri Khurasan yang dipimpin oleh Panglima Abu Muslim al-Khurasani tiba di kota Kufah. Sebelum itu Khalifah Abul Abbas as-Saffah atau lebih tepat dikatakan keluarga bani al-Abbas hampir-hampir kehilangan kerusi kerajaan atau pemerintah apabila Menteri Keluarga Nabi Muhammad SAW iaitu Abu Salamah al-Khallali yang merupakan tokoh pejuang di kota Kufah bagi pihak perjuangan menumbang kerajaan bani Umayyah dan menegakkan kerajaan bani Abbasiyyah telah terkeliru dengan cuba menyerahkan jawatan khalifah bani Hasyim kepada anggota Ahlil Bait. Tetapi mujurlah ketiga-tiga tokoh Ahlil Bait yang ditawarkan jawatan khalifah oleh Abu Salamah al-Khallali yang dimulai dengan Imam Ja'far as-Siddiq kemudian Abdullah bin Hasan dan

kemudian Umar al-Asyraf bin Ali Zainal Abidin telah menolak jawatan itu dengan alasan mereka tidak berhak menerima jawatan khalifah kerana mendakwa para pejuang atau tokoh-tokoh yang berjuang untuk menumbang kerajaan bani Umayyah dan menegakkan kerajaan bani Hasyim tidak pernah berjuang untuk Ahlil Bait.

Sesungguhnya pelantikan Khalifah Abul Abbas as-Saffah sebagai Khalifah Pertama Kerajaan Bani Abbasiyyah berlaku secara yang amat tidak diduga. Ianya bermula apabila seorang anggota tentera Khurasan yang di bawah pimpinan Panglima Abu Muslim al-Khurasani yang baru sampai di kota Kufah dan berkhemah di tempat yang bernama Hamam A'yun bernama Ahmad bin Ibrahim al-Hamidi yang dikenali sebagai Abu Hamid al-Samarqandi telah secara tidak sengaja terjumpa seorang hamba yang dihadiahkan oleh penduduk negeri Khurasan kepada Ibrahim al-Imam dan telah bertanya khabar kepadanya tentang Ibrahim al-Imam. Hamba itu memberitahu kepada Abu Hamid al-Samarqandi bahawa Ibrahim al-Imam telah mati kerana dibunuh oleh Khalifah Marwan bin Muhammad. Dan sebelum dibunuh, Ibrahim al-Imam telah mewasiatkan agar saudaranya yang bernama Abul Abbas as-Saffah supaya menggantikan tempatnya sebagai Pemimpin Perjuangan Menegakkan Kerajaan Bani Hasyim. Dan memberitahu kepada Abu Hamid al-Samarqandi bahawa Abul Abbas as-Saffah telahpun sampai di kota Kufah pada saat itu bersama-sama anggota keluarga bani al-Abbas. Abu Hamid al-Samarqandi terus pergi bersama-sama hamba tersebut untuk menemui rombongan Abul Abbas as-Saffah yang menginap disebuah rumah tumpangan untuk memberi takziah kepada mereka di atas terbunuhnya saudara mereka Ibrahim al-Imam. Kemudian setelah hamba itu memperkenalkan Abu Hamid al-Samarqandi kepada Abul Abbas as-Saffah, maka Abul Hamid Samarqandi tanpa berlengah lagi terus mengucup tangan dan kaki Abul Abbas as-Saffah dan melafazkan baiat taat setia kepada Abul Abbas as-Saffah. Kemudian dia meninggalkan tempat itu dan pergi ke tempat tentera Khurasan untuk memberitahu kepada para panglima yang sedang berkhemah di Hamam A'yan itu tentang kehadhiran Abul Abbas as-Saffah dan rombongannya di kota Kufah itu. Semua panglima itu mengambil keputusan untuk pergi menghadap Abul Abbas as-Saffah untuk melafazkan baiat sebagai tanda pengakuan mereka terhadap pelantikannya sebagai Khalifah pertama kerajaan bani Abbasiyyah.

Apabila Abu Salamah al-Khallali mendapat tahu perkara itu, maka dia terus bergegas ke tempat penginapan Khalifah Abul Abbas as-Saffah dan rombongannya itu bersama-sama beberapa orang sahabatnya. Apabila dia sampai di situ, dia mendapati pintu rumah itu tertutup rapat seperti tidak ada penghuni di dalamnya. Sahabat-sahabat Abu Salamah al-Khallali telah meminta agar pintu rumah itu dibuka kerana yang datang ialah Menteri Keluarga Nabi Muhammad s.a.w. Tiba-tiba terdengar jawapan dari dalam rumah itu yang kata-katanya tidak sedap didengar oleh telinga Abu Salamah al-Khallali.

Kemudian pintu rumah dibuka juga dan Abu Salamah al-Khallali dan kawan-kawannya diizinkan masuk. Setelah masuk, Abu Salamah al-Khallali terus menghadap kearah kiblat dan melakukan sujud ke hadhirat Allah SWT. Setelah selesai melakukan sujud syukur, maka Abu Salamah al-Khallali berpaling kepada Abul Abbas as-Saffah dan memberi salam kepada baginda kemudian terus mengucup tangan dan kaki Abul Abbas as-Saffah sambil meminta maaf kerana tidak menyambut ketibaan rombongan baginda. Abul Abbas as-Saffah hanya menjawab;

"Ya, kami maafkan (kamu) dengan tidak payah diminta. Dirimu di sisi kami adalah sentiasa disanjung. Kedahuluanmu mengaku kedaulatan kami adalah sentiasa dikenang, dan kesalahanmu tetap diampun. Pergilah kepada bala tenteramu agar tidak berlaku sebarang kepincangan."

Maka Abu Salamah al-Khallali terus pergi ke Hamam A'yun.

Tetapi sebenarnya apa yang di atas lidah dengan yang tersimpan di dalam hati Khalifah Abul Abbas as-Saffah tidaklah sama. Khalifah Abul Abbas as-Saffah sebenarnya sangat marah dan menyimpan dendam kepada Abu Salamah al-Khallali.

Khalifah Abul Abbas as-Saffah ketika dilantik menjadi khalifah bani Abbasiyyah yang pertama masih sangat muda. Ketika itu baginda baru berusia 28 tahun. Tentulah darah orang yang semuda ini begitu panas dan mudah menyimpan dendam terhadap kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana pihak terhadap diri atau pihaknya. Sebab itu kita akan lihat beberapa tindakan yang dilakukan oleh Khalifah Abul Abbas as-Saffah terhadap pihak atau orang yang pernah menjadi musuh baginda atau pernah cuba berkhianat kepada baginda sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah begitu kejam dan dahsyat.

Ketika baginda dilantik menjadi khalifah, baginda sedang demam. Di atas sebab ini baginda tidak dapat membuat ucapan atau pidato pelantikan dengan panjang lebar dan tidak dapat menerima pembaiatan dari rakyat. Pidato baginda telah disambung oleh bapa saudara baginda yang bernama Daud bin Ali, manakala tugas menerima baiat daripada rakyat diambil alih sebagai ganti diri baginda oleh kakanda baginda Abu Ja'far al-Mansur.

Marilah kita lihat pidato atau ucapan pelantikan oleh Khalifah Abul Abbas as-Saffah di Masjid kota Kufah yang dibuatnya sebaik sahaja baginda dengan resminya dilantik sebagai Khalifah Kerajaan Bani Abbasiyyah yang pertama sebagaimana yang ditulis oleh Prof Dr Ahmad Syalaby di dalam bukunya **Sejarah Dan Kebudayaan Islam (3)** yang diambil dari sumber Imam at-Tabari sebagaimana berikut:-

Setelah memuji-muji Allah SWT dan mengucap selawat ke atas Nabi Besar Muhammad s.a.w. dan menyebut hak keluarga baginda yang sepatutnya

menjadi khalifah dan setelah menyebut kekejaman yang dilakukan oleh pemerintahan kerajaan bani Umayyah selama masa mereka memerintah dan setelah memuji-muji dan menyanjung kebaikan yang diberikan oleh penduduk kota Kufah terhadap perjuangan kaum bani Hasyim di dalam usaha untuk menumbangkan kerajaan bani Umayyah dan menegak kerajaan bani Abbasiyyah, beliau menyebut, "Kamu adalah tempat kesayangan dan kasih mesra kami. Kamu tidak berganjak dan tidak mengubah sikap di sebalik tekanan oleh golongan yang kejam ke atas kamu sehinggalah kamu menemui kami. Allah telah mengurniakan kedaulatan kepada kami melalui kamu. Kamu adalah manusia yang paling gembira di dalam menerima kami dan paling murah hati ke atas kami. (Mulai saat ini - P) kami tambah sebanyak 100 dirham lagi ke atas pendapatan kamu. Oleh itu bersedialah kamu untuk memikul amanah. Aku adalah as-Saffah, tiada pantang dan pemberontak pemusnah."

Kemudian baginda duduk di atas mimbar dan pidato baginda diteruskan oleh bapa saudara baginda Daud bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas. Daud telah berpidato dengan panjang lebar menyebut tentang Ahlil Bait dan tentang hak mereka terhadap jawatan khalifah. Daud juga menjelaskan tentang matlamat-matlamat perjuangan golongan bani Abbasiyyah setelah mereka menduduki kerusi pemerintahan. Antara isi pidato beliau (Daud bin Ali) ialah, "Demi Allah, kami bukan bertujuan untuk menambah kekayaan emas dan perak dari perjuangan kami ini. Kami tidak menggali sungai dan membina mahligai. Tetapi kami telah diketepikan oleh kaum bani Umayyah dengan melakukan pemerasan ke atas kami. Dan telah memberi layanan yang buruk ke atas kami dan telah menceroboh (ke atas kehormatan dan hak) kami." Kemudian Daud bin Ali menyebut tentang kebaikan rakyat negeri Khurasan dan memuji-muji mereka.

Setelah Daud bin Ali selesai menyampaikan ucapan atau pidato tambahan sebagai menyambung pidato anak saudaranya Khalifah Abul Abbas as-Saffah yang tidak berdaya untuk berpidato dengan panjang lebar kerana sedang demam, maka Khalifah Abul Abbas as-Saffah turun dari atas mimbar dengan diikuti oleh bapa saudara baginda Daud bin Ali itu yang mana kedua-duanya kemudian menuju ke istana yang ditinggalkan oleh gabenor kota Kufah. Manakala Abu Ja'far al-Mansur mengambil alih atau mengganti tempat Khalifah Abul Abbas as-Saffah untuk menerima baiat atau akuan taat setia (di atas pengangkatan Abul Abbas as-Saffah sebagai Khalifah Kerajaan Bani Abbasiyyah yang pertama) daripada seluruh penduduk kota Kufah.

Para Pembantu, Menteri Dan Penasihat

Sebelum kita memperkatakan tentang perjalanan pemerintahan Khalifah Abul Abbas as-Saffah secara lebih menyeluruh, marilah kita memperkatakan dahulu tentang para pembantu atau tokoh-tokoh yang sentiasa membantu baginda di dalam pemerintahan baginda. Para pembantu Khalifah Abul Abbas

as-Saffah terdiri daripada anggota keluarga baginda sendiri kerana baginda mempunyai keluarga yang besar. Bapa-bapa saudara baginda adalah berjumlah seramai sembilan orang tidak termasuk kira lagi saudara-saudara baginda sendiri di samping para pejuang atau tokoh-tokoh yang turut berjuang menegakkan kerajaan bani Abbasiyyah.

Tokoh-tokoh yang masyhur dari kalangan keluarga baginda sendiri yang menjadi pembantu dan penasihat kepada baginda ialah saudara baginda sendiri Abu Ja'far al-Mansur yang merupakan kakanda baginda, bapa-bapa saudara baginda iaitu Daud bin Ali, Abdullah bin Ali dan Salih bin Ali, saudara sepupu baginda Isa bin Musa bin Muhammad bin Ali, para pejuang yang gagah perkasa, bijak, gigih dan tabah seperti Khalid bin Barmak dan Abu Muslim al-Khurasani. Manakala Abu Salamah al-Khallali tidak sempat berkhidmat kepada baginda setelah kerajaan bani Abbasiyyah berjaya ditegakkan kerana tokoh ini telah dibunuh oleh baginda.

Manakala pusat pemerintahan atau pentadbiran kerajaan baginda ialah kota Anbar yang terletak di utara negeri Iraq. Ketika itu kota Baghdad masih belum wujud lagi kerana ianya dibangun pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur.

Siapakah Khalid Bin Barmak?

Siapakah Khalid bin Barmak? Dari manakah asal usulnya? Bagaimanakah peribadi dan personalitinya?

Khalid bin Barmak adalah seorang yang berkebangsaan Farsi. Beliau adalah seorang pahlawan yang gagah perkasa dan seorang yang berhati mulia di samping seorang yang cerdik dan bijaksana. Pada mulanya beliau hanyalah salah seorang tentera biasa yang turut di dalam pasukan tentera bani Hasyim yang berjuang untuk menumbangkan pemerintahan kerajaan bani Umayyah dan menegakkan kerajaan bani Hasyim yang dipimpin oleh Panglima Qahtabah bin Syubaib at-Ta'i yang datang menyerbu kota Kufah dari negeri Khurasan dan telah berjaya menghalau gabenor Iraq yang bertakhta di kota Kufah ketika itu iaitu Yazid bin Umar bin Hubairah yang kemudiannya telah berundur dan bertahan kedalam kota Wasit. Meskipun Khalid tentera biasa, tetapi beliau tidak segan-segan untuk memberi buah fikiran atau pandangan kepada panglima pasukan.

Tugas yang diberikan oleh Panglima Qahtabah bin Syubaib at-Ta'i kepada Khalid bin Barmak ialah menjadi pengutip atau pemungut cukai kharaj (hasil tanah pertanian) di mana sahaja tempat atau daerah yang berjaya ditakluki oleh pasukan tentera yang dipimpin oleh beliau (Panglima Qahtabah bin Syubaib at-Ta'i). Khalid juga diberi tugas menjadi ketua pengumpul harta ghanimah atau rampasan perang kemudian mengatur pembahagian kepada setiap askar-askar yang berjuang. Di dalam melaksanakan tugasnya sebagai pengutip hasil tanah

pertanian (kharaj), Khalid bin Barmak sangat bertimbang rasa dan berkasihan belas kepada para petani. Penduduk negeri Khurasan sangat mengenang jasa beliau di dalam membuat pembayaran hasil kharaj. Ini adalah kerana Khalid bin Barmaklah yang telah memperkenalkan cara membayar cukai kharaj oleh rakyat kepada pihak kerajaan secara ansuran. Ini sangat meringankan beban penduduk di dalam melaksanakan bayaran hasil tanah pertanian mereka kepada pihak pemerintah. Kebaikan budi Khalid bin Barmak semasa beliau menjadi pegawai pemungut cukai kharaj tetap dikenang oleh seluruh penduduk yang beliau pernah berkhidmat kepada mereka sampai ke akhir hayat mereka.

Di antara kebijaksanaan Khalid bin Barmak ialah beliau dapat menelah peristiwa-peristiwa yang akan terjadi berdasarkan pengamatan beliau kepada peristiwa-peristiwa yang sedang berlaku sebagaimana cerita berikut:-

Al-Jahsyiari menceritakan bahawa pada suatu hari Khalid bin Barmak sedang berdiri bersama-sama Panglima Qahtabah bin Syubaib at-Ta'i di atas bumbung sebuah rumah di sebuah perkampungan. Di situ tentera Panglima Qahtabah bin Syubaib at-Ta'i berkhemah. Khalid bin Barmak tiba-tiba terpandang dari jauh sekumpulan binatang (ternakan - P) sedang menuju (berkeliaran lari - P) masuk ke dalam kampong itu. Khalid bin Barmak segera menasihatkan kepada Panglima Qahtabah bin Syubaib at-Ta'i supaya memerintah kepada tenteranya bersiap sedia untuk bertempur. Apabila Panglima Qahtabah bin Syubaib at-Ta'i bertanya balik kepada Khalid bin Barmak kenapa dia menasihatinya supaya berbuat demikian? Khalid bin Barmak tidak memberitahu, sebaliknya hanya mendesak Panglima Qahtabah bin Syubaib at-Ta'i supaya mengikut nasihatnya itu.

Setelah Panglima Qahtabah bin Syubaib at-Ta'i memerintah askar-askarnya supaya bersiap sedia untuk menghadapi musuh yang bakal menyerang yang diramalkan oleh Khalid bin Barmak, tiba-tiba muncullah sepasukan tentera kerajaan bani Umayyah yang dipimpin oleh seorang pahlawan yang digelar Ibnu Dhubarah. Pertempuran meletus dengan hebatnya. Nasib baik sungguh tentera perjuangan untuk menegakkan kerajaan bani Hasyim (bani Abbasiyyah) kerana bersiap sedia itu kalau tidak sukarlah mereka untuk menghadapi serangan tentera Khalifah Marwan bin Muhammad yang muncul mengejut itu. Peperangan ini berakhir dengan kemenangan diperoleh oleh pihak tentera revolusi bani Abbasiyyah. Panglima Ibnu Dhubarah turut terbunuh. Kepala Ibnu Dhubarah dipenggal dan diserahkan kepada Panglima Abu Muslim al-Khurasani. Tetapi sebenarnya kepala yang dihantar kepada Panglima Abu Muslim al-Khurasani bukan kepala Panglima Ibu Dhubarah, sebaliknya kepala salah seorang tentera biasa yang terbunuh. Ini menyebabkan Panglima Qahtabah bin Syubaib at-Ta'i mahu menghantar kepala yang sebenar kepala Panglima Ibnu Dhubarah kepada Panglima Abu Muslim al-Khurasani, tetapi Khalid bin Barmak telah menasihatkan kepada Panglima Qahtabah bin Syubaib

at-Ta'i katanya, "Lebih baik tuan jangan hantar, kalau tuan hantar juga mungkin tidak akan ada sebuah kepala yang diakui sebagai kepala Ibnu Dhubarah (oleh Panglima Abu Muslim al-Khurasani)."

Setelah perang berakhir, Khalid bin Barmak ditanya oleh Panglima Qahtabah bin Syubaib at-Ta'i, bagaimanakah dia dapat menelah atau menjangka tentera kerajaan bani Umayyah akan menyerang mereka tadinya? Khalid bin Barmak menjelaskan bahawa apabila dia melihat sekumpulan binatang melarikan diri masuk ke dalam kampong, dia dapat menjangka ada sesuatu yang menakutkan binatang-binatang itu.

Satu lagi kisah yang memperlihatkan betapa Khalid bin Barmak adalah seorang manusia yang bijaksana:-

Ibnu Tabatiba meriwayatkan apabila kos perbelanjaan membina kota Baghdad semakin bertambah besar, menteri Khalifah Abu Ja'far al-Mansur iaitu Abu Ayub al-Muryani mencadangkan kepada khalifah supaya meruntuhkan sebuah mahligai Kisra dan batu-batunya digunakan untuk pembinaan kota Baghdad. Sebelum menerima nasihat daripada Abu Ayub al-Muryani, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur terlebih dahulu telah membawa perkara itu berunding dengan Khalid bin Barmak. Khalid membantah cadangan Abu Ayub al-Muryani itu dengan mengemukakan alasannya:-

"Wahai Amirul Mu'minin! Mahligai itu adalah lambang kebesaran Islam (kerana sudah menjadi milik pemerintah dan umat Islam seluruhnya) dan adalah tempat sembahyang Sayidina Ali bin Abu Talib. Disamping kos perbelanjaan meruntuhnya lebih besar daripada faedah yang akan diperolehi kelak."

Tetapi Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah menolak pandangan atau pendapat Khalid bin Barmak itu. Baginda tetap mahu mahligai Maharaja Farsi itu dirobohkan. Setelah kerja-kerja meroboh berjalan belum pun hampir separuh, dianggarkan atau didapati kosnya sudah begitu tinggi melebihi atau lebih besar daripada faedah yang diperolehi, maka dengan serta merta Khalifah Abu Ja'far al-Mansur memerintah agar kerja-kerja meroboh itu dihentikan. Apabila baginda menyampaikan perkara itu kepada Khalid bin Barmak yang sememangnya ketika itu bukan lagi menteri dan penasihat baginda secara rasmi, maka sekali lagi Khalid bin Barmak melarang baginda berbuat demikian, katanya, "Wahai Amirul Mu'minin, sekarang ini saya berpendapat lebih baik tuanku meneruskan kerja-kerja meruntuhkannya, agar kelak nanti tidak akan ada orang mengatakan bahawa tuanku tidak berdaya meruntuh mahligai yang dibina oleh orang lain."

Tetapi Khalifah Abu Ja'far al-Mansur tidak menerima nasihat dan pandangan Khalid bin Barmak itu dan baginda mahu kerja-kerja bodoh itu dihentikan juga.

Khalid bin Barmak menjadi menteri dan penasihat kepada Khalifah Abul Abbas as-Saffah sehinggalah Khalifah Abul Abbas as-Saffah wafat.

Demikianlah kebijaksanaan dan kecerdikan akal Khalid bin Barmak yang kemudian diwarisi pula oleh anak-anak dan cucu-cucunya yang sebahagian besarnya memainkan peranan yang penting pada masa pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid.

Apakah Tugas Yang Dilaksanakan Sebaik Dilantik Menjadi Khalifah?

- **Usaha Meneguh Dan Memantapkan Kerajaan Yang Baru Ditubuhkan**
- **Melakukan Pembunuhan Politik**
- **Pembunuhan Abu Salamah al-Khallali**

Apakah tindakan atau langkah pertama yang telah diambil oleh Khalifah Abul Abbas as-Saffah sebaik sahaja baginda dilantik menerajui kerajaan bani Abbasiyyah selaku khalifahnya yang pertama untuk mengukuhkan, meneguh dan memantapkan kerajaan yang baru muncul dan berdiri itu?

Tindakan yang pertama dilakukan oleh Khalifah Abul Abbas as-Saffah sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah ialah menghapuskan seorang tokoh yang telah memperlihatkan tanda-tanda untuk berkhianat kepada kerajaan yang baru ditegakkan itu.

Siapakah tokoh yang dimaksudkan telah cuba berkhianat kepada perjuangan kaum bani al-Abbas? Dia ialah Abu Salamah al-Khallali, menantu kepada Bukair bin Mahan dan merangkap Menteri Keluarga Nabi Muhammad SAW yang cuba berkhianat kepada para pejuang bani al-Abbas khususnya kepada (Khalifah) Abul Abbas as-Saffah yang merupakan orang yang diberi tanggungjawab memimpin perjuangan bani Hasyim setelah kewafatan Ibrahim al-Imam yang dibunuh oleh Khalifah Marwan bin Muhammad dan merupakan bakal khalifah setelah kerajaan bani Umayyah musnah dan runtuh.

Khalifah Abul Abbas as-Saffah memandang Abu Salamah al-Khallali adalah musuh yang sangat bahaya kepada orang-orang bani al-Abbas seterusnya kepada kerajaan bani Abbasiyyah yang baru didirikan kerana perbuatannya yang telah cuba berkhianat kepada perjuangan orang-orang bani al-Abbas dengan cuba mengangkat orang-orang bani Alawiyyeen sebagai khalifah meskipun Abu Salamah al-Khallali telah menumpah banyak tenaga, harta kekayaan, masa dan juga keluarga kerana berjuang untuk menumbangkan kerajaan bani Umayyah dan menegakkan kerajaan bani Hasyim (bani Abbasiyyah).

Kenapa Khalifah Abul Abbas as-Saffah beranggapan demikian terhadap Abu Salamah al-Khallali?

Ini berpunca apabila Abu Salamah al-Khallali telah berusaha cuba melantik

imam-imam Ahlil Bait bermula dengan Imam Ja'far as-Siddiq, Abdullah bin Hasan dan Umar al-Asyraf bin Ali Zainal Abidin sebaik sahaja kerajaan bani Umayyah tumbang sebagai khalifah bani Hasyim (bani Alawiyyeen) dan ketika itu baginda sudahpun sampai di kota Kufah dan sedang demam.

Khalifah Abul Abbas as-Saffah telah menyuarakan hasrat hati baginda ini kepada bapa saudara baginda Daud bin Ali, bapa saudara baginda itu telah meminta baginda bersabar. Janganlah tergopoh gapah untuk membunuh seorang tokoh yang telah banyak berbuat jasa kepada perjuangan kaum bani Hasyim. Yang sangat dibimbangkan ialah tanggapan dari Panglima Abu Muslim al-Khurasani yang merupakan sahabat baik dan masih berkeluarga dengan Abu Salamah al-Khallali terhadap pembunuhan yang agak aneh itu. Tindakan membunuh Abu Salamah al-Khallali tanpa sebab yang tidak dapat difahami oleh Abu Muslim al-Khurasani boleh menyebabkan Panglima Abu Muslim al-Khurasani akan bangkit menderhaka terhadap kerajaan bani Abbasiyyah. Ini akan mengalut kibutkan keadaan yang baru tenang itu. Tetapi kalau baginda mahu juga melakukannya, hendaklah terlebih dahulu memaklumkan perkara ini kepada Panglima Abu Muslim al-Khurasani.

Setelah Khalifah Abul Abbas as-Saffah memberitahu niat baginda itu kepada Abu Muslim al-Khurasani, tanpa berdolak dalik lagi Abu Muslim al-Khurasani telah menyatakan persetujuannya dan dia sendiri bersedia untuk bertindak apa yang diinginkan oleh Khalifah Abul Abbas as-Saffah ke atas 'anggota keluarganya' yang menderhaka itu. Tetapi ada syaratnya pula. Abu Muslim al-Khurasani mahu dia diberi kebebasan untuk bertindak ke atas 'Syeikh' di negeri Khurasan iaitu Sulaiman bin Kathir al-Khuza'i. Setelah Panglima Abu Muslim al-Khurasani mendapat keizinan daripada Khalifah Abul Abbas as-Saffah untuk melakukan apa sahaja yang dia mahu termasuk menghapuskan Sulaiman bin Kathir al-Khuza'i, asalkan dia meredhai Khalifah Abul Abbas as-Saffah membunuh Abu Salamah al-Khallali, maka Panglima Abu Muslim al-Khurasani terus menghantar beberapa orang pengikutnya ke kota Kufah untuk menghapuskan Abu Salamah al-Khallali. Ketika itu Khalifah Abul Abbas as-Saffah di atas dasar muslihat untuk menampakkan baginda sayang dan suka kepada Abu Salamah al-Khallali telah mengumumkan bahawa baginda sangat suka dan redha kepada Menteri Keluarga Nabi Muhammad s.a.w. itu. Setelah Abu Salamah al-Khallali dibunuh oleh orang-orang Abu Muslim al-Khurasani, maka pihak istana mengumumkan bahawa Abu Salamah al-Khallali telah dibunuh oleh kaum Khawarij. Untuk menggantikan tempat Abu Salamah al-Khallali, Khalifah Abul Abbas as-Saffah melantik pula Khalid bin Barmak sebagai menteri dan penasihat baginda.

Pembasmian Kaum Bani Umayyah

Setelah menghapuskan tokoh yang dianggap paling berbahaya kepada kerajaan bani Abbasiyyah setelah ianya sebelum ini cuba berkhianat kepada

tokoh-tokoh bani al-Abbas iaitu Abu Salamah al-Khallali, maka Khalifah Abul Abbas as-Saffah menumpukan perhatian baginda untuk menghapuskan kaum bani Umayyah. Ini adalah kerana baginda sangat berdendam terhadap pemerintahan kerajaan bani Umayyah kerana kezaliman para pemimpin mereka semasa memerintah dahulu terutama pada zaman pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan dan puteranya Khalifah al-Walid bin Abdul Malik di mana al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi yang menjadi gabenor di Hijaz dan Iraq telah menggunakan kekuasaannya dengan sewenang-wenangnya bertindak semahu-mahunya terhadap sesiapa sahaja yang dianggap tidak menyukai pemerintahan kerajaan bani Umayyah. Khalifah Abul Abbas as-Saffah telah mengarahkan kepada para pegawai kerajaan supaya mengejar dan memburu orang-orang bani Umayyah dan juga para penyokong mereka di mana sahaja mereka itu berada. Mana-mana yang dapat, dibunuh atau dipenjara. Manakala yang mati digali kubur-kubur mereka terutama para khalifah mereka. Kecuali sebuah kubur sahaja iaitu kubur Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Ini kerana Khalifah Abul Abbas as-Saffah mengakui tentang keadilan, kesalihan dan kewara'an baginda ini semasa memerintah dahulu. Khalifah Umar bin Abdul Aziz berlaku adil dan berbuat baik kepada semua rakyat baginda tanpa mengira keturunan atau suku.

Ketika membongkar kubur Khalifah Hisyam bin Abdul Malik didapati mayatnya tidak reput. Khalifah Abul Abbas as-Saffah memerintah supaya mayat Khalifah Hisyam bin Abdul Malik dibakar.

Abdul Rahman Bin Mu'awiyah Lari Ke Sepanyol

Dalam masa pihak pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah yang baru ditubuhkan memburu dan mengejar orang-orang bani Umayyah untuk dibunuh atau dipenjara, seorang keturunan bani Umayyah iaitu Abdul Rahman bin Mu'awiyah yang merupakan cucu kepada Khalifah Hisyam bin Abdul Malik telah sempat menyelamatkan diri ke Sepanyol. Di sana dia kemudian mendirikan kerajaan yang dinamakan kerajaan bani Umayyah Sepanyol.

Menyelesaikan Masalah Tentera Dan Pemberontakan

Setelah selesai membersihkan seorang tokoh yang dianggap telah mengkhianati perjuangan bani al-Abbas dan menghapuskan kaum bani Umayyah yang dianggap telah melaksanakan pemerintahan secara zalim terhadap rakyat pada masa pemerintahan mereka yang memakan masa selama 91 tahun, masih ada lagi masalah-masalah lain yang mengganggu fikiran Khalifah Abul Abbas as-Saffah. Masalah itu ialah ketidak sabaran askar-askar Khurasan yang datang berjuang ke negeri Iraq untuk kembali semula ke kampong halaman masing-masing di negeri Khurasan setelah sekian lama meninggalkan keluarga mereka. Khalifah Abul Abbas as-Saffah telah berusaha untuk menghalang mereka pulang ke negeri Khurasan dengan cara menaikkan

kadar gaji mereka kepada 80 dirham sebulan. Sebelumnya gaji tentera sebulan di bawah 80 dirham. Dengan menerima penambahan gaji itu, telah menyebabkan tentera-tentera Khurasan bersedia untuk meneruskan berkhidmat di negeri Iraq buat beberapa ketika sahaja. Mereka tidak dapat berjanji untuk terus tinggal di negeri Iraq dalam masa yang lebih lama kerana mereka tetap merasa rindu untuk pulang ke negeri tanah tumpah darah mereka Khurasan.

Masalah lain yang telah dihadapi oleh Khalifah Abul Abbas as-Saffah ialah berkaitan dengan penduduk di tiga buah negeri iaitu Khurasan, Tirmiz dan Balaghis cuba bangkit memberontak terhadap pemerintahan baginda. Ini gara-gara disebabkan ketiga-tiga negeri ini begitu lama berada di bawah pemerintahan Nasr bin Saiyar dan Hayatilah, seorang ketua kaum di sana. Jadi untuk meredakan ketidakpuasan hati ketiga-tiga penduduk ini, maka Panglima Abu Muslim al-Khurasani telah berusaha menarik putera Hayatilah yang bernama Nezak agar memeluk agama Islam. Ini bertujuan untuk memudahkan beliau berdampingan dengan Nezak secara bebas dan seagama. Akhirnya Nezak memeluk agama Islam dan Panglima Abu Muslim al-Khurasani mengambilnya bekerja dengan beliau. Tetapi keislaman Nezak bukan sebenar-benarnya ikhlas. Nezak tidak dapat berkhidmat lama dengan Panglima Abu Muslim al-Khurasani kerana dirinya yang munafik itu. Nezak telah berusaha untuk menjauhkan diri daripada Panglima Abu Muslim al-Khurasani. Akhirnya Nezak telah meminta bantuan kerajaan China agar membantu beliau menghadapi Panglima Abu Muslim al-Khurasani. Setelah Panglima Abu Muslim al-Khurasani mengetahui perkara itu, maka beliau terus menyerang Nezak yang menyebabkan ketiga-tiga penduduk negeri yang mahu memberontak itu menjadi takut kepada Panglima Abu Muslim al-Khurasani kerana keperkasaan dan kegagahannya itu.

Setelah masalah-masalah dalam negara dapat diselesaikan, maka Khalifah Abul Abbas as-Saffah mula menumpukan kepada usaha-usaha untuk mempertingkatkan perlaksanaan projek-projek kebaikan dan faedah untuk rakyat. Memang kerajaan bani Umayyah telah banyak membuat atau menyediakan berbagai-bagai projek untuk kebaikan dan kemudahan rakyat seluruhnya. Kerana itulah Khalifah Abul Abbas as-Saffah cuma mahu menambah atau mempertingkatkan lagi perlaksanaan projek-projek pembangunan untuk rakyat. Tetapi belum sempat baginda memulakan projek-projek itu, baginda terlebih dahulu keburu wafat.

Persoalan Putera Mahkota

❖ Lantik Kakanda Sebagai Putera Mahkota

Untuk mengganti tempat baginda selaku khalifah setelah baginda wafat, Khalifah Abul Abbas as-Saffah tidak melantik anak baginda sebagai Putera Mahkota, sebaliknya telah melantik dua orang kerabat baginda iaitu kakanda baginda Abu Ja'far al-Mansur, kemudian Isa bin Musa bin Muhammad bin Ali

bin Abdullah bin al-Abbas, saudara sepupu baginda selaku Putera Mahkota kedua. Ini berlaku pada tahun 134 hijrah/751 Masihi iaitu kira-kira dua tahun sebelum baginda wafat. Kenapa Khalifah Abul Abbas as-Saffah tidak melantik anak baginda untuk menjadi Putera Mahkota? Ini adalah kerana baginda tidak mempunyai putera yang telah dewasa atau baginda tidak mempunyai putera untuk dilantik menjadi Putera Mahkota. Sebagaimana yang sudah dijelaskan bahawa Khalifah Abul Abbas as-Saffah ketika dilantik menjadi khalifah baru berusia 28 tahun. Kalau baginda berkahwin ketika usianya 18 tahun, bererti putera baginda ketika baginda wafat baru berusia 14 tahun, masih budak yang belum baligh. Apatah pula kalau baginda berkahwin setelah usia baginda 20 tahun ke atas, tentulah putera sulung baginda berusia di bawah 14 tahun ketika baginda wafat.

Di dalam persoalan Khalifah Abul Abbas as-Saffah melantik Putera Mahkota ini, jelas menyerupai sedikit tindakan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq yang melantik Umar bin al-Khattab sebagai pengganti baginda. Saya katakan menyerupai sedikit sahaja kerana Khalifah Abu Bakar as-Siddiq melantik orang lain bukan kerabat tetapi sahabat baginda yang baginda pandang sangat layak untuk mengganti tempat baginda. Sedangkan Khalifah Abul Abbas as-Saffah melantik saudara atau kerabat baginda sendiri sebagai pengganti baginda.

Begitu juga tindakan Khalifah Abul Abbas as-Saffah ini menyerupai sedikit sahaja tindakan kebanyakan para khalifah bani Umayyah yang melantik Putera Mahkota sebagai bakal khalifah menggantikan mereka. Kenapa saya katakan demikian? Kerana kebanyakan khalifah bani Umayyah melantik Putera Mahkota sebagai bakal pengganti mereka dari kalangan putera-putera mereka, sedangkan Khalifah Abul Abbas as-Saffah melantik saudara dan kerabat baginda. Ini tentu jauh sekali perbezaannya.

Khalifah Abul Abbas as-Saffah sangat berpuashati melantik sanak saudara baginda sebagai pengganti baginda kerana kedua-dua sanak saudara baginda itu adalah orang-orang yang sangat besar jasanya terhadap perjuangan menumbangkan kerajaan bani Umayyah dan menegak kerajaan bani Abbasiyyah. Bukankah kakanda baginda Abu Ja'far al-Mansur begitu kuat sekali berjuang dengan mencurahkan banyak harta kekayaan, masa bahkan nyawa? Bahkan Abu Ja'far al-Mansur adalah kakanda baginda yang memiliki banyak kelebihan peribadi seperti pintar bermain siasah, kuat semangat, cerdik, gigih, tabah dan tahan menderita? Jadi dalam hal ini tidaklah sesuai jawatan khalifah sesudah baginda diberikan kepada sanak saudara baginda yang lain sebelum Abu Ja'far al-Mansur.

Begitu juga dengan jasa yang telah dicurahkan oleh Isa bin Musa bin Muhammad bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas di dalam perjuangan menegakkan pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah. Tidak sedikit Isa bin Musa mencurahkan tenaga, masa, harta kekayaan hatta nyawapun sekiranya terpaksa. Oleh itu amatlah tepatnya Khalifah Abul Abbas as-Saffah menetapkan

Putera Mahkota yang kedua ialah pada saudara sepupu baginda iaitu Isa bin Musa itu.

Demikianlah penilaian atau pandangan Khalifah Abul Abbas as-Saffah berkaitan persoalan Putera Mahkota atau tentang bakal pengganti yang akan memerintah umat Islam sesudah baginda.

Wafat

Khalifah Abul Abbas as-Saffah wafat pada hari Ahad bertarikh 12hb Zulhijjah tahun 136 hijrah/753 Masihi di kota Anbar setelah menjadi khalifah atau memerintah umat Islam selama kira-kira 4 tahun 9 bulan. Ketika itu usia baginda baru 32 tahun. Masih sangat muda. Sebab-sebab baginda wafat dalam usia yang sebegitu muda adalah disebabkan terkena penyakit cacar.

Ternyata bulan baginda wafat ini adalah bulan haji. Diriwayatkan ketika itu kakanda baginda Abu Ja'far al-Mansur sedang memimpin rombongan mengerjakan ibadat haji di kota Mekah berserta dengan Panglima Abu Muslim al-Khurasani. Manakala bapa saudara baginda Abdullah bin Ali sedang memimpin angkatan tentera berjuang di sempadan negara untuk mengusir tentera Rom Timur atau Byzentium yang mengacau sempadan wilayah negara Islam sejak terjadi pergolakan di akhir-akhir masa pemerintahan kerajaan bani Umayyah dahulu.

Keluarga

Memperkatakan tentang keluarga atau rumahtangga Khalifah Abul Abbas as-Saffah, adalah sesuatu yang agak aneh dan luarbiasa. Ini adalah kerana sikap Khalifah Abul Abbas as-Saffah di dalam berkeluarga tidak menyerupai kebanyakan para khalifah yang terdahulu, baik khalifah-khalifah dari kalangan Khalifah Irrasyidin, mahupun dari kalangan dinasti bani Umayyah, atau pun dari kalangan khalifah-khalifah bani Abbasiyyah sendiri. Boleh dikatakan rata-rata para khalifah sebelum dan sesudah baginda mempunyai bukan seorang isteri, tetapi lebih. Bahkan mereka mempunyai beberapa orang jariah yang mana jariah ini boleh diperlakukan sebagaimana hukum diperlakukan ke atas isteri. Hukum Islam membenarkan perkara ini. Tetapi Khalifah Abul Abbas as-Saffah tidak mengambil kesempatan yang sangat menyeronokkan ini. Baginda beristeri seorang perempuan sahaja iaitu Hindun binti Ya'qub al-Makhzumiyyah yang lebih dikenali dengan nama Ummu Salamah. Khalifah Abul Abbas as-Saffah hidup dengan Ummu Salamah sampailah ke akhir hayat baginda.

Agaknya apakah yang telah menghalang kehendak atau keinginan nafsu Khalifah Abul Abbas as-Saffah untuk berkahwin lebih daripada seorang perempuan merdeka dan membeli jariah-jariah untuk berseronok-seronok dengan mereka sebagaimana yang dibuat oleh kebanyakan para khalifah?

Marilah kita lihat apa yang diperkatakan (ditulis) oleh al-Mas'udi seorang ahli sejarah yang amat terkemuka di dalam kitabnya *Murujuz Zahab* tentang bagaimana Khalifah Abul Abbas as-Saffah (yang ketika itu masih belum lagi menjadi khalifah) telah memilih Ummu Salamah untuk dijadikan isteri beliau atau bagaimana Ummu Salamah telah berusaha memikat hati (Khalifah) Abul Abbas as-Saffah agar terpesona kepadanya dan memilihnya menjadi isteri beliau.

Tulis al-Mas'udi di dalam kitabnya itu bahawa pada mulanya Ummu Salamah adalah isteri kepada Abdullah keturunan al-Walid bin al-Mughirah al-Makhzumi. Setelah Abdullah wafat, putera Khalifah al-Walid bin Abdul Malik iaitu Abdul Aziz telah mengahwininya pula. Ini sudah tentu kerana terdapat beberapa kelebihan pada diri Ummu Salamah al-Makhzumiyyah terutama kecantikan rupaparasnya serta ketinggian akhlaknya sehingga putera seorang khalifah telah jatuh hati atau tergila-gila kepadanya yang telah menjanda itu.

Manakala Ibnu Asakir seorang ahli hadis yang juga merupakan ahli sejarah yang terkemuka pula meriwayatkan di dalam kitabnya *A'lam an-Nisa'* bahawa Ummu Salamah binti Ya'qub bin Ghadir bin Abdullah bin al-Walid bin al-Walid bin al-Mughirah bin Abdullah bin Umar bin Makhzum al-Quraisyiyyah al-Makhzumiyyah adalah seorang perempuan yang teguh pendirian, menjadi isteri kepada Abdul Aziz bin al-Walid bin Abdul Malik. Kemudian dia diperisterikan pula oleh Maslamah bin Hisyam bin Abdul Malik (setelah Abdul Aziz wafat - P). Seterusnya ia diperisterikan pula oleh Abul Abbas as-Saffah (setelah ia berpisah dengan Maslamah - P).

Manakala ibu kepada Ummu Salamah al-Makhzumiyyah ialah Hindun binti Abdullah bin Jabbar bin Salma bin Malik bin Ja'far bin Kilab.

Sebagaimana yang telah disebutkan setelah Abdul Aziz bin al-Walid wafat, Ummu Salamah al-Makhzumiyyah berkahwin pula dengan Maslamah bin Hisyam bin Abdul Malik. Maslamah adalah seorang yang kuat minum (gemar minum arak). Ummu Salamah al-Makhzumiyyah kemudian bercerai dengannya (kerana tak tahan dengan perangai mabuknya itu - P) . Kemudian beliau meninggalkan kota Damsyik terus berangkat bersama-sama dayang-dayang dan pelayannya menuju ke desa Syarah, sebuah tempat yang terletak di antara kota Damsyik dengan kota Madinah.

Pada suatu hari ketika Ummu Salamah al-Makhzumiyyah sedang duduk menyendiri, tiba-tiba melintas di hadapannya Abul Abbas as-Saffah yang segak dan tampan. Ummu Salamah al-Makhzumiyyah sangat tertarik kepada kesegakan dan ketampanan cicit Abdullah bin al-Abbas itu. Ketika itu Abul Abbas as-Saffah masih belum berkahwin kerana masih sangat muda. Tanpa berlengah lagi Ummu Salamah al-Makhzumiyyah terus menghantar seorang utusan yang merupakan jariahnya sendiri kepada Abul Abbas as-Saffah untuk memberitahu kepadanya yang dia mencintai diri Abul Abbas as-Saffah dan

mengharapkan Abul Abbas as-Saffah meminangnya. Setelah Abul Abbas as-Saffah mendengar kata-kata jariah itu, seperti yang telah diduga, (Khalifah) Abul Abbas as-Saffah memberi alasan bahawa dia tidak dapat menerima permintaan seseorang perempuan kerana dia adalah seorang yang miskin. Apa lagi perempuan yang mahu kepadanya itu adalah seorang perempuan bangsawan (yang kaya raya dan jelita pula - P) meskipun telah pun menjanda. Jawab (Khalifah) Abul Abbas as-Saffah kepada jariah Ummu Salamah al-Makhzumiyyah itu, "Sampaikanlah salamku kepadanya. Katakanlah kepadanya bahawa aku (juga) menyukainya. Katakanlah kepadanya (Ummu Salamah al-Makhzumiyyah tuanmu itu), seandainya aku mempunyai wang yang dapat aku berikan kepadamu (Ummu Salamah al-Makhzumiyyah sebagai maskahwin), maka aku tentu akan berbuat demikian (masuk meminangnya)."

Kemudian jariah Ummu Salamah al-Makhzumiyyah itu terus tergesa-gesa kembali kepada tuannya Ummu Salamah al-Makhzumiyyah dan memberitahu kepada tuannya itu jawapan yang diberikan oleh (Khalifah) Abul Abbas as-Saffah. Ummu Salamah al-Makhzumiyyah berkata kepada jariahnya itu, "Katakan kepadanya (Khalifah) Abul Abbas as-Saffah - P) ini adalah wang berjumlah 700 dinar. Ia (dirinya Ummu Salamah al-Makhzumiyyah) mengirimkannya kepadamu. Ia (dirinya Ummu Salamah al-Makhzumiyyah) adalah seorang perempuan yang kaya, banyak harta dan juga batu permata. Pelayannya (jariah) pun ramai."

Maka jariah Ummu Salamah al-Makhzumiyyah itu terus pergi semula kepada (Khalifah) Abul Abbas as-Saffah dan mengucapkan kepadanya kata-kata seperti yang diajarkan oleh tuannya kepadanya sambil menghulurkan pundi-pundi kain berisi wang sebanyak 700 dinar kepada (Khalifah) Abul Abbas as-Saffah. (Khalifah) Abul Abbas as-Saffah terus sahaja menerima wang itu dengan segala senang hati.

Inilah barangkali atau kemungkinan besar sebab-sebab kenapa Khalifah Abul Abbas as-Saffah tidak berkahwin dengan ramai perempuan dan tidak mempunyai seorang pun jariah kerana sangat terhutang budinya kepada isteri baginda itu.

Hasil dari perkahwinan baginda dengan Ummu Salamah al-Makhzumiyyah, Khalifah Abul Abbas as-Saffah telah dikurniakan seorang putera bernama Muhammad dan seorang puteri bernama Ritah. Dikemudian hari Ritah ini dikahwinkan oleh Khalifah al-Mahdi dan mendapat dua orang anak iaitu Ali dan Ubaidullah.

Oleh kerana Khalifah Abul Abbas as-Saffah mempunyai seorang isteri sahaja, maka seorang pegawai baginda yang rapat perhubungan dengan baginda dan sangat disenangi oleh baginda bernama Khalid bin Safwan telah cuba menggerakkan hati baginda supaya mengahwini lebih dari seorang perempuan. Ini adalah kerana menjadi suatu kepelikan atau kejanggalan

kepada seseorang khalifah kalau hanya mempunyai seorang isteri sahaja dan tidak pula mempunyai seorang jariah pun.

Ishak bin Ibrahim al-Mausuli seorang penyanyi yang sangat masyhur pada zaman pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah bercerita yang ia dapat cerita daripada Syabib bin Syaibah katanya bahawa pada suatu hari Khalid bin Safwan at-Taimi telah datang menghadap Khalifah Abul Abbas as-Saffah di istana baginda. Ketika itu tidak ada seorang pun di istana baginda itu (maksudnya bilik tempat Khalifah Abul Abbas as-Saffah sedang duduk ketika itu - P). Khalid bin Safwan meminta agar Khalifah Abul Abbas as-Saffah menutup pintu bilik agar perbualan atau percakapan antara mereka berdua nanti tidak akan terganggu. Kerana eratnya perhubungan antara Khalifah Abul Abbas as-Saffah dengan Khalid bin Safwan, Khalifah Abul Abbas as-Saffah menurut sahaja kehendak atau permintaan sahabat kesayangan baginda itu.

Dengan perasaan yang begitu damai dan bahagia Khalid bin Safwan berkata kepada Khalifah Abul Abbas as-Saffah untuk memberi rangsangan kepada baginda agar berkahwin dengan lebih ramai perempuan dan membeli jariah-jariah yang sangat ramai di dalam istana ketika itu, ujarnya, "Wahai Amirul Mu'minin! Hamba sentiasa memikirkan tentang diri Tuanku, dan juga kerajaan Tuanku yang sebegini luas. Tetapi diri Tuanku hanya dimiliki oleh seorang perempuan sahaja. Sekiranya dia sakit, Tuanku pun turut sakit. Sekiranya dia menghilang, Tuanku juga turut menghilang. Tuanku menghalang sama sekali diri Tuanku daripada keseronokan bersuka-sukaan dengan jariah-jariah Tuanku. Yang masing-masing tidak kurang jelitanya dan mempunyai berbagai-bagai keistimewaan."

Kemudian Khalid bin Safwan dengan kepandaiannya di dalam menggambarkan kejelitaan seseorang wanita cantik, telah menggambarkan tentang kejelitaan seorang demi seorang jariah-jariah yang terdapat di dalam istana Khalifah Abul Abbas as-Saffah, sehingga Khalifah Abul Abbas as-Saffah merasa sangat tertarik hati untuk melaksanakan apa yang diberangsangkan oleh pegawai baginda itu.

Setelah Khalid bin Safwan selesai memberi semangat dan rangsangan kepada Khalifah Abul Abbas as-Saffah agar menikmati lebih ramai perempuan bukan seorang perempuan sahaja, akhirnya Khalifah Abul Abbas as-Saffah memuji-muji Khalid bin Safwan dan memintanya supaya Khalid bin Safwan mengulangi sekali lagi apa yang diucapkannya kepada baginda itu. Maka Khalid bin Safwan terus mengulangi semula sebagaimana yang ia sebutkan kepada Khalifah Abul Abbas as-Saffah sebelumnya. Setelah Khalid bin Safwan melihat wajah Khalifah Abul Abbas as-Saffah telah 'masuk perangkap keseronokan yang dipasangnya ' maka dia terus meminta diri berundur untuk pulang.

Ketika Khalifah Abul Abbas as-Saffah begitu asyik termenung melayan

perasaannya, tiba-tiba isteri baginda Ummu Salamah al-Makhzumiyyah datang ke tempat baginda dan bertanya kepada baginda dengan sedikit bimbang, "Apakah telah terjadi ke atas diri kakanda sesuatu yang tidak menyenangkan kakanda? Apakah kakanda ada menerima khabar yang menyusahkan hati kakanda?"

Namun Khalifah Abul Abbas as-Saffah telah menidakkan kesemua yang ditanyakan oleh isteri baginda itu. Tetapi Ummu Salamah al-Makhzumiyyah terus mendesak suaminya sehingga membuat hati Khalifah Abul Abbas as-Saffah tidak dapat menahan lagi untuk menceritakan gejolak hatinya ketika itu kepada isteri kesayangan baginda itu.

Setelah Ummu Salamah al-Makhzumiyyah mendengar cerita suaminya yang sememangnya sangat memedihkan hatinya, marahlah Ummu Salamah al-Makhzumiyyah kepada Khalid bin Safwan. Beliau bertanya kepada suaminya, "Jadi apa yang kanda lakukan terhadap anak haram itu?"

Dengan lembut Khalifah Abul Abbas as-Saffah menjawab tengkingan isteri baginda itu, "Subhanallah! Dia menasihati kanda dan dinda menghamunnya?"

Ummu Salamah al-Makhzumiyyah terus meninggalkan suaminya dengan hati yang sangat panas dan menaruh dendam kepada Khalid bin Safwan dan terus memerintah kepada sekumpulan pemuda agar pergi mencari Khalid bin Safwan dan memukulnya.

Khalid bin Safwan pula bercerita; ketika dia sedang duduk di pintu rumahnya kerana menunggu kedatangan orang yang membawa hadiah dari Khalifah Abul Abbas as-Saffah kepadanya setelah dipercayai Khalifah Abul Abbas as-Saffah sangat gembira dengan nasihat yang beliau berikan kepada baginda, tiba-tiba dia ternampak sekumpulan lelaki datang menuju ke rumahnya dengan gaya mahu melakukan sesuatu yang tidak baik ke atas dirinya. Dia segera masuk ke dalam rumahnya dan menutup pintu. Dia tidak keluar rumah sehingga beberapa hari. Dia kemudian menyedari perkara itu terjadi kerana dari perintah Ummu Salamah al-Makhzumiyyah yang sakit hati kepadanya.

Setelah tiga hari mendapati Khalid bin Safwan tidak datang menghadap baginda di istana, maka Khalifah Abul Abbas as-Saffah telah mengutus salah seorang pegawai istana supaya pergi menjemput Khalid bin Safwan agar datang menghadap baginda di istana. Baginda sangat rindu untuk melihat dan bercakap-cakap dengannya. Khalid bin Safwan datang juga ke istana walaupun dengan hati yang takut. Setelah Khalid bin Safwan sampai di istana dan duduk di hadapan Khalifah Abul Abbas as-Saffah, beliau merasakan seperti ada 'seseorang' yang sedang mengintai dari belakang tabir tidak jauh dari tempat dia dan Khalifah Abul Abbas as-Saffah sedang duduk itu. Khalid bin Safwan memberitahu kepada Khalifah Abul Abbas as-Saffah dengan suara yang dapat didengar oleh 'seseorang' yang sedang mengintip percakapan atau perbualan

dia dengan Khalifah Abul Abbas as-Saffah tentang sebab-sebab dia tidak datang ke istana menghadap baginda selama beberapa hari itu adalah kerana beliau demam. Kemudian Khalifah Abul Abbas as-Saffah menyuruhnya mengulangi semula apa-apa yang telah diungkapkannya kepada baginda beberapa hari yang lalu tentang kecantikan dan kejelitaan perempuan dan para jariah di dalam istana baginda kerana baginda sangat rindu untuk mendengarnya sekali lagi. Lantas Khalid bin Safwan bercerita apa yang diminta oleh Khalifah Abul Abbas as-Saffah itu tetapi dalam versi yang berlawanan.

"Sebenarnya kata hamba dulu itu ialah tiada seorang suami pun yang mempunyai dua orang isteri akan merasa bahagia dan senang."

Khalifah Abul Abbas as-Saffah membantah dengan keras kerana baginda sangat menyedari bukan ucapan ini yang diucapkan oleh Khalid bin Safwan kepada baginda dahulu, "Bukan itu yang aku dengar!"

Khalid bin Safwan menjawab untuk mempertahankan pembohongannya, "Demi Allah! Itulah yang hamba sebutkan kepada Tuanku (dahulu). Hamba katakan lagi bahawa tiga orang isteri seperti periuk yang mendidih."

Khalifah Abul Abbas as-Saffah terus membantah dengan bersumpah pula, "Aku bukan dari kerabat Rasulullah s.a.w. sekiranya aku benar-benar mendengar kata-katamu seperti itu."

Khalid bin Safwan terus mempertahankan cerita bohongnya kerana mahu mengubati hati permaisuri Ummu Salamah al-Makhzumiyyah yang telah terluka yang sedang duduk mengintai di belakang tabir, "Hamba juga memberitahu Tuanku bahawa mempunyai empat orang isteri adalah sesuatu yang sama sekali sentiasa tidak baik kepada seseorang suami, kerana mereka (para isteri) akan menumbuhkan uban di kepala, akan menjadikan cepat tua dan akan menyeksa hatinya."

Khalifah Abul Abbas as-Saffah terus membantah dengan marah, "Celaka engkau (wahai Khalid), aku tidak pernah mendengar kata-kata seperti ini sebelum ini."

Khalid bin Safwan terus mempertahankan cerita bohongnya demi untuk mengembirakan Ummu Salamah al-Makhzumiyyah, "Demi Allah! Memang benar hamba ada mengatakan begini."

Kemudian kerana dia merasa ceritanya akan terus dibantah atau ditentang oleh Khalifah Abul Abbas as-Saffah dan ianya tidak akan berkesudahan kerana dia sudah mengubah isi cerita yang dia cakapkan kepada Khalifah Abul Abbas as-Saffah tiga hari yang lepas, maka Khalid bin Safwan berbisik kepada Khalifah Abul Abbas as-Saffah, "Tuanku mahu membunuh hamba?"

Barulah Khalifah Abul Abbas as-Saffah menyedari sebab-sebab pegawai yang baginda sayangi itu mengubah isi ceritanya kepada baginda kali ini. Maka baginda mula bersedia untuk mendengar sahaja apa yang hendak diluahkan

oleh Khalid bin Safwan kepada baginda itu;

"Hamba telah memberitahu Tuanku, bahawa dayang-dayang yang muda-muda itu sebenarnya lelaki-lelaki pondan." Khalid bin Safwan mengucapkan ucapannya ini dengan suara yang lebih keras.

Tiba-tiba kedengaran dengan jelas sekali suara Ummu Salamah al-Makhzumiyyah ketawa dari belakang tabir. Kemudian dia meneruskan kata-katanya lagi untuk menambahkan kegembiraan hati permaisuri Khalifah Abul Abbas as-Saffah itu, "Tuanku mempunyai seorang isteri yang paling istimewa dan Tuanku tidak berhajat lagi kepada wanita-wanita lain, apatah lagi kepada jariah-jariah."

Tiba-tiba terdengar suara Ummu Salamah al-Makhzumiyyah dari belakang tabir mengucapkan takbir kemudian mengucapkan, "Demi Allah! Memang benar dan tepat sekali kata-katamu itu."

Tidak beberapa hari kemudian, datanglah ke rumah Khalid bin Safwan beberapa orang pesuruh istana membawa berbagai-bagai rupa hadiah kepada beliau antaranya wang 10,000 dirham, sebuah tempat tidur dan seekor kuda bersama penariknya.

Kelebihan Dan Keistimewaan

Khalifah Abul Abbas as-Saffah adalah seorang khalifah yang mempunyai kelebihan dan keistimewaan peribadi yang tersendiri. Di antara kelebihan dan keistimewaan peribadi Khalifah Abul Abbas as-Saffah ialah baginda berkahwin dengan seorang perempuan sahaja dan tidak memiliki jariah biarpun seorang sahaja. Memiliki seorang isteri dan tidak memiliki seorang jariah pun dapatlah dikatakan satu kelebihan dan keistimewaan kepada Khalifah Abul Abbas as-Saffah. Kenapa? Kerana ini jarang-jarang terjadi kepada seseorang pemimpin negara.

Kelebihan dan keistimewaan Khalifah Abul Abbas as-Saffah yang kedua ialah baginda tidak melantik anak untuk menjadi Putera Mahkota. Dengan kata lain untuk menduduki kerusi khalifah sebagai ganti baginda setelah baginda wafat kelak. Sebaliknya telah melantik adik beradik baginda dan seorang lagi saudara sepupu baginda. Ini adalah suatu yang dikira kelebihan dan keistimewaan yang dimiliki oleh Khalifah Abul Abbas as-Saffah kerana sudah menjadi kebiasaan atau amalan kepada kebanyakan khalifah akan menetapkan anak-anak sebagai Putera Mahkota bakal mengganti tempatnya sebagai khalifah. Tetapi apabila ditinjau kepada perbuatan Khalifah Abul Abbas as-Saffah melantik dua orang Putera Mahkota, maka ianya dapat dikatakan satu kelemahan bukan satu kelebihan.

Kelebihan dan keistimewaan Khalifah Abul Abbas as-Saffah yang ketiga ialah baginda tidak meminum minuman nabiz (air rendaman buah tamar

selama semalam dua malam sahaja) dan sangat menjauhkan majlis-majlis seperti itu. Baginda juga tidak menyukai hiburan berupa tari menari dan nyanyian. Di istana baginda tidak pernah diadakan majlis seperti itu.

Tetapi sikap Khalifah Abul Abbas as-Saffah yang beristeri hanya seorang perempuan dan tidak mempunyai jariah-jariah meskipun seorang menunjukkan bahawa baginda kemungkinan sedang mengalami dua masalah yang besar di dalam hidup baginda dan satu keutamaan. Masalah pertama mungkin baginda seorang yang sangat takut kepada isteri baginda, dan masalah yang kedua mungkin baginda seorang yang tidak begitu berghairah kepada perempuan, manakala ketiga yang dikatakan keutamaan ialah mungkin baginda seorang yang tidak mementingkan keseronokan diri sendiri.

Kalau kedua-dua kemungkinan ini sebenarnya terdapat pada diri Khalifah Abul Abbas as-Saffah, maka ini tidak lagi dapat dikatakan bahawa baginda memiliki keistimewaan dan kelebihan.

Adapun terhadap sikap Khalifah Abul Abbas as-Saffah yang tidak melantik anak untuk menjadi Putera Mahkota, sebaliknya melantik adik beradik baginda dan seorang lagi saudara sepupu baginda, ini adalah menunjukkan bahawa Khalifah Abul Abbas as-Saffah seorang yang tidak mementingkan diri dan keluarga dan tidak mahu menjadikan jawatan khalifah hak anak dan seterusnya keturunan baginda. Ini adalah salah satu ciri-ciri sifat para khalifah Irrasyidin yang empat itu. Satu sifat seorang yang takwa dan tidak mementingkan kenikmatan hidup dunia.

Sikap Khalifah Abul Abbas as-Saffah yang menjauhi minuman nabiz dan majlis hiburan menunjukkan bahawa baginda seorang yang salih, wara' dan takwa kepada Allah SWT. Maka tidaklah benar pendapat sebahagian ahli sejarah yang menuduh sikap para pejuang bani al-Abbas ketika mereka di kota Humaimah berada di masjid-masjid bukan sebenarnya untuk beribadat, tetapi untuk menutupi dari pandangan mata pihak berkuasa agar terlindung perjuangan yang sedang mereka lancarkan untuk mengguling pemerintahan pada masa itu (kerajaan bani Umayyah).

Demikianlah kelebihan dan keistimewaan yang terdapat pada diri Khalifah Abul Abbas as-Saffah, Khalifah pertama kerajaan bani Abbasiyyah.

Apakah Baginda Seorang Alim Dan Salih?

Khalifah Abul Abbas as-Saffah adalah cucu kepada Ali bin Abdullah bin al-Abbas. Semua para peminat sejarah Islam mengetahui bahawa Abdullah bin al-Abbas adalah seorang sahabat Nabi yang sangat alim terutama di dalam bidang ilmu tafsir dan hadis. Beliau termasuk seorang daripada tujuh orang sahabat Nabi yang paling banyak meriwayatkan hadis dan merupakan pentafsir al-Qur'an yang digelar 'Lautan Ilmu Yang Tidak Bertepi dan Berdasar'.

Umumnya para penulis sejarah mempercayai bahawa keluarga anak keturunan Abdullah bin al-Abbas terutama setakat tiga empat lapis keturunan adalah masih terdidik dengan pengajian ilmu-ilmu Islam secara mendalam dan merupakan satu keluarga yang salih. Ini dapat dibuktikan pada sikap Khalifah Abul Abbas as-Saffah yang tidak menggemari majlis hiburan dan membenci minuman nabiz yang menjadi amalan para penguasa ketika era pemerintahan kerajaan bani Umayyah dan sikap para pejuang bani al-Abbas ketika mereka di kota Humaimah sering beribadat di dalam masjid dengan khusu' dan tekunnya.

Demikianlah kisah Khalifah Abul Abbas as-Saffah.

ABU JA'AR AL-MANSUR
(136-158 Hijrah=753-775 Masihi)

Pengenalan

Abu Ja'far al-Mansur ialah Khalifah kerajaan bani Abbasiyyah yang kedua yang menggantikan tempat Khalifah Abul Abbas as-Saffah yang wafat. Baginda adalah kakanda kepada Khalifah Abul Abbas as-Saffah dan lebih tua sebanyak tiga tahun daripada adinda baginda itu. Sepatutnya bagindalah yang dilantik menjadi khalifah pertama kerajaan bani Abbasiyyah, bukan Abul Abbas as-Saffah kerana baginda adalah putera tertua kepada Muhammad bin Ali seperti yang telah dijelaskan. Tetapi disebabkan ibunda baginda bukan wanita dari keturunan Arab iaitu seorang perempuan dari suku Barbar dan bukan pula seorang yang merdeka, malah seorang jariah atau hamba, maka itulah sebabnya adinda baginda Abul Abbas as-Saffah yang dilantik menduduki kerusi Khalifah pertama kerajaan bani Abbasiyyah sebaik sahaja ditubuhkan. Penilaian atau taktik itu hanya dibuat untuk peringkat permulaan sahaja, kerana sekiranya Abu Jafar al-Mansur yang ibundanya bukan seorang Arab dan bertaraf seorang hamba yang dilantik menjadi khalifah pertama kerajaan bani Abbasiyyah yang baru ditubuhkan, sudah pasti akan menimbulkan kejutan kepada masyarakat di seluruh Tanah Arab terhadap kerajaan yang baru ditubuhkan itu. Akan riuh rendahlah menjadi percakapan atau buah mulut rakyat jelata bahawa khalifah atau raja mereka yang baru bukanlah seorang Arab sejati kerana ibundanya adalah seorang jariah berbangsa asing.

Khalifah Abu Ja'far al-Mansur tergolong ke dalam senarai tiga orang khalifah bani Abbasiyyah yang teragong bersama-sama Khalifah Harun ar-Rasyid dan Khalifah al-Ma'mun. Masalah baginda ketika baru dilantik menjadi khalifah menyamai masalah yang dihadapi oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan, khalifah bani Umayyah yang kelima ketika mula-mula dilantik menjadi khalifah. Kalau Khalifah Abdul Malik bin Marwan ketika baru dilantik menjadi khalifah terpaksa menghadapi kaum pemberontak yang terdiri daripada kaum kerabat dan tokoh-tokoh lain, maka Khalifah Abu Ja'far al-Mansur pun demikian juga. Baginda terpaksa berhadapan dengan beberapa pemberontakan yang dicetuskan oleh bapa saudara baginda dan juga oleh beberapa orang tokoh

Syiah Ahlil Bait dan puak-puak penderhaka yang lain.

Dan cara baginda menghapuskan musuh politik baginda dengan menggunakan tenaga pahlawan yang lebih perkasa kemudian membunuh pula pahlawan itu serupa dengan cara yang dilakukan oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan. Begitu juga cara baginda melakukan pembunuhan terhadap seorang pahlawan yang sangat berjasa besar di dalam perjuangan menubuhkan kerajaan bani Abbasiyyah serupa dengan cara Khalifah Abdul Malik bin Marwan melakukannya terhadap seorang kerabat baginda yang sangat berjasa di dalam menegakkan kerajaan bani Umayyah yang hampir-hampir tumbang bernama Amru bin Said bin al-Ass bin Said bin al-Ass bin Umayyah bin Abdul Symas bin Abdul Manaf bin Qusai iaitu pembunuhan secara tipu helah dengan cara memanggil ke istana untuk diberi penghormatan kemudian dibunuh oleh para pengawal istana yang telah diatur.

Meskipun pemberontakan begitu hebat pada zaman pemerintahan baginda, disebabkan keperkasaan, kegagahan dan kebijaksanaannya, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah berjaya memadamkan semua pemberontakan dan musuh-musuh peribadi dan kerajaan baginda itu sehingga kerajaan yang baginda tinggalkan kepada putera baginda al-Mahdi adalah sebuah kerajaan yang kukuh, aman, kaya dan digeruni oleh musuh.

Sebelum dilantik ke jawatan tertinggi negara itu, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur adalah gabenor bagi negeri atau wilayah al-Jazirah, Armenia dan Azerbaijan pada zaman pemerintahan Khalifah Abul Abbas as-Saffah. Baginda adalah pahlawan atau orang yang bertungkus lumus memadamkan pemebrontakan-pemberontakan yang timbul pada masa pemerintahan adinda baginda itu.

Khalifah Abu Ja'far al-Mansurlah pemerintah yang bertanggungjawab membina kota Baghdad yang terletak di tengah-tengah cabang sungai Dajlah untuk menggantikan pusat pentadbiran yang lama iaitu kota Anbar dan Hasyimiah. Sebelum itu iaitu pusat pemerintahan pada masa pemerintahan Khalifah Abul Abbas as-Saffah ialah kota Anbar.

Kelahiran Dan Peribadi

Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sebagaimana Khalifah Abul Abbas as-Saffah dilahirkan di kota Humaimah, iaitu sebuah kota kecil yang terletak di belahan selatan Palestin dan tidak jauh daripada kota Damsyik. Baginda dilahirkan pada tahun 101 hijrah/719 Masihi. Pada masa itu ialah zaman peralihan di antara pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz kepada Khalifah Yazid bin Abdul Malik. Ini bererti baginda lebih tua sebanyak tiga tahun daripada adinda baginda Khalifah Abul Abbas as-Saffah yang dilahirkan pada tahun 104 hijrah/722 Masihi.

Salasilah keturunan baginda dari pihak ayahanda adalah sama dengan

salasilah keturunan adinda baginda Khalifah Abul Abbas as-Saffah iaitu Abu Ja'far al-Mansur Abdullah bin Muhammad bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas bin Abdul Muttalib bin Hasyim.

Manakala keturunan atau salasilah dari pihak ibunda pula ialah Abu Ja'far al-Mansur bin Salamah, seorang wanita keturunan Barbar.

Tentang peribadi baginda pula, penyusun masih belum menemui maklumat tentang sifat-sifat rupa paras dan bentuk fizikal Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Tetapi penyusun percaya bahawa Khalifah Abu Ja'far al-Mansur adalah seorang insan yang kacak dan tampan serta penuh kehebatan.

Adapun tentang peribadi kejiwaan baginda, mengikut apa yang ditulis oleh Ibu Tabatiba di dalam kitabnya *al-Fakhri* bahawa Khalifah Abu Ja'far al-Mansur adalah seorang yang tegas, bijaksana, alim, berfikiran tepat, rapi perkiraannya, sangat disegani dan elok budi bahasanya.

Tentang ketinggian semangat, sikap beringat-ingat dan ketabahan hati Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, seorang musuh kerajaan bani Abbasiyyah iaitu gabenor Iraq pada zaman Khalifah Marwan bin Muhammad iaitu Yazid bin Umar bin Hubairah bercerita ketika tentera bani Abbasiyyah mengepungnya di kota Wasit sebagaimana yang diriwayatkan oleh penyusun kitab *al-Fakhri* ini juga iaitu;

"Aku belum pernah menemui seorang lelaki baik dimasa perang mahupun damai yang lebih menipu helah, lebih bijak dan lebih sedar daripada (Khalifah) al-Mansor. Dia telah mengepungku (di dalam kota Wasit - P) selama sembilan bulan, sedangkan aku bersama-sama dengan ramai pahlawan-pahlawan Arab (yang gagah berani - P), dan kami telah berusaha dengan segala daya upaya untuk mempengaruhi askar-askarnya, tetapi tidak berjaya kerana dia begitu kuat mengawal askar-askarnya dan sentiasa beringat-ingat. Dia telah mengepungku sehingga rambutku dipenuhi uban, sedangkan sebelum itu tidak terdapat sehelai uban pun di rambut (kepala)ku."

Perjuangan Menumbang Kerajaan Bani Umayyah

Sebagaimana ayahanda dan saudara baginda Ibrahim al-Imam dan Khalifah Abul Abbas as-Saffah, (Khalifah) Abu Ja'far al-Mansur juga telah berjuang dengan bersungguh-sungguh dan gigih serta merasai perit getir perjuangan untuk menumbangkan kerajaan bani Umayyah dan menegakkan kerajaan bani Abbasiyyah. Cuma nama baginda tidak menonjol semasa melakukan perjuangan itu kerana dibayang oleh perjuangan ayahanda dan kemudian saudara baginda Ibrahim al-Imam yang dilantik mengetuai perjuangan yang besar dan penuh risiko itu.

Nama (Khalifah) Abu Ja'far al-Mansur baru mula kelihatan setelah saat-saat kerajaan bani Abbasiyyah hampir didirikan. Namanya semakin terserlah setelah

kakanda baginda Ibrahim al-Imam ditangkap dan menyerahkan jawatan kepimpinan kepada (Khalifah) Abul Abbas as-Saffah yang menyuruhnya berpindah bersama-sama seluruh keluarga ke kota Kufah. (Khalifah) Abu Ja'far al-Mansur telah turut berpindah bersama-sama saudaranya (Khalifah) Abul Abbas as-Saffah dan beberapa orang anggota keluarganya yang lain ke kota Kufah itu.

Nama (Khalifah) Abu Ja'far al-Mansur semakin timbul ketika kakandanya Abul Abbas as-Saffah dilantik menjadi khalifah kerana beliau ditugaskan menggantikan kakandanya untuk menerima baiah rakyat Kufah di Masjid Kufah disebabkan Khalifah Abul Abbas as-Saffah ketika itu sedang demam.

Pemerintahan

❖ Para Pembantu, Menteri Dan Penasihat

Sebelum kita memperkatakan tentang perjalanan pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, kita menyentuh sedikit secara sepintas lalu berkenaan dengan para menteri dan penasihat baginda di dalam membantu baginda memerintah negara. Kalau para menteri dan penasihat kepada Khalifah Abul Abbas as-Saffah terdiri daripada anggota keluarga baginda sendiri iaitu kakanda baginda (Khalifah) Abu Ja'far al-Mansur, bapa-bapa saudara baginda iaitu Abdullah bin Ali, Daud dan Salih, saudara sepupu baginda Isa bin Musa bin Muhammad bin Ali dan lain-lain lagi. Manakala para pembantu pula terdiri daripada tiga orang pahlawan yang gagah perkasa, bijak dan gigih iaitu Abu Salamah al-Khallali (sebelum dibunuh), Abu Muslim al-Khurasani dan Khalid bin Barmak, maka para menteri dan pembantu kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur pula ialah Abu Muslim al-Khurasani (sebelum dibunuh), Khalid bin Barmak, Abu Ayub al-Muryani dan ar-Rabi' bin Yunus. Yang kekal lama menjadi menteri dan pembantu cuma tiga orang sahaja selain Abu Muslim al-Khurasani.

Apakah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur melantik ketiga-tiga tokoh ini sebagai menteri dan penasihat baginda sekali gus? Tidak. Khalifah Abu Ja'far al-Mansur melantik mereka seorang lepas seorang. Mula-mula baginda melantik Khalid bin Barmak sebagai menteri dan penasihat baginda. Kemudian Abu Ayub al-Muryani dan akhir sekali ar-Rabi' bin Yunus.

Daripada ketiga-tiga menteri ini, kita lihat Abu Ayub al-Muryani dan ar-Rabi' bin Yunus adalah tokoh yang baru muncul. Sebenarnya kedua-dua tokoh ini telah lama mengenali dan ada hubungan hutang budi dengan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Kalau Abu Ayub al-Muryani telah mempunyai hubungan dengan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sebelum kerajaan bani Abbasiyyah didirikan lagi. Manakala Khalid bin Barmak sudah terkenal ketika perjuangan untuk menegakkan kerajaan bani Abbasiyyah sedang giat berjalan.

Di sini timbul pertanyaan, kenapakah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur

menyingkir Khalid bin Barmak dan menggantinya dengan Abu Ayub al-Muryani? Kemudian menyingkir pula al-Muryani dan menggantikan dengan ar-Rabi' bin Yunus? Inilah yang hendak kita perkatakan:-

Sebagaimana yang telah diketahui bahawa Khalid bin Barmak adalah menteri kepada Khalifah Abul Abbas as-Saffah. Dan beliau menjadi menteri dan penasihat kepada Khalifah Abul Abbas as-Saffah sampailah As-Saffah wafat. Sebelum beliau, menteri kepada Khalifah Abul Abbas as-Saffah ialah Abu Salamah al-Khallali (sebenarnya tidak sempat kerana dibunuh). Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa Khalid bin Barmak adalah seorang berasal dari keturunan Farsi dan merupakan salah seorang perajurit biasa di dalam pasukan tentera kerajaan bani Abbasiyyah yang dipimpin oleh Panglima Qahtabah bin Syubaib at-Ta'i yang datang dari negeri Khurasan menyerbu kota Kufah dan berjaya menghalau gabenor Iraq iaitu Yazid bin Umar bin Hubairah ke kota Wasit. Kemudian setelah bakat, kepahlawanan serta kepintarannya terserlah kepada Khalifah Abul Abbas as-Saffah, beliau telah diambil oleh Khalifah Abul Abbas as-Saffah menjadi menteri dan penasihat baginda di dalam soal-soal pentadbiran negara dan juga ketenteraan sehingga baginda wafat.

Setelah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur menjadi khalifah menggantikan tempat adinda baginda Khalifah Abul Abbas as-Saffah, baginda telah meneruskan perkhidmatan Khalid bin Barmak di dalam pentadbiran baginda selaku menteri dan penasihat. Tetapi setelah berlalu setahun perkhidmatan Khalid bin Barmak, tiba-tiba Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah memecatnya dan menggantikan tempatnya dengan seorang tokoh lain yang bernama Sulaiman bin Makhlad yang lebih dikenali dengan nama Abu Ayub al-Muryani. Di sini timbul persoalan kepada kita semua, kenapakah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur menyingkir Khalid bin Barmak yang telah memperlihatkan kebolehannya yang besar di dalam soal-soal pentadbiran negara dan ketenteraan dan diganti dengan Abu Ayub al-Muryani?

Apakah itu dari kehendak hati Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sendiri atau dari hasutan atau kerja jahat Abu Ayub al-Muryani?

Sebenarnya pada pandangan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur ketika baginda mula memegang jawatan khalifah, terdapat dua orang tokoh yang paling layak untuk baginda isi ke jawatan menteri dan penasihat baginda. Hati baginda memang merasa sama-sama tertarik kepada kedua-dua tokoh itu. Tetapi oleh kerana Khalid bin Barmak telah terlebih dahulu berkhidmat dengan Khalifah Abul Abbas as-Saffah dan telah menunjukkan kebolehannya di dalam soal-soal pentadbiran negara dan juga hal-hal ketenteraan, maka Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah memilih Khalid bin Barmak untuk dijadikan menteri dan penasihat kepada baginda dengan meninggalkan tokoh yang seorang lagi iaitu Abu Ayub al-Muryani yang juga adalah seorang insan yang layak untuk menduduki kerusi menteri dan penasihat baginda. Ini adalah kerana Abu Ayub al-Muryani adalah seorang yang memiliki banyak sifat-sifat yang mulia dan

unggul. Al-Jahsyiari menggambarkan sifat-sifat Abu Ayub al-Muryani serta kelebihan-kelebihan yang terdapat pada dirinya sebagaimana berikut, "Nama Abu Ayub al-Muryani adalah mengambil sempena daripada nama kampong Muryan yang terletak di wilayah Ahwaz (negeri Farsi). Namanya yang sebenar ialah Sulaiman bin Makhlad. Beliau adalah seorang yang bijak dan berketurunan baik, pandai mendapatkan apa yang beliau mahu, dan telah mempelajari setiap jenis ilmu pengetahuan. Beliau pernah berkata, "Tiada ada sesuatu (ilmu - P) yang tidak aku pelajari melainkan ilmu fikah. Aku telah mempelajari ilmu kimia, perubatan, astronomi, ilmu hisab dan juga sihir."

Sebenarnya di antara Khalifah Abu Ja'far al-Mansur dengan Abu Ayub al-Muryani telah terjalin perhubungan yang awal dan lama iaitu sejak zaman pemerintahan kerajaan bani Umayyah lagi. Ketika itu ialah zaman pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad, khalifah terakhir kerajaan bani Umayyah. Abu Ayub al-Muryani berkhidmat sebagai kerani kepada Sulaiman bin Habib bin al-Muhallab bin Abu Sufrah, salah seorang gabenor di sebuah wilayah. Manakala (Khalifah) Abu Ja'far al-Mansur pula mewakili Sulaiman dibeberapa buah perkampungan.

Pada suatu hari Sulaiman bin Habib telah menuduh (Khalifah) Abu Ja'far al-Mansur melakukan perbuatan pecah amanah iaitu telah melakukan perbuatan menyeleweng wang untuk kepentingan peribadi dan telah menuntut agar (Khalifah) Abu Ja'far al-Mansur memulangkan semula semua wang yang dikatakan diselewengkan itu kepadanya atau menggantikannya. Tetapi (Khalifah) Abu Ja'far al-Mansur telah menolak atau enggan tunduk kepada desakan Sulaiman bin Habib itu kerana beliau tidak melakukan perbuatan yang dituduh kepada beliau itu. Sulaiman bin Habib sangat marah dan memerintahkan supaya (Khalifah) Abu Ja'far al-Mansur disebat. Abu Ayub al-Muryani yang ketika itu hadhir sama telah merayu kepada Sulaiman bin Habib bin al-Muhallab bin Abu Sufrah agar janganlah menyebat (Khalifah) Abu Ja'far al-Mansur, katanya kepada Sulaiman bin Habib, "Janganlah tuan menyebat dia. Selagi kerajaan ini berada di tangan bani Umayyah, sesungguhnya tidak baik bagi tuan memukul seorang lelaki dan keturunan Abdul Manaf. Dan sekiranya teraju pemerintahan beralih pula ke tangan bani Hasyim, nescaya tidak akan ada sebuah negara pun yang mahu melindungi tuan kelak."

Namun Sulaiman bin Habib tidak mahu mendengar dan mempedulikan rayuan oleh kerani beliau itu. Dia terus memerintah agar (Khalifah) Abu Ja'far al-Mansur dipukul. Ini menyebabkan Abu Ayub al-Muryani merebahkan badannya ke atas badan (Khalifah) Abu Ja'far al-Mansur sambil terus merayu agar dihentikan pukulan yang terkena ke atas dirinya itu. Sulaiman bin Habib segera memerintah agar pukulan dihentikan. Maka sejak saat itu Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sangat terhutang budi kepada Abu Ayub al-Muryani.

Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas bahawa Khalifah Abu Ja'far al-Mansur menombor duakan Abu Ayub al-Muryani dan memilih Khalid bin

Barmak sebagai menteri dan penasihat pentadbiran baginda.

Setelah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur melantik Khalid bin Barmak sebagai menteri dan penasihat pentadbiran baginda dengan membelakangi dirinya, maka Abu Ayub al-Muryani mula menjalankan jarum pengkhianatan dengan berusaha untuk menjauhkan Khalid bin Barmak daripada sisi Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Pada suatu ketika terjadi pemberontakan oleh orang-orang Farsi disuatu tempat. Maka Abu Ayub al-Muryani menasihatkan kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur agar menghantar Khalid bin Barmak memimpin satu pasukan tentera untuk memadamkan atau memulihkan pemberontakan itu dengan alasan bahawa Khalid bin Barmak seorang sahaja yang mampu melakukannya. Setelah Khalid bin Barmak jauh daripada sisi Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, maka Abu Ayub al-Muryani mula masuk mendampingi baginda dengan memberi pandangan-pandangan dan nasihat kepada baginda. Lama kelamaan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur merasa tertarik kepada kecerdasan dan kebijaksanaan Abu Ayub al-Muryani dan mahu menggunakan khidmatnya pula sebagai menteri dan penasihat baginda menggantikan tempat Khalid bin Barmak.

Tetapi kalau perbuatan dengki dan khianat yang dilakukan oleh Abu Ayub al-Muryani terhadap Khalid bin Barmak telah menyebabkan Khalid bin Barmak tersingkir dari jawatannya yang tinggi selaku menteri dan penasihat kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, maka ada pula pembalasan di atas perbuatan jahatnya itu. Iaitu perbuatan dengki dan khianat oleh orang lain terhadap beliau pula. Tiba-tiba telah muncul pula seorang yang bernama ar-Rabi' bin Yunus masuk campur di dalam pentadbiran Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Ar-Rabi' bin Yunus dilantik oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur menjadi pengawal peribadi baginda. Tetapi ar-Rabi' bin Yunus adalah seorang yang bercita-cita tinggi, mahukan kedudukan di sisi khalifah, dan seorang yang akan berusaha bertungkus lumus untuk mencapai cita-cita dan hasrat hatinya untuk mencapai kedudukan yang tinggi biarpun dengan cara yang kotor dan mengundang dosa dan menempa nama yang buruk di mata sejarah. Bagaimana ar-Rabi' bin Yunus boleh muncul di dalam pentas pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur?

Menurut kata al-Jahsyiari bahawa ar-Rabi' bin Yunus adalah anak seorang hamba sahaya di kota Madinah yang disetubuhi oleh Yunus dan Yunus tidak menemui seorang pun dari kerabatnya yang mahu membelinya (hamba yang Yunus setubuhi). Lantas Yunus menjualkan ar-Rabi' kepada Ziyad bin Abdullah al-Harithi, bapa saudara (sebelah ibu kepada - P) Khalifah Abul Abbas as-Saffah.

Manakala sejarawan yang bernama al-Asfahani mencatit di dalam kitabnya *al-Aghani* bahawa ar-Rabi' ialah anak buangan di tepi jalan yang dipungut oleh Yunus bin Abu Farwah.

Kalau digabungkan cerita yang ditulis oleh al-Jahsyiari dengan yang ditulis

oleh al-Asfahani menunjukkan bahawa ar-Rabi' bin Yunus adalah seorang anak zina yang dibuang oleh seseorang yang tidak dikenali. Kemudian ianya ditemui oleh Yunus bin Abu Farwah dan dijualkannya pula kepada Ziyad bin Abdullah al-Harithi, bapa saudara sebelah ibu kepada Khalifah Abul Abbas as-Saffah. Ziyad bin Abdullah al-Harithi menganggap anak itu adalah anak Yunus bin Abu Farwah. Disebabkan Ziyad mengumumkan demikian, maka orang menamakan ar-Rabi' adalah anak kepada Yunus bin Abu Farwah.

Kemudian Ziyad bin Abdullah al-Harithi menyerahkan ar-Rabi' bin Yunus kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur semata-mata untuk berbakti atau membuat jasa kepada baginda. Setelah itu terjadilah seperti apa yang diceritakan oleh ar-Rabi' bin Yunus sendiri sebagaimana di bawah:-

Al-Asfahani juga menulis di dalam kitabnya *al-Aghani* bahawa ar-Rabi' sendiri pernah menceritakan tentang dirinya atau nasib hidupnya, "Aku adalah di antara 50 orang pelayan yang dihadiahkan kepada (Khalifah Abu Ja'far - P) al-Mansur. Kami telah dibahagi-bahagikan tugas di dalam berkhidmat kepada baginda (Khalifah Abu Ja'far al-Mansur). Aku diserahkan kepada Yasir, tukang menjaga wudhu' (Khalifah Abu Ja'far - P) al-Mansur. Dan aku telah menolong Yasir di dalam menjalankan kerjanya."

Tentang peribadi ar-Rabi' bin Yunus, Ibnu Tabatiba menulis di dalam kitabnya *al-Fakhri* sebagaimana berikut, "Ar-Rabi' adalah seorang yang mulia, pelaksana segala perkara, petah bertutur, berkecukupan, tegas, bijak, banyak menggunakan akal, cekap di dalam kira-kira dan kerja, mengetahui segala urusan kerajaan, dapat mengagak apa yang akan berlaku (kerana ketajaman pemerhatiannya - P) dan apa yang patut ditinggalkan."

Tetapi penyusun kurang bersetuju dikatakan bahawa ar-Rabi' bin Yunus adalah seorang yang mulia dan berkecukupan. Ini adalah kerana tindakan hasutan yang dilakukannya untuk menjatuhkan Abu Ayub al-Muryani bukanlah satu kerja seorang yang mulia dan sentiasa berada di dalam keadaan berkecukupan. Masakan seorang yang bersifat mulia tergamak melakukan perbuatan menghasut untuk menjatuhkan orang lain semata-mata dia mahu mengisi tempat itu untuk didudukinya pula? Dan perbuatan menghasut adalah terbit dari hati yang merasa dengki atau tidak senang duduk melihat keseronokan atau kelebihan yang dimiliki orang lain, lalu bagaimana seseorang yang di dalam hatinya tersimpan sifat dengki dapat dikatakan seorang yang mulia?

Ar-Rabi' bin Yunus menjadi menteri dan penasihat kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sahaja. Sebab setelah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur wafat, beliau pun turut wafat. Tetapi ar-Rabi' bin Yunus telah menikmati kedudukan yang tinggi dalam waktu yang lama kerana pemerintahan Khalifah al-Mansur berjalan selama 22 tahun. Tempat beliau kemudiannya diganti oleh anaknya yang bernama al-Fadhl bin ar-Rabi' yang menjadi menteri dan penasihat kepada

Khalifah al-Mahdi. Tetapi sebelum al-Fadhl bin ar-Rabi' dilantik menjadi menteri dan penasihat kepada Khalifah al-Mahdi, terdapat dua orang tokoh yang dilantik menjadi menteri baginda oleh Khalifah al-Mahdi iaitu Abu Ubaidullah Mu'awiyah bin Yasar dan Ya'qub bin Daud, seorang yang pro Syiah.

Rencana Jahat Ar-Rabi' Bin Yunus Untuk Menjatuhkan Abu Ayub Al-Muryani

Bagaimana ar-Rabi' bin Yunus melaksanakan rencana jahatnya untuk menjatuhkan Abu Ayub al-Muryani untuk menempatkan dirinya di kedudukan Abu Ayub al-Muryani?

Pada awalnya ar-Rabi' bin Yunus bertugas sebagai pengawal peribadi kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Ini menunjukkan bahawa ar-Rabi' bin Yunus adalah seorang yang berperibadi menarik, bijaksana dan sentiasa mempamirkan budi pekerti yang mulia di hadapan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Kalau tidak bagaimana Khalifah Abu Ja'far al-Mansur boleh tertarik kepadanya yang hanya seorang budak istana dan dijadikan pengawal peribadi baginda?

Langkah pertama yang diambil oleh ar-Rabi' bin Yunus untuk menyingkir Abu Ayub al-Muryani ialah dengan cara menghasut kerani Abu Ayub al-Muryani yang bernama Abban bin Sidqah.

Bagaimana ar-Rabi' bin Yunus memilih jalan ini? Siapakah yang menjadi penunjuk jalan kepadanya?

Al-Jahsyiari menulis di dalam kitabnya *al-Wuzara' wal Kuttab* bahawa anak saudara Abu Ayub al-Muryani yang bernama Makhlad menyimpan rasa dengki kepada Abban (mungkin dia mahu menjadi kerani bapa saudaranya menggantikan tempat Abban - P). Makhlad mengadu kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur yang menyebabkan Abban bin Sidqah dipenjarakan. Tetapi kemudian Makhlad telah menyesal di atas perbuatannya itu dan bapa saudaranya Abu Ayub al-Muryani telah memarahinya.

Kemudian Makhlad, saudaranya Mas'ud dan bapa saudaranya Abu Ayub al-Muryani telah sebulat kata untuk membebaskan Abban bin Sidqah dari penjara dengan cara membayar denda yang dikenakan ke atas Abban bin Sidqah.

Tetapi setelah Abban bin Sidqah bebas, beliau tetap tidak dapat melupakan perbuatan jahat Makhlad terhadap dirinya. Kalau tidak dapat mengenakan Makhlad, bapa saudarapun jadilah. Memang pada sebelah siang harinya, Abban telah melakukan kerja-kerjanya di istana Abu Ayub al-Muryani, tetapi pada sebelah malamnya pula beliau telah keluar bersama-sama dengan beberapa orang hamba kepunyaan Abu Ayub al-Muryani dan pergi mengadu tentang perilaku Abu Ayub al-Muryani kepada ar-Rabi' bin Yunus. Pengaduan

yang dibuat ialah dengan memburuk-burukkan peribadi Abu Ayub al-Muryani serta memperkatakan tentang hartanya yang banyak entah dari mana sumbernya. Kemudian ar-Rabi' bin Yunus yang sememangnya menunggu peluang untuk merosakkan personaliti baik Abu Ayub al-Muryani telah menyampaikan pula perkara itu kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur (tentunya dengan cara memburuk-buruk dan memfitnah) yang mana kata-katanya mudah sangat termakan hasutan kepada sesiapa sahaja yang mendengarnya.

Khalifah Abu Ja'far al-Mansur mula berubah hati terhadap menterinya Abu Ayub al-Muryani. Baginda mula bersangka buruk terhadap menteri baginda itu tanpa membuat andaian bahawa aduan pengawal peribadi baginda kepada baginda itu adalah berunsur fitnah dan berniat buruk terhadap Abu Ayub al-Muryani. Ini menyebabkan rasa kasih sayang Khalifah Abu Ja'far al-Mansur terhadap Abu Ayub al-Muryani semakin terhakis. Kenang-kenangannya terhadap jasa Abu Ayub al-Muryani kepada baginda dahulu semakin pudar dan beransur hilang, ibarat pasir di pantai yang mula terhakis setelah dilanda banjir yang bergelombang.

Ar-Rabi' bin Yunus terus menerus memburuk-buruk peribadi Abu Ayub al-Muryani sehingga Khalifah Abu Ja'far al-Mansur tidak berpeluang lagi untuk menyiasat tentang aduan yang dibuat kepada baginda itu. Sehinggalah tiba pada suatu hari di mana Abu Ayub al-Muryani benar-benar telah melakukan satu kesilapan membabitkan soal kewangan yang mana ar-Rabi' bin Yunus telah menggunakan kesempatan itu untuk menabur lebih banyak fitnah yang menambah buruk lagi peribadi Abu Ayub al-Muryani sehingga mata Khalifah Abu Ja'far al-Mansur menjadi semakin gelap dan benar-benar percaya dengan semua fitnah yang disampaikan oleh ar-Rabi' bin Yunus berkaitan Abu Ayub al-Muryani kepada baginda. Akhirnya kepercayaan baginda terhadap menteri baginda yang setia itu lenyap dan padam sama sekali dari hati sanubari baginda.

Abu Ayub al-Muryani akhirnya dipecat oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur dan mengenakan hukuman mati ke atasnya. Setelah Abu Ayub al-Muryani dibunuh oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, maka baginda terus melantik ar-Rabi' bin Yunus sebagai menteri dan penasihat baginda sehinggalah baginda wafat.

Pusat Pemerintahan

Pusat pentadbiran kerajaan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur ialah kota Anbar juga yang kemudiannya dinamakan kota Hasyimiah. Kota Anbar dijadikan ibukota selama sembilan tahun. Setelah itu Khalifah Abu Ja'far al-Mansur mendirikan kota Baghdad iaitu pada tahun 145 hijrah/762 Masihi. Idea baginda untuk membina bandar baru tercetus apabila baginda hampir-hampir dibunuh oleh kaum Rawadiyyah ketika baginda berada di kota Hasyimiah. Kaum

Rawandiyyah yang sesat telah datang dari Farsi dan mengepung istana baginda di kota Hasyimiah. Kota Baghdad siap dibina dalam tempoh setahun sahaja iaitu pada tahun 146 hijrah/763 Masihi.

Kota Baghdad dibina ditebing sungai Dajlah (Tigris) dan dikira paling hampir dengan sungai Furat juga. Musuh sukar untuk menyerang ke dalam kota yang baru dibina ini melainkan dengan melalui jambatan yang merentangi kedua-dua sungai besar di Iraq itu. Kota Baghdad terletak hampir di sempadan antara negeri-negeri Arab dengan negara Farsi. Menurut Khatib al-Baghdadi bahawa Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah mempelawa jurutera-jurutera, arkitek-arkitek dan juru-juru ukur ke tapak pembinaan kota Baghdad menjelaskan kepada mereka tentang rupa bentuk bandar baru yang mahu dibina itu. Baginda juga dikatakan telah memerintah setiap rakyat di seluruh negeri Islam agar datang untuk turut bekerjasama membina kota Baghdad mengikut keahlian yang terdapat pada diri masing-masing.

Dikatakan di antara orang yang turut membina kota Baghdad ialah Imam Abu Hanifah, pengasas mazhab Hanafi yang memberi sumbangan dalam bentuk kerja-kerja mengira dan menyusun batu-batu ubin untuk pembinaan bangunan. Kota Baghdad berbentuk bulat. Di tengah-tengahnya dibina istana Khalifah Abu Ja'far al-Mansur yang dinamakan Istana Emas dan sebuah masjid yang dinamakan Jami' al-Mansur. Dibina pula disekitar kedua-dua bangunan Istana Emas dan Masjid al-Mansur itu ialah rumah-rumah para pengawal istana dan juga rumah-rumah para anggota pasukan keselamatan iaitu polis. Dibina juga istana-istana untuk putera-putera khalifah, istana amir-amir dan pengawai tinggi kerajaan. Kemudian pejabat-pejabat kerajaan, rumah-rumah penduduk yang diselang selikan dengan pasar-pasar tempat orang ramai berniaga dan membeli belah. Demikian kemasnya struktur pembinaan kota Baghdad yang dirancang oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur itu.

Ketika kota Baghdad sedang dalam pembinaan, telah meletus pemberontakan yang dilancarkan oleh tokoh dua bersaudara dari kalangan keluarga Ahlil Bait Syiah Alawiyyeen iaitu oleh an-Nafsuz Zakiyyah Muhammad bin Abdullah bin Hasan dan saudaranya Ibrahim, ini menyebabkan kerja-kerja pembinaan kota Baghdad telah tergendala buat seketika, kemudian disambung semula setelah kedua-dua pemberontakan itu berhasil dihapuskan sehinggalah pembinaannya siap menjelang tahun 146 hijrah/763 Masihi. Khalifah Abu Ja'far al-Mansur berpindah ke sana bersama-sama seluruh keluarga, para pegawai kerajaan, pengawal peribadi, kakitangan istana termasuk dayang-dayang, jariah-jariah, angkatan tentera dan segala yang berkaitan dengan pentadbiran. Dalam pada itu kerja-kerja membina pagar atau tembok dan parit kota terus berjalan sehinggalah siap sepenuhnya pada tahun 149 hijrah/766 Masihi.

Belanja atau kos keseluruhan pembinaan kota Baghdad dianggarkan bernilai sebanyak 4,000,833 dirham. Demikianlah perihal kota Baghdad yang dibina oleh

Khalifah Abu Ja'far al-Mansur.

Masalah Besar Yang Dihadapi Sebaik Dilantik

❖ **Timbulnya Pemberontakan-Pemberontakan Terhadap Pemerintahannya**

Sebagaimana masalah yang dihadapi oleh para khalifah yang lain juga, begitulah juga yang telah dihadapi oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Di antara masalah yang terpaksa dihadapi oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah ialah masalah pemberontak oleh mereka-mereka yang tidak berpuashati atau tidak senang hati terhadap pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah. Masalah ini sangat memeningkan kepala Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Pemberontakan pertama yang meletus terhadap pemerintahan baginda ialah pemberontakan yang dilancarkan oleh bapa saudara baginda sendiri iaitu pemberontakan oleh Abdullah bin Ali yang merupakan gabenor bagi negeri Syam. Dan pemberontakan yang dilancarkan oleh kaum Syiah Alawiyyeen yang diketuai oleh Muhammad bin Abdullah dan saudaranya Ibrahim dan pemberontakan-pemberontakan oleh beberapa kumpulan kaum zindik di negeri Farsi. Sebagaimana yang telah saya jelaskan di bawah tajuk Pengenalan, bahawa Khalifah Abu Ja'far al-Mansur berhadapan dengan para pemberontak dan cara-cara menghapuskan mereka adalah sebagaimana cara yang dilakukan oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan, Khalifah kelima dinasti bani Umayyah.

Sekarang marilah kita lihat perjalanan pemberontakan itu satu persatu:-

Pemberontakan Dalam Keluarga Sendiri

❖ **Pemberontakan Abdullah Bin Ali**

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa pemberontakan pertama yang terpaksa dihadapi oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur ialah pemberontakan yang dicetuskan oleh bapa saudara baginda sendiri iaitu oleh Abdullah bin Ali. Abdullah bin Ali adalah seorang pahlawan bani Abbasiyyah yang sangat gagah perkasa. Selain sangat gagah dan berani, ahli-ahli sejarah mengatakan bahawa Abdullah bin Ali juga adalah seorang lelaki yang sangat bijak, cerdik, bijaksana dan penuh tipu muslihat di dalam perjuangannya. Sebab itu beliau meskipun memimpin tentera yang tidak begitu ramai (dianggarkan berjumlah di bawah 100,000 orang) dibandingkan dengan tentera kerajaan bani Umayyah, tetapi beliau telah berjaya menewaskan pasukan tentera kerajaan bani Umayyah yang berjumlah seramai 120,000 yang dipimpin oleh Khalifah Marwan bin Muhammad di dalam pertempuran di sungai az-Zab di dalam wilayah kota Kufah. Soalnya kenapa Abdullah bin Ali telah bangkit memberontak terhadap pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, tidak terhadap Khalifah Abul Abbas as-Saffah? Tentu ada sesuatu yang tidak menyenangkan hatinya

terhadap anak saudaranya yang seorang ini (Khalifah Abu Ja'far al-Mansur). Apakah perkara yang tidak menyenangkan hati Abdullah bin Ali terhadap pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur?

Memang ada sebab kenapa Abdullah bin Ali marah kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Sebab itu ialah beliau mendakwa Khalifah Abul Abbas as-Saffah telah melantik beliau sebagai Putera Mahkota dan akan dilantik menjadi khalifah setelah baginda wafat setelah beliau memenuhi permintaan Khalifah Abul Abbas as-Saffah yang menawarkan kepada sesiapa yang bersedia untuk memerangi Khalifah Marwan bin Muhammad, maka dia adalah Putera Mahkota dan khalifah setelah baginda. Pengumuman itu berbunyi, "Sesiapa yang (berani) memeranginya (Khalifah Marwan bin Muhammad) dan berjaya mengalahkannya, dia adalah Putera Mahkota." Ketika itu tidak ada sesiapa yang menyambut seruan atau tawaran oleh Khalifah Abul Abbas as-Saffah itu melainkan Abdullah bin Ali seorang sahaja. Dengan sebab kejayaannya menewaskan pasukan Khalifah Marwan bin Muhammad itu, maka Khalifah Abul Abbas as-Saffah telah melantik beliau menjadi gabenor di negeri Syam merangkap Putera Mahkota dan bakal khalifah. Tetapi kini tiba-tiba Abu Ja'far al-Mansur pula yang mengambil jawatan pemerintahan yang tertinggi itu.

Untuk makluman para pembaca semua, bahawa Abdullah bin Ali ialah salah seorang daripada empat orang anak kepada Ali bin Abdullah bin al-Abbas yang sangat berjasa di dalam perjuangan menumbangkan kerajaan bani Umayyah dan menegakkan kerajaan bani Abbasiyyah. Tiga orang yang lain ialah Muhammad Ali, Daud bin Ali dan Salih bin Ali. Anak-anak Ali bin Abdullah bin al-Abbas kesemuanya berjumlah seramai sepuluh orang lelaki. Kesemuanya diberi nama para rasul kecuali seorang iaitu Abdul Samad.

Ketika Khalifah Abul Abbas as-Saffah wafat, (Khalifah) Abu Ja'far al-Mansur sedang memimpin ibadat haji di kota Mekah. Turut juga bersama-sama beliau ialah Panglima Abu Muslim al-Khurasani. Manakala Abdullah bin Ali ketika itu sedang memimpin angkatan tentera Islam di perbatasan negara untuk menghalau angkatan tentera Rom Timur atau Byzentium yang mengacau di perbatasan negara Islam sejak terjadi kacau bilau di dalam negara Islam pada akhir-akhir pemerintahan kerajaan bani Umayyah. Abu Ja'far al-Mansur terus pulang ke kota Anbar setelah selesai mengerjakan ibadat haji bersama-sama Panglima Abu Muslim al-Khurasani dan terus dilantik menjadi khalifah menggantikan adindanya Khalifah Abul Abbas as-Saffah yang wafat. Pelantikan baginda telah disokong oleh Panglima Isa bin Musa bin Ali kerana dia adalah Putera Mahkota kedua berdasarkan pelantikan yang baru. Apabila Abdullah bin Ali yang sedang berada di perbatasan negara itu mendapat tahu tentang kewafatan Khalifah Abul Abbas as-Saffah dan pelantikan Abu Ja'far al-Mansur yang merupakan anak saudara beliau juga, maka beliau terus berpatah balik ke kota Anbar untuk membantah pelantikan Abu Ja'far al-Mansur sebagai khalifah kedua kerajaan bani Abbasiyyah itu.

Dalam keadaan yang sedang gawat itu, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur tidak mahu askar-askar Syam, al-Jazirah dan Khurasan terus berada di bawah pimpinan bapa saudaranya Abdullah bin Ali. Apabila kesemua askar-askar itu sudah padu di bawah pimpinan Abdullah bin Ali, ini akan membahayakan kedudukan baginda di kota Anbar. Abdullah bin Ali sedang marah kepada baginda dan bila-bila masa sahaja dia boleh menyerang kota Anbar dan menangkap atau membunuh baginda. Sebelum apa-apa yang tidak diingini terjadi, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah berusaha untuk menarik semua askar-askar yang sedang dipimpin oleh Abdullah bin Ali itu agar meninggalkan Abdullah bin Ali. Baginda mahu semua askar-askar itu dibawa ke kota Anbar dengan seberapa segera. Dengan itu Abdullah bin Ali akan kehilangan sokongan dan tidak boleh berbuat apa-apa lagi. Tetapi Abdullah bin Ali sebagaimana yang telah dikatakan oleh ahli-ahli sejarah adalah seorang yang cerdik dan bijaksana telah bertindak bijak dengan memaksa atau meminta semua tentera-tentera yang berada di bawah pimpinannya itu supaya memberi baiah kepadanya. Tentera-tentera ini sangat taat kepada perintah Abdullah bin Ali. Semua askar-askar Syam, al-Jazirah dan Khurasan telah memberi baiah kepada Abdullah bin Ali sebagai khalifah baru kerajaan bani Abbasiyyah. Peristiwa ini berlaku pada tahun 137 hijrah/754 Masihi.

Setelah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur menyedari perkara ini, maka baginda yang mengetahui tidak ada sesiapapun yang mampu berhadapan dengan bapa saudara baginda itu telah memanggil pahlawan yang paling perkasa dan sangat bijaksana ketika itu iaitu Panglima Abu Muslim al-Khurasani untuk memerangi bapa saudara baginda itu. Diriwayatkan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur memanggil Panglima Abu Muslim al-Khurasani supaya datang menghadap baginda di kota Anbar. Apabila Panglima Abu Muslim al-Khurasani melihat Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sangat muram durja, dia merasa hairan dan bertanya, "Mengapa Tuanku bersedih, sedangkan Tuanku sudah dilantik menjadi khalifah?" Khalifah Abu Ja'far al-Mansur menjawab, "Aku bimbang terhadap angkara dan niat jahat bapa saudaraku Abdullah." Panglima Abu Muslim al-Khurasani menjawab pula, "Jangan Tuanku bimbang, cukuplah hamba sahaja yang akan mempertahankan Tuanku daripadanya. Insya Allah, sesungguhnya askar-askar dan para penyokongnya adalah para penduduk Khurasan, mereka ini tidak akan mengingkari perintah hamba."

Pertempuran di antara angkatan tentera Panglima Abdullah bin Ali dengan pasukan tentera pimpinan Panglima Abu Muslim al-Khurasani berlangsung lama. Ini menunjukkan betapa kuatnya kedudukan Abdullah bin Ali ketika itu. Akhirnya setelah peperangan berjalan selama kira-kira empat bulan, Panglima Abu Muslim al-Khurasani telah berusaha menarik tentera Khurasan untuk belot kepadanya. Setelah Abdullah bin Ali menyedari perkara itu, maka beliau merasa bimbang terhadap kesetiaan seluruh tenteranya terhadap dirinya. Panglima Abu Muslim al-Khurasani yang menyedari Abdullah bin Ali tidak

mempunyai semangat yang kental lagi untuk menggembleng pasukannya, telah mempertingkatkan lagi serangan ke atas Abdullah bin Ali yang berakhir pasukan Abdullah bin Ali tewas dan Abdullah bin Ali dapat ditawan.

Panglima Abu Muslim al-Khurasani menyerahkan Abdullah bin Ali kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur di mana baginda telah memenjarakan bapa saudara baginda itu di dalam sebuah rumah yang akhirnya Abdullah bin Ali meninggal dunia di dalam rumah itu.

Dengan kalah dan matinya Abdullah bin Ali, maka lenyaplah satu musuh peribadi Khalifah Abu Ja'far al-Mansur.

Membunuh Abu Muslim Al-Khurasani

❖ Kerana Menganggap Sangat Berbahaya Kepada Kerajaan

Sebenarnya hasrat hati Khalifah Abu Ja'far al-Mansur untuk membunuh atau menghilangkan Abu Muslim al-Khurasani dari pentas sejarah pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah sudah lama iaitu sejak zaman pemerintahan adinda baginda Khalifah Abul Abbas as-Saffah lagi. Baginda pernah menyuruh Khalifah Abul Abbas as-Saffah membunuh Abu Muslim al-Khurasani, tetapi Khalifah Abul Abbas as-Saffah tidak mengendahkan permintaan kakandanya itu. Ini adalah bibit-bibit atau tanda-tanda perseteruan di antara mereka berdua telah nampak sejak awal lagi. Sebenarnya Abu Muslim al-Khurasani sangat setia kepada khalifah bani Abbasiyyah. Tetapi pihak pemerintah terutama Abu Ja'far al-Mansur di masa pemerintahan Khalifah Abul Abbas as-Saffah sangat khuatir dan bimbang terhadap pengaruh dan kekuatan Abu Muslim al-Khurasani khususnya di negeri Khurasan. Khalifah Abul Abbas as-Saffah dan Abu Ja'far al-Mansur berpendapat Abu Muslim al-Khurasani boleh menyerang dan menghancurkan kerajaan bani Abbasiyyah sekiranya dia mahu. Ini adalah kerana kekuatan kerajaan bani Abbasiyyah bergantung hampir sepenuhnya kepada tentera Khurasan yang berada di bawah pengendalian Abu Muslim al-Khurasani.

Memang Abu Ja'far al-Mansur layak untuk merasai kebimbangan sebegini. Kalau dulu pada saat-saat kerajaan bani Abbasiyyah baru akan didirikan, Abu Salamah al-Khallali telah cuba berkhianat kepada pihak bani al-Abbas dengan cuba mengalihkan jawatan khalifah kepada keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib yang dikira lebih layak daripada tokoh-tokoh bani al-Abbasi. Apakah kaitan antara Abu Muslim al-Khurasani dengan Abu Salamah al-Khallali?

Panglima Abu Muslim al-Khurasani ialah bekas hamba kepada Bukair bin Mahan, kepala pejuang bani Hasyim di kota Kufah. Manakala Abu Salamah al-Khallali adalah menantu Bukair bin Mahan. Dan kedua-duanya sama-sama berjuang untuk menegakkan kerajaan bani Hasyim dari Iraq sampai ke negeri Khurasan. Jadi tidak menghairankan kalau kedua-dua tokoh ini mempunyai hati dan niat yang sama.

Abu Salamah al-Khallali telah dibunuh oleh Khalifah Abul Abbas as-Saffah setelah memerintah Panglima Abu Muslim al-Khurasani melakukan pembunuhan itu. Panglima Abu Muslim al-Khurasani telah melakukannya. Jadi untuk menumpaskan Panglima Abu Muslim al-Khurasani, siapa yang dapat melakukannya? Nak mengharapkan kepada bapa saudara baginda Abdullah bin Ali yang gagah perkasa itu, dia sudah dibunuh oleh Panglima Abu Muslim al-Khurasani atas arahan baginda juga. Nak suruh Panglima Isa bin Musa saudara sepupu baginda, dia telah berjuang menghapuskan pemberontakan Muhammad an-Nafsuz Zakiyyah. Dan pula Panglima Isa bin Musa tidak akan dapat mengalahkan Panglima Abu Muslim al-Khurasani yang lebih perkasa, lebih handal dan lebih pintar daripadanya.

Benih-benih perseteruan itu dapat dilihat pada kisah-kisah seperti berikut:-

Pada tahun 136 hijrah/753 Masihi, keadaan seluruh negara sudah aman damai dan tidak ada lagi peristiwa-peristiwa yang mengacau ketenteraman awam. Abu Muslim al-Khurasani dan penduduk negeri Khurasan merasa kepingin sekali untuk pergi menunaikan ibadat haji pada tahun itu. Menjelang bulan Zulhijjah, Abu Muslim al-Khurasan telah meminta izin kepada Khalifah Abul Abbas as-Saffah untuk memimpin rombongan penduduk negeri Khurasan menunaikan ibadat haji. Khalifah Abul Abbas as-Saffah merasa terganggu dengan permintaan Abu Muslim al-Khurasani itu kerana sekiranya baginda mengizinkan Abu Muslim al-Khurasani mengetuai rombongan ibadat haji penduduk negeri Khurasan yang akan dicampur dengan orang-orang Iraq, sudak pasti kebesaran Abu Muslim al-Khurasani akan bertambah besar dan hebat. Khalifah Abul Abbas as-Saffah menulis surat kepada kakanda baginda Abu Ja'far al-Mansur yang merupakan gabenor Hijaz, Armenia dan Azerbaijan supaya menulis surat kepada baginda meminta izin untuk menunaikan ibadat haji tahun itu juga. Ini akan menyebabkan Abu Muslim al-Khurasani akan mengundur diri memimpin kaum Muslimin seandainya Abu Ja'far al-Mansur ada di kota Mekah. Abu Ja'far al-Mansur terus membuat apa yang dirancangkan oleh adindanya Khalifah Abul Abbas as-Saffah dan terus berangkat ke kota Anbar untuk bersama-sama dengan Abu Muslim al-Khurasani.

Setelah kakanda baginda Abu Ja'far al-Mansur tiba di kota Anbar dan Abu Muslim al-Khurasani juga sampai di sana, maka Khalifah Abul Abbas as-Saffah tidak mahu menyakiti hati Abu Muslim al-Khurasani. Seolah-olah kehadhiran kakanda baginda itu tidak dirancang. Jadi terpaksalah baginda mendahulukan kakanda baginda untuk mengetuai rombongan ibadat haji pada tahun itu. Khalifah Abul Abbas as-Saffah berkata kepada Abu Muslim al-Khurasani;

"Andai kata Abu Ja'far tidak menunaikan ibadat haji pada tahun ini, sudah tentu aku melantik engkau untuk memimpinnya."

Abu Muslim a-Khurasani sangat kecewa dengan kata-kata Khalifah Abul

Abbas as-Saffah itu. Beliau dengan nada sinis menjawab;

"Apakah tidak ada tahun lain bagi Abu Ja'far untuk menunaikan ibadat haji?"

Di Mekah pula, kedua-dua tokoh itu saling menabur wang untuk memperlihatkan kebaikan hati masing-masing dan juga untuk menanam pengaruh. Ini menyebabkan bertambah renggang lagi hubungan antara mereka yang telah renggang itu.

Setelah Abu Ja'far al-Mansur dilantik menggantikan Khalifah Abul Abbas as-Saffah, keinginan baginda untuk membunuh Abu Muslim al-Khurasani semakin membuak-buak. Baginda mengira itulah masanya untuk baginda membunuh Abu Muslim al-Khurasani iaitu ketika dia masih berada di negeri Iraq sebelum ia pulang semula ke negeri Khurasan. Kalau dia sudah masuk ke negeri Khurasan, terlepaslah peluang untuk menghapuskannya dan bahaya pula yang sedang menunggu kerajaan bani Abbasiyyah. Baginda tahu tentera di Iraq tidak akan mampu membendung serangan dari tentera Khurasan. Oleh itu Khalifah Abu Ja'far al-Mansur akan memastikan Abu Muslim al-Khurasani tidak terlepas balik ke lubuknya.

Langkah pertama yang diambil oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur untuk menghalang Abu Muslim al-Khurasani daripada pulang ke negeri Khurasan ialah baginda telah melantik Abu Muslim al-Khurasani menjadi gabenor di al-Jazirah dan Syam. Tetapi Abu Muslim al-Khurasani membantah pelantikan itu, jawabnya di dalam surat balasnya kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, "Patutkah aku dilantik menjadi gabenor negeri Syam, sedangkan Khurasan adalah milikku."

Setelah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur mendengar jawapan dari Abu Muslim al-Khurasani seperti itu, maka bertambah gusarlah hati baginda. Baginda tetap berusaha mencari cara-cara lain untuk menghalang Abu Muslim al-Khurasani daripada pulang ke negeri Khurasan. Prof Dr Ahmad Syalaby menceritakan di dalam bukunya *Sejarah Dan Kebudayaan Islam (3)* bagaimana Khalifah Abu Ja'far al-Mansur berusaha untuk menghalang Abu Muslim al-Khurasani daripada pulang ke negeri Khurasan.

Sebenarnya setelah Abu Muslim al-Khurasani menjawab surat Khalifah Abu Ja'far al-Mansur itu, dia terus bergerak untuk pulang ke negeri Khurasan dari Hijaz itu. Setelah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur mendapat khabar itu, semakin resahlah hati baginda kerana sangat bimbang sekiranya Abu Muslim al-Khurasani sempat terlepas ke negeri Khurasan. Baginda dengan segera meninggalkan kota Anbar dan terus menuju ke kota Mada'in di Farsi sambil mengutus sepucuk surat kepada Abu Muslim al-Khurasani memintanya agar datang menghadap baginda di kota Mada'in. Tetapi Abu Muslim al-Khurasani telah dinasihatkan oleh para penyokong beliau supaya jangan pergi ke kota Mada'in menghadap Khalifah Abu Ja'far al-Mansur kerana mengundang

bahaya terhadap dirinya. Ini memandangkan permusuhan beliau dengan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur yang semakin memuncak.

Sebenarnya setelah baginda mengutus surat kepada Abu Muslim al-Khurasani memerintahkannya supaya datang menghadap baginda di kota Mada'in, pihak utusan baginda yang menghantar surat kepada Abu Muslim al-Khurasani telah membawa surat jawapan Abu Muslim al-Khurasani kepada baginda pula. Khalifah Abu Ja'far al-Mansur menulis surat balasan dan dihantar pula kepada Abu Muslim al-Khurasani dengan maksud penuh muslihat seolah-olah baginda sedikitpun tidak terasa hati dengan jawapan Abu Muslim al-Khurasani yang bersifat agak kurang ajar itu.

Surat balas Khalifah Abu Ja'far al-Mansur kepada Abu Muslim al-Khurasani itu berbunyi, "Saya faham isi kandungan suratmu itu. Dan sifatmu bukan seperti sifat menteri-menteri yang menipu raja-raja dan yang menggugat keutuhan pemerintahan kerana banyaknya kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan. Tetapi mengapakah engkau menyamakan dirimu dengan mereka? Saya bermohon kepada Allah agar engkau dipisahkan dari syaitan dan hasutan-hasutannya. Kerana tidak ada pintu yang lebih luas untuk merosakkan niatmu selain daripada pintu yang telah dibukakan oleh syaitan di depanmu."

Di samping itu Khalifah Abu Ja'far al-Mansur juga telah meminta kepada bapa saudara baginda iaitu Musa bin Ali dan lain-lain supaya menulis surat kepada Abu Muslim al-Khurasani memuji-mujinya dan mengucapkan terima kasih kepadanya dan memintanya supaya mematuhi setiap perintah dari khalifah dan mengingatkannya supaya jangan menderhaka (kepada pemerintah - P) kerana buruknya akibat yang akan menimpanya dan menyuruhnya supaya datang segera menghadap Khalifah Abu Ja'far al-Mansur di kota Mada'in.

Tetapi Abu Muslim al-Khurasani tetap dengan perdiriannya mahu pulang juga ke negeri Khurasan. Khalifah Abu Ja'far al-Mansur semakin tertekan dan baginda menjadi semakin resah. Lantas dengan kecerdikan yang baginda miliki, maka Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah meminta kepada Abu Hamid al-Maruruzi agar pergi mendapatkan Abu Muslim al-Khurasani dan memujuk beliau itu dengan lemah lembut supaya datang menghadap baginda dan mengatakan kepadanya bahawa khalifah mahu menyambut dan melayani beliau dengan sebaik-baik penghormatan yang belum pernah baginda lakukan terhadap orang lain. Setelah Abu Hamid al-Maruruzi melihat Abu Muslim al-Khurasani tetap berkeras mahu pulang juga ke negeri Khurasan, maka beliau mula bercakap dengan menggunakan bahasa yang kasar dan keras dengan mengatakan kepada Abu Muslim al-Khurasani bahawa sekiranya ia tetap enggan juga untuk datang menghadap Khalifah Abu Ja'far al-Mansur di kota Mada'in, pemerintah kerajaan bani Abbasiyyah itu telahpun bersumpah akan terus memburunya sehingga berjaya menangkapnya dan akan membunuhnya.

Setelah Abu Muslim al-Khurasani melihat Abu Hamid al-Maruruzi begitu

bersungguh-sungguh mengatakan bahawa Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sudah sangat marah dan mahu membunuhnya sekiranya dia enggan datang menghadap baginda di kota Mada'in, telah menyebabkan Abu Muslim al-Khurasani menjadi takut dan bimbang kalau-kalau apa yang dikatakan oleh Abu Hamid al-Maruruzi itu benar-benar akan dilakukan oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur terhadap dirinya.

Khalifah Abu Ja'far al-Mansur terus menggunakan akalnya yang berbelit-belit itu untuk menghalang Abu Muslim al-Khurasani daripada pulang ke negeri Khurasan. Baginda menulis pula kepada Abu Daud iaitu timbalan Abu Muslim al-Khurasani di negeri Khurasan melantiknya menggantikan tempat Abu Muslim al-Khurasani sebagai gabenor di sana. Abu Daud yang sangat gembira di atas pelantikan itu, telah menulis surat kepada Abu Muslim al-Khurasani sebagaimana berikut, "Kami tidak bersedia mengengkari khalifah-khalifah Allah dan kerabat NabiNya s.a.w. Jangan mengingkari pemimpinmu dan jangan pulang kecuali dengan keizinannya."

Abu Muslim al-Khurasani yang sudah diresap ketakutan dan kebimbangan akan dimurkai dengan lebih teruk lagi oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah bersedia untuk datang menghadap Khalifah Abu Ja'far al-Mansur di kota Mada'in tetapi dengan syarat meminta agar nyawanya dilindungi. Maka beliau telah mengirim seorang utusan untuk menghadap Khalifah Abu Ja'far al-Mansur iaitu Abu Ishak namanya. Tetapi dengan kepintaran Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, baginda telah memberi hadiah yang banyak kepada Abu Ishak dengan maksud untuk menarik Abu Ishak agar memihak kepada baginda. Memang hati Abu Ishak telah berubah setelah mendapat hadiah yang banyak dan mahal-mahal daripada Khalfah Abu Ja'far al-Mansur. Beliau tidak lagi memikirkan untuk menyelamatkan nyawa Abu Muslim al-Khurasani, sebaliknya hanya berusaha agar Abu Muslim al-Khurasani datang menghadap Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Khalifah Abu Ja'far al-Mansur berkata kepadanya, "Pujuklah dia supaya datang segera mengadap, engkau pula yang akan dilantik menjadi gabenor negeri Khurasan." Ini menyebabkan Abu Ishak segera pulang kepada Abu Muslim al-Khurasani dan berkata kepadanya, "Aku lihat mereka menyanjung hakmu. Mereka memandang kepunyaanmu seperti mana mereka memandang kepunyaan diri mereka sendiri."

Panglima Abu Muslim al-Khurasani sangat lega mendengar kata-kata Abu Ishak itu.

Ketika Abu Muslim al-Khurasani dalam perjalanan untuk menghadap Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, baginda masih lagi berusaha mengukuhkan tipu muslihat baginda agar rencana baginda tidak terburai di tengah jalan. Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah memerintah kepada menteri baginda iaitu Abu Ayub al-Muryani supaya menghantar utusan kepada Abu Muslim al-Khurasani memberitahu pahlawan perkasa itu bahawa beliau ada mendengar khabar bahawa Khalifah Abu Ja'far al-Mansur mahu melantiknya ke jawatan yang lebih

tinggi dan memberi alasan tentang bukti-bukti kejujuran khalifah untuk meneguhkan lagi kepercayaan Abu Muslim al-Khurasani terhadap peribadi Khalifah Abu Ja'far al-Mansur.

Apabila rombongan Abu Muslim al-Khurasani hampir tiba di kota Mada'in, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur memerintah seluruh rakyat yang tinggal di kota Mada'in supaya berkumpul dan menyambut serta mengalu-alukan kedatangan pahlawan Farsi yang agong itu. Seluruh bani Hasyim dan rakyat keluar menyambut rombongan Abu Muslim al-Khurasani itu dengan sangat meriah.

Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah menyambut Abu Muslim al-Khurasani dengan mesra sekali dan membiarkan pahlawan Farsi itu mencium tangan baginda. Setelah pertemuan itu berjalan buat beberapa ketika, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur memerintah agar Abu Muslim al-Khurasani berehat terlebih dahulu kerana sudah tentu beliau penat setelah melalui perjalanan yang jauh itu.

Tersebut dalam kitab *at-Tarikh fi Kaamil* jilid 5 m/s 177 dan *Muhadharat Tarikh ad-Daulah al-Abbasiyyah* m/s 81-82 tentang bagaimana tipudaya yang dilakukan oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur ketika baginda akan membunuh Panglima Abu Muslim al-Khurasani. Marilah kita lihat jalan ceritanya:-

Ketika Panglima Abu Muslim al-Khurasani akan masuk menghadap Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, baginda sudah memesankan kepada Uthman bin Nunaik agar menempatkan empat orang pengawal bersembunyi di belakang tabir dengan pedang terhunus di tangan masing-masing. Mereka dikehendaki keluar dengan segera dan membunuh Panglima Abu Muslim al-Khurasani apabila baginda menepuk tangan.

Sekarang marilah kita lihat percakapan atau dialog yang berlaku di antara Khalifah Abu Ja'far al-Mansur dengan Panglima Abu Muslim al-Khurasani ketika Panglima Abu Muslim al-Khurasani sudah pun duduk di hadapan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur menghadap baginda yang duduk bersemayam di atas singgahsana baginda di kota Mada'in itu:-

Khalifah Abu Ja'far al-Mansur : Beritahu kepadaku tentang dua bilah pedang kepunyaan Abdullah bin Ali yang kau dapat (daripada Abdullah bin Ali – P).

Panglima Abu Muslim al-Khurasani: Inilah satu daripadanya (sambil menyerahkan pedang itu kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur dan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur membelek-belek dan mengoyang-goyangkannya. Kemudian diletakkan di bawah tempat semayamnya).

Khalifah Abu Ja'far al-Mansur : Kau menulis kepada Khalifah Abul Abbas as-Saffah melarangnya mengambil tanah-tanah kosong seolah-olah kau mahu mengajar kami tentang agama!

Panglima Abu Muslim al-Khurasani: Hamba menyangka ia tidak halal. Tetapi apabila hamba menerima surat daripadanya, hambapun berpandu

kepada pendapatnya.

Khalifah Abu Ja'far al-Mansur : Beritahu kepadaku tentang perjalananmu melalui Mekah untuk mengadapku.

Panglima Abu Muslim al-Khurasani : Hamba tidak mahu pertemuan kita berlaku di atas air sehingga membahayakan orang ramai.

Khalifah Abu Ja'far al-Mansur : Mengenai seorang hamba perempuan milik Abdullah bin Ali, kau mahu mengambilnya untukmu?

Panglima Abu Muslim al-Khurasani : Tidak! Sebaliknya hamba telah mewakilkannya kepada seseorang untuk menjaganya.

Khalifah Abu Ja'far al-Mansur : Apa pula tujuan pemergian dan perjalananmu ke Khurasan?

Panglima Abu Muslim al-Khurasani : Hamba takut kepada Tuanku. Hamba sudah berniat apabila tiba di Khurasan, hamba akan menulis untuk meminta maaf kepada Tuanku. Dan hamba akan menghapuskan segala keraguan yang ada pada diri Tuanku terhadap hamba.

Khalifah Abu Ja'far al-Mansur : Bagaimana dengan harta yang kau kumpul di Khurasan?

Panglima Abu Muslim al-Khurasani : Telah hamba belanjakan untuk angkatan tentera bagi mengukuhkan kedudukan Tuanku.

Khalifah Abu Ja'far al-Mansur : Bukankah di dalam suratmu kepadaku, kau mulakan dengan namamu? Bukankah kau meminang Asiah binti Ali dan mendakwa dirimu anak tulin dari anak Abdullah bin al-Abbas? Kau telah menongkah suatu tingkatan yang payah. Apakah yang mendorongmu membunuh Sulaiman bin Kathir, sedangkan dia sangat berjasa dalam perjuangan kami (menumbang kerajaan bani Umayyah dan menegakkan kerajaan bani Abbasiyyah sebagaimana kamu juga)?"

Panglima Abu Muslim al-Khurasani : Dia mahu berpaling tadah kerana itu hamba membunuhnya.

Sampai setakat ini Panglima Abu Muslim al-Khurasani mulai gelisah. Beliau sudah dapat membaca apakah tindakan yang akan dilakukan oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur terhadap dirinya dengan melihat kepada cara Khalifah Abu Ja'far al-Mansur melemparkan tuduhan-tuduhan yang begitu remeh temeh kepadanya yang mana tidak padan untuk diukur dengan jasanya yang telah berjuang menegak pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah dan menumbangkan kerajaan bani Umayyah. Kemudian dengan suara yang agak meninggi, Panglima Abu Muslim al-Khurasani berkata pula kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur;

"Mengapakah hamba dituduh dengan semua ini, sedangkan hamba telah

mencurahkan bakti dan jasa untuk menegakkan pemerintahan kerajaan Abbasiyyah!!

Dengan api kemarahan yang mula membakar hatinya, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur menjawab pula, "Wahai anak jalang! Hamba perempuan pun boleh berbuat seperti itu sekiranya berada di tempatmu."

Panglima Abu Muslim al-Khurasani maju ke hadapan dan mengucup tangan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur serta memohon maaf kepada baginda. Tindakan Panglima Abu Muslim al-Khurasani itu bukan menjadikan hati Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sejuk atau mulai sejuk, tetapi bertambah-tambah meluap rasa marahnya. Apabila Panglima Abu Muslim al-Khurasani melihat sikap Khalifah Abu Ja'far al-Mansur terhadap dirinya yang seakan-akan sudah tidak suka melihatnya hidup lagi di atas muka bumi, maka dia merasa tersinggung dan merasa tidak ada harapan lagi untuk lepas daripada perangkap Khalifah Abu Ja'far al-Mansur itu. Maka Panglima Abu Muslim al-Khurasani berkata kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur melepaskan rasa geramnya;

"Sudahlah! Hambapun tidak takut kepada sesiapapun selain Allah SWT sahaja."

Tiba-tiba Khalifah Abu Ja'far al-Mansur menepuk kedua-dua belah tangan baginda lantas keluarlah empat orang pengawal dari belakang tabir dengan pedang terhunus di tangan berlari-lari kearah Panglima Abu Muslim al-Khurasani. Mereka mengepung pahlawan bani Abbasiyyah yang sangat gagah perkasa itu dan dengan serentak menikamnya. Seorang menteri diarah keluar untuk memberitahu kepada para pengikut Panglima Abu Muslim al-Khurasani yang sedang menunggu di luar istana bahawa Panglima Abu Muslim al-Khurasani sedang bercakap-cakap dengan khalifah dan memberi hadiah kepada setiap mereka serta meminta mereka bersurai. Tiba-tiba Isa bin Musa Putera Mahkota masuk ke dewan penghadapan dan bertanya di mana beradanya Panglima Abu Muslim al-Khurasani yang sekejap tadi masuk menghadap Khalifah Abu Ja'far al-Mansur? Khalifah Abu Ja'far al-Mansur memjawab, "Sekejap tadi dia bersamaku." Isa bin Musa pun memuji-muji tentang bakti yang telah dicurahkan oleh Panglima Abu Muslim al-Khurasani kepada kerajaan bani Abbasiyyah serta kepatuhan dan kesetiaannya terhadap Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Hati Khalifah Abu Ja'far al-Mansur menjadi sangat geram mendengar pujian yang diberikan oleh Isa bin Musa kepada Panglima Abu Muslim al-Khurasani kerana baginda sangat benci kepada Panglima Abu Muslim al-Khurasani dan telah membunuhnya. Khalifah Abu Ja'far al-Mansur menjawab, "Demi Allah, aku tidak tahu di atas muka ini ada musuh yang lebih berbahaya daripadanya (Panglima Abu Muslim al-Khurasani). Itu dia di dalam permaidani."

Isa bin Musa terperanjat apabila melihat mayat Panglima Abu Muslim al-Khurasani yang tergolek di dalam permaidani sambil melangkah beberapa

langkah undur ke belakang. Khalifah Abu Ja'far al-Mansur tidak dapat menahan perasaan marahnya kepada Isa bin Musa lantas berkata, "Kau berkongsi kuasa dengannya?"

Isa bin Musa terkejut dan terbungkam dengan tuduhan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur yang tanpa bukti itu terhadap dirinya dan menafikannya.

Setelah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur membunuh Panglima Abu Muslim al-Khurasani, barulah baginda mendapat julukan 'al-Mansur ' yang bererti 'Orang Yang Memperolehi Kemenangan'.

Peristiwa ini berlaku pada tahun 137 hijrah/754 Masihi.

Pemberontakan Kerana Menuntut Bela Di Atas Kematian Abu Muslim Al-Khurasani

❖ Pemberontakan Sunbaz

Setelah orang-orang Farsi menyedari bahawa Panglima Abu Muslim al-Khurasai telah dibunuh oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, maka marahlah mereka kerana Panglima Abu Muslim al-Khurasani adalah pemimpin dan ketua negeri mereka. Tetapi nasi sudah menjadi bubur. Apakan daya segala-galanya sudah tidak berguna lagi. Orang-orang Farsi khasnya penduduk negeri Khurasan telah cuba bangkit untuk memberontak terhadap pemerintahan kerajaan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Di antara pemimpin pemberontak orang-orang Farsi yang terkenal ialah seorang tokoh yang bernama Sunbaz. Marilah kita lihat perjalanan pemberontakan ini:-

Sunbaz ialah seorang kafir Majusi berbangsa Farsi yang berasal daripada sebuah perkampungan di negeri Naisabur. Dia bersahabat dengan Panglima Abu Muslim al-Khurasani dan menyokong perjuangan beliau sejak mula-mula lagi. Dia sangat gagah perkasa dan berpengaruh. Apabila dia mendapat tahu Panglima Abu Muslim al-Khurasani telah dibunuh oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur di dalam istana baginda di kota Mada'in, maka dia menjadi sangat marah dan bercadang untuk bangkit memberontak terhadap pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Beliau telah berusaha mengumpul para pengikut daripada para penduduk di kawasan pergunungan di negeri Khurasan yang kebanyakannya dari suku kaum Kharramiyyah dan Mazdak sehingga mencapai jumlah hampir 100,000 orang. Khalifah Abu Ja'far al-Mansur pula sebaik sahaja mendapat tahu Sunbaz telah mengumpul kekuatan untuk bangkit memberontakan terhadap pemerintahan baginda, telah menyiapkan sebuah angkatan tentera yang besar untuk menghapuskan pemberontakan Sunbaz ini dengan melantik Panglima Jahwar bin Marar al-Azali sebagai pemimpin pasukan. Maka meletuslah pertempuran yang hebat di mana para pemberontakan pimpinan Sunbaz telah mengalami kekalahan yang teruk dan dia sendiri terbunuh. Mengikut riwayat Ibnu Tabatiba seramai kira-kira 60,000 orang pengikut Sunbaz yang terbunuh di dalam pertempuran itu (yang lain-lain

sempat menyelamatkan diri dan sebahagian pula telah ditawan).

❖ Pemberontakan Rawandiyah

Kebangkitan golongan Rawandiyah ada hubungkait juga dengan pemberontakan Sunbaz iaitu kerana marah terhadap perbuatan membunuh Panglima Abu Muslim al-Khurasani oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Tetapi tidak sebagaimana Sunbaz yang merupakan nama seorang tokoh yang mempunyai pengikut yang sangat ramai, Rawandiyah bukan nama seorang tokoh, tetapi satu kumpulan manusia. Nama Rawandiyah diambil daripada nama sebuah bandar iaitu Rawand yang terletak dekat dengan kota Asfahan di negara Farsi. Oleh kerana kumpulan ini diwujud atau dibentuk di bandar ini, maka nama kumpulan atau golongan ini dinamakan dengan nama bandar ini di mana ianya ditubuh atau diwujudkan.

Kewujudan atau pembentukan kumpulan Rawandiyah ini bukanlah bertujuan untuk mengangkat senjata memberontak terhadap pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur secara terbuka, tetapi rencananya adalah dilakukan secara halus, licin dan licik. Kalau Sunbaz bangkit memberontak sehingga terkorban, maka Rawandiyah tidak berbuat demikian, sebaliknya kumpulan ini memperlihatkan kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur bahawa mereka bukan membenci khalifah, sebaliknya mereka sangat mencintai baginda. Kerana itu mereka memperlihatkan sikap memuja dan menyanjung Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Mereka mengatakan diri Khalifah Abu Ja'far al-Mansur adalah jelmaan Tuhan kerana Roh Allah telah menyerap ke dalam diri khalifah. Menyembah khalifah adalah suatu kewajipan yang mesti ditunaikan sebagaimana sembahyang lima waktu juga. Ini disebabkan khalifahlah yang memberi rakyat makan dan minum.

Mereka datang dari negeri Farsi berarak ke kota Baghdad dan terus bertawaf mengelilingi istana Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang Islam yang melakukan tawaf di Baitullah di kota Mekah sambil berkata, "Inilah istana Tuhan kami." Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sangat marah kepada mereka dan telah memerintah supaya kepala-kepala mereka ditangkap. Semua ketua-ketua mereka telah ditangkap dan dipenjara termasuk juga 200 orang pengikut mereka. Manakala pengikut-pengikut yang tidak ditangkap telah membantah perbuatan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur yang memenjarakan ketua-ketua dan rakan-rakan mereka itu. Untuk menghadapi mereka secara bersemuka, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah keluar dari istana baginda berjalan menuju kepada mereka dengan kepercayaan bahawa kaum Rawandiyah itu tidak akan mengapa-apakan baginda kerana mereka menganggap baginda adalah Tuhan mereka. Tetapi sangkaan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur itu meleset sama sekali kerana ketika baginda sampai di tengah-tengah kumpulan yang sesat itu, kaum Rawandiyah itu bukan sebenarnya menganggap baginda Tuhan mereka, cuma semata-mata untuk

memperdayakan baginda sahaja. Mereka telah menyerang baginda secara beramai-ramai dengan tujuan untuk membunuh baginda. Tiba-tiba muncul seorang lelaki yang memakai tutup muka dan menyerang kumpulan orang-orang Rawandiyah yang sedang mengerumuni Khalifah Abu Ja'far al-Mansur itu. Semua orang-orang Rawandiyyah itu bertempiaran lari meninggalkan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sangat berterima kasih kepada lelaki yang bertutup muka itu. Rupa-rupanya lelaki itu ialah Ma'an bin Zaidah, pahlawan yang terkenal gagah perkasa pada zaman pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad dan merupakan seorang penyokong kerajaan bani Umayyah yang berjuang bersama-sama Yazid bin Umar bin Hubairah menentang perjuangan menegakkan kerajaan bani Abbasiyyah. Tetapi kerana sangat terhutang nyawa kepada Ma'an bin Zaidah, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah melupai semua peristiwa silam itu dan telah melantik Ma'an bin Zaidah menjadi gabenor di negeri Yaman.

Pemberontakan Oleh Kaum Syiah Ahlil Bait

❖ Pemberontakan Muhammad An-Nafsuz Zakiyyah Dan Saudaranya Ibrahim

Selepas berlalu lapan tahun dari tarikh pemberontakan yang dilancarkan oleh Abdullah bin Ali iaitu menjelang tahun 145 hijrah/762 Masihi, ketika Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sedang membangun kota Baghdad untuk dijadikan ibukota yang baru menggantikan kota Anbar, maka meletus pula dua pemberontakan yang dilancarkan oleh dua orang tokoh Syiah Alawiyyeen yang terkemuka iaitu di kota Madinah dan di kota Kufah. Punca kedua-dua pemberontakan ini meletus ialah apabila Khalifah Abu Ja'far al-Mansur berusaha untuk menangkap salah seorang tokoh itu iaitu Muhammad bin Abdullah al-Madhah bin Hasan bin al-Hasan bin Ali bin Abu Talib yang lebih dikenali dengan gelaran an-Nafsuz Zakiyyah. Sebab-sebab Khalifah Abu Ja'far al-Mansur mahu menangkap an-Nafsuz Zakiyyah adalah kerana baginda menuduh an-Nafsuz Zakiyyah sedang berusaha mengumpul kekuatan untuk mengguling pemerintahan baginda.

Sejak peristiwa kegagalan Abu Salamah al-Khallali untuk menyerahkan jawatan khalifah kepada golongan Ahlil Bait pada tahun 132 hijrah/749 Masihi, Muhammad an-Nafsuz Zakiyyah telah menyembunyikan dirinya daripada pemandangan para khalifah bani Abbasiyyah bermula dengan Khalifah Abul Abbas as-Saffah dan kini daripada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. An-Nafsuz Zakiyyah menyembunyikan diri daripada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur adalah selama sembilan tahun bermula dari tahun 136 hijrah/753 Masihi hingga 145 hijrah/762 Masihi. Dalam masa an-Nafsuz Zakiyyah bersembunyi itulah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur membuat tuduhan tersebut. Oleh kerana baginda gagal untuk mengesan tempat persembunyian an-Nafsuz Zakiyyah, maka Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah menangkap ayah an-Nafsuz Zakiyyah iaitu

Abdullah al-Madhah dan menyiksanya. Tujuan baginda berbuat demikian agar an-Nafsuz Zakiyyah keluar menyerah diri kepada baginda.

Tetapi Muhammad an-Nafuz Zakiyyah tidak terpedaya dengan taktik pihak pemerintah kerajaan bani Abbasiyyah itu. Beliau bersama-sama saudaranya Ibrahim telah membuat pengisytiharan menentang secara terang-terangan terhadap pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Beliau menggali parit mengelilingi kota Madinah seperti yang pernah dilakukan oleh moyang beliau Rasulullah s.a.w. dalam perang Khandak tahun ke 5 hijrah dahulu. Para sahabat beliau telah menasihatkan beliau supaya jangan berbuat demikian, kerana akan menyukarkan perhubungan dua hala dan menyukarkan bantuan untuk dibawa masuk ke dalam kota Madinah. Tetapi an-Nafsuz Zakiyyah tidak memikirkan perkara ini. Beliau lebih memikirkan pertahanan yang kuat di dalam kota. Ternyata kebenaran berada di pihak sahabatnya kerana kekuatan di dalam kota Madinah semakin lemah kerana bantuan tidak dapat dibawa masuk ke dalam kota Madinah kerana dihalang oleh parit yang terbentang luas dan memanjang melingkari hampir keseluruh kota Madinah dan kerana para pedagang menjadi sangat takut untuk masuk ke dalam kota Madinah bimbang terkepung di dalamnya. Mereka juga takut pihak kerajaan bani Abbasiyyah akan menuduh mereka bersubhat dengan an-Nafsuz Zakiyyah dan hukuman yang berat akan dikenakan ke atas mereka.

Untuk menghadapi penentangan atau pemberontakan oleh Muhammad an-Nafsuz Zakiyyah, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah berkata kepada Putera Mahkota ketika itu ialah Isa bin Musa;

"Demi Allah! Yang mereka mahu sama ada aku atau engkau. Kerana itu sama ada aku atau engkau yang mesti pergi menumpaskan mereka."

Panglima Isa bin Musa telah menerima cabaran Khalifah Abu Ja'far al-Mansur itu kerana dia adalah Putera Mahkota bakal khalifah setelah kewafatan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Amannya kerajaan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, bermakna amanlah juga kerajaan yang bakal dipimpinnya nanti. Maka Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah menyiapkan sebuah pasukan tentera yang besar dengan dipimpin oleh Panglima Isa bin Musa. Maka berangkatlah Isa bin Musa memimpin pasukan kerajaan bani Abbasiyyah untuk menghapuskan pemberontakan yang dicetuskan oleh Muhammad an-Nafsuz Zakiyyah di kota Madinah itu. Maka berlakulah pertempuran yang hebat di kota Madinah di mana pihak Muhammad an-Nafsuz Zakiyyah telah mengalami kekalahan yang teruk dan an-Nafsuz Zakiyyah sendiri telah terbunuh. Kepalanya dipenggal dan dibawa kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur di kota Baghdad.

Setelah pemberontakan Muhammad an-Nafsuz Zakiyyah tewas di kota Madinah, saudaranya yang bernama Ibrahim telah sempat melarikan diri ke negeri Iraq iaitu ke kota Kufah kemudian ke kota Basrah dan mencetuskan pemberontakan di sana. Panglima Isa bin Musa telah bergerak pula memimpin

pasukan tentera kerajaan bani Abbasiyyah menuju ke kota Basrah untuk menghadapi Ibrahim bin Abdullah al-Madhah itu.

Ketika Ibrahim bin Abdullah mencetuskan pemberontakan di kota Basrah, Imam Abu Hanifah pengasas mazhab Hanafi telah mengisytiharkan sokongan beliau terhadap perjuangan Ibrahim dan berfatwa bahawa berperang bersama-sama Ibrahim menentang kerajaan bani Abbasiyyah di bawah pimpinan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur lebih baik daripada mengerjakan ibadat haji (sunat) sebanyak 50 atau 70 kali.

Inilah di antara sebab mengapa Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sangat sakit hati dan marah kepada Imam Abu Hanifah.

Marilah kita lihat bagaimana bermulanya detik-detik perjuangan Ibrahim bin Abdullah di negeri Iraq dengan bermula di kota Kufah seterusnya melancarkan pemberontakan di kota Basrah.

Mengikut catitan Ibnu Tabatiba di dalam kitab sejarahnya *al-Fakhri* bahawa Ibrahim bin Abdullah sangat cerdik dan pintar menipu helah dan menyamar. Beliau sentiasa bersembunyi daripada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sebagaimana kakandanya Muhammad an-Nafsuz Zakiyyah juga, tetapi Khalifah Abu Ja'far al-Mansur tidak pernah tersembunyi daripada pandangannya. Kerana kepandaiannya menyamar, beliau pernah mengunjungi tentera Khalifah Abu Ja'far al-Mansur dan beliau pernah duduk bersama-sama Khalifah Abu Ja'far al-Mansur di atas satu hamparan.

Setelah beliau sudah dikenali oleh rakyat kota Kufah dan setelah beliau mengetahui diri beliau sudah tidak dapat lagi keluar dari kota Kufah kerana pihak pemerintah kerajaan bani Abbasiyyah telah membuat sekatan di setiap laluan keluar dari kota Kufah, dan beliau merancang untuk pergi ke kota Basrah pula, maka beliau telah membuat helah dan muslihat dengan membuat penyamaran sehingga para penjaga di jalan laluan keluar tidak menyangka beliau yang keluar di hadapan para penjaga jalan keluar itu. Diriwayatkan oleh para sejarawan bahawa Ibrahim telah menghantar seorang pengikutnya yang bernama Sufyan bin Zaid untuk menghadap Khalifah Abu Ja'far al-Mansur dan mengaku mengetahui tempat persembunyian beliau dan berjanji akan menunjuk tempat persembunyian beliau di kota Basrah kepada gabenor di sana. Khalifah Abu Ja'far al-Mansur mempercayainya dan bersetuju memberi jaminan untuk menjaga keselamatan Sufyan. Dan baginda telah meminta seseorang yang bernama Abu Suwaid menemani Sufyan menjalankan tugas tersebut. Sementara Sufyan pula telah membawa bersama-samanya seorang hamba yang berpakaian jubah dari kain bulu dan di lehernya tergantung sebuah bungkusan berisi makanan. Mereka telah mengikuti sebuah kenderaan berkuda yang membawa surat-surat. Apabila sampai di kota Basrah, Sufyan meminta kepada Abu Suwaid supaya menunggu di suatu tempat, kerana beliau mahu merisik tentang Ibrahim bin Abdullah, apakah dia masih menetap di tempatnya itu

juga. Tetapi Sufyan dan hambanya itu pergi tidak kembali-kembali lagi ke tempat Abu Suwaid yang sedang menunggunya itu. Sebenarnya hamba yang memakai baju dari kain bulu (dan menggantung bungkusan makanan di lehernya - P) ialah Ibrahim bin Abdullah sendiri. (lihat buku *Sejarah Dan Kebudayaan Islam* (3) - Ahmad Syalabi m/s 142/143).

Angkatan tentera kerajaan bani Abbasiyyah yang di bawah pimpinan Putera Mahkota Panglima Isa bin Musa telah bertembung dengan pasukan pimpinan Ibrahim bin Abdullah di kota Basrah itu. Pasukan tentera kerajaan bani Abbasiyyah telah mencapai kejayaan mengalahkan pasukan tentera Syiah Alawiyyeen Ahlil Bait yang dipimpin oleh Ibrahim bin Abdullah itu. Dengan tewasnya Ibrahim bin Abdullah, maka tidak ada lagi pemberontakan yang dicetuskan oleh kaum Syiah Alawiyyeen pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur.

Penyingkiran Isa Bin Musa Dari Jawatan Putera Mahkota Dan Pelantikan Anak

Persoalan pelantikan Putera Mahkota sebagai bakal pengganti jawatan khalifah dimulai oleh khalifah pertama kerajaan bani Umayyah iaitu Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Setelah itu secara berturut-turut para khalifah akan melantik putera mereka sebagai khalifah menggantikan tempat mereka (kecuali beberapa orang khalifah sahaja yang tidak berbuat demikian). Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dianggap sebagai pengasas sistem ini, kerana sistem ini belum pernah dikenali di dalam pelantikan khalifah di dalam Islam. Semua kita tahu para Khalifah Irrasyidin suci daripada mencipta jawatan Putera Mahkota. Namun Khalifah Abu Bakar as-Siddiq adalah pencipta menentukan bakal pengganti khalifah. Kemudian dituruti oleh Khalifah Umar bin al-Khattab. Tetapi berlainan caranya. Sayidina Abu Bakar as-Siddiq menentukan seorang untuk jawatan khalifah, manakala Sayidina Umar menunjukkan sekelompok bakal mengisi jawatan khalifah atau calon khalifah. Sayidina Uthman bin Affan dan Sayidina Ali bin Abu Talib pula tidak menunjukkan bakal pengganti mereka sebagaimana Rasulullah s.a.w. juga. Sayidina Uthman bin Affan tidak menentukan bakal pengganti baginda adalah disebabkan baginda telah dibunuh sebelum baginda memikirkan perkara itu. Begitu juga dengan Sayidina Ali bin Abu Talib.

Setelah muncul kerajaan bani Abbasiyyah, para khalifahnya telah meneruskan tradisi melantik Putera Mahkota. Tetapi khalifah pertama kerajaan ini iaitu Khalifah Abul Abbas as-Saffah telah menunjukkan Putera Makhota yang bukan dari kalangan anak-anak baginda sendiri. Khalifah Abul Abbas as-Saffah menunjukkan saudara dan saudara sepupu baginda sebagai Putera Mahkota yang akan menduduki kerusi khalifah silih berganti. Kalau hendak dikira ini bukan wajar dinamakan Putera Mahkota, kerana Putera Mahkota ialah melantik anak sendiri sebagai bakal khalifah. Ini wajar dinamakan Bakal

Khalifah.

Khalifah Abul Abbas as-Saffah telah melantik Putera Mahkota pertama ialah kakanda baginda Abu Ja'far al-Mansur. Manakala Putera Mahkota kedua ialah saudara sepupu baginda yang bernama Isa bin Musa seperti kisahnya yang disebutkan di atas. Kenapakah Khalifah Abul Abbas as-Saffah melantik saudara sepupu baginda Isa bin Musa sebagai Putera Mahkota yang kedua, sedangkan masih ada lagi orang yang lebih dekat dengan baginda untuk dilantik sebagai Putera Mahkota kedua iaitu bapa-bapa saudara baginda yang masih ramai lagi terutama Daud dan Salih bin Ali?

Khalifah Abul Abbas as-Saffah melantik Isa bin Musa sebagai salah seorang Putera Mahkota bakal Khalifah bani Abbasiyyah adalah berdasarkan kepada jasa beliau di dalam atau ketika berjuang untuk menumbangkan kerajaan bani Umayyah dan menegakkan kerajaan bani Abbasiyyah. Isa bin Musa adalah tulang belakang di dalam perjuangan yang penuh risiko ini. Disamping Isa bin Musa mempunyai hubungan yang sangat baik dan rapat dengan Khalifah Abul Abbas as-Saffah.

Namun setelah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur berkuasa, baginda telah berusaha untuk menyingkir Isa bin Musa daripada jawatan Putera Mahkota kerana baginda mahu melantik putera baginda Muhammad yang terkenal dengan gelaran al-Mahdi sebagai Putera Mahkota. Inilah sebenarnya yang patut dinamakan Putera Mahkota sebagaimana para Khalifah bani Umayyah yang melantik anak-anak mereka sebagai Putera Mahkota meskipun kadang-kadang melantik juga saudara.

Sebelum menyingkir Isa bin Musa daripada jawatan Putera Mahkota, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah menggunakan tenaga dan kehandalan Isa bin Musa terutama untuk menghancurkan perlawanan oleh dua orang pahlawan Syiah Ahlil Bait iaitu Muhammad an-Nafsuz Zakiyyah dan saudaranya Ibrahim yang bangkit memberontak terhadap pemerintahan baginda. Setelah merasa tenaga Isa bin Musa sudah tidak diperlukan lagi apabila Isa bin Musa menewaskan an-Nafsuz Zakiyyah dan Ibrahim dan setelah pahlawan-pahlawan yang sangat perkasa yang dianggap mengancam pemerintahan baginda seperti bapa saudara baginda Abdullah bin Ali dan pahlawan dari Khurasan Panglima Abu Muslim al-Khurasani telah berjaya baginda hapuskan, maka Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah bertindak secara halus untuk menyingkir Isa bin Musa daripada jawatan Putera Mahkota untuk digantikan dengan anak baginda sendiri seperti yang telah disebutkan.

Al-Jahsyiari menceritakan detik-detik usaha Khalifah Abu Ja'far al-Mansur untuk menyingkirkan Isa bin Musa daripada terus memegang jawatan Putera Mahkota dengan meminta Isa bin Musa agar menyerahkan atau melucutkan jawatannya sendiri Putera Mahkota yang disandangnya kepada al-Mahdi, tetapi Isa bin Musa menjawab;

"Apa yang patut aku buat dengan sumpah yang aku dan rakyat pikul di bahu masing-masing untuk membebaskan hamba abdi, menceraikan isteri, menunaikan ibadat haji dan mengeluarkan sedekah? Tidak ada jalan kepada aku untuk melanggar sumpah tersebut."

Jawapan Isa bin Musa ini menjadikan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur mula membenci dan menjauhi Isa bin Musa. Kalau sebelumnya Isa yang terlebih dahulu diizinkan masuk menghadap baginda dan diberi tempat duduk di sebelah kanan baginda, kini tidak lagi demikian. Khalifah Abu Ja'far al-Mansur tidak lagi memuliakan Isa bin Musa, sebaliknya memerintah supaya putera baginda al-Mahdi masuk menghadap baginda terlebih dahulu daripada Isa bin Musa dan menempatnya di sebelah kanan baginda di tempat yang selalu diduduki oleh Isa bin Musa.

Selain itu Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah cuba memberi malu kepada Isa bin Musa dengan memerintah dibuat sebuah lubang di dinding di mana Isa bin Musa duduk sebelum diizinkan menghadap baginda. Ini menyebabkan kepala Isa bin Musa dipenuhi dengan debu-debu. Ketika kepala atau serban Isa bin Musa dipenuhi dengan debu-debu dinding itu, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur tidak sekali-kali memberi peluang kepada Isa bin Musa untuk mengipas-ngipas debu di atas kepalanya, terus memanggilnya masuk mengadap. Lantas Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sengaja menegur Isa dengan kata baginda;

"Wahai Isa! Belum pernah ada sesiapapun yang datang mengadapku dengan kepala dipenuhi debu dan habuk sepertimu ini. Adakah ianya terjadi ketika kau dalam perjalanan?"

"Saya kira begitulah Tuanku," jawab Isa bin Musa tanpa membuat komen panjang.

Setelah menerima tekanan yang terus menerus daripada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, akhirnya Isa bin Musa telah membuat pengumuman peletakan jawatannya selaku Putera Mahkota kepada orang ramai, katanya, "Sesungguhnya aku telah menyerahkan jawatan Putera Mahkota kepada al-Mahdi dan aku mendahuluinya ke atas diriku."

Tetapi setelah beberapa orang pembesar kerajaan mahu beliau jelaskan kedudukan yang sebenarnya beliau bertindak demikian, Isa bin Musa membuka rahsianya;

"Aku telah diberi dan aku menerima sejumlah 10,000 dirham kerana melucut hakku sebagai Putera Mahkota untuk menggantikan tempat Amirul Mu'minin al-Mansur, dan menyerahkan kepada anaknya al-Mahdi. Keputusan ini aku buat atas kerelaanku sendiri. Lebih-lebih lagi dia (al-Mahdi – P) lebih utama dan berhak dari diriku untuk menyandang jawatan tersebut."

Demikianlah liku-liku perjalanan bagaimana sukarnya Khalifah Abu Ja'far

al-Mansur untuk melucutkan jawatan Putera Mahkota yang disandang oleh Isa bin Musa untuk diberikan kepada putera baginda al-Mahdi. Untuk makluman para pembaca semua, bahawa Khalifah Abu Ja'far al-Mansur adalah merupakan Khalifah bani Abbasiyyah yang mula-mula sekali melantik Putera Mahkota dari kalangan anak sendiri sebagai bakal khalifah.

Kaum Barmaki Semakin Menyerlah

Dalam sejarah kerajaan bani Abbasiyyah, nama kaum Baramikah amat terkenal sekali. Kemasyhuran mereka mencapai kemuncaknya pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid. Dan kemusnahan mereka pun pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid juga. Nama Barmaki mulai terserlah setelah usaha dibuat oleh bani Hasyim untuk menumbangkan pemerintahan kerajaan bani Umayyah. Tokoh Barmaki yang pertama muncul ialah Khalid bin Barmak, seorang pahlawan berkebangsaan Farsi yang turut di dalam pasukan tentera pergerakan perjuangan menumbangkan kerajaan bani Umayyah dan menubuhkan kerajaan bani Hasyim (Bani Abbasiyyah) yang dipimpin oleh Panglima Qahtabah bin Syubaib at-Ta'i, seorang pahlawan Arab dari Iraq yang memimpin angkatan tentera perjuangan bani Hasyim dari negeri Khurasan yang bergerak menyerang kota Kufah atau negeri Iraq. Ketika itu Khalid bin Barmak sudah memainkan peranannya dengan memberi nasihat dan pendapat kepada Panglima Qahtabah bin Syubaib at-Ta'i di dalam persoalan-persoalan berkaitan ketenteraan atau peperangan.

Kalau pada zaman pemerintahan Khalifah Abul Abbas as-Saffah, Khalid bin Barmak telah dilantik menjadi menteri dan penasihat kepada baginda itu, maka pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur pula, juga beliau telah dilantik menjadi menteri dan penasihat. Ini adalah kerana Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah membuat pemerhatian dan penilaian terhadap kecekapan dan kebolehan Khalid bin Barmak di dalam pentadbiran dan ketenteraan disebabkan kebijaksanaan dan kecerdikan yang ada padanya. Sebab itu sebaik sahaja Khalifah Abul Abbas as-Saffah wafat dan melantik kakanda baginda Abu Ja'far al-Mansur sebagai khalifah menggantikan tempatnya, maka Khalifah Abu Ja'far al-Mansur terus mengekalkan kedudukan Khalid bin Barmak selaku menteri dan penasihat baginda pula.

Namun perkhidmatan Khalid bin Barmak di dalam kerajaan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur tidaklah lama. Cuma setahun sahaja. Kemudian beliau telah dipecat atau disingkirkan oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur dan menggantikan dengan seorang yang lain. Tokoh kedua yang dimaksudkan itu bernama Abu Ayub al-Muryani. Nanti Abu Ayub al-Muryani pula menjadi mangsa kepada orang lain yang tidak kurang juga cerdik dan bijaknya seperti Khalid dan Abu Ayub. Tokoh ketiga yang dimaksudkan itu ialah ar-Rabi' bin Yunus sebagaimana yang telah diceritakan di bawah tajuk menteri-menteri Khalifah Abu Ja'far al-Mansur.

Al-Mansur Dengan Para Ulama'

❖ Dengan Imam Abu Hanifah Dan Imam Malik Bin Anas

Pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, hidup dua orang Imam Pengasas Mazhab Empat yang terkemuka iaitu Imam Abu Hanifah yang lebih dikenali dengan gelaran Imam Hanafi dan Imam Malik bin Anas yang lebih dikenali dengan gelaran Imam Maliki. Namun jarak usia di antara kedua-dua imam pengasas mazhab empat ini dengan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur agak jauh juga di mana Khalifah Abu Ja'far al-Mansur lebih muda daripada mereka berdua.

Khalifah Abu Ja'far al-Mansur dilahirkan pada tahun 101 hijrah/719 Masihi. Manakala Imam Abu Hanifah dilahirkan pada tahun 80 hijrah/699 Masihi. Sedangkan Imam Malik bin Anas dilahirkan pada tahun 93 hijrah/711 Masihi. Ini bererti Imam Abu Hanifah lebih tua sebanyak 21 tahun daripada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Manakala Imam Malik bin Anas lebih tua cuma sebanyak 8 tahun sahaja.

Di dalam soal perhubungan peribadi pula, Imam Abu Hanifah tidak menyukai Khalifah Abu Ja'far al-Mansur disebabkan beberapa perkara terutama berkaitan dengan permusuhan di antara kerajaan bani Abbasiyyah dengan kaum bani Hasyim khasnya dengan keturunan Rasulullah s.a.w. melalui Sayidina Ali bin Abu Talib dengan Sayidah Fatimah az-Zahra' rha. Setelah terdirinya kerajaan bani Abbasiyyah, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah diperangi oleh dua orang tokoh Syiah Ahlil Bait iaitu Muhammad bin Abdullah bin Hasan bin al-Hasan bin Ali bin Abu Talib yang lebih dikenali dengan gelaran an-Nafsuz Zakiyyah dan saudaranya Ibrahim. Pemberontakan oleh an-Nafsuz Zakiyyah dan Ibrahim telah disokong dengan kuatnya oleh Imam Abu Hanifah. Beliau telah berfatwa bahawa perjuangan bersama-sama Ibrahim lebih baik daripada menunaikan ibadat haji sebanyak 50 atau 70 kali. Jelas di dalam pertentangan di antara pihak kerajaan bani Abbasiyyah yang dipimpin oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur di satu pihak dilawan oleh tokoh-tokoh Syiah Alawiyyeen yang dipimpin oleh an-Nafsuz Zakiyyah dan saudaranya Ibrahim, Imam Abu Hanifah telah memihak kepada kaum Syiah Alawiyyeen. Bahkan Imam Abu Hanifah menyokong perjuangan kaum Syiah bukan semata-mata dengan fatwa-fatwa sahaja, malah dengan menyumbangkan harta kekayaannya. Cuma diri beliau sahaja yang tidak turut serta di dalam pasukan an-Nafsuz Zakiyyah dan Ibrahim.

Kerana sangat tidak menyukai pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah, Imam Abu Hanifah telah menolak segala pemberian hadiah oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur kepada beliau dan juga menolak jawatan qadhi yang ditawarkan kepadanya. Akibatnya beliau telah dipenjara dan dipukul di dalam penjara sehingga lemah badannya dan akhirnya beliau wafat di dalam penjara Khalifah Abu Ja'far al-Mansur.

Di sini timbul pertanyaan kepada kita, apabila dikatakan golongan Ahlis Sunnah wal Jamaah ialah mereka-mereka yang menyebelahi pihak pemerintah sejak zaman Khalifah Irrasyidin, Bani Umayyah sampailah ke zaman Bani Abbasiyyah? Manakala golongan yang dinamakan Syiah ialah mereka-mereka yang menyebelahi keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib dari isteri beliau Sayidah Fatimah az-Zahra' rha dan menyertai mereka menentang pemerintah? Soalnya Imam Abu Hanifah itu Syiahkah? Sedangkan seluruh ulama' Ahlis Sunnah wal Jamaah baik di dalam bidang tauhid, fikah dan tasauf mengakui beliau adalah salah seorang Imam Mazhab Ahlis Sunnah wal Jamaah!

Manakala Imam Malik bin Anas pula menjalin hubungan yang baik dengan pihak kerajaan bani Abbasiyyah khasnya dengan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Beliau meskipun juga menolak untuk dilantik sebagai qadhi dengan mengemukakan alasan yang menasabah, tetapi telah menerima setiap pemberian daripada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur berupa wang dan lain-lain hadiah.

Di dalam soal pemberontakan kaum Alawiyyeen, Imam Malik bin Anas tidak menyertai mereka, dikatakan tidak berfatwa tentang kebaikan menolong mereka dan diketahui tidak pernah memberi pertolongan atau bantuan kewangan atau kebendaan kepada mereka. Ini adalah kerana Imam Malik bin Anas tidak menyukai pemberontakan meskipun pihak pemberontakan itu adalah pihak yang benar dan yang menjadi pemerintah itu pihak yang zalim dan salah. Alasan Imam Malik bin Anas ialah pemberontakan yang dilancarkan tidak pernah mencapai maksud iaitu menjatuhkan kerajaan yang dianggap zalim dan salah itu. Apa yang masyarakat dapat ialah mala petaka dan bencana yang datang menimpa dan menyusahkan kehidupan, sedangkan pemerintah adalah orang-orang Islam juga. Rakyat hidup di dalam ketakutan dan kedukaan. Aktiviti kehidupan terbantut dan rakyat yang tidak bersalah pun ditekan oleh pihak pemerintah.

Sungguhpun begitu Imam Malik bin Anas tetap bersimpati kepada golongan Ahlil Bait. Ketika Muhammad bin Ja'far datang kepada beliau mengadu yang sedang menimpa kaum Ahlil Bait oleh pihak pemerintah, Imam Malik bin Anas telah menasihati Muhammad supaya bersabar.

Di dalam hal ini Imam Malik bin Anas juga diakui oleh para ulama' Ahlis Sunnah wal Jamaah di dalam bidang-bidang tauhid, fikah dan tasauf sebagai salah seorang Imam Mazhab Ahlis Sunnah wal Jamaah.

Wajar sekali para pakar hukum-hukum Islam membuat analisis tentang persoalan ini. Sebab zaman kini terdapat beberapa orang ulama' yang sangat memusuhi kaum atau golongan yang bermazhab Syiah dengan mudah menuduh mereka sesat dan terkeluar dari agama Islam. Mengatakan mereka mempunyai al-Qur'an sendiri yang bukan al-Qur'an musyhaf Uthmaniyyah yang kita lihat hari ini. Mengatakan kaum Syiah mengkafirkan kesemua

sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. kecuali beberapa orang sahaja.

Apakah Imam Abu Hanifah tidak mengetahui semua itu dan menyokong perjuangan mereka untuk menegakkannya?

❖ Dengan Imam Abdullah Bin Tawus al-Yamani

Pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, hidup juga seorang ulama' yang sangat alim, sangat salih dan sangat berani iaitu Imam Abdullah bin Tawus bin Kaisan al-Yamani. Ayah beliau Tawus bin Kaisan adalah seorang ulama' yang sangat berani dan selalu berkata benar dan berterus terang di hadapan khalifah dan para pembesar negara. Tawus bin Kaisan masyhur ketika berdialog dengan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik.

Apabila Khalifah Abu Ja'far al-Mansur mendengar kealiman, kepintaran dan keberanian Ibnu Tawus, baginda teringin sekali untuk bercakap-cakap dengannya. Pada suatu hari Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah memerintah supaya dibawa Imam Abdullah bin Tawus ke hadapan baginda. Ibnu Tawus masuk menghadap Khalifah Abu Ja'far al-Mansur dengan ditemani oleh Imam Malik bin Anas.

Khalifah Abu Ja'far al-Mansur memandang tajam kepada Imam Abdullah bin Tawus lantas berkata kepadanya, "Wahai Ibnu Tawus! Ceritakan kepadaku apa yang pernah kau dengar daripada ayahmu"

Imam Abdullah bin Tawus menjawab, "Aku pernah mendengar dari ayahku bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, "Sesungguhnya manusia yang paling berat menerima azab pada Hari Qiamat ialah orang yang diberi kekuasaan oleh Allah swt, lalu dia berlaku aniaya dan tidak adil dengan kekuasannya itu."

Khalifah Abu Ja'far al-Mansur menjawab pula, "Baiklah kalau demikian, berilah aku nasihat."

Imam Abdullah bin Tawus membaca ayat al-Qur'an (maksudnya), *"Apakah kamu tidak memerhatikan bagaimana Tuhanmu bertindak ke atas kaum Ad? Iaitu penduduk Iram yang mempunyai bangunan-bangunan yang tinggi, yang belum pernah dibangun (suatu kota) seperti itu di negeri-negeri lain dan kaum Thamud yang memotong-motong batu besar di lembah dan kaum Fir'aun yang mempunyai pasak-pasak (angkatan tentera yang kuat), yang berbuat sewenang-wenang dalam negeri, lalu mereka membuat kerosakan yang banyak dalam negeri itu. Kerana itu Tuhanmu menimpa ke atas mereka cameti azab. Sesungguhnya Tuhanmu benar-benar mengawasi."* (Surah al-Fajr ayat 6– 14)

Imam Malik bin Anas yang menceritakan kisah ini mengatakan pada saat itu terasa dalam diri beliau satu kegoncangan yang hebat. Belum pernah beliau merasa tergoncang seperti pada saat itu. Seluruh badan beliau bergementar dan jantung beliau berdengup-dengup kencang, nafas beliau menjadi sesak.

Terbayang di dalam kepalaku batang leher (kepala) Ibnu Tawus telah terpisah dari badannya. Namun Ibnu Tawus sedikitpun tidak gementar dan ragu-ragu dengan apa yang telah dikatakannya. Kemudian Khalifah Abu Ja'far al-Mansur memandang ke muka Imam Abdullah bin Tawus dan berkata kepadanya, "Ambillah bekas dakwah itu."

Tetapi Ibnu Tawus tidak menghiraukan perintah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur itu. Dengan marah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur berkata kepada Imam Abdullah bin Tawus, "Wahai Ibnu Tawus! Kenapakah kau tidak mematuhi perintahku?"

Ibnu Tawus menjawab, "Aku bimbang bekas dakwah itu kau gunakan untuk menulis sesuatu yang menyalahi perintah Allah, nantinya aku akan terseret sama dengan dosamu kerana akulah yang memberikan bekas dakwah itu (kepadamu - P)."

Imam Malik bin Anas meneruskan ceritanya. Setelah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur mendengar jawapan dari Ibnu Tawus itu, baginda diam tidak berkata apa-apa. Kemudian baginda menunjuk ke arah sebuah pintu istana dan mengusir kami berdua keluar melalui pintu itu dengan segera. Imam Malik bin Anas mengakui bahawa beliau belum pernah melihat seorang yang sebegitu teguh pendirian, jujur dan berani sebagaimana Imam Abdullah bin Tawus bin Kaisan al-Yamani.

❖ Al-Mansur Dengan Para Ulama' Lain

Pada masa pemerintahan baginda, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sangat sukar untuk melantik seorang ulama' yang terkemuka untuk dijadikan qadhi kerajaan. Pernah pada suatu ketika Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah mengundang tiga orang ulama' besar yang sangat ternama ke istana baginda dengan tujuan untuk melantik mereka menjadi qadhi kerajaan di tiga daerah atau wilayah. Tiga orang ulama' besar yang dimaksudkan itu ialah Imam Abu Hanifah, Imam Sufyan ath-Thauri dan Imam Syarik bin Abdullah an-Nakha'i.

Setelah ketiga-tiga ulama' besar yang sangat alim dan salih itu duduk di hadapan baginda, maka Khalifah Abu Ja'far al-Mansur berpaling kepada Imam Sufyan ath-Thauri sambil menghulur sepucuk surat dan berkata;

"Ini adalah surat pelantikan kau sebagai qadhi di kota Basrah. Sekarang berangkatlah segera ke sana."

Imam Sufyan ath-Thauri telah menerima surat itu tanpa menjawab apa-apa dan terus keluar.

Kemudian Khalifah Abu Ja'far al-Mansur berpaling pula kepada Imam Syarik bin Abdullah an-Nakha'i dan berkata kepadanya sambil menghulur surat pelantikan qadhi;

"Ini adalah surat pelantikan kau sebagai qadhi di kota ini. Laksanalah tugas kau ini."

Imam Syarik bin Abdullah an-Nakha'i juga telah menerima surat pelantikan itu dan terus keluar.

Kemudian Khalifah Abu Ja'far al-Mansur berpaling pula kepada Imam Abu Hanifah dan berkata kepadanya sambil menghulur surat pelantikan qadhi kepadanya. Tetapi Imam Abu Hanifah secara terus terang menolak jawatan qadhi itu yang menimbulkan kemurkaan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur kepadanya.

Imam Abu Hanifah telah ditangkap, dipenjara dan dipukul. Manakala Imam Syarik an-Nakha'i telah menerima dan menjawat jawatan itu. Sedang Imam Sufyan ath-Thauri telah melarikan diri ke negeri Yaman.

Pada hari yang lain pula Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah menjemput tiga orang ulama' besar yang terkemuka juga dengan tujuan baginda mahu menguji mereka, apakah mereka bertiga mempunyai persamaan atau perbezaan di dalam menilai harta kerajaan. Ketiga-tiga ulama' besar itu ialah Imam Abu Hanifah, Imam Malik bin Anas dan Imam Ibnu Abu Dzi'b. Khalifah Abu Ja'far al-Mansur memulakan dengan bertanya kepada Imam Malik bin Anas dahulu;

"Apakah pendapat kau tentang harta kerajaan?"

Imam Malik bin Anas menjawab, "Sebaik-baik harta."

"Keluarlah kau dari sini?"

Kemudian Khalifah Abu Ja'far al-Mansur bertanya pula kepada Imam Ibnu Abu Dzi'b soalan yang sama juga, "Apakah pendapat kau tentang harta kerajaan?"

Imam Ibnu Abu Dzi'b menjawab, "Seburuk-buruk harta."

"Keluarlah kau dari sini?"

Kemudian Khalifah Abu Ja'far al-Mansur bertanya pula kepada Imam Abu Hanifah soalan yang serupa juga yang telah baginda kemukakan kepada kedua-dua ulama' sebelumnya. Imam Abu Hanifah menjawab;

"Amirul Mu'minin lebih tahu tentang status harta kerajaan itu."

"Keluarlah kau dari sini?"

Setelah ketiga-tiga orang ulama' besar itu meninggalkan majlis baginda, maka Khalifah Abu Ja'far al-Mansur memanggil tiga orang kakitangan istana dan berkata kepada yang pertama;

"Pergilah kau kepada Imam Malik bin Anas. Kalau dia menolak, pukullah belakangnya."

Imam Malik bin Anas menerima pemberian itu. Maka selamatlah dia

daripada kena pukul.

Kemudian Khalifah Abu Ja'far al-Mansur memanggil pula pesuruh yang kedua dan memerintah kepadanya membawa sepundi wang kepada Imam Ibnu Abu Dzi'b dan berpesan kepadanya;

"Pergilah kau kepada Imam Ibnu Abu Dzi'b. Kalau dia menerima, pukullah belakangnya."

Imam Ibnu Abu Dzi'b telah menolak pemberian itu. Maka selamatlah dia daripada kena pukul.

Kemudian baginda memerintah pula kepada pesuruh yang ketiga supaya membawa sepundi wang kepada Imam Abu Hanifah dan berpesan kepadanya;

"Pergilah kau kepada Imam Abu Hanifah. Kalau dia menerima atau menolak, pukullah belakangnya."

Imam Abu Hanifah tidak menerima dan tidak pula menolak pemberian Khalifah Abu Ja'far al-Mansur kepadanya itu. Ini menyebabkan pesuruh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur menyoal beliau, "Kalau begitu di manakah nak diletakkan pundi-pundi ini?" Maka Imam Abu Hanifah menjawab untuk menunjuk jalannya, "Amirul Mu'minin lebih tahu di mana harta ini harus disimpan."

Maka terlepaslah juga Imam Abu Hanifah daripada kena pukul belakangnya. Dengan itu terlepaslah ketiga-tiga ulama' besar itu daripada dipukul oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur kerana kepintaran, kecerdikan dan kejujuran hati masing-masing.

Kenapa Para Ulama' Tidak Mahu Bekerjasama Dengan Al-Mansur?

Di sini timbul satu persoalan iaitu kenapakah para ulama' yang terkenal salih, sangat alim dan wara'-wara' itu tidak suka bekerjasama dengan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur? Kalau zaman sekarang, orang-orang alim yang mengaku sangat alim akan menuduh para ulama' itu bukan dari kalangan bermazhab Ahlis Sunnah wal Jamaah, sebaliknya bermazhab Syiah atau mazhab lainnya.

Sudah sangat masyhur bahawa Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah memerangi dua orang tokoh Syiah Ahlil Bait iaitu an-Nafsuz Zakiyyah Muhammad bin Abdullah bin Hasan dan saudaranya Ibrahim. Dan sudah sangat masyhur bahawa Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah mengkhianati Isa bin Musa bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas dengan melucutkan jawatan Putera Mahkotanya yang telah ditetapkan oleh Khalifah Abul Abbas as-Saffah sebelumnya. Dan juga sudah sangat masyhur Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah membunuh Abu Muslim al-Khurasani yang sangat berjasa besar di dalam perjuangan meruntuhkan kerajaan bani Umayyah dan menegakkan kerajaan bani Abbasiyyah semata-mata di atas rasa curiga baginda bahawa Abu Muslim

al-Khurasani akan menimbulkan pemberontakan terhadap pemerintahan baginda.

Apakah tindakan-tindakan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur ini tidak zalim? Kalau tidak zalim bererti para ulama' yang salih-salih, sangat alim dan sangat wara' itu tidak mahu bekerjasama dengan pemerintahan bani Abbasiyyah pada zaman Khalifah Abu Ja'far al-Mansur disebabkan oleh perkara-perkara lain yang tidak berkenan di hati mereka. Apakah perkara-perkara lain itu?

Sebenarnya para ulama' yang besar-besar dan wara'-wara' seperti Imam Abu Hanifah, Imam Malik bin Anas dan Imam Sufyan ath-Thauri tidak mahu atau tidak suka bekerjasama dengan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur adalah disebabkan akan keterikatan mereka apabila bekerja di bawah pemerintah. Mereka tidak akan dapat mengeluarkan hukum-hukum sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah SWT. Sudah pasti para pemerintah atau khalifah mahu setiap hukum yang dikeluarkan atau difatwakan sesuai dengan selera mereka. Ini sudah banyak terbukti. Pada zaman kerajaan bani Umayyah, Imam Abu Hanifah telah disebat oleh gabenor Khalifah Marwan bin Muhammad di kota Kufah iaitu Yazid bin Umar bin Hubairah semata-mata disebabkan beliau mengeluarkan fatwa yang beliau benar-benar yakin kebenarannya tanpa mengikut hawa nafsunya, tetapi ternyata fatwa beliau itu tidak berkenan di hati gabenor. Ini belum lagi beliau menjadi qadhi kerajaan. Akibatnya beliau dipukul oleh Ibnu Hubairah.

Begitu juga dengan yang telah dialami oleh Imam Malik bin Anas, pengasas mazhab Maliki. Beliau pernah berfatwa yang mana fatwa beliau itu tidak berkenan oleh nafsu gabenor kerajaan bani Abbasiyyah di kota Madinah yang benama Ja'far bin Sulaiman bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas. Fatwa Imam Malik bin Anas itu ialah baiat yang dibuat secara paksa tidak sah. Ini ada kaitan dengan paksaan oleh gabenor itu di dalam persoalan politik. Jadi Imam Malik berfatwa baiat seperti itu tidak sah. Ini menyebabkan sebahagian rakyat tidak merasa berdosa kalau mereka menderhaka kepada pihak pemerintah kerajaan bani Abbasiyyah kerana baiat yang mereka berikan atau buat kepada pemerintah adalah tanpa kerelaan hati mereka, dengan paksaan. Ini menyebabkan Imam Malik bin Anas dipukul oleh gabenor itu.

Imam Sufyan bin Said ath-Thauri, salah seorang pengasas mazhab fikah di peringkat awal (zaman tabiin dan tabi' tabiin) telah melarikan diri ke negeri Yaman kemudian datang membuat ibadat haji ke kota Mekah setelah dipaksa oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur supaya menerima jawatan qadhi di kota Kufah.

Selain itu para ulama' yang salih-salih dan wara'-wara' yang takutkan kebesaran Allah SWT tidak suka bekerjasama dengan para pemerintah terutama selepas pemerintahan Khalifah Irrasyidin ialah kerana mereka lihat setiap khalifah yang sedang berkuasa itu akan berusaha dengan apa cara sekalipun

untuk mengekalkan kekuasaan kerajaan mereka sekalipun dengan membunuh orang-orang yang tidak patut dibunuh mengikut hukum agama Islam. Masakan mereka ini akan melihat sahaja kalau mereka bekerja dengan pemerintah tindakan khalifah yang membunuh orang-orang yang tidak patut atau belum layak dikenakan hukuman bunuh oleh hukum agama? Tentu mereka akan membantah juga. Jadi lebih baik tidak menerima untuk bekerja dengan kerajaan daripada bekerja tetapi sentiasa membantah majikannya sehingga akan dikenakan hukuman yang berat pula setiap hari atau setiap kali membuat bantahan.

Wafat

Setelah menjadi khalifah selama kira-kira 22 tahun, menjelang bulan Zulhijjah tahun 158 hijrah/775 Masihi, maka wafatlah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur ketika dalam perjalanan untuk mengerjakan ibadat haji. Jenazah baginda tidak segera dikebumikan di tempat baginda wafat atau dibawa pulang ke negeri Iraq untuk dikebumikan di kota Baghdad, sebaliknya telah dibawa ke kota Mekah oleh menteri baginda ar-Rabi' bin Yunus yang mengikut rombongan baginda untuk menunaikan ibadat haji itu dan dibawa ke Ka'abah dan didudukkan serta disandar di dinding Ka'bah dengan diberi tutupan pada muka baginda dengan maksud untuk menyatakan bahawa Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sebenarnya masih belum wafat, cuma baginda pengsan sahaja mungkin disebabkan cuaca yang panas itu atau baginda kepanasan. Kemudian ar-Rabi' bin Yunus meminta semua para pembesar kerajaan yang turut di dalam rombongan itu agar duduk menghadap Khalifah Abu Ja'far al-Mansur 'yang masih hidup itu'.

Setelah semua para pembesar duduk berkumpul di hadapan jenazah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, ar-Rabi' bin Yunus masuk ke tempat 'Khalifah Abu Ja'far al-Mansur yang masih hidup itu' dan berlakon bercakap-cakap denga khalifah. Kemudian beliau mengangguk-anggukkan kepada sebagai isyarat tanda bersedia menunaikan semua arahan atau perintah oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur saat itu. Semua kelakuan ar-Rabi' bin Yunus itu dilihat oleh para pembesar dari dekat. Kemudian beliau keluar kepada para pembesar dengan wajah sedih dan mengisytiharkan bahawa Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sudah wafat dan meninggalkan beberapa pesan yang mesti beliau tunaikan.

Sebenarnya ar-Rabi' bin Yunus mempunyai agenda yang tersendiri dengan dia berbuat begitu terhadap Khalifah Abu Ja'far al-Mansur yang sudah wafat. Sebagaimana yang telah disebut di atas di bawah tajuk menteri-menteri Khalifah Abu Ja'far al-Mansur bahawa ar-Rabi' bin Yunus adalah seorang yang bijaksana dan cerdik serta tahu mana yang perlu dilakukan dan mana yang perlu ditinggalkan. Beliau juga dikatakan seorang yang bercita-cita tinggi. Inilah punca kenapa ar-Rabi' bin Yunus melakukan perkara ini ke atas mayat Khalifah

Abu Ja'far al-Mansur.

Ar-Rabi' bin Yunus terus memainkan peranan dan cita-cita hatinya. Beliau bertindak demikian adalah bertujuan agar pembesar-pembesar Khalifah Abu Ja'far al-Mansur melihat betapa Khalifah Abu Ja'far al-Mansur meredhai dirinya sampai ke saat-saat akhir hayat baginda. Kalau dia tidak berbuat demikian, tidaklah jelas kepada para pembesar kerajaan dan kakitangan istana bahawa Khalifah Abu Ja'far al-Mansur menyukai dan merestui ar-Rabi' bin Yunus menjawat jawatan menteri dan penasihat baginda sehingga ke akhir hayat baginda. Jadi ar-Rabi' bin Yunus mengharapkan sesiapa yang bakal menjadi khalifah setelah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur akan sudi memanjang atau mengekalkan kedudukan beliau selaku menteri dan penasihat khalifah. Sementelah pula beliau sudah tahu bakal khalifah setelah al-Mansur ialah putera baginda Muhammad al-Mahdi yang telah diisytiharkan oleh ayahandanya sebagai Putera Mahkota dan bakal khalifah sesudah baginda.

Tujuan atau muslihat ar-Rabi' bin Yunus yang kedua ialah bertujuan agar para pembesar kerajaan melihat sendiri bagaimana Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sebelum wafat baginda telah mewasiatkan kepada dirinya, bukan kepada orang lain bahawa bakal khalifah setelah baginda wafat ialah putera baginda al-Mahdi yang merupakan Putera Mahkota. Selain daripada di atas maksud itu, ar-Rabi' bin Yunus juga mahu al-Mahdi merasa betapa ayahanda baginda sayang, kasih dan menyenangi diri beliau selaku menteri dan penasihat baginda selama baginda menjadi khalifah. Jadi ini akan menjadikan hati al-Mahdi tertarik dan turut rasa sayang dan mahu melantik pula ar-Rabi' bin Yunus untuk menjadi menteri dan penasihat baginda sebaik sahaja baginda naik takhta khalifah.

Sebenarnya ramai yang tidak mengetahui (kerana maklumat ini tidak sampai kepada mereka) bagaimana punca yang menyebabkan kewafatan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Memang sudah sampai ajal baginda, tetapi ada sebab-sebabnya. Sebenarnya punca kematian Khalifah Abu Ja'far al-Mansur ialah tindakan baginda melakukan kezaliman ke atas dua orang ulama' besar dan salih iaitu Imam Sufyan ath-Thauri dan Ubbad bin Kathir. Imam as-Sayuti menulis di dalam kitabnya *Tarikhul Khulafa'* pada tahun 158 hijrah/775 Masihi, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur mengeluarkan perintah kepada gabenor kota Mekah supaya menangkap Imam Sufyan ath-Thauri dan Ubbad bin Kathir (sebenarnya Imam Sufyan ath-Thauri berdiam di kota Kufah. Beliau datang ke kota Mekah ketika itu kerana mahu menunaikan ibadat haji. Para ulama' tasauf memasukkan Imam Sufyan ath-Thauri ke dalam senarai golongan para Wali Allah). Maka gabenor kota Mekah telah menangkap dan memenjarakan keduanya. Orang ramai sangat bimbang sekali sekiranya Khalifah Abu Ja'far al-Mansur datang menunaikan ibadat haji pada tahun itu akan membunuh kedua-dua ulama' yang bertaraf Wali Allah itu. Ternyata Allah SWT telah menimpakan ke atas Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sakit sebelum ianya sampai

di kota Mekah. Baginda jatuh sakit dan wafat. Ini adalah kerana Allah SWT mahu memelihara kedua-dua orang ulama' tersebut daripada kejahatan yang bakal baginda (Khalifah Abu Ja'far al-Mansur) lakukan ke atas kedua-dua mereka itu. Baginda meninggal dunia di daerah Batnu dan dimakamkan di daerah antara Hujun dan Bi'ri Maimun.

Ketika masih dalam perjalanannya ke kota Mekah dan sudah hampir sampai ke sana, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah mengetahui ajalnya akan sampai dengan segera. Di dalam kitab *Hayat al-Hayawan al-Kubra,* pengarangnya Syeikh ad-Damiri menceritakan saat-saat perjalanan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur ke kota Mekah pada tahun 158 hijrah/775 Masihi itu, ketika baginda sudah hampir sampai di kota Mekah, tiba-tiba baginda terpandang kepada sebuah tembok yang ada tulisan dua baris ayat. Pada baris pertama tulisannya berukir, "Abu Ja'far, ajalmu telah tiba, usiamu telah luntur, takdir Allah pasti akan terjadi." Manakala tulisan baris kedua pula ialah, "Abu Ja'far, pada hari ini juga, tidak ada dukun atan peramal, yang berkuasa menolakmu dari kematian yang bakal tiba."

Setelah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur selesai membaca ayat-ayat ini, baginda yakin hari kematian baginda akan segera tiba. Diriwayatkan hanya tiga hari setelah baginda melihat tulisan itu, baginda pun wafat.

Ini sudah pasti ada kaitan dengan kekeramatan dua orang ulama' besar yang bertaraf Wali Allah itu yang sedang dipenjarakan di kota Mekah seperti yang telah disebutkan.

Keluarga

Tidak sebagaimana adinda baginda Khalifah Abul Abbas as-Saffah yang hanya beristeri seorang perempuan sahaja dan tidak ada memiliki seorang jariahpun, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah berkahwin dengan seramai tiga orang perempuan merdeka dan memiliki tiga orang perempuan hamba atau jariah. Isteri pertama baginda adalah datang dari keturunan raja-raja Himyar yang memerintah negeri Yaman pada suatu ketika dahulu. Isteri baginda yang kedua adalah dari keturunan sahabat Nabi yang terkemuka iaitu cucu kepada Talhah bin Ubaidullah. Manakala isteri baginda yang ketiga atau terakhir datang dari keturunan bani Umayyah. Jariah baginda pula seorang dari keturunan suku Kurdi, seorang dari bangsa Rom dan yang terakhir tidak dapat dipastikan bangsanya.

Isteri baginda yang pertama dari keturunan raja-raja Himyar bernama Arwa binti Mansur, saudara perempuan kepada Yazid bin Mansur al-Himyari. Isteri baginda yang kedua yang dikatakan cucu Talhah bin Ubaidullah bernama Fatimah binti Muhammad bin Talhah. Manakala isteri baginda yang ketiga dari keluarga bani Umayyah yang tidak disebut namanya adalah bekas isteri kepada Ishak bin Sulaiman bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas.

Tentang anak-anak baginda pula, hasil dari perkahwinan baginda dengan isteri pertama iaitu Arwa binti Mansur, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah dikurniakan dua orang putera iaitu Muhammad yang dikenali dengan nama al-Mahdi dan Ja'far al-Akbar. Tetapi Ja'far al-Akbar meninggal dunia ketika masih remaja.

Manakala hasil perkahwinan baginda dengan Fatimah binti Muhammad bin Talhah, baginda dikurniakan seramai tiga orang putera iaitu Sulaiman, Isa dan Ya'qub.

Manakala hasil perkahwinan baginda dengan seorang perempuan dari bani Umayyah, baginda memperoleh seorang puteri yang diberi nama al-Aliyah.

Manakala hasil dari hubungan baginda dengan jariah dari suku Kurdi, baginda mendapat seorang putera bernama Ja'far al-Asghar. Ja'far al-Asghar terkenal dengan panggilan Ibnul Kurdiyyah. Mungkin Ja'far inilah ayah kepada Zubaidah, isteri kepada Khalifah Harun ar-Rasyid kerana Ja'far al-Kubra meninggal dunia ketika masih remaja, mungkin beliau belum lagi sempat beristeri.

Hasil dari hubungan baginda dengan jariah ar-Rumiyyah yang dikenali dengan panggilan Qali al-Farrasyah, baginda mendapat seorang anak lelaki bernama Salih al-Miskin.

Hasil dari hubungan baginda dengan jariah yang ketiga, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur mendapat seorang putera bernama al-Qasim. Sebab itu jariah baginda yang ketiga ini dikenali dengan panggilan Ummul Qasim. Namun al-Qasim meninggal dunia sebelum ayahandanya Khalifah Abu Ja'far al-Mansur wafat sebagaimana Ja'far al-Akbar juga.

Demikianlah kisah para isteri dan jariah-jariah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur serta anak-anak baginda.

Kelebihan Dan Keistimewaan

Kalaulah kelebihan Khalifah Abul Abbas as-Saffah adalah kerana baginda mempunyai hanya seorang isteri sahaja dan tidak memiliki seorangpun jariah atau hamba sahaya, tidak melantik Putera Mahkota dari kalangan anak-anak baginda, tidak meminum minuman nabiz (air rendaman buah tamar sekadar semalam dua malam yang tidak sampai menjadi arak) dan sangat menjauhi majlis-majlis hiburan tari menari dan nyanyian yang biasa ketika itu dihidangkan dengan minuman nabiz yang telah menjadi arak, maka apakah kelebihan yang dimiliki oleh Khalifah Kerajaan Bani Abbasiyyah yang kedua, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur ini?

Di antara kelebihan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur ialah baginda berkahwin dengan ramai perempuan iaitu sehingga tiga orang dan memiliki jariah juga tiga orang. Di antara kelebihan dan keistimewaan Khalifah Abu Ja'far al-

Mansur ialah baginda adalah seorang pemimpin yang amat cekap, pintar, cerdik, bijaksana dan sangat berkebolehan di dalam memerintah negara.

Kelebihan dan keistimewaan yang dimiliki oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur di dalam memerintah negara menyamai kelebihan dan keistimewaan yang dimiliki oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan, khalifah kelima dari kerajaan dinasti bani Umayyah. Ini disebabkan apa yang dihadapi oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur ketika dilantik menjadi khalifah sangat menyamai apa yang dihadapi oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah. Kalau Khalifah Abdul Malik bin Marwan terpaksa berhadapan dengan pemberontakan oleh kaum Khawarij, pihak tentera bani Ibnuz-Zubair dan beberapa pemberontakan yang lain dan berjaya mengatasinya, maka Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah terpaksa berhadapan dengan Abdullah bin Ali, dua orang tokoh Syiah Ahlil Bait dan lain-lain pemberontakan dan juga telah berjaya memadamkannya.

Demikianlah beberapa kelebihan dan keistimewaan yang dimiliki oleh khalifah kerajaan bani Abbasiyyah yang kedua iaitu Khalifah Abu Ja'far al-Mansur.

Apakah Al-Mansur Seorang Khalifah Yang Salih?

Memperkatakan sesorang khalifah itu apakah ianya seorang yang salih atau sebaliknya adalah suatu masalah yang sangat merumitkan. Kenapa? Sebab perbuatan salih adalah satu perbuatan yang dilakukan berdasarkan hukum syara'. Kalau ianya selaras dengan hukum syara', biarpun pada pandangan orang ramai adalah suatu yang kejam, maka pelaku tindakan itu tetap dianggap seorang yang salih. Lebih-lebih lagi berkaitan dengan seseorang yang memegang jawatan Ketua Negara atau Khalifah.

Sebagai contoh, hukuman bunuh yang dikenakan ke atas orang-orang yang bangkit menderhaka terhadap kerajaan atau pemerintahan Islam dengan cara kekerasan menggunakan senjata dan berkumpulan, maka tindakan ini apabila dilakukan oleh seseorang pemerintah (khalifah) ia tetap dianggap salih, sebab itu adalah kehendak hukum syara', bukan hawa nafsu pemerintah (khalifah). Tetapi ada kalanya tindakan seseorang khalifah itu tidak dipersetujui oleh ramai orang-orang alim dan pakar hukum. Ketika itu apakah yang hendak dikatakan taraf khalifah itu?

Penyusun sejak menyusun sejarah pemerintahan kerajaan bani Umayyah yang berpusat di kota Damsyik negeri Syam (satu lagi ialah sejarah kerajaan bani Umayyah di Sepanyol yang penyusun akan susunkan nanti insya Allah), sering membina tajuk kecil yang berjudul pertanyaan apakah seseorang khalifah yang sedang diperkatakan itu seorang khalifah yang salih atau sebaliknya? Ini adalah disebabkan jarang para penyusun buku-buku sejarah zaman kini yang mengemukakan tajuk seperti itu. Penyusun berbuat demikian

adalah bertujuan agar para pembaca tidak terus menerus apabila membaca sejarah kerajaan bani Umayyah hanya menggambarkan Khalifah Umar bin Abdul Aziz seorang sahaja sebagai seorang khalifah bani Umayyah yang salih dan takwa kepada Allah SWT. Manakala khalifah-khalifah yang lain jahat-jahat, mementingkan hawa nafsu dan kalau berpegang kepada ajaran agamapun, hanya separuh-separuh sahaja, tidak menyeluruh sebagaimana Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Memang ini adalah satu realiti.

Kini apabila sampai kepada membicarakan pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah, penyusun cuba berbuat demikian sekali lagi dengan izin daripada Allah SWT.

Berkaitan dengan apakah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur adalah seorang pemerintah yang salih atau sebaliknya, kita lihat pada amalan kehidupannya yang berkaitan dengan perkara-perkara yang dibenarkan dan ditegah. At-Tabari meriwayatkan bahawa Khalifah Abu Ja'far al-Mansur tidak menyukai minuman keras, dan tidak membenarkan ada minuman itu di dalam majlis baginda. Pada suatu kali doktor peribadi baginda iaitu Bakhtisyo' telah datang mengunjungi baginda. Dan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur memerintah supaya disediakan makanan dan juga minuman untuk doktor peribadi baginda itu. Ketika sedang menghadap hidangan itu, Bakhtisyo' melihat tidak ada minuman arak disediakan, lantas dia meminta supaya minuman keras disediakan. Tetapi dijawab, "Tidak boleh meminum minuman keras di dalam majlis santapan Amirul Mu'minin."

Maka Bakhtisyo' menjawab pula, "Aku tidak boleh makan tanpa bersama minuman keras."

Lantas perkara ini disampaikan kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur dan baginda memberi jawapan, "Jangan menghiraukan dia." Ketika sedang makan pun Bakhtisyo' masih terus meminta minuman keras, dan diberi jawapan yang sama. Bakhtisyo' terus makan juga dan minum air kosong yang diambil dari sungai Dajlah. Pada keesokan harinya Bakhtisyo' memandang kepada air yang diminumnya semalam sambil berkata, "Aku menyangka tidak ada sesuatu (minuman) yang lebih mengatasi minuman keras. Tetapi (rupa-rupanya) air sungai Dajlah ini telah dapat mengatasinya."

Sebenarnya Khalifah Abu Ja'far al-Mansur juga adalah seorang insan yang berjiwa sentimental. Baginda adalah seorang yang meminati bidang seni terutama nyanyian. Tetapi baginda mendengar para biduan menyanyi hanya dari belakang tabir. Baginda tidak bergaul dengan para penyanyi sebagaimana yang dilakukan oleh sebahagian khalifah-khalifah bani Umayyah. Jarak baginda dengan tabir adalah sejauh 20 hasta. Begitu juga jarak penyanyi dengan tabir. Setiap penghibur dibayar sebanyak satu dirham dan dicatit di dalam buku resmi.

Tentang apakah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur bertindak menjadi imam di

dalam sembahyang lima waktu di masjid sebagaimana yang dilakukan oleh Khalifah Irrasyidn dan sebahagian khalifah bani Umayyah? Ini tidaklah penyusun menemui maklumat tentangnya. Tetapi kita percaya Khalifah Abu Ja'far al-Mansur tidak pernah meninggalkan sembahyang lima waktu kerana orang-orang Islam pada zaman salafus salih betapapun zalimnya dia memerintah sekiranya dia seorang khalifah ataupun gabenor, dia tetap tidak pernah mengabaikan sembahyang fardhu yang lima. Umat Islam ketika ini sangat menjaga segala akar dan pokok agama kerana pengaruh iman yang sangat kuat di dalam dada setiap umat Islam pada peringkat zaman itu.

Demikianlah sejarah kehidupan dan perjuangan khalifah kerajaan bani Abbasiyyah yang kedua iaitu Abu Ja'far al-Mansur.

AL-MAHDI
(158-169 Hijrah=775-785 Masihi)

Pengenalan

Khalifah al-Mahdi ialah Khalifah kerajaan bani Abbasiyyah yang ketiga menggantikan tempat bapanya Khalifah Abu Ja'far al-Mansur yang telah wafat. Baginda terkenal sebagai khalifah yang sangat bersungguh-sungguh untuk menghapuskan orang-orang yang tidak percayakan Tuhan yang kenali sebagai orang-orang zindik atau mulhid. Baginda bukanlah seorang khalifah yang agung sebagaimana ayahanda baginda Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Masa pemerintahan baginda bolehlah dikira sebagai suatu jangka waktu yang lama meskipun tidaklah terlalu lama atau panjang. Masa pemerintahan selama sepuluh tahun lebih atau sebelas tahun adalah suatu jangka masa yang membolehkan seseorang khalifah itu menyediakan berbagai-bagai projek infrastruktur dan pembangunan untuk faedah rakyat jelata dan negara dan dapat melakukan usaha-usaha penaklukan ke atas negara-negara musuh yang mengancam kestabilan kerajaan. Lihatlah sahaja apa yang telah dilaksanakan oleh Khalifah Irrasyidin yang kedua iaitu Khalifah Umar bin al-Khattab yang juga masa pemerintahannya hampir sama lama atau bolehlah dikatakan sama lama dengan masa pemerintahan Khalifah al-Mahdi iaitu sepuluh tahun enam bulan. Banyak sekali negara-negara kafir yang telah ditakluk oleh Khalifah Umar bin al-Khattab. Di utara negeri Syam, Iraq dan Palestin. Di barat Mesir dan di timur Farsi.

Begitu juga dengan masa pemerintahan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik yang cuma sembilan tahun sahaja, tetapi pada zaman bagindalah tanah jajahan takluk Islam telah menjangkau keluasan yang menakjubkan. Di barat telah mencapai sempadan negara Perancis, dan di sebelah timur telah mencapai sempadan benua kecil India dan benua China. Tetapi disebabkan pada masa pemerintahan Khalifah al-Mahdi, negara Islam sudah begitu luas dan keadaan dalam negara berada di dalam keadaan aman damai (sedikit sahaja berlaku pemberontakan), dan musuh-musuh sudah dapat ditumpas dan dipadamkan oleh ayahandanya, yang mana ayahandanya telah meninggalkan kepada baginda sebuah kerajaan yang luas, kuat, teguh, aman dan damai, meskipun masih terdapat musuh-musuh negara dan agama yang mengancam kehidupan

yang aman damai itu ialah kaum zindiq, maka baginda tidak lagi melakukan penaklukan atau peluasan wilayah. Selain baginda memberi penumpuan yang bersungguh-sungguh kepada menghapuskan kaum zindiq, Khalifah al-Mahdi telah menumpukan sepenuhnya kepada usaha-usaha menambah pembinaan projek-projek untuk rakyat dan usaha-usaha untuk meringankan beban hidup rakyat jelata terutama yang miskin dan selalu berada di dalam kekurangan material.

Khalifah al-Mahdi sangat disayangi oleh ayahandanya dan baginda dididik dengan sempurna dan diberi pelajaran yang cukup. Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah melatih (Khalifah) al-Mahdi untuk menjadi pentadbir negara yang cekap dan pahlawan yang perkasa. Sebab itu pada masa pemerintahan baginda, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah menjadikan (Khalifah) al-Mahdi pentadbir wilayah, pemimpin tentera dan pemimpin rombongan ibadat haji. Ini adalah latihan ayahanda baginda kepada baginda sebagai persiapan mental dan pengalaman setelah menjadi khalifah kelak. Ketika ayahandanya Khalifah Abu Ja'far al-Mansur mula-mula dilantik menjadi khalifah, (Khalifah) al-Mahdi baru berusia 10 tahun. Masih diperingkat usia kanak-kanak. Jadi tidaklah mungkin dalam usia itu Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah membebani baginda dengan tugas-tugas kenegaraan, ketenteraan dan ibadat haji yang berat kepada putera baginda (Khalifah al-Mahdi) yang sangat disayanginya ini. Sebab itu kita lihat Khalifah Abu Ja'far al-Mansur baru memberi peranan kepada (Khalifah) al-Mahdi setelah tahun 141 hijrah/758 Masihi dengan melantik baginda sebagai pemimpin angkatan tentera ke negeri Tabaristan dan Khurasan untuk memadam beberapa pemberontakan yang meletus di sana terutama untuk menolong gabenor Khurasan iaitu al-Jabbar bin Abdul Rahman al-Azdi yang sedang menghadapi pemberontakan yang berat termasuklah pemberontakan oleh seorang tokoh yang digelar Ustaz Sis yang mendakwa dirinya seorang nabi. Ketika itu usia (Khalifah) al-Mahdi baru 15 tahun.

Setelah (Khalifah) al-Mahdi berjaya di dalam operasinya ke Tabaristan dan negeri Khurasan, ayahanda baginda semakin percaya kepada kebolehan baginda di dalam memimpin pasukan tentera. Oleh sebab itu Khalifah Abu Ja'far al-Mansur terus mengirim baginda memimpin angkatan tentera untuk memadam kekacauan di wilayah-wilayah Farsi yang sering membuat kekacauan dan pemberontakan. Sekembalinya baginda dari menumpas pemberontakan di kota Rayy pada tahun 151 hijrah/768 Masihi, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah membina sebuah kota atau bandar untuk dijadikan tempat kediaman (Khalifah) al-Mahdi dan tentera kerajaan iaitu kota Rasafah. Ketika itu usia (Khalifah) al-Mahdi ialah 25 tahun. Dua tahun kemudian ialah pada tahun 153 hijrah/770 Masihi, baginda telah dilantik oleh ayahanda baginda mengetuai rombongan mengerjakan ibadat haji ke kota Mekah. Ketika Khalifah Abu Ja'far al-Mansur pergi menunaikan ibadat haji pada tahun 158 hijrah/775 Masihi, ayahanda baginda telah melantik baginda mengganti

tempatnya selaku pemangku khalifah. Ketika itu usia (Khalifah) al-Mahdi ialah 32 tahun.

Kelahiran Dan Peribadi

Khalifah al-Mahdi dilahirkan di kota Humaimah pada tahun 126 hijrah/744 Masihi. Pada ketika ini para pejuang bani Abbasiyyah yang terdiri daripada anak-anak dan saudara-saudara Muhammad bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas yang bekerjasama dengan tokoh-tokoh Alawiyyeen atau Syiah Ahlil Bait dan Syiah Kaisaniyyah atas nama golongan bani Hasyim sedang berjuang untuk menumbangkan pemerintahan kerajaan bani Umayyah yang mulai lemah. Pada ketika itu kerajaan bani Umayyah sedang berada di dalam tangan Khalifah Ibrahim bin al-Walid. Keadaan dalam negara teramat kucar kacir sekali. Peperangan saudara sedang berlaku di kalangan puak-puak bani Umayyah. Marwan bin Muhammad yang menjadi gabenor di al-Jazirah, Armenia dan Azerbaijan telah menderhaka atau melakukan pemberontakan terhadap pemerintahan Khalifah Ibrahim bin al-Walid kerana marah kepada kakanda Khalifah Ibrahim iaitu Khalifah Yazid bin al-Walid yang telah membunuh Khalifah al-Walid bin Yazid bin Abdul Malik. Ketika itu peluang untuk menumbangkan kerajaan bani Umayyah sedang terbuka luas kepada orang-orang bani Hasyim yang sentiasa ditindas oleh pihak pemerintah kerajaan bani Umayyah khususnya terhadap kumpulan yang ingin menumbangkan kerajaan itu yang di dalamnya terdapat juga orang-orang bani Abbasiyyah.

Salasilah lengkap keturunan Khalifah al-Mahdi ialah sebagaimana berikut iaitu Muhammad bin Abdullah bin Muhammad bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas.

Manakala salasilah baginda dari pihak ibunda pula ialah Muhammad bin Arus binti Mansur bin Abdullah al-Humairi, satu keluarga dari kerabat Di Raja Yaman iaitu dari keturunan raja-raja Himyar.

Tentang peribadi Khalifah al-Mahdi, dikatakan peribadi baginda adalah seorang insan yang kacak menawan, tampan, segak, gagah perkasa, berani, pemurah dan berhati mulia. Marilah kita lihat gambaran sifat-sifat Khalifah al-Mahdi yang digambarkan oleh Syu'bah bin Iqal yang berucap di hadapan Khalifah al-Mahdi, katanya, "(Khalifah) al-Mahdi ada tandingannya, di antaranya ialah bulan yang terang benderang, musim bunga yang segar, singa yang mengendap dan laut yang pasang. Bulan yang terang benderang adalah merupakan kekacakan dan ketampanannya, musim bunga yang segar menyerupai keharumannya, singa yang mengendap menyerupai keazaman dan ketegasannya. Manakala laut yang pasang menyerupai kepemurahan hatinya."

Manakala Imam as-Sayuti pula menulis di dalam kitabnya *Tarikhul Khulafa'* bahawa, "(Khalifah) Al-Mahdi adalah seorang yang dermawan lagi terpuji, berwajah kacak dan dicintai oleh rakyatnya............"

Adapun tentang sifat-sifat peribadi kejiwaan baginda, ternyata ianya jauh berbeza dengan sifat-sifat ayahanda baginda. Yang paling ketara satu sifat sahaja iaitu berkaitan dengan harta. Khalifah al-Mahdi adalah seorang insan yang sangat dermawan. Manakala ayahanda baginda adalah seorang insan yang bakhil. Kerana kebakhilan dan kehematannya berbelanja, semasa wafatnya Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah meninggalkan wang yang sangat banyak di dalam Baitul Mal untuk diuruskan oleh khalifah sesudahnya iaitu putera baginda sendiri al-Mahdi. Jumlah kekayaan yang dikatakan terkumpul di dalam Baitul Mal ialah sebanyak 14 juta dinar dan 6 juta dirham. Setelah menjadi khalifah, Khalifah al-Mahdi telah membelanjakan semua wang itu untuk faedah rakyat yang menyebabkan Penjaga Baitul Mal iaitu Abu Harithah al-Hindi telah datang menyerahkan kunci Baitul Mal kepada Khalifah al-Mahdi dengan menjelaskan tidak ada guna lagi dia menjaga Baitul Mal yang sudah kosong daripada sekeping mata wang baik dinar mahupun dirham.

Lantas Khalifah al-Mahdi mengarahkan kepada 20 orang pengutip cukai dan dalam beberapa hari sahaja wang telah terkumpul dengan banyaknya. Penjaga Baitul Mal iaitu Abu Harithah al-Hindi sampai beberapa hari tidak datang menghadap Khalifah al-Mahdi kerana asyik mengurus kemasukan wang-wang yang sangat banyak itu ke dalam Baitul Mal. Setelah selesai dan dia datang menghadap Khalifah al-Mahdi, baginda bertanya kepadanya;

"Wahai Abu Harithah! Kenapa lama kau tidak datang menghadap saya?"

Abu Harithah al-Hindi menjawab, "Saya sibuk kerana mengurus wang yang masuk ke Baitul Mal."

Lantas Khalifah al-Mahdi memperli sikap Penjaga Baitul Mal itu yang sebelum ini sangat bimbang tentang kewangan yang telah kehabisan dalam Baitul Mal kerana kepemurahan khalifah berbelanja, "Heh, kamu adalah orang Arab yang angkuh. Kau menyangka wang tidak dapat datang ketika kami memerlukannya?"

Selain kacak, gagah berani dan pemurah, Khalifah al-Mahdi juga adalah seorang insan yang mudah untuk diajak berkira bicara, sangat lemah lembut, tidak suka menyakiti hati orang, tidak suka menutur kata-kata yang kurang sopan dan karut marut, sangat pemaaf dan sangat berpengasihan belas kepada rakyat jelata.

Kerana sifatnya yang berpengasihan belas dan bersikap lemah lembut kepada semua orang, telah menyebabkan Khalifah al-Mahdi mengarahkan kepada para pemungut cukai kerajaan agar bersikap lemah lembut terhadap para pembayar cukai. Baginda telah mengarah kepada menteri baginda Abu Ubaidullah Mu'awiyah bin Yasar agar menulis surat kepada para petugas yang bertugas memungut cukai mencegah mereka menyeksa para pembayar cukai yang agak liat membayar cukai. Sebelum itu iaitu pada masa pemerintahan ayahanda baginda Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, pegawai-pegawai pemungut

cukai telah menyeksa orang-orang yang liat atau susah untuk membayar cukai kepada kerajaan.

Di antara sifat-sifat peribadi Khalifah al-Mahdi yang lain ialah baginda termasuk seorang insan yang sangat menggemari nyanyian. Ini menyerupai atau menyamai minat dengan ayahanda baginda juga. Tetapi baginda tidak sebagaimana ayahanda baginda yang meletakkan batas ketika menikmati nyanyian, Khalifah al-Mahdi tidaklah meletakkan batas-batas tertentu, bahkan baginda turut sama duduk atau bergaul dengan para penyanyi, bukan mendengar di sebalik tabir sebagaimana batas yang ditetapkan oleh ayahanda baginda untuk dirinya sendiri.

Satu lagi sifat yang membezakan Khalifah al-Mahdi dengan sifat ayahanda baginda ialah meskipun baginda juga tidak suka kepada minuman keras, tetapi baginda membenarkan kawan-kawan baginda menikmatinya di dalam majlis baginda. Sedangkan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur tidak membenarkan sama sekali.

Jelas sifat-sifat peribadi Khalifah al-Mahdi ada yang serupa dan yang tidak sama dengan sifat-sifat peribadi ayahanda baginda. Kalau ayahanda baginda berwatak keras, baginda lembut. Kalau ayahanda baginda seorang yang bakhil, baginda pemurah. Kalau ayahanda baginda tidak suka hiburan, baginda suka. Adapun sifat-sifat baginda yang menyerupai sifat-sifat ayahanda baginda ialah gagah perkasa di medan perang dan berani.

Pendidikan Dan Guru

Sesungguhnya umat Islam pada zaman salafus Salih atau yang masih hampir dengan zaman yang dianggap zaman terbaik oleh Rasulullah s.a.w. itu sama ada dia seorang rakyat biasa atau khalifah, tidak sekali-kali mengabaikan pendidikan kepada anak-anak mereka terutama di dalam bidang ilmu-ilmu agama. Begitulah juga yang telah dilakukan oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur terhadap anak-anak baginda. Satu-satunya anak Khalifah Abu Ja'far al-Mansur ialah (Khalifah) al-Mahdi. Baginda telah mendidik (Khalifah) al-Mahdi di dalam bidang agama dengan menempatkannya belajar kepada para ulama' besar yang bertaburan pada masa itu. Bahkan baginda sendiri pun tidak leka di dalam mendidik sendiri putera-putera baginda di samping digaji atau diupahkan seorang pendidik di istana baginda untuk mendidik putera (Khalifah) al-Mahdi dan juga putera-putera serta puteri-puteri baginda yang lain. Guru yang diupah itu bernama al-Mufadhdhal al-Dhabi.

Selain memberi didikan agama, (Khalifah) al-Mahdi juga diberi didikan ketenteraan, pentadbiran dan ibadat haji sejak dari usia remaja lagi sebagai latihan dan persiapan untuk hari dewasa baginda sebagaimana yang telah dijelaskan di atas.

Perjuangan Menumbang Kerajaan Bani Umayyah

Khalifah al-Mahdi tidak pernah terlibat di dalam perjuangan bani Hasyim menumbangkan pemerintahan kerajaan bani Umayyah. Ini adalah kerana pada ketika para pejuang bani Hasyim sedang giat berjuang untuk menumbangkan pemerintahan bani Umayyah, (Khalifah) al-Mahdi ketika itu masih di alam kanak-kanak. Ketika ayahanda baginda dilantik menjadi khalifah pada tahun 136 hijrah/753 Masihi, (Khalifah) al-Mahdi baru berusia 10 tahun.

Pelantikan Dan Pemerintahan

Khalifah al-Mahdi dilantik menjadi khalifah kerajaan bani Abbasiyyah yang ketiga menggantikan tempat ayahandanya yang wafat pada bulan Zulhijah 18 hari bulan tahun 158 hijrah/775 Masihi. Rakyat yang mula-mula memberi baiah kepada baginda ialah penduduk kota Mekah, kota Madinah dan kota Baghdad dan seluruh keluarga bani al-Abbas. Kemudian seluruh rakyat.

Para Pembantu, Menteri Dan Penasihat

Sebelum kita memperkatakan tentang perjalanan pemerintahan Khalifah al-Mahdi secara lengkapnya, baik juga kita terlebih dahulu memperkatakan tentang para menteri sebagai orang-orang yang bertanggungjawab membantu baginda di dalam pemerintahan dan memberi nasihat yang berfaedah kepada baginda.

Menteri-menteri dan penasihat-penasihat yang berkhidmat kepada Khalifah al-Mahdi adalah seramai empat orang kesemuanya. Satu jumlah yang ramai. Tiga menteri atau penasihat yang berkhidmat kepada Khalifah al-Mahdi secara berasingan, dan seorang yang berkhidmat secara berkongsi dengan menteri-menteri yang lain. Ini adalah kerana menteri yang seorang ini sangat disukai dan dipercayai oleh Khalifah al-Mahdi sehinggalah menteri itu wafat. Menteri-menteri atau penasihat yang bekerja secara silih berganti kepada Khalifah al-Mahdi bermula dengan Abu Ubaidullah Mu'awiyah bin Yasar, kemudian Ya'qub bin Daud dan akhir sekali al-Fadhl bin ar-Rabi'. Manakala menteri atau penasihat yang berkhidmat secara berkongsi hampir sepanjang masa pemerintahan Khalifah al-Mahdi ialah ar-Rabi' bin Yunus, ayah kepada al-Fadhl.

Pusat Pemerintahan

Sebagaimana kedudukan ibukota pentadbiran kerajaan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, Khalifah al-Mahdi juga menjadikan kota Baghdad sebagai pusat pemerintahan atau pentadbiran kerajaan baginda. Khalifah al-Mahdi tidak pernah berfikir untuk membina ibu kota yang lain atau berpindah ke kota lain untuk dijadikan ibukota yang baru. Kota Baghdadlah merupakan ibu kota pemerintahan baginda sejak memerintah sehinggalah baginda wafat.

Apakah Al-Mahdi Ada Menghadapi Masalah Di Dalam Pemerintahannya?

Semasa pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, banyak juga masalah yang dihadapi oleh baginda. Ini adalah kerana pada masa itu kerajaan bani Abbasiyyah boleh dikatakan baharu sahaja tegak. Ketika Khalifah Abu Ja'far al-Mansur dilantik menjadi khalifah, kerajaan bani Abbasiyyah baru berdiri selama empat tahun lebih sahaja. Ini sudah tentu masih banyak sisa-sisa musuh kerajaan yang belum dapat dihapuskan oleh Khalifah pertama Abul Abbas as-Saffah. Tambahan pula setelah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur membunuh Abu Muslim al-Khurasani, musuh kerajaan bani Abbasiyyah semakin bertambah iaitu muncul pula puak-puak atau orang-orang yang marah terhadap tindakan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur yang membunuh Abu Muslim al-Khurasani itu. Tetapi dengan kegagahan dan kebijaksanaan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur di dalam usaha menghapuskan musuh kerajaan, semua musuh dapat dihapuskan.

Namun begitu golongan Syiah Alawiyyeen tetap marah kepada Khalifah al-Mahdi yang menggantikan tempat ayahandanya Khalifah Abu Ja'far al-Mansur yang telah menghancurkan pemberontakan kaum Syiah Alawiyyeen yang dilancarkan oleh dua bersaudara iaitu an-Nafsuz Zakiyyah dan Ibrahim. Dan di atas tindakan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur yang telah merampas hartabenda kaum Syiah dan memenjarakan tokoh-tokoh mereka yang tidak bersalah. Begitu juga rasa sakit hati oleh rakyat yang telah dirampas harta mereka oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur.

Jadi di antara masalah yang telah dihadapi oleh Khalifah al-Mahdi sebaik sahaja baginda menduduki kerusi khalifah ialah kemarahan kaum Syiah Alawiyyeen dan orang-orang yang telah diambil atau dirampas hartabenda mereka oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur.

Musuh baginda yang lain ialah golongan yang marah atau mahu menuntut bela di atas perbuatan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur membunuh Abu Muslim al-Khurasani. Mereka itu adalah terdiri daripada para penduduk di negeri Khurasan.

Selain itu Khalifah al-Mahdi juga telah berdepan dengan masalah yang belum pernah terjadi pada zaman sebelum baginda iaitu orang-orang zindiq atau mulhid atau istilah zaman sekarang dinamakan kaum athies iaitu satu kumpulan manusia yang tidak percaya kepada wujudnya Tuhan iaitu Allah SWT.

Jelas bahawa Khalifah al-Mahdi telah berdepan dengan tiga masalah besar semasa pemerintahan baginda iaitu kaum Syiah Alawiyyeen atau golongan Ahlil Bait, para pemberontakan di negeri Khurasan dan orang-orang zindiq yang tidak percaya kepada wujudnya Allah SWT.

Bagaimanakah Al-Mahdi Mengatasi Semua Masalah Ini?

Sebelum kita memperkatakan tentang cara-cara Khalifah al-Mahdi menyelesaikan masalah yang dihadapinya, baik juga kita memperkatakan dahulu tentang langkah-langkah yang telah dilakukan oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sebelum baginda wafat untuk menarik kasih sayang seluruh rakyat terhadap putera baginda al-Mahdi setelah baginda dilantik menjadi khalifah nanti.

Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sangat sayang kepada putera baginda al-Mahdi dan baginda tahu sebahagian besar rakyat telah marah dan benci kepada baginda kerana tindakan-tindakan baginda melakukan pembersihan musuh kerajaan terutama berkaitan dengan pembunuhan Abu Muslim al-Khurasani dan penghapusan dua tokoh Syiah Ahlil Bait yang terkemuka iaitu Muhammad an-Nafsuz Zakiyyah dan saudaranya Ibrahim yang bangkit memberontak serta tindakan baginda merampas harta Imam Ja'far as-Siddiq dan memenjarakan beliau ini sehingga beliau ini wafat di dalam tahanan baginda. Semua ini sudah tentu sangat menimbulkan kemarahan orang-orang yang ada kaitan dengan mereka ini.

Untuk mengembalikan kasih sayang rakyat kepada putera baginda al-Mahdi itu, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah melakukan tindakan cerdik dan bijaksana iaitu baginda memberi tanda nama pada setiap pemilik atau nama tuan punya harta yang baginda rampas itu. Kemudian baginda menasihatkan kepada putera baginda al-Mahdi supaya setelah dia dilantik menjadi khalifah nanti, hendaklah mengembalikan kesemua harta-harta itu kepada tuan pemiliknya. Ini sudah tentu akan menyebabkan rakyat akan kasih dan sayang kepada baginda.

Sekarang marilah kita lihat satu persatu bagaimanakah Khalifah al-Mahdi menyelesaikan masalah-masalah yang baginda hadapi ini semua:-

Mengembalikan Kasih Sayang Rakyat Kepada Baginda

Langkah pertama yang diambil oleh Khalifah al-Mahdi sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah ialah baginda telah mengambil tindakan membebaskan orang-orang yang dipenjarakan oleh ayahanda baginda. Semua banduan dibebaskan termasuklah para tokoh Syiah atau Alawiyyeen, kecuali banduan-banduan yang dipenjarakan benar-benar mengikut undang-undang. Tindakan ini sebenarnya mengandungi muslihat yang direncanakan oleh ayahanda baginda juga. Khalifah Abu Ja'far al-Mansur tahu sebahagian besar rakyat sudah merasa muak dan tidak begitu menyukai pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah terutama setelah terjadi pembunuhan ke atas beberapa orang tokoh yang dianggap berjasa di dalam perjuangan menegakkan pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah, penipuan di dalam persoalan putera mahkota dan terlepasnya golongan kaum Alawiyyeen daripada teraju pemerintahan. Jadi

tindakan ini adalah untuk menarik semula rasa cinta rakyat kepada kerajaan bani Abbasiyyah. Tetapi apa yang menyedihkan ialah baginda tidak dapat membebaskan Imam Ja'far as-Siddiq dalam keadaan hidup sebaliknya mengeluarkan mayat tokoh Syiah Ahlil Bait ini dari penjara dan diserahkan kepada keluarganya dengan hati yang sangat terkilan.

Tindakan Khalifah al-Mahdi yang kedua ialah baginda mengembalikan semua harta benda yang dirampas oleh ayahanda baginda kepada tuan pemiliknya masing-masing. Memang banyak harta-harta yang telah dirampas oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur daripada rakyat di atas sebab-sebab yang dibenarkan oleh undang-undang, tetapi Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah merampas banyak harta rakyat dengan tujuan muslihat untuk menarik kasih rakyat kepada putera baginda al-Mahdi. Semua harta-harta itu ditandai dengan nama tuan masing-masing. Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah mengingatkan kepada putera baginda ini agar sebaik sahaja beliau dilantik sebagai khalifah, beliau hendaklah mengembalikan kesemua harta-harta yang dirampas dengan tujuan muslihat itu kepada tuan empunya masing-masing. Termasuklah di antara harta-harta yang dirampas ialah harta kepunyaan Imam Ja'far as-Siddiq. Khalifah al-Mahdi telah mengembalikan semula semua harta benda milik Imam Ja'far as-Siddiq yang dirampas oleh ayahanda baginda kepada Imam Musa al-Kazim iaitu putera kepada Imam Ja'far as-Siddiq yang paling terkemuka.

Memang politik bijaksana Khalifah Abu Ja'far al-Mansur untuk mengembalikan kasih sayang rakyat kepada putera baginda Khalifah al-Mahdi amat berkesan sekali. Sehingga tidak ada seorang pun rakyat baginda yang berjiwa Islam tidak kira dari golongan mana dan mazhab apa, semuanya menjadi sangat kasih dan sayang kepada Khalifah al-Mahdi. Dengan sebab ini Khalifah al-Mahdi dapat memberi tumpuan untuk memenuhkan keperluan dan memerhati nasib rakyat yang rata-rata hidup di bawah paras kemiskinan termasuklah terhadap para alim ulama' yang hidup dalam keadaan demikian juga dan juga baginda dapat memberi tumpuan untuk membasmi orang-orang zindik yang begitu bergelombang kemunculan mereka terutama di negara Farsi, Khurasan dan kawasan sekitarnya.

Menghapuskan Penganut Ajaran Sesat Dan kaum Zindiq

Mengikut catitan para sejarawan Islam bahawa pada masa pemerintahan Khalifah al-Mahdi yang selama sebelas tahun itu, telah muncul ramai sekali kaum zindiq iaitu orang-orang yang mempermainkan agama, mentertawakan dan mengejek kerana mereka tidak percaya kepada kewujudan Allah SWT. Khalifah al-Mahdi sangat memusuhi kaum zindik kerana mereka mengejek-ejek orang-orang Islam yang beribadat dan melawan godaan hawa nafsu kerana menjauhi maksiat.

Memang di antara sifat-sifat yang menjadi ciri-ciri keperibadian Khalifah al-Mahdi ialah bersikap lemah lembut terhadap sesama manusia dan makhluk

lainnya, tetapi terhadap orang-orang zindik, baginda tidak mahu bersikap lembut. Bahkan ketika berhadapan dengan golongan ini, baginda merupakan seorang pahlawan yang sangat keras dan gagah perkasa. Tanpa rasa kasihan belas, baginda memerangi mereka itu dan akan membunuh mereka sekiranya baginda dapat menangkap mereka itu.

Imam as-Sayuti menulis tentang Khalifah al-Mahdi, "..........dan benar dalam akidah, sangat memburu orang-orang zindik dan membunuh mereka. Ia adalah orang yang pertama mengeluarkan perintah supaya menyusun kitab-kitab debat berkaitan dengan masalah-masalah ilmu kalam, melawan kaum zindik dan orang-orang kafir. Ia meriwayatkan hadis dari ayahandanya.........."

Memerangi Pemberontakan Al-Muqanna'

Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Mahdi, hanya terdapat satu sahaja pemberontakan yang dilancarkan terhadap pemerintah. Pemberontakan itu dicetuskan oleh seorang pahlawan di negeri Khurasan bernama al-Muqanna' al-Khurasani. Al-Muqanna' bukanlah nama sebenarnya. Al-Muqanna' hanyalah sekadar gelarannya. Ahli-ahli sejarah tidak menyebut namanya siapa. Tidak dapat dipastikan kenapakah al-Muqanna' al-Khurasani bangkit memberontak terhadap pemerintahan Khalifah al-Mahdi. Sedangkan segolongan rakyat sangat menyayangi baginda. Apakah dia bangkit memberontak kerana mahu menuntut bela di atas pembunuhan Abu Muslim al-Khurasani, atau kerana mahu merampas kuasa dari tangan pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah? Kalau al-Muqanna' al-Khurasani mahu menuntut bela di atas pembunuhan ke atas Abu Muslim al-Khurasani, kenapa dia tidak bangkit memberontak pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur yang merupakan orang yang bertanggungjawab membunuh Abu Muslim al-Khurasani?

Tetapi al-Muqanna' al-Khurasani tidak menyatakan sebab-sebab dia bangkit memberontakan terhadap pemerintahan Khalifah al-Mahdi. Dia cuma bangkit memberontak sahaja. Jadi tidaklah dapat dipastikan apakah tujuan atau matlamat al-Muqanna' al-Khurasani bangkit memberontak itu.

Ahli-ahli sejarah meriwayatkan bahawa al-Muqanna' al-Khurasani adalah seorang manusia yang buruk rupa dan bentuk fizikalnya. Sebelah matanya buta dan bangunan badannya rendah atau pendek. Dia memakai topeng yang diperbuat daripada emas di mukanya untuk menyembunyikan kecacatan pada sebelah matanya itu. Sebab itu dia digelar al-Muqanna' yang bererti Orang Yang Memakai Topeng Emas.

Al-Muqanna' al-Khurasani adalah seorang yang sesat pegangan hidupnya. Dia bukan seorang Islam yang beriman kepada kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. Dia adalah seorang yang menganut ajaran sesat yang mendakwa dirinya Tuhan. Dia mendakwa dia adalah Tuhan yang menyerupai manusia kerana dia

adalah Allah SWT yang mencipta Nabi Adam as kemudian menyerap masuk ke dalam jasad Nabi Adam as. Seterusnya masuk pula ke dalam jasad Nabi Nuh as sehinggalah keseluruh nabi-nabi sampailah kepada Abu Muslim al-Khurasani dan kemudian dirinya. Mengikut kepercayaannya, Abu Muslim al-Khurasani adalah Allah SWT sebelum matinya.

Al-Muqanna' al-Khurasani juga mendakwa bahawa roh-roh orang yang telah mati kembali semula ke dalam jasad-jasad baru yang sentiasa dilahirkan. Mengikut kepercayaannya, manusia-manusia yang baru dilahirkan adalah sebenarnya orang-orang dahulu kala yang telah meninggal dunia kemudian menjadi manusia baru setelah roh-roh mereka dimasukkan atau masuk semula ke dalam tubuh-tubuh bayi yang baru dilahirkan. Ramai juga orang-orang Farsi yang tinggal di kota Merw telah mempercayai dakwaannya itu dan mereka sujud menyembah al-Muqanna' al-Khurasani. Mana-mana yang tinggal jauh dari kota Merw, mereka sujud kepada al-Muqanna' al-Khurasani dari kampong atau desa masing-masing.

Pengaruh Al-Muqanna' al-Khurasani cepat berkembang. Orang-orang yang menyokong perjuangannya semakin bertambah. Entah apakah sebabnya. Serbuan-serbuan yang dia lakukan ke atas kampung-kampung atau desa-desa sentiasa beroleh kemenangan. Ramai kaum wanita dan kanak-kanak ditawan olehnya. Ini menyebabkan Khalifah al-Mahdi sangat bimbang dan resah sekali. Baginda tidak mahu orang ramai semakin terpengaruh kepada dakwaan al-Muqanna' al-Khurasani yang sesat itu sehingga boleh mengancam keselamatan dan kestabilan negara. Baginda mahu bertindak menyekat dan menghapuskan kemaraan pengaruh al-Muqanna' al-Khurasani, lantas Khalifah al-Mahdi menghantar satu angkatan tentera yang besar ke negeri Khurasan. Kota Merw dikepung dengan ketat oleh tentera kerajaan bani Abbasiyyah. Namun al-Muqanna' al-Khurasani tidak dapat ditewaskan. Kepungan diteruskan sehingga memakan masa yang lama sekali. Ini menyebabkan ramai pengikut al-Muqanna' al-Khurasani telah meninggalkannya dan kembali ke pangkuan Islam yang sebenar. Setelah al-Muqanna' al-Khurasani melihat ramai para pengikut dan penyokongnya meninggalkan dirinya, dan merasa perjuangannya tidak akan mencapai matlamatnya, maka dia menjadi putus asa. Lantas dinyalakan unggun api yang besar dan dia terjun ke dalam api itu. Perbuatannya itu telah diikuti pula oleh sanak saudara dan penyokong-penyokong setianya. Dengan ini berakhirlah pemberontakan al-Muqanna' al-Khurasani di negeri Khurasan terhadap pemerintahan Khalifah al-Mahdi.

Masalah Dengan Negara jiran

Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Mahdi, tidak ada sebarang pencerobohan di sempadan yang dibuat oleh pihak tentera Rom Timur atau Byzentium. Ini adalah disebabkan kerajaan Islam di bawah pemerintahan bani Abbasiyyah sangat ditakuti oleh musuh-musuh kerana keperkasaan para

khalifahnya dan kekuatan angkatan tenteranya. Jadi pihak kerajaan atau tentera Rom Timur hanya bertindak memerhati sahaja sempadan-sempadan kerajaan Islam tanpa mahu mengusiknya.

Kerana kedamaian dan keamanan dalam negara Islam itu, Khalifah al-Mahdi dapat memberi penumpuan sepenuhnya terhadap menjaga kepentingan rakyat dengan membahagi-bahagikan kekayaan negara kepada seluruh rakyat sehingga semua rakyat berpuas hati dengan pentadbiran baginda.

Jasa-Jasa Kepada Rakyat

Selama 11 tahun baginda menjadi pemerintahan umat Islam, Khalifah al-Mahdi telah membuat jasa yang tidak sedikit kepada rakyat. Jasa-jasa yang dibuat oleh baginda adalah sebagaimana berikut:-

Pertama, baginda menetapkan sara hidup kepada keluarga-keluarga banduan-banduan yang dipenjarakan dan juga kepada orang-orang yang cacat anggota badan, sama ada disebabkan kecederaan ketika berperang atau yang cacat sejak dilahirkan. Yang mana pada zaman pemerintahan ayahanda baginda, semua mereka ini dibiarkan melarat. Mana-mana yang bernasib baik ditanggung oleh sanak saudara yang mempunyai kelapangan hidup.

Kedua, memperluaskan atau menambah pembesaran bangunan Masjidil Haram dan Masjid Nabawi.

Ketiga, baginda adalah khalifah yang pertama sejak tertegaknya pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah yang mendengar sendiri pengaduan dari orang atau rakyat yang teraniaya. Seorang yang bernama Miswar bin Musawwir telah mengadu kepada baginda berkenaan dengan pegawai baginda yang telah menganiaya dirinya dan telah merampas kebun milik beliau dengan cara yang zalim. Maka Khalifah al-Mahdi terus mengembalikan semula kebun itu kepada Miswar.

Keempat, baginda mengarahkan supaya dibina bangunan-bangunan besar di sepanjang jalan dari negeri Iraq khususnya dari kota Baghdad ke kota Mekah untuk dijadikan sebagai tempat persinggahan orang-orang musafir, dan untuk dijadikan stesen kawalan ke atas keselamatan mereka itu. Dan juga mengarahkan supaya dibina takungan-takungan air di sepanjang jalan tersebut sebagai persediaan untuk keperluan para musafir dan sebagai air minum kepada ternakan-ternakan yang menjadi kenderaan mereka. Selain menambah bilangan perigi-perigi dan membaik pulih mana-mana yang sudah rosak atau kekeringan air.

Kelima, baginda menyedia atau menambah pusat-pusat penghantaran surat atau pejabat-pejabat pos dari kota Baghdad ke seluruh bandar-bandar atau kota-kota yang lain.

Demikianlah beberapa jasa yang telah dibuat oleh Khalifah al-Mahdi kepada

rakyat semasa baginda menjadi pemerintah atau khalifah.

Nasib Malang Menimpa Dua Menteri

Dua orang menteri yang menjalankan tugas-tugas pentadbiran dan menjadi penasihat kepada khalifah al-Mahdi telah ditimpa nasib yang sungguh malang selama mereka berkhidmat kepada Khalifah al-Mahdi. Seorang daripada mereka telah ditimpa kecelakaan disebabkan hasad dengki oleh seorang pengawal peribadi khalifah yang juga bertaraf menteri iaitu ar-Rabi' bin Yunus, menteri sejak zaman Khalifah Abu Ja'far al-Mansur lagi. Manakala seorang lagi disebabkan ianya seorang yang berjiwa Syiah meskipun sudah menjadi menteri kepada khalifah kerajaan Abbasiyyah yang sangat memusuhi kaum Syiah atau Alawiyyeen. Kedua-dua menteri yang dimaksudkan itu ialah Abu Ubaidullah Mu'awiyah bin Yasar dan Ya'qub bin Daud.

Abu Ubaidullah Mu'awiyah bin Yasar adalah seorang tokoh pentabdir yang sangat berkelibar besar. Beliau adalah seorang yang sangat bijak dan cekap di dalam melakukan kerja-kerja yang diamanahkan kepadanya. Khalifah al-Mahdi sangat sayang kepada beliau. Ini menyebabkan ar-Rabi' bin Yunus menjadi dengki kepadanya. Ar-Rabi' bin Yunus tidak mahu Mu'awiyah bin Yasar terus dekat dan lekat di hati Khalifah al-Mahdi. Sebagai seorang pendengki yang pandai menghasut, ar-Rabi' bin Yunus telah memperkenalkan pula seorang tokoh Syiah yang sangat bijaksana iaitu Ya'qub bin Daud kepada Khalifah al-Mahdi agar hati khalifah berubah kepada Ya'qub bin Daud pula dan meninggalkan Abu Ubaidullah. Tetapi Khalifah al-Mahdi tidak mengetahui Ya'qub adalah seorang tokoh Syiah Alawiyyeen yang sangat taksub kepada keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib dari isteri beliau Sayidah Fatimah az-Zahra' rha. Setelah diperkenalkan, Khalifah al-Mahdi mempelawa Ya'qub bin Daud bercakap-cakap dengan baginda untuk menguji kepintarannya. Khalifah al-Mahdi mendapati Ya'qub bin Daud adalah seorang yang bijak, pintar, bijaksana dan cekap sebagaimana Abu Ubaidullah Mu'awiyah bin Yasar juga. Bahkan mungkin melebihi lagi. Ini menyebabkan Khalifah al-Mahdi mula memberi penumpuan yang lebih kepada Ya'qub bin Daud dan mula berpaling daripada Abu Ubaidullah. Akhirnya Abu Ubaidullah Mu'awiyah bin Yasar menjadi semakin jauh daripada hati Khalifah al-Mahdi.

Bintang Ya'qub bin Daud semakin terserlah apabila Khalifah al-Mahdi mula mengutamakan beliau daripada Abu Ubaidullah Mu'awiyah bin Yasar. Ar-Rabi' bin Yunus pula sangat 'bahagia' dengan tersingkirnya Mu'awiyah bin Yasar dari sisi atau perhatian Khalifah al-Mahdi. Kalau ar-Rabi' bin Yunus dengki kepada Abu Ubaidullah kerana perhatian Khalifah al-Mahdi yang lebih kepada beliau itu, apakah ar-Rabi' bin Yunus tidak dengki kepada Ya'qub bin Daud setelah dia melihat perkara yang dibencinya terjadi pula kepada Ya'qub bin Daud?

Para sejarawan tidak ada menyebut bahawa ar-Rabi' bin Yunus juga telah

dengki kepada Ya'qub bin Daud sebagaimana dengkinya kepada Mu'awiyah bin Yasar.

Untuk makluman para pembaca yang budiman semua, Ya'qub bin Daud asalnya adalah pendukung perjuangan an-Nafsuz Zakiyyah. Setelah an-Nafsuz Zakiyyah dan saudaranya Ibrahim tewas dan terkorban di dalam perjuangan menentang Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, Ya'qub telah bersembunyi dan telah bersahabat dengan ar-Rabi' bin Yunus sehinggalah pada masa Khalifah al-Mahdi dia dibawa ke hadapan Khalifah al-Mahdi oleh ar-Rabi' bin Yunus seperti yang diceritakan ini. Jelas Ya'qub bin Daud adalah seorang Syiah seperti yang telah penyusun sebutkan.

Oleh kerana Ya'qub bin Daud adalah seorang Syiah dan seorang yang bijaksana dan cerdik, maka beliau telah menggunakan kepintarannya untuk merapatkan hubungan di antara Khalifah al-Mahdi dengan kaum Syiah terutama dengan Syiah Ahlil Bait yang begitu renggang sejak sebelumnya. Langkah yang mula-mula diambil oleh Ya'qub bin Daud ialah dengan memujuk Khalifah al-Mahdi agar memaafkan al-Hasan bin Abdullah bin Hasan bin al-Hasan bin Ali bin Abu Talib yang merupakan saudara kepada an-Nafsuz Zakiyyah dan Ibrahim. Al-Hasan adalah seorang pahlawan yang menjadi tangan kanan kepada an-Nafsuz Zakiyyah dan sangat dikehendaki oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur dahulunya dan kini oleh Khalifah al-Mahdi pula.

Kerana kepandaian dan kepintaran serta kebijaksanaan Ya'qub bin Daud memujuk baginda, maka Khalifah al-Mahdi telah memaafkan al-Hasan bin Abdullah dan Ya'qub bin Daud setelah melihat kejayaannya memujuk Khalifah al-Mahdi berkaitan al-Hasan bin Abdullah, terus berusaha memainkan peranannya untuk merapatkan dan memasukkan tokoh-tokoh kaum Syiah ke dalam pentadbiran Khalifah al-Mahdi. Oleh sebab usahanya yang begitu bersungguh-sungguh untuk mendekatkan dan memasukkan tokoh-tokoh Syiah Alawiyyeen seramai mungkin ke dalam pentadbiran Khalifah al-Mahdi, maka Khalifah al-Mahdi akhirnya telah dapat mencium niat hati menteri baginda yang kedua itu yang sememangnya tidak menyenangkan hati baginda. Akhirnya Khalifah al-Mahdi mengambil tindakan untuk menguji kesetiaan Ya'qub bin Daud terhadap pemerintahan baginda. Khalifah al-Mahdi mula menjalankan jarum licinnya;

Al-Jahsyiari menulis di dalam kitabnya *al-Wuzara' wal Kuttab* bahawa pada suatu hari Khalifah al-Mahdi telah meminta Ya'qub bin Daud menghadap baginda di dalam sebuah taman istana. Ketika itu Khalifah al-Mahdi sengaja menghiaskan diri baginda dengan pakaian kebesaran yang mahal-mahal dengan dikelilingi oleh beberapa orang dayang-dayang istana yang cantik-cantik. Tak ubah keadaan Khalifah al-Mahdi seperti seorang penghuni syurga yang sedang bernikmat-nikmat dengan bidadari-bidadari atau jariah-jariahnya.

Setelah menteri baginda Ya'qub bin Daud itu datang dan menghadap

baginda di dalam taman yang permai itu, maka Khalifah al-Mahdi berkata kepadanya;

"Semua yang berada di sini adalah untukmu, termasuklah dayang-dayang ini; dan juga wang sebanyak 100,000 dirham."

Setelah Ya'qub bin Daud mendengar itu, dia mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Khalifah al-Mahdi dan mendoakan kebaikan kepada baginda sebagaimana yang selayaknya. Setelah Khalifah al-Mahdi melihat kegembiraan menteri baginda itu, maka baginda meminta kepada beliau supaya bersumpah sebanyak tiga kali bahawa dia akan melakukan apa sahaja yang akan diperintahkan kepadanya oleh baginda. Maka tanpa berdalih lagi Ya'qub bin Daud terus bersumpah bahawa dia akan melakukan apa sahaja yang diperintahkan oleh Khalifah al-Mahdi kepadanya sebanyak tiga kali juga. Ini adalah disebabkan ia tidak tahu apa yang telah diketahui oleh Khalifah al-Mahdi tentang dirinya. Dan kalaupun dia sudah tahu Khalifah al-Mahdi sudah dapat mencium identiti dirinya dan usaha yang telah dilakukan yang amat membahayakan keselamatan nyawanya, dia memikirkan bahawa dia akan dapat memperdayakan Khalifah al-Mahdi dengan mudah sahaja.

Setelah itu Khalifah al-Mahdi memanggil masuk seorang Alawiyyeen (Syiah Ahlil Bait) dan meminta Ya'qub bin Daud membunuhnya dengan alasan baginda merasa bimbang lelaki itu akan berkhianat kepada baginda. Ya'qub bin Daud berjanji akan melaksanakan kemahuan Khalifah al-Mahdi itu. Padahal hatinya berbelah bagi untuk melaksanakan perintah Khalifah al-Mahdi itu dan lebih berat kepada mahu memperdayakan baginda.

Sekarang Ya'qub bin Daud perlu melaksanakan perintah Khalifah al-Mahdi itu kalau tidak nyawanya akan terancam atau setidak-tidaknya dia akan mendapat hukuman berat yang lain daripada Khalifah al-Mahdi. Tetapi kalau dia melaksanakan perintah Khalifah al-Mahdi itu, bererti dia akan melakukan satu tindakan kejam ke atas kaum atau golongan yang sangat dia cintai dan habuannya dia akan mendapat semua yang telah ditawarkan Khalifah al-Mahdi kepadanya sebentar tadi. Hati Ya'qub bin Daud memang sangat menyukai kepada segala yang dihadiahkan oleh Khalifah al-Mahdi kepadanya itu kalau dia melaksanakan perintah baginda. Dia sangat menyenangi wanita-wanita dayang istana yang cantik-cantik. Malah dia sangat merasa gembira melihat wang sebanyak 100,000 dirham dan sebuah taman yang begitu indah laksana taman syurga dan telah berkhayal untuk dapat membeli itu dan ini barang-barang yang mahal-mahal yang selama ini menjadi idaman hatinya, hati isterinya dan hati anak-anaknya tetapi dia tidak mampu untuk mendapatkannya.

Tetapi kalau dia tidak melakukan perintah itu, bererti dia pula yang akan mendapat hukuman dan hidupnya akan sengsara!

Dalam keadaan dia berkhayal dan berfikir-fikir itu, tiba-tiba Khalifah al-

Mahdi memerintah agar lelaki Alawiyyeen itu dihadapkan kepadanya. Setelah lelaki Alawiyyeen itu berdiri di hadapannya, maka Ya'qub bin Daud membawa lelaki itu keluar dari taman dan dari hadapan Khalifah al-Mahdi. Setelah kedua-duanya hilang dari pandangan mata Khalifah al-Mahdi, maka Ya'qub bin Daud bercakap-cakap buat seketika dengan lelaki itu. Dia mendapati lelaki itu adalah seorang yang pintar dan bijak. Lelaki itu berkata kepadanya, "Mengapa dengan kau ini wahai Ya'qub, apakah kau tergamak menghadap Allah SWT dengan darahku berlumuran di tanganmu? Aku adalah anak Fatimah dan tidak ada membuat sebarang kesalahan dan dosa sama sekali."

Harus diingatkan hati Ya'qub bin Daud ialah hati Syiah atau pencinta Ahlil Bait, bukan pendukung kerajaan bani Abbasiyyah. Ya'qub bin Daud rasa seperti tersedar dari mimpi. Hatinya semakin takut kalau dia membunuh lelaki Alawiyyeen itu. Memang benar kenapa dia harus memuaskan hati seorang manusia besar sedangkan dirinya akan dilaknat oleh Rasulullah s.a.w. di Hari Qiamat nanti? Kalau lelaki itu ada melakukan kesalahan itu lainlah. Layak menerima hukuman. Ini semata-mata Khalifah al-Mahdi mahu menguji kesetiaannya kepada baginda sahaja. Tetapi Ya'qub bin Daud tahu jalan keluar untuk melepaskan dirinya daripada masuk neraka (dengan membunuh lelaki Alawiyyeen itu) dan daripada dikenakan hukuman yang seberat-beratnya oleh Khalifah al-Mahdi ke atas dirinya (dengan membebaskan lelaki Syiah Ahlil Bait itu). Lantas Ya'qub bin Daud menyembunyikan lelaki Ahlil Bait itu dan akan memberitahu kepada Khalifah al-Mahdi bahawa dia telah membunuh lelaki itu sebagaimana yang dikehendaki oleh baginda.

Tetapi segala tindak tanduk Ya'qub bin Daud terhadap lelaki Alawiyyeen itu dilihat dan segala percakapannya didengar oleh dayang-dayang yang sudah menjadi milik beliau itu. Itulah perangai kaum wanita, mereka adalah satu kaum yang lemah. Mereka lemah jiwa dan perasaan. Mereka lemah hati dan lemah di dalam menghadapi kekalutan besar. Mereka tahu sekiranya Khalifah al-Mahdi mengetahui yang mereka turut bersubhat dengan Ya'qub bin Daud, sudah tentu Khalifah al-Mahdi akan menghukum mereka juga. Mereka cukup bimbang di dalam menghadapi persoalan itu. Sedangkan kaum lelaki demikian juga, ini pula kaum wanita.

Kerana sangat bimbang nasib buruk akan menimpa mereka, maka para dayang istana itu lantas memberitahu kepada Khalifah al-Mahdi apa yang dilakukan oleh Ya'qub bin Daud kepada lelaki Alawiyyeen yang baginda suruh bunuh itu. Setelah itu Khalifah al-Mahdi menangkap lelaki Syiah Ahlil Bait itu dan memenjarakannya di sebuah rumah yang terletak berhampiran dengan istana baginda. Kemudian baginda memanggil Ya'qub bin Daud dan bertanya kepadanya tentang lelaki Alawiyyeen itu apakah sudah dia membunuhnya? Ya'qub bin Daud mengatakan dia sudah membunuhnya. Khalifah al-Mahdi meminta Ya'qub bin Daud bersumpah bahawa dia telah membunuh lelaki Syiah itu dengan meletakkan tangannya di atas kepalanya. Sumpah sebegini

membawa erti bahawa sekiranya sumpah yang dilafazkannya itu palsu, maka hukumannya ialah dipancung lehernya. Ya'qub bin Daud telah berbuat demikian yang membawa erti dia bersedia dihukum pancung sekiranya dia berbohong.

Kemudian Khalifah al-Mahdi memerintah seorang pengawal baginda supaya membawa lelaki Alawiyyeen itu ke hadapan baginda dan yang pastinya juga ke hadapan Ya'qub bin Daud. Setelah lelaki itu dibawa ke hadapan Khalifah al-Mahdi dan Ya'qub bin Daud melihatnya, maka terkejutlah Ya'qub bin Daud dan gementarlah seluruh badannya dan dia tidak dapat bersuara lagi. Khalifah al-Mahdi berkata kepada menteri baginda itu;

"Darahmu kini sudah halal kepadaku. Dan aku boleh menumpahkannya kalau aku mahu. Tetapi aku lebih suka kau dipenjarakan di dalam sebuah bilik yang gelap di bawah tanah."

Ya'qub bin Daud kemudiannya dibawa ke penjara seperti yang dikatakan oleh Khalifah al-Mahdi itu. Dia tinggal di dalam kegelapan siang dan malam selama kira-kira 10 tahun iaitu sejak zaman Khalifah al-Mahdi, al-Hadi dan lima tahun dua bulan pada zaman Khalifah Harun ar-Rasyid. Di atas permintaan atau rayuan Yahya bin Khalid bin Barmak agar memberi keampunan kepada Ya'qub bin Daud, barulah Khalifah Harun ar-Rasyid membebaskan Ya'qub bin Daud dan memberi kepadanya layanan yang baik dan memuliakannya. Khalifah Harun ar-Rasyid mengembalikan semula kesemua harta kekayaan Ya'qub bin Daud yang dirampas oleh Khalifah al-Mahdi dan membenarkan dia pergi ke mana sahaja tempat yang dia suka. Tetapi Ya'qub bin Daud tidak mahu pergi ke mana-mana tempat lagi kerana semuanya tempat-tempat yang indah dan permai sudah tidak bererti lagi kepadanya. Meskipun hartanya dikembalikan semula kepadanya, tetapi kedua-dua penglihatannya sudah tidak dapat dikembalikan lagi. Kedua-dua belah matanya kini telah buta tidak dapat menerima cahaya selama berada di dalam penjara di bawah tanah selama 10 tahun itu. Dia minta agar Khalifah Harun ar-Rasyid menghantarnya ke kota Mekah kerana dia mahu menghabiskan sisa-sisa hidupnya yang berbaki di Tanah Suci dan beribadat sehinggalah ke akhir hayatnya. Ya'qub bin Daud wafat di kota Mekah pada tahun 186 hijrah/802 Masihi pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid juga.

Setelah memecat dan memenjara Ya'qub bin Daud, Khalifah al-Mahdi telah melantik pula al-Fadhl bin ar-Rabi' bin Yunus sebagai menteri dan penasihat baginda yang baru.

Demikianlah kisah sedih seorang menteri kepada Khalifah al-Mahdi akibat terperangkap di dalam pegangan hidupnya dan kerjayanya yang berbeza dengan pegangan hidup majikannya yang merupakan seorang khalifah.

Beberapa Kisah Tentang Aktiviti Hidup Khalifah Al-Mahdi

❖ Bersama Para Ulama'

Baginda Dengan Imam Malik

Pada suatu musim haji, Khalifah al-Mahdi telah berniat untuk menziarahi makam Rasulullah s.a.w. dan juga Imam Malik di kota Madinah. Setelah selesai mengerjakan ibadat haji, baginda telah pergi ke kota Madinah dalam perjalanan pulang ke kota Baghdad. Khalifah al-Mahdi mendapat berita bahawa Imam Malik tidak mempunyai rumah sendiri. Rumah yang didudukinya ialah rumah sewa peninggalan Ibnu Mas'ud, sahabat Nabi yang paling terkemuka. Setelah berhadapan dengan Imam Malik, Khalifah al-Mahdi bertanya kepada beliau itu seolah-olah baginda masih ragu-ragu apakah Imam Malik sudah mempunyai rumah sendiri atau belum;

"Apakah Tuan Guru sudah mempunyai rumah sendiri?"

"Saya tidak mempunyai rumah (sendiri) wahai Amirul Mu'minin," jawab Imam Malik jujur.

Khalifah al-Mahdi seterusnya berkata kepada Imam Malik, "Saya akan memberi kepada Tuan Guru (sejumlah wang untuk Tuan Guru membeli sebuah rumah - P) kerana saya ada mendengar Rabi'ah bin Abu Abdul Rahman ar-Ra'yi (seorang ulama' besar Madinah tetapi ahli akal) berkata, "Seseorang manusia itu dibangsakan kepada rumahnya."

Kemudian Khalifah al-Mahdi memerintah kepada seorang pengawal yang mengiringi keberangkatan baginda itu agar memberi kepada Imam Malik sebuah pundi-pundi kain yang di dalamnya berisi wang sebanyak 2,000 dinar (satu jumlah wang yang sangat besar pada ketika itu) agar beliau pergunakan untuk membeli sebuah rumah. Imam Malik telah menerima pemberian Khalifah al-Mahdi itu dengan baik, bukan seperti Imam Abu Hanifah (Imam Hanafi) dan Imam Ahmad bin Hanbal (Imam Hanbali) yang sentiasa menolak setiap pemberian khalifah.

Setelah Khalifah al-Mahdi pulang ke kota Baghdad, Imam Malik tidak juga menggunakan wang yang 2,000 dinar itu untuk membeli sebuah rumah. Sebaliknya beliau telah memberi pula (menyedekahkan) kesemua wang itu kepada para murid beliau yang miskin. Beliau tidak suka memiliki rumah sendiri kerana merasa diri beliau tidak lagi zàhid kerana memiliki rumah sendiri. Seolah-olah beliau sudah menjadi seorang yang cintakan kehidupan dunia.

Baginda Dengan Imam Sufyan Ath-Thauri

Pada suatu musim haji, setelah Khalifah al-Mahdi kembali ke kota Baghdad, baginda melihat seorang tokoh ulama' Kufah begitu liar daripada menghadiri majlis baginda. Ulama' yang dimaksudkan itu ialah Imam Sufyan bin Said ath-

Thauri. Imam ath-Thauri adalah salah seorang ulama' mujtahid mutlak yang membina mazhab sendiri dan juga seorang ulama' tasawuf yang sangat zahid dan membenci kehidupan mewah di dunia. Baginda memerintah kepada para pengawal supaya menangkap Imam ath-Thauri dan dibawa ke hadapan baginda. Rumah Imam Sufyan ath-Thauri dikepung dan beliau ditangkap dan dibawa menghadap Khalifah al-Mahdi.

Khalifah al-Mahdi bertanya kepada Imam ath-Thauri, "Mengapakah sejak aku pulang dari menunaikan ibadat haji, kau tidak datang mengadapku? Padahal banyak masalah yang ingin aku tanyakan untuk mendapat jawapan darimu? Sedangkan selama ini apa yang kau seru kami patuhi dan apa yang kau tegah kami jauhi."

"Berapa banyak wang negara yang kau habiskan dalam perjalanan kau (pergi mengerjakan ibadat haji – P) itu?" soal Imam Sufyan ath-Thauri pula.

Khalifah al-Mahdi menjawab, "Aku tidak tahu. Tetapi kau dapat melihat catitan resminya kepada penjaga wangku."

Imam Sufyan ath-Thauri berkata pula, "Apakah jawapanmu di Hari Qiamat nanti apabila kau ditanya oleh Allah SWT tentang perkara itu? Dan ingatlah ketika Khalifah Umar pulang dari mengerjakan ibadat haji, beliau bertanya kepada 'ghulamnya', "Berapa banyak wang yang telah kita pergunakan untuk mengerjakan ibadat haji ini?"

"Dua belas dinar wahai Amirul Mu'minin," beritahu ghulam baginda.

"Celaka kita kerana telah memperkosa harta Baitul Mal." Jawab Khalifah Umar kesal.

Kemudian Imam Sufyan ath-Thauri membaca sebuah hadis (maksudnya), "Sesiapa yang menggunakan harta Allah dan RasulNya dengan sekehendak hawa nafsunya, baginya api neraka pada Hari Kemudian."

Mendengar jawapan Imam Sufyan ath-Thauri yang begitu lancang di hadapan Khalifah al-Mahdi, jurutulis Khalifah al-Mahdi yang bernama Abu Ubaid yang ada di situ terus menegor Imam ath-Thauri dengan katanya, "Tidak patut kau berkata seperti itu di hadapan muka Amirul Mu'minin."

Maka Imam Sufyan ath-Thauri menjawab dengan keras dan tegas yang ditujukan kepada Abu Ubaid, "Diam kau! Sesungguhnya Fir'aun binasa disebabkan Haman, dan Haman itu sendiri adalah Fir'aun."

Namun Imam Sufyan ath-Thauri tidak diapa-apakan oleh Khalifah al-Mahdi dan beliau meninggalkan istana Khalifah al-Mahdi dengan selamat.

Di Mana Kaum Barmaki Di Zaman Khalifah Al-Mahdi?

❖ Di mana Khalid Dan Puteranya Yahya?

Pada masa pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, nama orang Barmaki telah muncul iaitu Khalid bin Barmak, seorang pahlawan Farsi dan seorang yang bijaksana. Khalid bin Barmak telah dilantik oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur menjadi menteri baginda. Khalid bin Barmak mula menampakkan peranannya sebagai pembantu yang boleh diharap kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur ketika Khalifah Abu Ja'far al-Mansur mahu membina kota Baghdad. Nasihat-nasihat beliau kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur menunjukkan atau memperlihatkan bahawa beliau adalah seorang yang bijaksana dan berpandangan tajam serta jauh.

Tetapi nampaknya pada masa pemerintahan Khalifah al-Mahdi, nama Khalid bin Barmak telah tenggelam. Di mana Khalid bin Barmak pada zaman Khalifah al-Mahdi? Apakah beliau telah disingkir oleh Khalifah al-Mahdi atau beliau telah meninggal dunia?

Penyusun masih tercari-cari jawapannya dan masih belum menemuinya lagi.

Khalid bin Barmak mempunyai seorang anak yang terkemuka bernama Yahya. Manakala Yahya pula mempunyai empat orang anak yang terkemuka iaitu al-Fadhl, Ja'far, Muhammad dan Musa. Yahya dan dua orang anaknya iaitu al-Fadhl dan Ja'far telah muncul sebagai tokoh-tokoh yang sangat terkemuka dan masyhur pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid.

Peranan Ar-Rabi' bin Yunus Masa Ini

Ar-Rabi' bin Yunus adalah seorang tokoh yang sangat berwibawa dan mula memainkan peranannya selaku menteri dan penasihat pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Pengaruh dan ketokohan ar-Rabi' bin Yunus terus bergerak bersama-sama dirinya sehinggalah beliau meninggal dunia pada zaman pemerintahan Khalifah al-Hadi. Ar-Rabi' bin Yunus adalah seorang manusia yang mempunyai sifat-sifat pendengki dan suka menghasut. Menteri pertama kepada Khalifah al-Mahdi iaitu Abu Ubaidullah Mu'awiyah bin Yasar adalah menteri yang telah menjadi mangsa fitnah akibat dari sifat dengki beliau. Kalaulah tidak kerana sifat-sifat ini, ar-Rabi' bin Yunus akan dikenang sebagai seorang tokoh kerajaan bani Abbasiyyah yang agong dan terkemuka sepanjang zaman.

Pelantikan Putera Mahkota

Sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam bab pemerintahan Khalifah Abul Abbas as-Saffah, baginda sebelum wafat telah melantik saudara baginda Abu Ja'far al-Mansur sebagai Putera Mahkota, kemudian Isa bin Musa bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas sebagai pengganti al-Mansur setelah al-Mansur

wafat. Tetapi Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah mengkhianati wasiat itu dengan menyingkir Isa bin Musa dan melantik putera baginda al-Mahdi sebagai Putera Mahkota pertama mendahului Isa bin Musa. Begitu juga yang telah dilakukan oleh Khalifah al-Mahdi ketika baginda mahu melantik Putera Mahkota. Baginda telah memaksa Isa bin Musa agar mengisytiharkan pengunduran dirinya secara sukarela daripada jawatan Putera Mahkota di khalayak umum agar semua rakyat mengatakan Isa bin Musa secara sukarela telah melepaskan jawatannya selaku Putera Mahkota.

Marilah kita lihat perjalanan usaha Khalifah al-Mahdi untuk melantik putera-putera baginda sebagai Putera Mahkota dengan memaksa Isa bin Musa berundur diri secara sukarela:-

Seorang ahli sejarah zaman silam yang terkemuka telah menulis di dalam kitab sejarahnya bahawa Khalifah al-Mahdi telah mengarahkan kepada menteri baginda Abu Ubaidullah Mu'awiyah bin Yasar agar mengesyurkan kepada Isa bin Musa supaya meletak jawatannya sebagai Putera Mahkota dan menawarkan kepadanya sesuatu yang lebih baik lagi. Dan Isa bin Musa dikehendaki mematuhi perintah Khalifah al-Mahdi itu, kalau tidak dia akan dianggap telah menderhaka kepada perintah khalifah dan layak menerima hukuman. Tetapi Isa bin Musa enggan berbuat seperti yang dikehendaki oleh Khalifah al-Mahdi itu.

Ini menyebabkan Khalifah al-Mahdi telah mengarahkan pula kepada gabenor di kota Kufah supaya menangkap dan menyeksa Isa bin Musa agar dia bersedia menerima keinginan Khalifah al-Mahdi itu. Tetapi gabenor kota Kufah tidak dapat menangkap Isa bin Musa kerana beliau ini tidak tinggal di kota Kufah. Dan dia pula jarang sekali kelihatan di pekan-pekan kota Kufah. Setelah gagal dengan cara itu, Khalifah al-Mahdi telah mengarahkan kepada Isa bin Musa agar dengan rela hati datang menyerah diri kepada baginda di kota Baghdad. Tetapi Isa bin Musa tidak juga mematuhinya. Khalifah al-Mahdi semakin marah lantas mengarahkan kepada beberapa orang pengawal supaya menangkap dan menyeksa Isa bin Musa di kota Baghdad. Setelah diseksa, barulah Isa bin Musa membuat pengisytiharan kepada umum bahawa beliau telah melucutkan atau melepaskan jawatan Putera Mahkota yang disandangnya sejak zaman pemerintahan Khalifah Abul Abbas as-Saffah lagi itu. Demikian cerita al-Jahsyiari dalam kitabnya *Al-Wuzara' wal Kuttab.*

Setelah Isa bin Musa membuat pengisytiharan melucutkan sendiri dirinya daripada jawatan sebagai Putera Mahkota kerajaan bani Abbasiyyah di hadapan umum setelah dipaksa berbuat demikian itu, maka Khalifah al-Mahdi telah membuat pelantikan Putera Mahkota dengan cara memilih atau meniru cara yang dilakukan oleh kebanyakan para khalifah bani Umayyah dan juga oleh ayahanda baginda sendiri iaitu dengan melantik Putera Mahkota dari kalangan anak atau anak-anak sendiri. Setelah dua tahun baginda menjadi khalifah iaitu pada tahun 160 hijrah/777 Masihi, Khalifah al-Mahdi telah

melantik putera sulung baginda iaitu Musa yang lebih dikenali dengan gelaran al-Hadi sebagai Putera Mahkota. Enam tahun kemudian iaitu menjelang tahun 166 hijrah/782 Masihi, baginda melantik pula putera baginda yang kedua iaitu Harun sebagai Putera Mahkota. Inilah Harun ar-Rasyid setelah menjadi khalifah.

Cara Khalifah al-Mahdi bertindak melantik dua orang anak menjadi Putera Mahkota ini adalah mencontohi cara dua orang khalifah kerajaan bani Umayyah iaitu Khalifah Marwan bin al-Hakkam dan Khalifah Abdul Malik bin Marwan yang telah melantik dua orang putera mereka sebagai Putera Mahkota. Marwan melantik Abdul Malik dan Abdul Aziz, manakala Abdul Malik melantik al-Walid dan Sulaiman.

Wafat

Setelah memerintah atau menjadi khalifah selama kira-kira sebelas tahun, maka menjelang tahun 169 hijrah/786 Masihi, wafatlah Khalifah al-Mahdi ketika berusia 43 tahun. Tentang bagaimana kewafatan baginda, terdapat dua riwayat. Riwayat yang pertama mengatakan baginda mangkat kerana kepala baginda terhantuk pada sebuah pintu ketika baginda mengejar seekor pelanduk yang diburu. Manakala riwayat yang kedua mengatakan kewafatan baginda disebabkan baginda termakan makanan yang beracun. Makanan itu dimasukkan racun oleh seorang dayang dengan tujuan untuk meracun seorang dayang yang lain.

Manakah riwayat yang dapat diterima? Penyusun percaya riwayat pertama yang lebih dapat diterima berdasarkan kepada sifat baginda yang suka berburu. Adapun tentang makanan yang beracun, ini mungkin juga kerana dayang tersalah letak. Tetapi biasanya makanan yang hendak dimasukkan racun dilakukan setelah makanan itu diletakkan di dalam pinggan, bukan ketika masih di dalam periuk. Jadi riwayat ini agak kurang dapat diterima. Tetapi kalau diandaikan bahawa makanan itu diletakkan di suatu tempat dan orang yang meletakkan mengira dia akan dapat mengambilnya semula dengan segera, tetapi tiba-tiba datang seseorang lalu mengambilnya dan diletakkan di tempat makanan khalifah, ini dapatlah diterima riwayat ini. Tetapi masakan seorang pekerja istana begitu bodoh melakukan demikian. Kalau seorang pekerja terjumpa satu pinggan makanan di suatu sudut istana, sudah pasti makanan itu akan dibawa kepada binatang ternak atau dihabiskannya sendiri, bukan dibawa ke tempat hidangan khalifah. Inilah sebabnya penyusun tidak dapat menerima riwayat yang mengatakan Khalifah al-Mahdi wafat kerana termakan racun yang tersalah disediakan untuk orang lain.

Keluarga

Sebagaimana ayahandanya juga, Khalifah al-Mahdi telah berkahwin dengan perempuan merdeka dan juga hamba sahaya. Baginda berkahwin seramai

empat orang iaitu dua orang perempuan dari kalangan orang-orang merdeka dan dua orang dari kalangan hamba sahaya atau jariah. Perempuan-perempuan merdeka yang dikahwinkan oleh Khalifah al-Mahdi ialah pertama Raitah bin Abul Abbas as-Saffah iaitu saudara sepupu baginda sendiri puteri Khalifah as-Saffah. Perkahwinan ini dilakukan pada tahun 144 hijrah/761 Masihi. Ketika itu usia Khalifah al-Mahdi baru 18 tahun. Kemudian baginda berkahwin pula dengan Ummu Abdullah binti Salih bin Ali, iaitu emak sepupu baginda sendiri. Manakala dua orang sahaya pula ialah bernama Rahim dan Khaizuran binti Ata', seorang perempuan yang sangat cantik dan sangat bijak berasal dari negeri Yaman.

Khalifah al-Mahdi membeli Khaizuran dari pasar hamba dengan harga 100,000 dirham. Khaizuran telah belajar ilmu-ilmu fikah kepada Imam al-Auza'i sehingga pandai. Dikatakan dia telah muncul menjadi salah seorang ulama' fikah wanita pada zamannya. Meskipun dia hanya seorang hamba sahaya kepada Khalifah al-Mahdi, tetapi Khalifah al-Mahdi sangat sayang kepadanya kerana kecantikan, kepintaran dan kealimannya itu. Kalau Khalifah al-Mahdi tidak melihatnya beberapa hari sahaja, baginda akan menulis surat dan dikirimkan kepadanya dan menghantar syair-syair yang menyatakan kerinduan kepadanya. Khaizuran adalah seorang yang bercita-cita besar. Pada tahun 145 hijrah/762 Masihi, Khalifah al-Mahdi memerdekakan beliau dan mengahwininya. Apatah lagi setelah dimerdekakan oleh Khalifah al-Mahdi dan dijadikan isteri baginda, semakin besarlah cita-cita Khaizuran. Kerana sangat sayang kepada isteri baginda ini, Khalifah al-Mahdi menuruti semua kehendaknya. Tidak pernah baginda menolak atau membantah permintaan Khaizuran. Khalifah al-Mahdi telah memberi apa sahaja yang diinginkan oleh Khaizuran. Segala harta kekayaan, emas dan perak, intan permata usahlah disebutkan lagi. Tetapi Permaisuri Khaizuran, setelah semakin mewah semakin pula dahaganya kepada kekuasaan. Padahal kemewahan yang diberikan kepadanya sudah cukup untuk dia bernikmat-nikmat dan berlazat-lazatan selama hidupnya. Apa yang paling menyedihkan terhadap diri Khaizuran ini apabila dia masih tidak mahu bersyukur kepada Allah SWT dan kepada suaminya dengan mengatakan suaminya tidak pernah memberi apa-apa kebaikan kepadanya. Kadang-kadang di atas sikapnya yang melampau itu, telah menimbulkan kemarahan Khalifah al-Mahdi terhadap dirinya. Suatu kali ketika Khalifah al-Mahdi marah pada Khaizuran, kebetulan al-Waqidi, seorang ahli sejarah Islam yang ternama ada di sisi baginda. Al-Waqidi telah memberi nasihat kepada baginda agar bersabar di atas kerenah isteri baginda Khaizuran itu. Barulah Khalifah al-Mahdi menjadi tenang dan hilang rasa marahnya.

Hasil daripada perkahwinan dengan Raitah, Khalifah al-Mahdi dikurniakan dua orang putera iaitu Ali dan Ubaidullah. Manakala dari Rahim pula, baginda dikurniakan seorang puteri bernama al-Abbasiyyah. Manakala hasil perkahwinan dengan Khaizuran binti Ata', baginda mendapat dua orang putera

iaitu Musa dan Harun. Kedua-dua bernama nabi. Dua orang putera baginda itu ialah Khalifah al-Hadi dan Khalifah Harun ar-Rasyid.

Kelebihan

Apakah kelebihan dan keistimewaan yang terdapat pada diri Khalifah al-Mahdi selaku seorang manusia dan khalifah? Biasanya seseorang manusia itu dilihat memiliki kelebihan atau keistimewaan berdasarkan kepada sifat-sifat peribadi dan juga jasa-jasa atau kebaikan-kebaikan yang dilakukan terhadap orang lain. Selaku seorang manusia, Khalifah al-Mahdi adalah seorang yang mempunyai kelebihan dan keistimewaan dari aspek atau sudut peribadi. Manakala selaku seorang khalifah, kelebihan dan keistimewaan baginda dinilai atau dilihat dari aspek cara baginda menggunakan kekuasaan baginda ketika memerintah. Apakah baginda menggunakan kekuasaan itu secara betul, tepat, benar atau menyeleweng dan zalim kerana mengikut hawa nafsu!!!

Kelebihan Khalifah al-Mahdi selaku seorang manusia ialah baginda adalah seorang manusia yang mempunyai kelebihan dari sudut akal fikiran dan akhlak. Baginda adalah seorang insan yang sangat pintar, bijaksana dan cerdik.

Baginda juga adalah seorang manusia yang memiliki akhlak yang mulia, pemurah, bertimbang rasa, berani, gagah perkasa dan suka berhubung dengan orang ramai tanpa mengira kedudukan atau kelebihan.

Manakala kelebihan Khalifah al-Mahdi selaku seorang khalifah pula ialah baginda adalah seorang khalifah yang sangat mengambil berat terhadap masalah-masalah rakyat. Baginda sentiasa berusaha untuk memberi bantuan kepada rakyat yang ditimpa kesusahan hidup. Baginda suka menemui rakyat dan menyampaikan sendiri bantuan kepada mereka.

Baginda juga tidak menyentuh minuman nabiz yang telah menjadi arak sebagaimana ayahanda baginda juga. Tetapi tidak sebagaimana ayahanda baginda Khalifah Abu Ja'far al-Mansur yang tidak suka melihat majlis-majlis minuman keras dihidangkan di hadapan baginda, Khalifah al-Mahdi tidaklah demikian. Baginda hanya menjauhkan majlis hiburan dan minuman keras ketika dilantik menjadi khalifah dan masanya berlalu selama satu tahun sahaja. Kemudian baginda mendekati semula majlis-majlis hiburan yang di dalamnya disajikan minuman keras. Cuma baginda tidak menyentuhnya sahaja. Ketika baginda dinasihati oleh salah seorang penasihat baginda yang bernama Abu Aun agar baginda menjauhi majlis-majlis seperti itu, baginda menjawab, "Janganlah kau menasihati aku seperti itu. Sesungguhnya aku merasa bahagia melihat kegembiraan dan akan mendekati sesiapa sahaja yang membuat aku merasa gembira. Apakah ada kebaikan dan rasa bahagia kalau sekadar melihat dari jauh?"

Apakah Khalifah Al-Mahdi Seorang Yang Salih?

Khalifah al-Mahdi memang seorang yang salih dan baik. Tetapi salih dan baik Khalifah al-Mahdi mengikut stail seorang khalifah. Seorang khalifah tidak boleh terlalu salih dan terlalu baik, nanti kerajaan akan disambar orang dan negara akan hancur. Maksud tidak terlalu salih ialah tidak lemah atau teragak-agak di dalam memutuskan hukum dan mengambil tindakan. Khalifah perlu bersikap tegas. Dan maksud tidak terlalu baik ialah tidak percaya sangat kepada para pembesar kerajaan sehingga menyerahkan urusan pentadbiran kepada mereka sepenuhnya. Kalau dibuat demikian, kerajaan akan sedikit demi sedikit akan berpindah ke tangan orang lain.

Khalifah al-Mahdi memang memerintah sendiri dan membuat keputusan yang tegas. Baginda tidak memberi muka kepada orang-orang zindik. Baginda menghancurkan mereka sehancur-hancurnya. Baginda memburu dengan maksud untuk menghapuskan mereka itu sampailah ke akhir hayat baginda.

AL-HADI
(169-170 Hijrah = 785-786 Masihi)

Pengenalan

Musa al-Hadi ialah Khalifah kerajaan bani Abbasiyyah yang keempat menggantikan tempat ayahandanya Khalifah al-Mahdi yang telah wafat. Baginda dikenali dengan nama Khalifah al-Hadi sahaja. Baginda bukanlah seorang khalifah yang agung di kalangan khalifah-khalifah dinasti kerajaan bani Abbasiyyah disebabkan masa pemerintahan baginda yang terlalu singkat iaitu hanya setahun lebih sebulan sahaja. Dengan sebab terlalu pendek masa pemerintahannya, maka Khalifah al-Hadi tidak sempat membuat sebarang projek pembangunan tambahan untuk kebaikan atau faedah rakyat. Dan tidak sempat memperlihatkan kemampuan memerintah dengan cemerlang. Sebab itu kisah baginda hanya berkisar pada memperkatakan tentang sifat-sifat peribadi, kisah-kisah persengketaan baginda dengan ibunda baginda yang suka mencampuri urusan pemerintahan dan kekeramatan baginda kalau dapat dikatakan keramat. Di dalam sejarah pemerintahan Khalifah al-Hadi, tidak terdapat sebarang usaha penaklukan dan pembaharuan-pembaharuan yang dibuat meskipun baginda adalah seorang yang gagah perkasa dan handal di medan perang.

Kelahiran Dan Peribadi

Penyusun masih belum menemui maklumat tentang tarikh lahir Khalifah al-Hadi. Tetapi disebabkan adinda baginda Harun ar-Rasyid dilahirkan pada tahun 145 hijrah/762 Masihi, dipercayai Khalifah al-Hadi dilahirkan sekitar tahun 143 hijrah/760 Masihi atau 142 hijrah/759 Masihi. Baginda dilahirkan di kota Rayy.

Salasilah keturunan baginda yang selengkapnya ialah Musa bin Muhammad bin Abdullah bin Muhammad bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas. Manakala keturunan baginda dari pihak ibunda baginda ialah al-Hadi bin Khaizuran binti Ata', seorang bekas hamba.

Tentang peribadi baginda pula, Ibnu Tabatiba berkata bahawa Khalifah al-Hadi adalah seorang yang bersifat sentiasa waspada (berhati-hati mewarisi sifat

datuknya Khalifah Abu Ja'far al-Mansur - P), cemburu, pemurah, suka membantu, berani, gagah, sempurna perasaan, tegas dan berkeazaman.

Imam az-Zahabi di dalam kitabnya meriwayatkan bahawa Khalifah al-Hadi adalah seorang yang biasa minum arak, suka bermain-main dan cekap menunggang keldai (dan kuda - P). Ia tidak menghargai jawatan khalifah yang disandangnya. Tetapi baginda adalah seorang yang fasih, pandai bercakap dan seorang ahli sastera yang handal.

Manakala al-Jahiz pula menyifatkan Khalifah al-Hadi adalah seorang yang bakhil, kurang sabar dan mempunyai sangkaan buruk. Jelas Ibnu Tabatiba menyebut sifat-sifat yang baik sahaja. Sedangkan az-Zahabi menyebut sifat baik dan buruk baginda. Manakala al-Jahiz menyebut sifat-sifat Khalifah al-Hadi yang lemah-lemah atau yang buruk-buruk sahaja.

Penyusun menambah bahawa Khalifah al-Hadi adalah seorang yang bijak, pintar, bijaksana, cerdik, mempunyai akal yang licik dan licin dan seorang pahlawan yang sangat gagah berani dan sangat membenci kaum Syiah Alawiyyeen.

Ada riwayat yang menceritakan tentang kebijaksanaan Khalifah al-Hadi. Pada suatu hari Ibrahim bin Muslim bin Qutaibah mengalami kesedihan yang bersangatan kerana kematian anaknya. Khalifah al-Hadi yang mengenali secara dekat Ibrahim dan mengetahui perkara itu terus datang kepada Ibrahim dan berkata untuk menghiburkan hati Ibrahim;

"Wahai Ibrahim, adakah anakmu itu mengembirakanmu ketika ia merupakan musuh dan fitnah? (ketika hidupnya), dan menyedihkanmu ketika ia merupakan suatu rahmat? (kepadamu setelah kematiannya?)."

Setelah Ibrahim bin Muslim bin Qutaibah mendengar kata-kata yang bersifat menghibur beliau dan memberi pengajaran dari Khalifah al-Hadi yang bijaksana itu, maka beliau merasa tenang dan menjawab, "Wahai Amirul Mu'minin, hamba tidak lagi berdukacita, sebaliknya hamba akan bertenang dan bersabar."

Al-Mas'udi menceritakan tentang kelicikan dan kelicinan akal Khalifah al-Hadi meskipun kedudukan baginda yang sudah tersepit. Pada suatu hari Khalifah al-Hadi sedang duduk di dalam taman istana baginda. Tiba-tiba beberapa orang pengawal baginda membawa masuk kepada baginda seorang Khawarij yang dapat ditawan dalam satu operasi. Setelah dekat dengan baginda, tiba-tiba orang Khawarij itu telah merampas pedang dari pengawal yang menawannya (entah pedang di tangan atau di dalam sarungnya - P). Ini menyebabkan pengawal-pengawal yang lain terkejut dan menjadi panik. Mereka terus lari meninggalkan orang Khawarij dan Khalifah al-Hadi di dalam taman itu. Orang Khawarij itu dengan pedang terhunus di tangan terus melangkah masuk menghampiri Khalifah al-Hadi dengan tujuan untuk

menamatkan riwayat hidup baginda. Namun Khalifah al-Hadi tetap tenang sahaja, tidak beriaksi apa-apa. Setelah orang Khawarij itu semakin hampir, maka dengan tiba-tiba Khalifah al-Hadi memekik, "Pancung dia!" orang Khawarij itu terus berpaling ke belakang untuk melihat orang yang diperintahkan oleh Khalifah al-Hadi supaya memancung lehernya itu. Ketika itu juga dengan pantas Khalifah al-Hadi terus menerkam orang Khawarij itu dan merampas pedang yang dipegangnya dan baginda terus membunuh orang Khawarij itu.

Di dalam persoalan minuman nabiz yang menjadi arak, Khalifah al-Hadi telah mencipta sejarah. Kalau para khalifah bani Abbasiyyah sebelum baginda semuanya tidak pernah menyentuh arak, tetapi Khalifah al-Hadi adalah khalifah bani Abbasiyyah yang mula-mula menyentuh arak. Baginda bersama-sama adinda baginda (Khalifah) Harun ar-Rasyid telah belajar meminum arak semasa mereka berdua masih remaja lagi. Imam az-Zahabi meriwayatkan di dalam kitabnya bahawa Khalifah al-Hadi adalah seorang yang biasa minum arak, suka bermain-main dan cekap menunggang keldai (dan kuda - P). Ia tidak menghargai jawatan khalifah yang disandangnya. Tetapi baginda adalah seorang yang fasih, pandai bercakap dan seorang ahli sastera yang handal.

Pelantikan Dan Pemerintahan

Ketika Khalifah al-Mahdi wafat, Musa al-Hadi sedang berada di kota Jurjan, sebuah bandar atau kota di negeri Farsi kerana memimpin angkatan tentera untuk menghapuskan pemberontakan yang timbul di sana. (Khalifah) Harun ar-Rasyid yang sedang berada di kota Baghdad ketika ayahanda mereka wafat telah bertindak mengambil alih tempat kakanda baginda menerima baiah dari rakyat selaku khalifah menggantikan tempat ayahandanya Khalifah al-Mahdi yang telah wafat. Setelah Musa al-Hadi sampai ke kota Baghdad sekembalinya dari berjuang di negeri Jurjan, maka adinda baginda (Khalifah) Harun ar-Rasyid terus menyerahkan jawatan khalifah kepada kakanda beliau al-Hadi itu. Dengan itu terlantiklah Musa al-Hadi menjadi khalifah bani Abbasiyyah yang keempat dengan gelaran Khalifah al-Hadi.

Khalifah al-Hadi dilantik menjadi khalifah pada tahun 169 hijrah/785 Masihi. Dipercayai usia baginda ketika itu ialah 26 atau 27 tahun. Masih muda remaja.

Para Menteri

Menteri Khalifah al-Hadi hanya dua orang sahaja. Pertama ar-Rabi' bin Yunus dan kemudian Ibrahim bin Zakuan al-Harrani. Mula-mula baginda melantik ar-Rabi', kemudian baru Ibrahim al-Harrani.

Pemerintahan Yang Terlalu Singkat

Masa pemerintahan Khalifah al-Hadi terlalu singkat. Hanya selama setahun sahaja. Padahal baginda masih sangat muda. Ini bererti masa pemerintahan baginda sama lama dengan pemerintahan Khalifah Yazid bin al-Walid dari dinasti bani Umayyah yang juga menjadi khalifah selama setahun sahaja. Apa yang dapat dilakukan oleh seorang khalifah yang memerintah cuma setahun sahaja? Sebab itu para sejarawan apabila menyebut sejarah Khalifah al-Hadi, mereka tidak dapat menyebut tentang kejayaan-kejayaan yang telah dicapai dan diperbuat oleh baginda seperti kejayaan menghapus berbagai-bagai pemberontak, mengharungi peperangan, mengusahakan pembangunan-pembangunan baru dan lain-lain kemajuan untuk negara dan rakyat. Mereka hanya menyebut tentang kelahiran, peribadi, masalah kekeluargaan yang dihadapi semasa memerintah, tentang satu pemberontakan oleh kaum Syiah dan tentang kewafatan baginda. Inilah yang terjadi kepada Khalifah al-Hadi bin Khalifah al-Mahdi.

Masalah Yang Dihadapi

❖ **Pemberontakan Kaum Syiah**

Meskipun Khalifah al-Hadi cuma memerintah selama setahun sahaja, tetapi pada zaman pemerintahan baginda telah berlaku satu pemberontakan yang dicetuskan oleh kaum Syiah Ahlil Bait. Ini adalah pemberontakan kali kedua yang dilancarkan oleh kaum Syiah Ahlil Bait terhadap pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah setelah pemberontakan kali pertama yang terjadi pada masa pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur oleh Muhammad an-Nafsuz Zakiyyah dan saudaranya Ibrahim. Pemberontakan terhadap Khalifah al-Hadi ini dicetuskan sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah. Pemimpin pemberontakan ini ialah Imam Husein bin Ali bin Hasan bin Hasan bin al-Hasan bin Ali bin Abu Talib, anak sepupu kepada Muhammad an-Nafsuz Zakiyyah. Ianya meletus di Fark iaitu sebuah desa yang terletak dekat dengan kota Mekah. Pemberontakan itu menemui kegagalan. Pemimpin pemberontakan ini iaitu Imam Husein bin Ali telah terkorban.

Dua orang tokoh Syiah yang menyertai pemberontakan ini iaitu Yahya dan Idris bin Abdullah telah terselamat dan telah sempat menyelamatkan diri. Mereka berdua melarikan diri ke destinasi yang berlainan. Seorang ke utara dan seorang ke barat. Dua orang pahlawan yang bernama Yahya dan Idris ini adalah putera kepada Abdullah bin Hasan bin al-Hasan bin Ali bin Abu Talib. Yahya telah lari ke utara iaitu ke negeri Dailam yang berada di bawah pemerintahan kerajaan Turki. Manakala Idris pula telah lari ke barat iaitu ke negeri Mesir dan terus ke Maghribi. Sebaik sahaja sampai di sana beliau telah disambut oleh kaum Barbar dan beliau mendirikan kerajaan di sana dengan nama kerajaan Idrisiyyah. Inilah kerajaan keturunan Fatimah az-Zahra' rha

yang pertama yang didirikan dan ianya terpisah atau bebas dari pengaruh kerajaan bani Abbasiyyah. Sebenarnya Yahya dan Idris baru mula memainkan peranan keduanya di tempat perlindungan masing-masing setelah masuk zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid.

Kenapakah kaum Syiah Ahlil Bait tiba-tiba sahaja bangkit memberontak terhadap pemerintahan Khalifah al-Hadi, sedangkan pada zaman pemerintahan ayahandanya Khalifah al-Mahdi mereka tidak berbuat demikian? Ini tidak lain daripada kerana sikap Khalifah al-Hadi juga yang sangat benci kepada kaum keluarga Ahlil Bait. Tidak sebagaimana perangai ayahanda baginda Khalifah al-Mahdi yang telah berlaku baik terhadap kaum Ahlil Bait, Khalifah al-Hadi telah bersikap kasar dan kejam terhadap mereka ini. Sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah, Khalifah al-Hadi terus menyeksa orang-orang Syiah Alawiyyeen. Sebagai contoh baginda telah memerintah supaya Imam Musa al-Kazim, Imam Syiah Ahlil Bait ketika itu ditangkap dan di penjara. Kemudian diperintah pula diseksa. Permusuhan Khalifah al-Hadi dengan Imam Musa al-Kazim cukup hebat, sehingga dikatakan baginda telah berniat untuk membunuh Imam Musa al-Kazim. Padahal Imam Musa al-Kazim tidak pernah berniat untuk memusuhi baginda. Cuma baginda sahaja menaruh curiga terhadap Imam Musa al-Kazim yang ketika itu sangat berpengaruh ke atas rakyat. Tetapi tidak sempat kerana beliau wafat secara mendadak setelah itu.

❖ Persengketaan Khalifah Al-Hadi Dengan Ibundanya

Masalah lain yang dihadapi oleh Khalifah al-Hadi sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah ialah campurtangan ibunda baginda sendiri iaitu Khaizuran di dalam pentadbiran negara. Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa Khalifah al-Hadi adalah seorang khalifah yang berwibawa, gagah perkasa, tegas, berani, berhati-hati dan cemburu. Oleh itu baginda tidak mahu kekuasaan baginda di dalam pentadbiran diganggu oleh orang lain. Kebetulan sekali ibundanya Khaizuran bin Ata' suka sangat mengganggu pentadbiran baginda. Ini amat Khalifah al-Hadi tidak sukai. Ketika pemerintahan suaminya Khalifah al-Mahdi dulu, Khaizuran selalu mencampuri urusan pemerintahan suaminya kerana suaminya adalah seorang yang lembut. Semasa pemerintahan Khalifah al-Mahdi, Khaizuran sentiasa mempengaruhi suaminya di dalam membuat sebarang keputusan terutama tentang perlantikan pegawai tinggi kerajaan (gabenor) dan memecat mana-mana gabenor atau pegawai yang tidak disukainya. Sudah menjadi kebiasaan kepada Khaizuran mempengaruhi khalifah (suaminya) untuk melantik kaum kerabatnya menduduki jawatan-jawatan penting di dalam kerajaan.

Begitu juga sudah menjadi kebiasaan apabila seseorang yang berurusan dengan khalifah tidak berjaya memperoleh sesuatu projek atau mendapat sesuatu jawatan kecil di dalam mana-mana daerah atau kota, mereka akan mendapat kelulusan setelah masuk bertemu dengan Khaizuran. Dengan sebab

inilah istana Khaizuran menjadi tumpuan orang-orang tertentu untuk mendapatkan sesuatu jawatan atau projek kerajaan secara yang tidak menepati undang-undang yang lurus atau melalui cara-cara yang kurang telus.

Setelah Khalifah al-Mahdi wafat dan puteranya Musa al-Hadi dilantik menjadi khalifah, Khaizuran berpendapat atau merasa dia lebih dapat menguasai kerajaan lebih daripada ketika suaminya berkuasa dahulu. Meskipun dia mengetahui bahawa puteranya ini adalah seorang manusia yang tegas dan berhati-hati, namun Khaizuran mengira dia dapat mempengaruhi, mencampuri dan menguasai urusan pentadbiran negara. Dan Khaizuran benar-benar telah mencampuri urusan pentadbiran negara. Ini menyebabkan anakandanya Khalifah al-Hadi sangat tidak menyenanginya dan telah mengingatkan kepada ibunda baginda itu dengan kata-kata berikut;

"Ibu, janganlah ibu bertindak melampaui batas dengan berbuat sekehendak hati ibu. Urusan pentadbiran negara bukanlah urusan kaum wanita, sehingga ibu suka mengarah dan memerintah sesuka hati ibu sendiri. Lebih baik ibu menumpukan masa hidup ibu untuk beribadat dan mengingati Allah, ibu tidak akan dipersia-siakan. Apa yang mesti anakanda lakukan terhadap ibu, anakanda akan tunaikan sepenuhnya."

Namun Khaizuran tetap dengan kerenahnya. Dia tidak mahu mendengar nasihat dan peringatan daripada anaknya yang telah menjadi khalifah dan tidak mahu dikongkong itu. Dia mahu menjadi tuan kepada anaknya sendiri. Dia tetap mahu memerintah sebagaimana pada masa pemerintahan suaminya Khalifah al-Mahdi dahulu.

Ketika terjadi kekosongan jawatan gabenor bagi negeri Yaman, Khaizuran telah mengutus seseorang untuk menghadap puteranya Khalifah al-Hadi agar baginda melantik al-Ghatrif sebagai gabenor negeri Yaman. Al-Ghatrif ialah bapa mertua Khalifah al-Hadi dan kerabat kepada Khaizuran. Setelah Khalifah al-Hadi mendengar kata-kata utusan tersebut, maka baginda menyuruh pula utusan tersebut agar menyampaikan kepada isteri baginda iaitu puteri al-Ghatrif dua pesanan iaitu puteri al-Ghatrif boleh memilih sama ada dia mahu kekal sebagai permaisuri Khalifah al-Hadi atau ayahandanya dilantik menjadi gabenor di negeri Yaman. Kalau ayahandanya diangkat menjadi gabenor negeri Yaman, katakan padanya dia akan dicerai oleh Khalifah al-Hadi.

Malangnya si utusan itu tersilap menyampaikan laporan itu. Dia tidak menyampaikan pesanan itu kepada puteri al-Ghatrif, sebaliknya disampaikan kepada Khaizuran. Tanpa mahu membuang masa lagi, Khaizuran berkata kepada utusan itu, "Sampaikanlah kepada Amirul Mu'minin bahawa dia memilih al-Ghatrif dilantik menjadi gabenor Yaman."

Utusan itu kembali kepada Khalifah al-Hadi dan berkata kepada baginda, "Wahai Amirul Mu'minin, dia memilih agar al-Ghatrif diangkat menjadi gabenor di negeri Yaman."

Pada perkiraan Khalifah al-Hadi, yang menjawab itu ialah isteri baginda, puteri al-Ghatrif. Ini menyebabkan baginda murka dengan pilihan yang tidak tepat itu. Ertinya baginda menjadi murka kepada isteri baginda sendiri yang baginda mengira lebih mengutamakan kebahagiaan ayahandanya berbanding kebahagiaan dirinya atau kebahagiaan suaminya (baginda sendiri). Lantas Khalifah al-Hadi menceraikan isteri baginda puteri al-Ghatrif itu dan mengangkat al-Ghatrif sebagai gabenor bagi negeri Yaman.

Setelah isteri baginda mendapat tahu perkara itu, maka menangislah dia kerana sangat sedih mendengar suaminya lebih menyayangi ayahnya berbanding dirinya. Apabila Khalifah al-Hadi mendengar suara tangis dari dalam istana baginda itu, baginda merasa hairan. Bagaimana isteri baginda yang memilih sendiri untuk bercerai dengan baginda telah menangis? Atau itu adalah suara tangisan dari para jariah atau dayang-dayang baginda? Baginda menjadi serba salah dan waswas tidak dapat memastikan suara siapakah yang menangis itu biarpun amat mirip seperti suara isteri baginda. Baginda tertanya-tanya;

"Tangisan siapakah pula itu?"

"Itulah tangisan dari saudara sepupu Tuanku yang telah Tuanku ceraikannya," jawab seorang dayang kepada Khalifah al-Hadi.

"Mengapakah dia menangis, bukankah dia yang memilih sendiri untuk bercerai?" sampuk Khalifah al-Hadi pula terus tenggelam di dalam kehairanan.

Para dayang menjelaskan kedudukan perkara yang telah terjadi kepada baginda. Mereka berkata kepada baginda dengan berani kerana mengetahui baginda sangat sayang kepada isteri baginda puteri al-Ghatrif itu, "Tuanku terlalu tergesa-gesa menceraikan isteri Tuanku tanpa terlebih dahulu membuat pemeriksaan dengan teliti."

Khalifah al-Hadi sangat terkejut mendengar penjelasan daripada dayang-dayang baginda itu. Baginda tidak menyangka sama sekali mainan ibunda baginda yang demikian dahsyat sehingga sanggup mengorbankan kebahagiaan rumah tangga anaknya sendiri. Memisahkan puteri al-Ghatrif daripada menjadi permaisuri baginda, sedangkan sebenarnya baginda sangat cinta kepada puteri al-Ghatrif itu. Sejak saat itu api kemarahan Khalifah al-Hadi terhadap ibunda baginda semakin bernyala-nyala membakar hati baginda. Baginda menjadi berdendam kepada ibunda sendiri. Tetapi baginda menyimpan dendam baginda itu dan akan memuntahkan laharnya terhadap ibunda baginda pada suatu masa yang sesuai nanti. Buat ketika itu baginda mahu melampiaskan rasa marah baginda terhadap apa yang telah menimpa diri baginda dan isteri baginda kepada para pembesar istana dan sesiapa-sesiapa yang kebetulan hadir di dalam majlis baginda itu. Khalifah al-Hadi telah memerintah kepada semua yang hadir agar menceraikan isteri masing-masing. Biar semua merasai penderitaan yang sedang dialami oleh baginda dan isteri baginda pada saat itu.

Sesiapa yang cuba membantah akan dipenggal lehernya.

Satu lagi cerita yang mengisahkan bagaimana hubungan antara Khaizuran dengan anakandanya Khalifah al-Hadi menjadi sangat buruk dan sangat tegang serta terputus sama sekali. Diriwayatkan pada suatu hari Khaizuran telah datang kepada Khalifah al-Hadi dan memerintah kepada putera beliau itu agar memenuhkan keperluan atau permintaan seorang yang bernama Abdullah. Tentu sekali Abdullah ini adalah seorang yang rapat perhubungannya dengan Khaizuran. Kalau tidak masakan dia berani mengadu atau meminta syafaat melalui Khaizuran untuk kepentingan dirinya kepada seorang khalifah?

Tetapi Khalifah al-Hadi tidak dapat menunaikan permintaan atau kehendak Abdullah itu kerana ianya melibatkan persoalan negara. Ini menyebabkan Khaizuran menjadi sangat marah kepada anakandanya itu. Dia telah menyumpah-nyumpah Khalifah al-Hadi dan berjanji tidak akan meminta apa-apa lagi kepada Khalifah al-Hadi selepas saat itu. Bahkan dalam hal ini Khaizuran terang-terang melafazkan sumpahnya.

"Aku tidak kisah (dengan sumpah ibu itu - P)," jawab Khalifah al-Hadi kepada ibunda baginda itu.

Dengan rasa kecewa dan marah, Khaizuran bergegas untuk meninggalkan puteranya itu, tetapi Khalifah al-Hadi telah menahan daripada terus pergi.

"Wahai ibu, jangan ibu pergi, duduk dulu di tempatmu," perintah Khalifah al-Hadi kepada ibunda baginda itu.

Khaizuran mendengar perintah anaknya itu. Dia tahu sekiranya dia berdegil, sudah pasti dia akan ditangkap oleh para pengawal Khalifah al-Hadi di atas alasan menderhaka terhadap perintah khalifah. Maka Khaizuran telah mengikut perintah puteranya itu dan dia duduk di tempat yang diperintah oleh Khalifah al-Hadi agar dia duduk.

"Dengar sini wahai ibu! Mulai hari ini kalau saya mendapat khabar masih ada orang berulang alik di pintu rumah ibu, sama ada dia dari kalangan tentera, atau pegawai tinggi atau pengawal istana, nescaya saya akan tebas lehernya dan saya akan rampas seluruh harta bendanya. Siapa yang nekad, sila berbuat demikian. Apakah kerja rombongan demi rombongan datang ke pintu rumah ibu setiap hari? Apakah tidak ada apa-apa yang boleh ibu lakukan untuk mengisi masa lapang ibu? Apakah ibu tidak mempunyai al-Qur'an untuk memberi peringatan kepada ibu? Atau apakah tidak ada rumah untuk ibu berteduh?"

Hati Khaizuran sangat panas mendengar kata-kata puteranya yang menjadi khalifah dan telah memberi amaran keras kepadanya itu. Ketika Khalifah al-Hadi sedang asyik menghala bicara kepada seseorang, tiba-tiba Khaizuran mengangkat punggungnya cepat-cepat meninggalkan majlis puteranya itu. Kemudian Khalifah al-Hadi mengumpul para pembesar dan bermesyuarat

dengan mereka berkaitan masalah ibunda baginda itu.

Khalifah al-Hadi berkata kepada para pembesar kerajaan, "Siapakah yang lebih baik, aku dan ibuku atau kamu dan ibu kamu."

"Amirul Mu'minin dan ibunda Amirul Mu'mininlah yang lebih baik," jawab para pembesar kerajaan hampir serentak.

"Siapakah di antara kamu yang suka kalau ada seseorang lelaki yang datang bercerita hal dengan ibunya?" Tanya Khalifah al-Hadi seterusnya cuba berteka-teki dengan para pembesar kerajaan baginda itu.

"Kami tidak menyukai hal yang demikian itu (terjadi ke atas ibu kami - P) wahai Amirul Mu'minin," jawab para pembesar kerajaan beramai-ramai.

"Kalau begitu kenapakah kamu suka datang kepada ibuku dan bercakap-cakap dengannya?" soal Khalifah al-Hadi kepada mereka itu.

Sejak terjadi perjumpaan dengan Khalifah al-Hadi itu, seluruh para pembesar kerajaan bersepakat untuk tidak mendatangi rumah Khaizuran lagi. Ini menyebabkan pintu rumah Khaizuran menjadi lengang tanpa kelibat manusia. Khaizuran menjadi kesunyian kerana keseorangan. Ini menambah rasa marahnya kepada anakandanya Khalifah al-Hadi. Kemudian dia tidak suka lagi tinggal di dalam istananya. Dia keluar dan mencari tempat tinggal di perkampungan dan dikira sudah berkerat rotan dengan puteranya yang sedang menjadi khalifah itu.

Ingin Membunuh Khalifah Al-Hadi

Sejak dia menyisih diri ke perkampungan, hidup Khaizuran amat tidak menentu sekali. Dulu dia menjadi tempat tumpuan manusia, kini dia menjadi tempat tumpuan keserabutan fikiran. Dia tidak berangan-angan lagi untuk berbaik-baik dengan puteranya Khalifah al-Hadi. Baginya Khalifah al-Hadi bukan lagi anaknya. Khalifah al-Hadi dikira sudah menderhakainya. Dia mula teringat kepada puteranya yang seorang lagi iaitu (Khalifah) Harun (ar-Rasyid). Harun (ar-Rasyid) tidak menyerupai perangai Musa al-Hadi. Sebagaimana dengan Nabi Musa as dan Nabi Harun as, sesungguhnya sangat jauh kelakuan mereka bersaudara itu. Begitu juga dengan Khalifah Musa al-Hadi dengan adinda baginda Harun (ar-Rasyid). Khalifah al-Hadi seorang yang keras dan tegas, manakala Harun (ar-Rasyid) adalah seorang yang lemah lembut dan pengasihan belas. Sungguh sama dengan watak atau perangai Nabi Musa as dengan Nabi Harun as. Hati Khaizuran mula memikirkan tentang putera kedua beliau Harun (ar-Rasyid) itu. Beliau mahu kalau boleh biar puteranya yang kedua ini yang menjadi khalifah menggantikan Khalifah al-Hadi. Kalau boleh biarlah disegerakan tidak bertangguh-tangguh lagi.

Ketika Khaizuran sedang mengira dia akan mendapat peluang sekali lagi untuk berkuasa dan memerintah dari belakang tabir istana kalau anakandanya

Harun (ar-Rasyid) yang menjadi khalifah, tiba-tiba dia mendapat berita yang sangat buruk untuk didengar oleh telinganya, iaitu Khalifah al-Hadi telah beria-ia untuk memecat jawatan Putera Mahkota Harun (ar-Rasyid) dan mahu digantikan dengan putera baginda sendiri yang bernama Ja'far. Ketika itu Ja'far masih lagi kanak-kanak. Pada suatu hari Khalifah al-Hadi telah membawa persoalan itu ke meja rundingan. Baginda mahu berbincang dan bermesyuarat terlebih dahulu dengan menteri baginda yang paling bijaksana iaitu Yahya bin Khalid bin Barmak.

"Bagaimana pendapatmu kalau aku mansuhkan hak Harun sebagai Putera Mahkota dan menggantikan dengan anakku Ja'far?" Khalifah al-Hadi meminta pendapat menteri dan penasihat baginda yang sangat bijaksana itu.

"Wahai Amirul Mu'minin! Aku khuatir orang akan memandang remeh dan meringan-ringan soal perjanjian. Tetapi yang baik adalah kekalkan Harun sebagai Putera Mahkota dan Ja'far diangkat sebagai Putera Mahkota di belakang Harun. Lagipun saya khuatir sebahagian besar rakyat tidak mahu menerima Ja'far sebagai khalifah (seandainya terjadi apa-apa ke atas Khalifah al-Hadi) dalam masa terdekat. Kerana dia masih belum lagi mencapai usia baligh. Nanti keadaan dalam negara akan menjadi kacau bilau dan orang ramai akan saling berselisih faham." Yahya bin Khalid al-Barmaki ternyata tidak bersetuju Khalifah al-Hadi memecat adinda baginda Harun (ar-Rasyid) daripada jawatan Putera Mahkota. Ini adalah kerana Yahya al-Barmaki adalah seorang yang bijaksana selalu melihat secara jauh apakah akibat yang akan terjadi sekiranya khalifah dengan sewenang-wenangnya melucut Putera Mahkota yang dilantik oleh khalifah yang terdahulu dan menggantikan dengan anak sendiri.

Muka Khalifah al-Hadi berubah menjadi masam apabila baginda mendengar nasihat menteri baginda yang tidak memihak kepada baginda. Pada malam itu juga Khalifah al-Hadi memerintahkan supaya Yahya al-Barmaki ditangkap dan dipenjarakan. Tetapi kemudian dibebaskan semula. Seterusnya Khalifah al-Hadi memanggil adinda baginda Harun (ar-Rasyid) bertanya sendiri kepadanya, apakah dia tetap mahu menjawat jawatan khalifah setelah kematian baginda nanti? Apabila Harun (ar-Rasyid) mengisyaratkan seperti dia tidak berminat, Khalifah al-Hadi menjadi sangat gembira sekali. Baginda telah mengumumkan pemberian kepada adinda baginda itu sebanyak 1 juta dinar. Tidak lama setelah itu bertepatan pada malam Jumaat, wafatlah Khalifah al-Hadi dalam usia yang masih sangat muda iaitu 23 tahun. Pada malam itu juga Harun (ar-Rasyid) telah dilantik menjadi khalifah bani Abbasiyyah yang kelima. Dan kebetulan sekali pada malam itu juga seorang jariah Khalifah Harun ar-Rasyid telah melahirkan seorang putera dinamakan Abdullah (Dialah Khalifah al-Ma'mun).

Riwayat perjuangan Khaizuran tidak berakhir setakat puteranya Khalifah al-Hadi wafat, tetapi berterusan kerana ada tuduhan yang mengatakan beliau

adalah penyebab kepada kewafatan puteranya itu. Kononnya Khaizuran telah meletakkan racun di dalam makanan puteranya itu setelah Khalifah al-Hadi berusaha melucutkan jawatan Harun (ar-Rasyid). Khaizuran telah berpakat dengan beberapa orang dayang istana dan memasukkan racun ke dalam makanan yang akan dihantar atau dihidangkan kepada Khalifah al-Hadi.

Namun ada riwayat lain mengatakan Khalifah al-Hadi yang mula-mula atau yang memulakan usaha untuk membunuh ibundanya melalui racun ketika ibundanya sedang tinggal keseorangan sejak terasa hati kepada baginda. Tetapi Khaizuran tidak bersedia makan makanan yang dikirimkan oleh puteranya kepadanya itu, sebaliknya dia telah memberikan makanan itu kepada seekor kucing peliharaannya. Alangkah terkejutnya Khaizuran apabila melihat kucing yang diberi makanan itu tiba-tiba sakaratul maut dan mati. Maka tahulah Khaizuran bahawa putera beliau Khalifah al-Hadi berniat untuk membunuhnya.

Maka Khaizuran mula menutup mata kasih sayangnya dan kecintaan hatinya terhadap puteranya yang sedang berkuasa sebagai khalifah kaum Muslimin itu dan melupakan dengan selupa-lupanya bahawa Khalifah al-Hadi itu adalah darah dagingnya sendiri yang ia lahirkan dari perutnya sendiri dan ditatangnya dengan kedua-dua belah telapak tangannya sejak Khalifah al-Hadi masih bayi lagi. Maka dia berusaha mempengaruhi beberapa orang dayang istana dan memberi mereka rasuah untuk memasukkan racun ke dalam makanan yang akan dihidangkan kepada anakandanya Khalifah al-Hadi. Dengan sebab itu wafatlah Khalifah al-Hadi dengan sebab perbuatan ibunda baginda sendiri.

Bagaimanakah fikiran saudara-saudara pembaca yang budiman semua? Manakah yang dirasai lebih munasabah, apakah seorang anak mahu membunuh ibundanya sendiri disebabkan terganggu oleh gangguan dari ibundanya di dalam pemerintahannya ataukah seorang ibu yang kecewa terhadap seorang anak kerana tidak mahu menurut kehendak hatinya yang suka mengacau pemerintahan anaknya?

Pada pendapat dan pandangan penyusun yang serba lemah ini, Khalifah al-Hadi yang mula merancang untuk membunuh ibunda baginda adalah lebih munasabah berbanding dengan ibunda baginda yang mula merancang pembunuhan ke atas puteranya itu. Ini penyusun berdasarkan kepada rasa serabut dan bengang bermula dari diri Khalifah al-Hadi, bukan dari ibunda baginda Khaizuran. Khaizuran membuat kacau dengan mengganggu pentadbiran puteranya. Manakala Khalifah al-Hadi pula tidak dapat memerintah dengan baik dan sempurna kerana diganggu oleh ibunda baginda itu.

Tetapi ini tidak boleh dibuat perkiraan atau penilaian secara tepat sebab kita perlu melihat kepada hati seseorang itu pula. Ada kalanya orang suka

mengganggu orang lain kerana dengki. Jadi tidak mustahil Khaizuran yang mahu membunuh putera beliau kerana dengki atau sakit hati terhadap putera beliau yang tidak mahu menuruti kemahuan beliau itu.

Anak mahu membunuh ibu kerana serabut. Atau ibu mahu membunuh anak kerana sakit hati.

Mana yang lebih menasabah? Kedua-duanya menasabah kalau kedua-duanya jahat. Kalau salah satu yang jahat dan tidak beriman, maka yang itulah yang lebih menasabah untuk melakukan perbuatan keji sebegitu rupa kerana iman yang kosong dari hatinya.

Manakah antara kedua-dua Khaizuran dan Khalifah al-Hadi yang jahat dan tidak beriman? Kedua-duanya beriman. Tetapi tidak pasti siapa yang jahat atau lebih jahat. Khalifah al-Hadi adalah seorang yang sangat bertanggungjawab di dalam pemerintahan baginda. Cuma dikatakan baginda menyukai minuman keras. Khaizuran pula terlalu sangat berhubung dengan orang luar yang berkepentingan. Ini menunjukkan Khaizuran tidak mementingkan sangat hukum hakam. Sudahlah mahu menguasai kerajaan, pula suka sangat berhubungan dengan orang luar yang entah manusia entah syaitan.

Kalau begitu siapakah agaknya yang memulakan untuk melakukan pembunuhan itu? Khalifah al-Hadi atau Khaizuran?

Kalau Khalifah al-Hadi mahu membunuh ibunda baginda adalah disebabkan tidak tahan lagi baginda terus diganggu. Dan kalau Khaizuran yang mahu membunuh anaknya adalah disebabkan sakit hati dan dendam. Tetapi ibarat kata pepatah, kasih bapa kepada anak sepanjang penggalang. Tetapi kasih ibu kepada anak sepanjang jalan. Kasih anak kepada ibu?......sering sangat menderhaka.

Wafat

Sebagaimana yang telah dijelas di atas, kemungkinan Khalifah al-Hadi wafat kerana dibunuh oleh ibunda baginda sendiri dengan cara diracun. Ini adalah satu riwayat. Namun ada ahli-ahli sejarah Islam yang kurang bersetuju dengan riwayat ini. Dan masih ada satu riwayat lain yang memperkatakan tentang sebab Khalifah al-Hadi wafat. Riwayat ini sengaja disembunyikan oleh ahli sejarah yang tidak menyukai kaum Syiah. Riwayat ini menyebut sebab-sebab Khalifah al-Hadi wafat ialah kerana baginda terkena doa Imam Musa al-Kazim, salah seorang daripada dua belas Imam Syiah Ahlil Bait. Memang Imam Musa al-Kazim hidup pada zaman pemerintahan Khalifah al-Hadi. Dan memang Khalifah al-Hadi telah memenjara dan menganiaya Imam Musa al-Kazim. Dikatakan pada suatu hari Khalifah al-Hadi berniat untuk menamatkan riwayat hidup Imam Musa al-Kazim yang menuduh beliau ada kaitan dengan pemberontakan yang dicetuskan oleh Imam Husein bin Ali bin Hasan bin Hasan bin al-Hasan bin Ali bin Abu Talib di daerah Fakh sebaik sahaja baginda

dilantik menduduki kerusi khalifah. Khalifah al-Hadi telah menuding jarinya kepada Imam Musa al-Kazim dengan menuduhnya telah merangsang pemberontakan oleh sepupunya Husein bin Ali di kota Fakh itu kerana Imam Musa al-Kazim ketika itu adalah pemimpin terbesar kaum Alawiyyeen. Meskipun telah dicegah oleh Qadhi Imam Abu Yusuf, murid terbesar Imam Abu Hanifah yang merupakan Ketua segala Qadhi bagi kerajaan bani Abbasiyyah. Apabila Imam Musa al-Kazim mendapat tahu perkara itu, beliau bertanya kepada para pengikut beliau;

"Apa pendapat saudara-saudara (tentang rencana Khalifah al-Hadi untuk membunuh beliau)?"

Jawab para pencinta dan pengikut beliau, "Kami mengharapkan tuan menjauhkan dan menghilangkan diri daripadanya, sebab dia (Khalifah al-Hadi) adalah orang yang tidak boleh dipercayai untuk tidak melakukan perbuatan jahat (menganiaya kemudian membunuh tuan)."

Maka Imam Musa al-Kazim menjawab dengan mendendangkan sebuah bait syair, "Dia mengira boleh mengalahkan Tuhannya. Padahal Tuhannya pasti akan mengalahkan keinginan orang yang ingin mengalahkanNya."

Kemudian Imam Musa al-Kazim menadah kedua-dua belah tangannya yang mulia dan berdoa, "Wahai Allah.............Engkau lindungilah aku daripada racun-racun yang mahu membunuhku............Wahai Allah! Terimalah permohonanku dengan pengabulanMu..............Engkau berjanji untuk membela mereka yang membela orang-orang yang tertindas........"

Setelah Imam Musa al-Kazim selesai memanjat doa ke hadhirat Allah SWT meminta perlindungan dan pertolongan daripadaNya, maka para pengikut beliau terus meninggalkan beliau. Tetapi tidak berapa lama kemudian para pendukung beliau itu telah datang semula ke tempat beliau dan mereka duduk mengelilingi beliau. Para pengikut beliau membaca bersama-sama beliau sepucuk surat yang mereka terima yang dikirimkan oleh seseorang kepada imam mereka itu sebentar tadi yang isi kandungannya menyebut bahawa Khalifah al-Hadi sudah wafat.

Keluarga

Siapakah isteri Khalifah al-Hadi? Berapa orangkah anak-anak baginda? Disebut oleh Imam as-Sayuti di dalam kitabnya *Tarikhul Khulafa'* bahawa Khalifah al-Hadi mempunyai seramai sembilan orang anak, tujuh lelaki dan dua perempuan. Salah seorang anak baginda yang bernama Musa cacat penglihatannya.

Anak-anak Khalifah al-Hadi yang lelaki ialah Ja'far, Abbas, Abdullah, Ishak, Ismail, Sulaiman dan Musa. Manakala dua orang anak perempuan baginda ialah Ummu Isa dan Ummu Al-Abbas. Ummu Isa dikahwini oleh Khalifah al-Ma'mun. Manakala Ummu al-Abbas terkenal dengan panggilan Nutah.

Semua anak-anak Khalifah al-Hadi lahir dari ibu para jariah.

Penyusun tidak dapat memastikan apakah Khalifah al-Hadi ada berkahwin dengan perempuan merdeka.

Seorang Khalifah Yang keramat?

Khalifah al-Hadi adalah seorang khalifah yang agak aneh dan menghairankan. Kenapa? Kerana baginda dikatakan wafat kerana kena doa Imam Musa al-Kazim, seorang imam Syiah Ahlil Bait yang ketujuh. Ketika baginda berniat untuk membunuh Imam Musa al-Kazim, Imam al-Kazim terlebih dahulu mengatakan Khalifah al-Hadi akan mati sebelum beliau diapa-apakan oleh baginda. Ternyata kata-kata Imam Musa al-Kazim itu benar-benar terjadi. Tetapi para ahli sejarah tidak menyebut tentang perkara ini. Mereka hanya menulis bahawa Khalifah al-Hadi wafat setelah memerintah selama setahun sahaja.

Keanihan Khalifah al-Hadi juga dikaitkan dengan kata-kata beliau yang selalu tepat dan menjadi kenyataan. Dikatakan ketika baginda akan wafat, baginda telah mengingatkan kepada seorang jariah baginda yang sangat baginda sayangi bernama Ghadir agar jangan berkahwin dengan adinda baginda Harun ar-Rasyid. Apabila Ghadir berkahwin juga dengan Khalifah Harun ar-Rasyid, Ghadir telah bermimpi al-marhum Khalifah al-Hadi telah marah kepadanya dan mengancamnya akan turut mati kerana melanggar sumpahnya itu. Ternyata Ghadir telah mati selepas hari itu.

Satu lagi keanihan Khalifah al-Hadi ialah baginda telah berkelahi dengan ibunya sendiri dan cuba meracun ibunya yang dikatakan telah mengganggu tugasnya mentadbir negara. Tetapi baginda yang terkena racun yang dikatakan dilakukan oleh ibunda baginda sendiri itu.

Soalnya sekarang apakah Khalifah al-Hadi seorang Wali Allah kerana ketepatan baginda membuat ramalan bahawa jariah baginda yang bernama Ghadir akan dikahwinkan (setelah terlebih dahulu dimerdekakan) oleh (Khalifah) Harun ar-Rasyid dan baginda mengatakan kepada jariah baginda itu bahawa dia akan mati melalui mimpi sahaja. Segala-galanya tepat. Kalau baginda seorang yang keramat, bagaimana dengan tindakan baginda cuba membunuh Imam Musa al-Kazim, seorang anak cucu Rasulullah saw? Dan kalau baginda seorang Wali Allah, bagaimana baginda mati kena doa Imam Musa al-Kazim? Dan kalau baginda bukan seorang Wali Allah yang keramat, bagaimana baginda dapat mengetahui jariah baginda Ghadir akan dikahwinkan dengan saudara baginda (Khalifah) Harun ar-Rasyid, dan bagaimana baginda dapat meramal atau menyebut tarikh kematian bekas jariah baginda itu? Inilah yang penyusun katakan bahawa Khalifah al-Hadi adalah seorang khalifah yang aneh dan pelik.

Padahal sudah masyhur di dalam sejarah kerajaan bani Abbasiyyah bahawa

Khalifah al-Hadi adalah seorang peminum arak dan seorang yang menderhakai ibunya kerana masuk campur di dalam soal-soal pentadbiran negara, sampai ke tahap berusaha untuk membunuhnya. Apakah ini adalah satu atau dua fitnah ke atas diri baginda atau kisah-kisah yang menghairankan ini adalah satu cereka sahaja?

Diriwayatkan pada suatu hari Khalifah al-Hadi sedang asyik mendengar Ghadir menyanyi, tiba-tiba badan baginda menjadi gementar dan muka baginda menjadi pucat. Ini mengejutkan semua para pembesar dan pengawal istana dan mereka bertanya kepada baginda;

"Wahai Amirul Mu'minin, mengapa Tuanku tiba-tiba sahaja bergementar dan wajah Tuanku menjadi pucat?"

"Entahlah, tiba-tiba fikiranku terbayang bahawa aku tidak lama lagi akan mati. Adindaku (Khalifah) Harun (ar-Rasyid) akan naik menjadi khalifah dan berkahwin dengan jariahku ini," beritahu Khalifah al-Hadi menjelaskan tentang sebab-sebab badan baginda menjadi gementar secara tiba-tiba dan wajah baginda menjadi pucat itu.

Para pembesar berusaha menyakinkan baginda itu hanyalah khayalan baginda sahaja dan ianya tidak akan menjadi kenyataan.

"Semoga Allah lanjutkan usia Tuanku. Itu hanya lamunan perasaan Tuanku semata," sampuk para pembesar kerajaan cuba menghiburkan hati Khalifah al-Hadi.

Namun Khalifah al-Hadi begitu yakin apa yang terlintas di dalam hati baginda itu akan menjadi kenyataan. Baginda mengira itu adalah satu firasat baginda. Baginda sesungguhnya teramat sayang kepada jariah baginda yang seorang ini. Baginda tidak rela ada sesiapa yang mengambil Ghadir sama ada ketika baginda masih hidup ataupun sesudah baginda wafat. Kerana baginda sangat yakin bahawa itu adalah firasat hati baginda yang pasti terjadi, bukan semata-mata khayalan atau lintasan fikiran yang bukan-bukan sebagaimana yang dikatakan oleh para pembesar kerajaan baginda, maka Khalifah al-Hadi telah memanggil adinda baginda (Khalifah) Harun (ar-Rasyid) dan menceritakan apa yang telah terlintas di dalam hati dan fikiran baginda itu:-

"Wahai Amirul Mu'minin, tidak mengkin perkara itu akan terjadi," jawab (Khalifah) Harun (ar-Rasyid).

"Sekiranya aku betul-betul meninggal dunia, apakah engkau berani bersumpah untuk tidak mengambil Ghadir (menjadi isterimu)?" cabar Khalifah al-Hadi kepada adinda baginda itu.

"Aku sanggup bersumpah wahai Amirul Mu'minin," jawab Harun (ar-Rasyid) tegas.

Khalifah al-Hadi membuat pengikraran sumpah dengan mengatakan

sekiranya adinda baginda Harun (ar-Rasyid) mengambil juga Ghadir menjadi isterinya setelah baginda wafat, Harun (ar-Rasyid) hendaklah memerdekakan seorang hamba sahaya, menceraikan isterinya itu dan pergi naik haji ke kota Mekah dengan berjalan kaki. Kira-kira tidak sampai dua bulan setelah kejadian itu, Khalifah al-Hadi benar-benar wafat.

Harun (ar-Rasyid) menggantikan tempat kakandanya Khalifah al-Hadi selaku khalifah dan baginda sebenarnya juga sangat berminat kepada Ghadir sebagaimana kakanda baginda al-marhum Khalifah al-Hadi. Baginda memanggil Ghadir dan menyatakan hasrat hati baginda untuk mengahwininya.

"Tetapi bagaimana dengan sumpah yang Amirul Mu'minin telah ucapkan dan juga saya di hadapan Khalifah al-Hadi?" Ghadir cuba mengingatkan kepada Khalifah Harun ar-Rasyid tentang sumpah yang pernah mereka berdua ucapkan di hadapan Khalifah al-Hadi semasa hayat baginda itu tempoh hari dulu.

"Aku bersedia membayar kiffarah (denda kerana melanggar amalan bersumpah atau sumpah) untuk diriku dan dirimu juga," jawab Khalifah Harun ar-Rasyid menyedapkan hati Ghadir.

"Kalau begitu sudah menjadi keinginan Tuanku, saya turut sahaja," jawab Ghadir mengambil mudah sahaja pada keinginan Khalifah Harun ar-Rasyid yang mahu melanggar sumpah baginda dan mahu membayar kiffarah sumpah baginda dan sumpah Ghadir juga itu.

Setelah itu Ghadir dibeli oleh Khalifah Harun ar-Rasyid, lantas baginda memerdekakannya dan seterusnya mengahwininya. Maka jadilah Ghadir bekas jariah Khalifah al-Hadi itu isteri kepada Khalifah Harun ar-Rasyid.

Diriwayatkan pada suatu hari Ghadir tertidur di atas pangkuan suaminya Khalifah Harun ar-Rasyid dan Khalifah Harun ar-Rasyid tidak mahu bergerak sedikitpun kerana bimbang isteri kesayangan baginda itu terkejut dan terjaga daripada tidurnya yang enak itu. Ini kerana betapa sayangnya Khalifah Harun ar-Rasyid kepada isteri baginda yang seorang ini.

Pada suatu malam, Ghadir yang tidur di sisi suaminya Khalifah Harun ar-Rasyid tiba-tiba terjaga seperti bermimpi sesuatu yang menakutkan dengan seluruh badannya gementar lantas dia menangis. Khalifah Harun ar-Rasyid terkejut dan bertanya kepada isterinya itu;

"Apa yang telah terjadi kepadamu, dinda?"

"Ampun wahai Amirul Mu'minin, saya mimpi sesuatu yang menakutkan sekali," jawab Ghadir dalam tangisnya.

"Mimpi apa pula?" tanya Khalifah Harun ar-Rasyid dengan hati yang bimbang.

"Saya bermimpi melihat Khalifah al-Hadi datang kepadaku dan

mengucapkan kata-kata dalam susunan syair," cerita Ghadir resah dan terus menyebut syair-syair yang diungkapkan oleh al-marhum Khalifah al-Hadi kepadanya dalam mimpinya itu. Isi-isi syair itu sangat menakutkan Ghadir kerana berupa kecaman terhadap dirinya yang telah melanggar sumpahnya untuk tidak berkahwin lagi setelah kematian tuannya al-marhum Khalifah al-Hadi itu dan telah berkahwin dengan Khalifah Harun ar-Rasyid adinda al-marhum. Di akhir sekali Ghadir juga menyebut bahawa Khalifah al-Hadi telah mempelawanya agar ikut sertanya ke dalam kubur.

"Ah, itu hanyalah mimpi karut sahaja," Khalifah Harun ar-Rasyid cuba menenangkan hati isteri baginda itu.

"Tidak wahai Amirul Mu'minin, aku seolah-olah menyalin bait-bait syair (yang diucapkan oleh Khalifah al-Hadi - P) itu dalam hatiku," bantah Ghadir pula yang benar-benar yakin dirinya telah dimakan sumpah.

Dalam saat itu juga Ghadir menjadi sangat takut. Kemudian badannya menggelentar. Kemudian dia meronta-ronta dan menjerit seperti orang kesakitan. Khalifah Harun ar-Rasyid telah berusaha memujuk dan menghiburnya tetapi tidak berjaya. Ghadir terus meronta-ronta dan menjerit. Akhirnya badan Ghadir menjadi lemah. Sebelum masuk waktu Subuh, Ghadir sudah menjadi mayat. Dia diusung ke tanah perkuburan menyusuli bekas suaminya al-marhum Khalifah al-Hadi yang wafat tidak berapa lama sebelum itu.

HARUN AR-RASYID
(170-193 Hijrah=786-809 Masihi

Pengenalan

Harun ar-Rasyid ialah Khalifah kerajaan dinasti bani Abbasiyyah yang teragong dan paling terkemuka sekali daripada sembilan orang khalifah bani Abbasiyyah di zaman keagungan dan kegemilangannya. Masa zaman keagungan adalah selama 100 tahun bermula dari tahun 132 hijrah/749 Masihi sampailah ke tahun 232 hijrah/847 Masihi. Khalifah Harun ar-Rasyid telah berjaya menjadikan negara Islam di bawah pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah mencapai keagungan dan kegemilangan di dalam bidang-bidang perdagangan antarabangsa, kebudayaan, pembangunan dan perkembangan ilmu pengetahuan di dalam bermacam-macam disiplin ilmu. Kerajaan Islam bani Abbasiyyah telah menjadi pusat pengumpulan barang-barang yang diperdagangan dari barat di negara Sepanyol, Perancis dan Rom manakala ke timur sampai ke benua kecil India dan China, malah Asia Tenggara juga. Ilmu pengetahuan telah berkembang pesat pada zaman pemerintahan baginda ini. Buku-buku asing di dalam berbagai-bagai bidang ilmu telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab yang menyebabkan lahir ramai sekali cendekiawan Islam dari berbagai-bagai bangsa yang menetap di kota Bahgdad yang datang dari berbagai-bagai negara. Sehingga Imam as-Sayuti menyifatkan zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid sebagai zaman yang melimpah dengan kebaikan yang semuanya indah laksana hari dan malam pengantin-pengantin baru.

Sebenarnya pada zaman permulaan pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid, keadaan dalam negara agak huru-hara. Bukan aman damai dan penuh dengan kebaikan sebagaimana pada zaman pertengahan dan akhir pemerintahan baginda. Itulah (zaman pertengahan dan akhir pemerintahan baginda) yang dimaksudkan oleh Imam as-Sayuti dengan laksana hari dan malam pengantin-pengantin baru. Tetapi berkat kesungguhan Khalifah Harun ar-Rasyid bekerja sendiri menghapuskan pemberontakan dan kecekapan serta kebijaksanaan para menteri dan penasihat baginda membantu pentadbiran negara khususnya kaum Baramikah dan para pengganti mereka, telah menjadikan kerajaan Islam bani Abbasiyyah pada zaman pemerintahan

Khalifah Harun ar-Rasyid mencapai puncak kebesaran, kemakmuran dan kegemilangan dalam segala segi.

Pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyidlah para sasterawan telah menghikayatkan kisah 1001 malam di mana kisah ini amat popular sekali di seluruh dunia di dalam bidang kesusasteraan. Dan dikatakan pada zaman pemerintahan bagindalah wujud atau hidupnya seorang ahli lawak yang amat cerdik dan sangat bijaksana sehingga dapat mempermainkan Khalifah Harun ar-Rasyid bernama Abu Nawas.

Kebolehan Khalifah Harun ar-Rasyid di dalam bidang politik dan keperkasaan baginda di medan perang bukan terhasil dari didikan semata, tetapi juga adalah terbit dari sifat semula jadi baginda yang lahir bersama jasad baginda. Kerana itu sifat-sifat kecerdikan di dalam mentadbir dan keperkasaan di medan perang telah dapat dilihat ketika baginda masih remaja lagi. Sebab itu pada zaman pemerintahan ayahanda baginda Khalifah al-Mahdi, (Khalifah) Harun ar-Rasyid telah dilantik oleh ayahanda baginda untuk menerajui pemerintahan di kota Saifah pada tahun 163 hijrah/779 Masihi. Ketika itu baginda baru berusia 18 tahun. Setahun kemudian iaitu pada tahun 164 hijrah/780 Masihi ketika baginda berusia 19 tahun, ayahanda baginda melantik pula baginda menjadi gabenor di kota Anbar iaitu pusat pemerintahan pertama kerajaan bani Abbasiyyah dan kawasan-kawasan sekitarnya dan juga di bumi Afrika bahagian utara. (Khalifah) Harun ar-Rasyid telah melantik para pembantu baginda untuk mentadbir wilayah-wilayah tersebut.

Pada zaman bagindalah berlakunya perhubungan diplomatik dengan dua buah kerajaan Eropah iaitu kerajaan Rom Byzentium dan kerajaan Perancis. Dan pada zaman baginda jugalah munculnya dua buah kerajaan yang mempunyai kuasa otonomi memerintah sendiri iaitu kerajaan Idrisiyyah di negeri Maghribi dan kerajaan al-Aglabiyyah di Afrika Utara.

Pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid terbahagi kepada dua masa atau period. Period pertama bermula dari masa baginda mula-mula dilantik menjadi khalifah sehinggalah ke tahun 187 hijrah/803 Masihi iaitu selama 17 tahun. Period kedua bermula pada tahun187 hijrah/803 Masihi hinggalah baginda wafat pada tahun193 hijrah/809 Masihi iaitu selama 6 tahun. Kenapakah ahli-ahli sejarah membahagikan masa pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid kepada dua peringkat? Ini adalah disebabkan peringkat pertama pentadbiran negara dimonopoli oleh kaum Baramikah. Manakala peringkat kedua baginda sendiri yang melaksanakan pemerintah secara mutlak setelah baginda membunuh dan melenyapkan kekuasaan kaum Baramikah dari kerajaan baginda.

Kelahiran Dan Peribadi

Khalifah Harun ar-Rasyid dilahirkan di kota Rayy sebagaimana kakanda

baginda Khalifah al-Hadi juga pada tahun 145 hijrah/762 Masihi. Ketika itu khalifah bani Abbasiyyah sedang berada di dalam pegangan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, datuk baginda yang telah memerintah selama 9 tahun.

Salasilah keturunan baginda yang selengkapnya ialah Harun (Harun ar-Rasyid) bin Muhammad (Khalifah al-Mahdi) bin Abdullah (Khalifah Abu Ja'far al-Mansur) bin Muhammad bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas. Manakala salasilah keturunan dari pihak ibunda baginda pula ialah Harun bin Khaizuran binti Ata' sebagaimana keturunan kakanda baginda Khalifah al-Hadi juga kerana mereka berdua adalah anak-anak dari ayah dan ibu yang sama.

Baginda digelar dengan Abu Ja'far atau Abu Musa, tetapi tidak terkenal dengan gelaran itu. Guru baginda ialah ayahanda baginda sendiri Khalifah al-Mahdi dan datuk baginda Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Ini menunjukkan bahawa para khalifah kerajaan bani Abbasiyyah sejak pertama lagi adalah merupakan orang-orang yang alim. Manakala murid baginda pula ialah putera-putera baginda sendiri termasuklah (Khalifah) al-Amin dan (Khalifah) al-Ma'mun.

Tentang rupa paras dan bentuk fizikal pula, dikatakan bahawa Khalifah Harun ar-Rasyid adalah seorang lelaki yang kacak menawan dan segak. Ini adalah kerana wajah baginda mempusakai wajah ayahanda dan ibunda baginda yang terkenal sangat kacak dan jelita. Manakala tentang sifat-sifat kejiwaan atau perangai pula dikatakan bahawa baginda adalah seorang yang gagah perkasa dan handal di medan perang, bijaksana di dalam pentadbiran, luas ilmu pengetahuan kerana baginda adalah seorang yang cintakan ilmu pengetahuan.

Sesungguhnya peribadi kejiwaan Khalifah Harun ar-Rasyid aneh sekali kerana baginda adalah seorang pahlawan yang gagah dan sering berjuang di medan perang. Tetapi dalam pada itu baginda juga adalah seorang yang berperasaan lembut dan mudah tersentuh hati. Dengan kata lain baginda mudah menangis apabila mendengar sesuatu nasihat atau pengajaran yang diberikan oleh seseorang yang berilmu kepada baginda.

Seorang yang bernama Abul Ma'ali al-Kilabi dilaporkan pernah berkata tentang keghairahan Khalifah Harun ar-Rasyid mengerjakan ibadat haji dan berperang, "Barangsiapa yang suka bertemu dengannya (Khalifah Harun ar-Rasyid), maka hendaklah ia datang ke al-Haramaini (dua Tanah Suci Mekah dan Madinah pada musim haji - P) atau ke wilayah yang dikuasai oleh musuh (yang menceroboh atau para pemberontak kerana baginda adalah panglima perang tentera Islam atau tentera kerajaan - P)."

Pemerintahan

Khalifah Harun ar-Rasyid dilantik menjadi Khalifah kerajaan bani Abbasiyyah yang kelima menggantikan tempat kakanda baginda Khalifah al-Hadi yang telah wafat pada tahun 170 hijrah/786 Masihi. Ketika itu usia

baginda baru 25 tahun. Sebelum kita memperkatakan tentang bagaimana perjalanan pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid, ada baiknya kita memperkatakan dahulu sedikit tentang siapakah para menteri dan penasihat baginda yang telah membantu baginda membawa negara mencapai keagungan, kemajuan dan kegemilangan di dalam berbagai-bagai bidang perkara khususnya di dalam bidang perdagangan, pembangunan dan ilmu pengetahuan.

Para Menteri Dan Penasihat

Para menteri dan penasihat Khalifah Harun ar-Rasyid yang membantu baginda di dalam pemerintahan negara ialah keluarga Barmaki yang merupakan tokoh-tokoh yang terkenal bijaksana, pintar di dalam pentadbiran dan gagah perkasa di medan perang. Mereka dikenali dengan sebutan Kaum Baramikah. Kaum Baramikah dimulai oleh Khalid bin Barmak. Kemudian anaknya Yahya dan seterusnya cucu-cucu Khalid iaitu anak-anak Yahya yang seramai empat orang iaitu al-Fadhl, Ja'far, Muhammad dan Musa. Mereka yang paling terkenal hanya Khalid, Yahya, al-Fadhl dan Ja'far sahaja. Keluarga Baramikah ini sangat terkemuka di dalam masa pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid disebabkan kepintaran, kebolehan, kepahlawanan dan kejujuran mereka terhadap Khalifah Harun ar-Rasyid, telah menyebabkan kerajaan Khalifah Harun ar-Rasyid berjaya mencapai zaman kemuncak kegemilangan dan keagongan kerajaan bani Abbasiyyah. Tetapi akhirnya pada tahun 187 hijrah/803 Masihi, Khalifah Harun ar-Rasyid telah menghapuskan keluarga ini dari muka bumi tanpa diketahui sebab-sebabnya yang pasti atau kesalahan apakah yang telah mereka lakukan. Baginda telah membunuh Ja'far bin Yahya dan menangkap serta memenjarakan Yahya dan al-Fadhl dan kedua-duanya meninggal di dalam penjara. Tempat Ja'far telah diganti dengan al-Fadhl bin ar-Rabi', anak kepada ar-Rabi' bin Yunus, menteri kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur dan Khalifah al-Mahdi.

Pusat Pemerintahan

Pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid, pusat pemerintahan atau ibukota kerajaan Islam ialah kota Baghdad juga. Baginda tidak pernah memikirkan untuk membina kota baru menggantikan kota Baghdad kerana tidak ada apa-apa sebab untuk baginda berbuat demikian. Bahkan kota Baghdad telah menjadi sebuah kota yang sangat maju di dalam berbagai-bagai lapangan pada zaman baginda khususnya di dalam bidang kebudayaan, perdagangan, ilmu pengetahuan dan pembangunan sebagaimana yang telah diperkatakan di bawah tajuk pengenalan.

Langkah-Langkah Awal Yang Dilakukan Sebaik Dilantik

❖ Menunaikan Haji Dan Bersedekah

Sebaik sahaja dilantik menjadi khalifah, sebelum baginda melakukan apa-apa, Khalifah Harun ar-Rasyid telah pergi ke kota Mekah menunaikan ibadat haji dengan berjalan kaki bersama rombongannya dan memberi sedekah yang banyak kepada penduduk kota Mekah.

Tahukah saudara-saudara pembaca yang budiman semua, kenapakah Khalifah Harun ar-Rasyid sebaik sahaja dilantik menjadi khalifah terus menunaikan ibadat haji? Ya, memanglah kerana baginda seorang yang rajin beribadat termasuklah kerap menunaikan ibadat haji. Ini satu jawapan. Tetapi sebenarnya terdapat satu lagi sebab yang berkaitan dengan tindakan baginda menunaikan ibadat haji sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah. Sebab itu ialah berkaitan dengan sumpah yang baginda lafazkan di hadapan kakanda baginda Khalifah al-Hadi bahawa baginda tidak akan mengahwini Ghadir setelah Khalifah al-Hadi wafat. Sekiranya baginda mengahwini juga, baginda akan memerdekakan seorang hamba sahaya, menceraikan isterinya itu dan pergi naik haji ke kota Mekah dengan berjalan kaki.

Inilah salah satu sebab yang lain lagi kenapakah Khalifah Harun ar-Rasyid menunaikan ibadat haji sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah iaitu kerana mahu menunaikan nazar baginda itu.

Masalah Besar Yang Dihadapi Sebaik Dilantik

❖ Menghapuskan Pemberontak Dan Pencerobohan Di Perbatasan Negara

❖ Memadamkan Pemberontakan Penduduk Armenia Dan Azerbaijan Dan Pencerobohan Tentera Rom Di Sempadan

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa di antara langkah-langkah awal yang dilaksanakan oleh Khalifah Harun ar-Rasyid sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah ialah memimpin angkatan tentera untuk mengamankan pemberontakan yang dicetuskan oleh penduduk di wilayah Armenia dan Azerbaijan. Sebenarnya ketika Khalifah Harun ar-Rasyid pergi menunaikan ibadat haji sebaik sahaja baginda ditabalkan menjadi khalifah, wilayah Armenia dan Azerbaijan sedang bergolak. Begitu juga dengan sempadan negara khususnya di bahagian yang bersempadan dengan kerajaan Rom Timur atau Byzentium telah mengalami kacau bilau kerana tentera Rom yang telah menceroboh perbatasan kerajaan Islam.

Timbulnya kekacauan di kedua-dua negeri Islam itu adalah berpunca dari perbuatan menghasut oleh pihak kerajaan Rom Timur yang sentiasa mahu menghuru-harakan negeri-negeri Islam agar dapat membuka ruang kepada mereka untuk merampas tanah jajahan Islam yang sudah sangat luas itu. Sebab itulah sebaik sahaja baginda pulang dari mengerjakan ibadat haji di kota

Mekah, setelah menyerahkan tugas mentadbir negara kepada Yahya bin Khalid, maka Khalifah Harun ar-Rasyid terus memimpin angkatan perang menuju ke negara Armenia dan Azerbaijan untuk memadamkan pemberontakan-pemberontakan itu.

Sebenarnya perbuatan mengacau oleh pihak Rom Timur sudah dilakukan mereka sejak zaman pemerintahan Khalifah al-Hadi lagi. Pada ketika itu (Khalifah) Harun ar-Rasyidlah yang ditugaskan oleh kakanda baginda itu untuk mengepalai angkatan tentera Islam menyerang penceroboh itu. Ini adalah kerana (Khalifah) Harun ar-Rasyid adalah seorang pahlawan yang sangat handal di dalam taktik peperangan, gagah perkasa dan berani.

Sebab itu setelah baginda berjaya memulihkan keadaan di wilayah Armenia dan Azerbaijan, Khalifah Harun ar-Rasyid telah mara pula menyerang tentera Rom Timur di perbatasan negara. Setelah keadaan dapat dipulihkan seperti sedia kala barulah baginda pulang ke kota Baghdad untuk mentadbir negara.

Kenapa Memimpin Sendiri Angkatan Perang?

Timbul pertanyaan di sini, kenapakah Khalifah Harun ar-Rasyid memimpin sendiri angkatan tentera ke medan perang, sedangkan para khalifah sejak zaman Khalifah Irrasyidin (kecuali Sayidina Ali bin Abu Talib sahaja), para khalifah bani Umayyah (kecuali Khalifah Marwan bin al-Hakkam, Khalifah Abdul Malik bin Marwan dan Khalifah Marwan bin Muhammad) semuanya tidak memimpin sendiri angkatan perang untuk memerangi musuh, tetapi diserahkan kepada pahlawan yang dilantik khas?

Memang Khalifah Harun ar-Rasyid merasa baginda perlu mencontohi Rasulullah s.a.w. yang memimpin sendiri pasukan dan kebetulan pula baginda adalah seorang pahlawan yang gagah perkasa sebagaimana Khalifah Ali bin Abu Talib, Khalifah Marwan bin al-Hakkam, Khalifah Abdul Malik bin Marwan dan Khalifah Marwan bin Muhammad. Jadi darah kepahlawanan yang mengalir di dalam tubuh baginda tidak dapat dibiarkan beku tanpa sekali sekala memimpin pasukan ke medan perang.

Memadam Pemberontakan Kaum Syiah Oleh Idris Dan Yahya Bin Abdullah

Kalau pada zaman pemerintahan datuk baginda Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah berlaku pemberontakan oleh kaum Syiah Alawiyyeen Ahlil Bait pimpinan Muhammad an-Nafsuz Zakiyyah dan saudaranya Ibrahim, maka pada masa pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid juga telah berlaku pemberontakan yang dicetuskan oleh kaum Syiah Alawiyyeen Ahlil Bait iaitu oleh dua orang tokoh mereka iaitu saudara-saudara kepada an-Nafsuz Zakiyyah iaitu Yahya dan Idris bin Abdullah bin Hasan bin al-Hasan bin Ali bin Abu Talib. Sebenarnya pemberontakan ini berlaku bukan pada masa

pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid, tetapi sejak zaman Khalifah al-Hadi iaitu pada tahun 169 hijrah/785 Masihi. Tetapi Yahya dan Idris telah berjaya meloloskan diri daripada medan di Fakh itu. Yahya telah melarikan diri ke Daylam, Turki, manakala Idris ke Mesir dan terus ke negeri Maghribi di Afrika Utara. Kedua-duanya dapat bergerak dengan bebas di tempat perlindungan masing-masing dan telah memainkan peranan yang besar pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid.

Untuk menangkap dan menewaskan Yahya bin Abdullah yang berlindung di negeri Daylam, Khalifah Harun ar-Rasyid telah menggunakan taktik tipu muslihat di mana baginda telah mengarahkan seorang anggota keluarga Barmaki iaitu al-Fadhl bin Yahya bin Khalid bin Barmak agar memujuk Yahya dengan menjanjikan keamanan jiwa dan hartabenda kepadanya. Dengan menggunakan segala kebijaksanaan yang terdapat pada akalnya, al-Fadhl bin Yahya telah membujuk Yahya agar menyerah diri dan datang menghadap Khalifah Harun ar-Rasyid. Dikatakan kepadanya bahawa Khalifah Harun ar-Rasyid telah memaafkannya dan akan memberi berbagai-bagai penghormatan dan hadiah sekiranya beliau datang menyerahkan diri kepada baginda. Setelah Yahya bin Abdullah datang menghadap Khalifah Harun ar-Rasyid, maka Yahya bin Khalid al-Barmaki telah menghasut dan menasihati Khalifah Harun ar-Rasyid agar baginda jangan membiarkan Yahya bin Abdullah hidup bebas kerana dibimbangkan pengaruhnya ke atas rakyat. Maka Khalifah Harun ar-Rasyid telah menangkap dan memenjarakan Yahya bin Abdullah. Yahya bin Abdullah meninggal dunia dalam penjara. Peristiwa ini terjadi pada awal tahun pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid.

Saya meragui riwayat yang mengatakan Yahya bin Khalid, menteri kepada Khalifah Harun ar-Rasyid yang telah menghasut Khalifah Harun ar-Rasyid agar membunuh Yahya bin Abdullah setelah berjaya dibujuk dan dijamin keamanan nyawanya. Ini adalah sudah masyhur bahawa orang-orang Baramikah sangat mencintai keluarga Ahlil Bait Rasulullah s.a.w. Macam mana mereka telah berkhianat kepada seorang anggota Ahlil Bait iaitu Yahya bin Abdullah. Saya berpandangan bahawa orang besar lain yang telah menghasut Khalifah Harun ar-Rasyid agar membunuh Yahya bin Abdullah.

Khalifah Harun ar-Rasyid memang berhasrat juga untuk menangkap dan memenjarakan Idris bin Abdullah yang telah berjaya melarikan diri ke negeri Mesir, seterusnya ke Afrika Utara (Maghribi) dan menjadi khalifah di sana itu. Negara Afrika Utara sangat jauh dari kota Baghdad atau negeri Iraq yang mana sudah tentu amat sukar untuk menghantar tentera untuk menghadapi atau menangkap Idris di negeri Maghribi itu.

Mengikut apa yang ditulis atau diriwayatkan oleh ahli-ahli sejarah bahawa sebaik sahaja Idris bin Abdullah sampai di negeri Maghribi, beliau telah disambut oleh kaum Barbar yang merupakan penduduk di negeri itu dan terus melantik beliau menjadi khalifah mereka di sana. Bukan penduduk negeri

Maghribi sahaja yang menyokong kekhalifahan Idris bin Abdullah di negeri Maghribi, bahkan seluruh rakyat Afrika Utara telah menyokong dan mengakui kekhalifahan beliau di negeri tersebut. Kerajaan Idris bin Abdullah di negeri Maghribi itu dinamakan kerajaan Idrisiyyah. Khalifah Harun ar-Rasyid sangat dukacita mendengar perkembangan ini sebagaimana baginda sangat berdukacita ketika mendengar bahawa Yahya bin Abdullah telah berlindung di negeri Daylam.

Khalifah Harun ar-Rasyid tidak mahu melihat kerajaan Idrisiyyah terus berdiri gagah ke negeri Maghribi. Baginda telah menyiapkan sebuah angkatan tentera yang besar dan dihantar untuk menakluki negeri Maghribi itu. Tetapi Idris terlalu kuat dan pintar. Tentera kerajaan bani Abbasiyyah tidak berdaya untuk mengalahkan Idris dan para tenteranya dan akhirnya pihak kerajaan bani Abbasiyyah telah mengundurkan tentera mereka kembali semula ke negeri Mesir. Idris terus berkuasa selaku khalifah kerajaan Idrisiyyah di bumi Afrika Utara yang berpusat di negeri Maghribi itu.

Kerana tidak berjaya untuk menewaskan kerajaan Idrisiyyah di Afrika Utara itu secara kekuatan tentera, maka Khalifah Harun ar-Rasyid telah menggunakan taktik licik atau tipu muslihat. Baginda telah menghantar seorang yang cerdik dan pandai menyamar bernama Sulaiman bin Jarir ke negeri Maghribi. Dengan kepandaiannya Sulaiman bin Jarir telah berjaya memasukkan racun ke dalam makanan atau minuman Idris yang menyebabkan Idris bin Abdullah meninggal dunia akibat memakan racun itu. Peristiwa ini terjadi pada tahun 177 hijrah/793 Masihi, iaitu setelah Idris bin Abdullah menjadi pemerintah di sana selama lima tahun (sungguhpun Idris lari dari Fakh pada tahun 169 hijrah/785 Masihi, tetapi beliau mendirikan kerajaan di negeri Maghribi pada tahun 172 hijrah/788 Masihi).

Setelah Idris bin Abdullah meninggal dunia kerana diracun oleh Khalifah Harun ar-Rasyid melalui orang suruhan baginda yang cerdik, maka kaum Barbar telah melantik pula putera Idris bin Abdullah yang juga bernama Idris iaitu Idris bin Idris bin Abdullah bin Hasan bin al-Hasan bin Ali bin Abu Talib sebagai pemerintah kerajaan Idrisiyyah di Afrika Utara yang berpusat di negeri Maghribi itu. Meskipun ketika Idris bin Abdullah wafat, putera baginda itu masih lagi di dalam kandungan isteri beliau, namun setelah Idris bin Idris bin Abdullah dilahirkan, maka kaum Barbar telah memelihara Idris ll dengan penuh penjagaan ibarat kata pepatah menatang minyak yang penuh. Setelah dewasa mencapai usia baligh, maka kaum Barbar itu terus melantik Idris bin Idris sebagai khalifah kerajaan Idrisiyyah di bumi Afrika Utara yang berpusat di negeri Maghribi itu.

Kerajaan Idrisiyyah adalah sebuah kerajaan Islam dari dinasti bani Fatimiyyah yang pertama didirikan. Kerajaan Idrisiyyah kekal memerintah selama kira-kira 50 tahun.

Pemberontakan Kaum Khawarij

Seterusnya pemberontakan yang meletus pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid ialah pemberontakan oleh kaum Khawarij yang dipimpin oleh seorang tokoh mereka yang bernama al-Walid bin Tarif. Kekuatan kaum Khawarij ini berjumlah seramai 30,000 orang. Mereka menuduh pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid telah bertindak zalim ke atas rakyat jelata. Perjuangan kaum Khawarij yang dipimpin oleh al-Walid bin Tarif ini sangatlah hebat. Mereka bangkit melancarkan pemberontakan ke atas kerajaan Khalifah Harun ar-Rasyid sampai beberapa kali. Akhirnya al-Walid bin Tarif terbunuh barulah pemberontakan kaum Khawarij berhenti.

Demikianlah beberapa pemberontakan yang terjadi pada masa pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid, yang mana kesemuanya dapat dipadamkan dengan jayanya oleh baginda.

Kuasa Pentadbiran Kaum Baramikah Dalam Kerajaan Ar-Rasyid

❖ Siapakah Kaum Barmaki?

Keluarga Barmaki berasal dari negara Farsi. Dengan kata lain mereka adalah orang-orang Farsi. Mereka bermula dengan Khalid bin Barmak, seorang tentera biasa di dalam pasukan tentera Khurasan yang datang menyerang negeri Iraq pada awal penubuhan kerajaan bani Abbasiyyah tahun 132 hijrah/749 Masihi dahulu. Pemimpin pasukan itu ialah Panglima Qahtabah bin Syubaib at-Ta'i, seorang Arab Iraq. Kemudian Khalid bin Barmak telah diambil oleh Khalifah Abul Abbas as-Saffah menjadi menteri dan penasihat baginda. Seterusnya anak Khalid iaitu Yahya bin Khalid telah dilantik oleh Khalifah Harun ar-Rasyid menjadi menteri dan penasihat baginda. Pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid, keluarga Barmaki telah mencapai kedudukan yang sangat tinggi di dalam kerajaan dan telah menguasai pentadbiran negara kerana Khalifah Harun ar-Rasyid telah menyerahkan kuasa pentadbiran kepada mereka. Tetapi akhirnya setelah mereka menjadi penguasa kerajaan selama 17 tahun, Khalifah Harun ar-Rasyid telah memusnahkan kesemua mereka dengan membunuh dan memenjarakan mereka.

❖ Ketokohan Khalid Bin Barmak

Khalid bin Barmak adalah seorang manusia yang sangat cerdik, bijaksana, berani dan gagah perkasa. Beliau memain peranan yang besar pada masa pemerintahan Khalifah Abul Abbas as-Saffah dan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sahaja. Beliau pernah diberi kepercayaan oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur memimpin pasukan ke medan perang. Beliau meninggal dunia pada akhir pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur atau pada zaman Khalifah al-Mahdi. Keluarga Barmaki menjadi keluarga yang paling rapat dengan khalifah pada zaman pemerintahan Khalifah al-Mahdi. Khalifah al-Mahdi

menjadikan anak Khalid iaitu Yahya sekeluarga sebagai sebahagian daripada anggota keluarga baginda sendiri.

❖ Ketokohan Yahya Bin Khalid

Yahya bin Khalid adalah orang Barmaki yang paling hebat. Beliau dikira berada di tengah-tengah kemasyhuran kaum Baramikah kerana ayah beliau Khalid bin Barmak, manakala anak-anak beliau ialah al-Fadhl, Ja'far, Muhammad dan Musa sangat masyhur pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid. Yahya bin Khalid tinggal di dalam istana Khalifah al-Mahdi. Khalifah al-Mahdi menjadikan Yahya bin Khalid sebagai pengasuh dan pendidik (Khalifah) Harun ar-Rasyid sejak (Khalifah) Harun ar-Rasyid kecil lagi. (Khalifah) Harun ar-Rasyid membesar di bawah penjagaan dan didikan Yahya bin Khalid dan menyusu kepada isteri Yahya bersama anak-anak Yahya. (Khalifah) Harun ar-Rasyid memanggil Yahya dengan panggilan bapa. Sebab itu setelah menjadi khalifah, Khalifah Harun ar-Rasyid telah mempercayai kepada Yahya bin Khalid untuk mentadbir negara.

❖ Ketokohan Al-Fadhl Bin Yahya

Al-Fadhl adalah anak sulung Yahya bin Khalid al-Barmaki. Beliau adalah seorang yang gagah di medan perang dan cekap di dalam bidang diplomasi, selain bijak di dalam pentadbiran negara. Ketika terjadi peristiwa Yahya bin Abdullah lari ke negeri Daylam setelah tewas di dalam peperangan di Farkh tahun 169 hijrah/785 Masihi, Khalifah Harun ar-Rasyid telah menugaskan beliau untuk berunding dengan Yahya. Di atas kepandaiannya, beliau berjaya memujuk Yahya bin Abdullah untuk menyerah diri kepada pihak kerajaan.

Dikatakan al-Fadhl kurang rapat dengan Khalifah Harun ar-Rasyid tidak seperti adiknya Ja'far kerana dia tidak minum minuman keras yang menjadi kegemaran Khalifah Harun ar-Rasyid.

❖ Ketokohan Ja'far Bin Yahya

Ja'far bin Yahya al-Barmaki adalah putera Yahya bin Khalid yang paling disayangi oleh Khalifah Harun ar-Rasyid. Selain beliau seorang lelaki yang sangat kacak dan tampan, Ja'far juga adalah seorang yang gagah perkasa di medan perang sebagaimana abangnya juga dan sangat bijaksana akal fikirannya. Ibnu Athir bercerita pernah terjadi kekacauan pada tahun 180 hijrah/796 Masihi di negeri Syam. Khalifah Harun ar-Rasyid berkata kepada beliau;

"Sama ada aku atau engkau yang pergi ke sana menenteramkan keadaan." Ja'far bin Yahya menjawab, "Biarlah hamba sahaja yang pergi melindungi diri Tuanku." Kemudian Ja'far bin Yahya berangkat ke negeri Syam dan berjaya melenyapkan kekacauan itu serta mengembalikan keamanan dan kesetiaan

penduduk kepada pemerintah.

Selain kacak dan tampan dan handal di medan perang, Ja'far bin Yahya juga adalah seorang yang sangat bijak dan berani serta pandai mengandaikan apakah pilihan atau persetujuannya itu disetujui atau tidak oleh Khalifah Harun ar-Rasyid. Pernah beliau bertindak seolah-olah permohonan itu telah diluluskan oleh Khalifah Harun ar-Rasyid, padahal perkara itu baru sampai kepadanya, belum sampai kepada Khalifah ar-Rasyid.

Diceritakan pada suatu hari Ja'far bin Yahya telah mengadakan majlis minuman dan suka ria dengan disertai oleh beberapa orang temannya. Dia kemudiannya telah memberitahu kepada pengawal pintu supaya jangan membenarkan sesiapa masuk ke dalam rumah melainkan seorang temannya yang bernama Abdul Malik bin Saleh yang belum lagi sampai. Ketika Ja'far bin Yahya dan teman-temannya sedang asyik atau leka dengan minuman keras, tiba-tiba muncul Abdul Malik bin Salih bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas yang dikenali sebagai seorang yang kuat beragama, salih, baik dan tidak menggemari majlis-majlis seperti itu. Sebelum ini Khalifah Harun ar-Rasyid telah mengeluarkan wang yang banyak untuk menarik Abdul Malik bin Salih ini supaya sudi berhibur bersama-sama baginda di dalam majlis minuman keras seperti itu. Tetapi Abdul Malik bin Salih al-Hasyimi ini tetap dengan perdiriannya yang salih dan wara' itu. Ini menyebabkan Khalifah Harun ar-Rasyid sangat marah dan susah hati dengan sikapnya yang wara' itu.

Setelah Ja'far bin Yahya melihat ketibaan orang yang tidak dia sangkakan akan datang ke majlisnya itu, maka malulah dia dan serbasalahlah hati dan sikapnya. Abdul Malik bin Salih al-Hasyimi merasakan dia tidak patut mempermalukan seorang menteri kerajaan sedemikian rupa, lantas dia mahu menghilangkan rasa malu Ja'far bin Yahya di atas kewara'annya, dia terus duduk bersama-sama Ja'far bin Yahya dan turut menikmati minuman khamar bersama-sama. Ini menjadikan Ja'far bin Yahya tidak merasa malu dan serba salah lagi kerana orang yang dia malu sudah melakukan perkara-perkara maksiat sebagaimana yang ia lakukan.

Setelah Abdul Malik bin Salih al-Hasyimi mahu pulang, Ja'far bin Yahya bertanya kepadanya, adakah dia mempunyai hajat untuk beliau sampaikan kepada Khalifah Harun ar-Rasyid? Abdul Malik bin Salih memberitahu kepada Ja'far bin Yahya bahawa dia memerlukan tiga perkara sahaja iaitu dia mahu Khalifah Harun ar-Rasyid tidak lagi marah kepadanya, kedua, dia minta Khalifah Harun ar-Rasyid memberi kepadanya empat juta dirham, dan ketiga, dia mahu Khalifah Harun ar-Rasyid melantik anaknya yang bernama Ibrahim menjadi gabenor di mana-mana daerah. Dengan pantas Ja'far bin Yahya mengatakan bahawa Khalifah Harun ar-Rasyid sudah tidak lagi memarahinya, dan akan memberi kepada Abdul Malik bin Salih wang sebanyak empat juta dirham dari wang saku baginda sendiri dan baginda juga telah bersetuju untuk mengahwinkan Ibrahim dengan puteri baginda yang bernama Aliyyah dan

melantik Ibrahim menjadi gabenor di negeri Mesir.

Pada keesokan harinya teman-teman Ja'far bin Yahya menunggu di depan gerbang istana Khalifah Harun ar-Rasyid dan melihat Ja'far bin Yahya memasuki istana dengan diiringi oleh Qadhi Abu Yusuf, Muhammad bin Hasan asy-Syaibani dan Ibrahim bin Abdul Malik bin Salih al-Hasyimi. Tidak lama kemudian keluarlah Ibrahim bin Abdul Malik setelah dinikahkan dengan puteri Khalifah Harun ar-Rasyid yang bernama Aliyyah dan telah dilantik menjadi gabenor negeri Mesir. Kemudian keluar Ja'far bin Yahya mengajak teman-temannya ke rumahnya dan menceritakan tentang pertemuannya dengan Khalifah Harun ar-Rasyid. Katanya, "Aku telah menceritakan (kepada Khalifah Harun ar-Rasyid - P) dari awal hingga akhir segala-gala yang berlaku pada malam tadi, dan khalifah kelihatan sangat gembira. Kemudian khalifah bertanya kepadaku, apakah pembalasanku kepada Abdul Malik? Aku sebutkan semua permintaannya itu dan jawapanku kepadanya. Khalifah lantas memuji-mujiku."

Memang hubungan antara Ja'far bin Yahya dengan Khalifah Harun ar-Rasyid amat erat sekali tidak kira di dalam perkara yang bersungguh-sungguh atau bermain-main sehingga ayahnya Yahya bin Khalid merasa sangat susah hati di atas perkara tersebut. Yahya pernah menasihati Khalifah Harun ar-Rasyid agar janganlah membiarkan perkara tersebut berterusan, tetapi berikanlah kepada Ja'far tugas-tugas yang berat dan sukar dipikul oleh baginda. Tetapi Khalifah Harun ar-Rasyid menjawab, "Usahlah bapa merasa bimbang terhadapnya."

Pembasmian Kaum Baramikah

❖ Pembunuhan Ja'far Bin Yahya

Menjelang tahun 187 hijrah/803 Masihi, setelah memerintah selama kira-kira 17 tahun, Khalifah Harun ar-Rasyid telah mengambil keputusan yang nekad iaitu baginda telah bertindak menghapuskan kaum Barmaki daripada kerajaan baginda. Langkah pertama yang baginda ambil ialah membunuh Ja'far bin Yahya, menteri yang paling baginda sayangi. Baginda sebenarnya tidak sampai hati untuk memusnahkan kaum Barmaki atau Baramikah kerana baginda sebenarnya sangat sayang kepada mereka disebabkan mengenangkan jasa-jasa mereka yang tidak ternilai kepada pentadbiran baginda. Kaum Baramikah berkhidmat kepada pemerintahan baginda selama 17 tahun mulai tahun 170 hijrah/786 Masihi hinggalah ke tahun 187 hijrah/803 Masihi.

Peristiwa pembunuhan Ja'far bin Yahya al-Barmaki diriwayatkan oleh al-Jahsyiari dan juga Ibnu Athir sebagaimana berikut:-

Pada musim haji tahun 187 hijrah/803 Masihi, Khalifah Harun ar-Rasyid telah menunaikan ibadat haji. Ja'far bin Yahya juga turut bersama-sama baginda. Ketika pulang, mereka menaiki kereta kuda bersama-sama dari kota

Hirah menuju ke kota Anbar yang mana terdapat istana baginda di situ. Setelah sampai di istana, Khalifah Harun ar-Rasyid terus memeluk Ja'far bin Yahya dan berkata kepadanya;

"Kalaulah tidak kerana malam ini aku mahu berehat-rehat dengan perempuan (isteri atau jariah), sudah tentu aku tidak mahu berpisah denganmu." Kemudian Ja'far bin Yahya pulang ke rumahnya.

Kemudian Khalifah Harun ar-Rasyid memanggil hamba baginda yang bernama Masrur (riwayat lain mengatakan bernama Yasir), memerintahkan kepadanya supaya pergi membunuh Ja'far di rumahnya dan membawa kepalanya kepada baginda (sebagai bukti pembunuhan telah dilakukan - P). Masrur dengan hati yang bercelaru terus pergi ke rumah Ja'far bin Yahya dan dengan terus terang memberitahu kepada Ja'far bin Yahya tujuan kedatangannya kepadanya itu. Ja'far memerintah kepada Masrur supaya pulang semula ke istana, mana tahu khalifah mungkin sedang mabuk. Tetapi Masrur menafikan Khalifah Harun ar-Rasyid baru minum khamar atau ada minum khamar (jelas baginda dalam keadaan waras - P). Maka Ja'far bin Yahya membuat cadangan agar mereka berdua kembali semula ke istana. Setibanya di istana khalifah, Ja'far bin Yahya bersembunyi di suatu sudut yang membolehkan beliau mendengar percakapan Masrur dengan Khalifah Harun ar-Rasyid. Sebelum itu Ja'far bin Yahya berpesan kepada Masrur, beritahu kepada khalifah bahawa dia sudah membunuh beliau. Sekiranya Khalifah Harun ar-Rasyid kelihatan menyesal, beritahu kedudukan yang sebenarnya. Tetapi kalau Khalifah Harun ar-Rasyid tetap berkeras mahu melihat juga kepala beliau, datanglah penggal kepala beliau dan serahkan kepada Khalifah Harun ar-Rasyid.

Masrur terus menghadap Khalifah Harun ar-Rasyid dan memberitahu kepada baginda bahawa dia sudah membunuh Ja'far bin Yahya. Khalifah Harun ar-Rasyid meminta kepala Ja'far, maka dengan segera Masrur pergi mendapatkan Ja'far bin Yahya dan terus memenggal leher Ja'far bin Yahya dan menyerahkannya kepada Khalifah Harun ar-Rasyid.

Apakah Tindakan Ar-Rasyid Terhadap Yahya Dan Al-Fadhl?

Kalau Khalifah Harun ar-Rasyid membunuh Ja'far bin Yahya, apakah tindakan baginda ke atas kaum Barmaki yang lain, khususnya terhadap dua orang lagi tokoh mereka iaitu Yahya bin Khalid al-Barmaki ayah Ja'far dan anaknya al-Fadhl saudara Ja'far?

Khalifah Harun ar-Rasyid tidak membunuh Yahya bin Khalid dan puteranya al-Fadhl sebaliknya hanya berpuashati dengan membunuh Ja'far seorang sahaja. Terhadap kedua-dua orang ini, Khalifah Harun ar-Rasyid hanya memenjarakan mereka. Kedua-duanya wafat dalam penjara.

Kenapa Khalifah Harun Ar-Rasyid Membasmi Kaum Baramikah?

Tiada seorang pun ahli-ahli sejarah yang mengaku mereka tahu sebab-sebab sebenarnya Khalifah Harun ar-Rasyid mengambil tindakan kejam terhadap anggota keluarga kaum Baramikah yang diketuai oleh Yahya bin Khalid bin Barmak. Memang kebanyakan ahli sejarah telah membuat analisa pada pendapat mereka sebab-sebab Khalifah Harun ar-Rasyid membunuh Ja'far bin Yahya dan memenjarakan Yahya dan al-Fadhl. Banyak juga sebab-sebab yang dikemukakan oleh para sejarawan yang mana ianya tidak dapat mengungkapkan sebab-sebab asas Khalifah Harun ar-Rasyid membunuh Ja'far dan memenjarakan Yahya dan al-Fadhl.

Sebab-sebab yang diutarakan oleh para sejarawan itu adalah sebagaimana berikut:-

Pertama, kerana kaum Baramikah telah menguasai pentadbiran kerajaan, serta mengumpulkan kekayaan sehingga baginda seolah-olah tidak mempunyai kuasa mutlak kerana semua perlaksanaan pemerintahan dilakukan oleh kaum Baramikah dan putera baginda sendiri menjadi miskin.

Kedua, wujudnya perhubungan cinta di antara Ja'far bin Yahya dengan adinda baginda yang bernama Anbasah.

Ketiga, kaum Baramikah dituduh (secara rahsia) menyokong kaum Syiah Alawiyyeen (keluarga Ahlil Bait) dan lebih cenderung untuk melihat jawatan khalifah berada di tangan mereka.

Keempat, kaum Baramikah dituduh zindik (orang-orang yang membelakangi ajaran agama - P) , mereka berpura-pura sahaja Islam kerana mahukan kedudukan yang tinggi dalam kerajaan dan mahu membolot kekayaan negara.

Inilah empat sebab yang dikemukakan oleh ahli-ahli sejarah yang dikatakan punca kepada Khalifah Harun ar-Rasyid mengambil tindakan membasmi kaum Barmaki.

Kenapakah para sejarawan tidak dapat menentukan sebab-sebab yang pasti Khalifah Harun ar-Rasyid membasmi keluarga Baramikah?

Pertama disebabkan baginda tidak membunuh semua mereka atau tidak memenjara semua mereka. Baginda membunuh Ja'far bin Yahya seorang sahaja dan memenjara Yahya bin Khalid, al-Fadhl dan lain-lain kaum Baramikah. Bahkan ada seorang yang baginda tidak apa-apakan mereka seperti terhadap Muhammad bin Yahya bin Khalid.

Satu lagi sebab ialah mereka melihat pada kata-kata Khalifah Harun ar-Rasyid yang berbunyi, "Sekiranya jubahku ini mengetahuinya (sebab-sebab baginda membunuh Ja'far al-Barmaki), nescaya aku akan membakarnya." (Ibnu Kathir dalam an-Bidayah wan Nihayah jilid 10 ms 189)

Sebab-Sebab Yang Diagak Lebih Dekat Kepada Ketepatan

Oleh kerana terdapat empat sebab yang dikatakan punca kenapa Khalifah Harun ar-Rasyid memusnahkan kaum Baramikah setelah mereka itu membuat jasa yang tidak sedikit dan tidak kecil kepada pemerintahan baginda, dipercayai Khalifah Harun ar-Rasyid memusnahkan kaum Baramikah ialah kerana mereka telah benar-benar menguasai pentadbiran kerajaan dan telah mengumpul kekayaan yang cukup besar. Kalau ini sebabnya, apakah Khalifah Harun ar-Rasyid tidak boleh melucut jawatan mereka, merampas kekayaan mereka dan membiarkan mereka hidup selaku rakyat biasa tanpa perlu membunuh Ja'far dan memenjara kesemua kaum Baramikah yang lain terutama Yahya bin Khalid dan al-Fadhl?

Inilah kenapa ahli-ahli sejarah tidak dapat menerima sebab-sebab utama Khalifah Harun ar-Rasyid memusnahkan kaum Baramikah disebabkan mereka sudah benar-benar menguasai kerajaan.

Ooo kalau begitu disebabkan Ja'far bin Yahya ada membuat hubungan sulit dengan Anbasah yang sangat tidak disukai oleh Khalifah Harun ar-Rasyid.

Memang Khalifah Harun ar-Rasyid tidak menyenangi menteri baginda Ja'far bin Yahya membuat hubungan sulit dengan adinda baginda Anbasah. Hubungan sulit ini pun terjadi bukan dengan dirancang oleh Ja'far bin Yahya dan Anbasah, tetapi terjadi secara tidak diator atau kebetulan sahaja.

Perkaranya bermula disebabkan setiap kali Khalifah Harun ar-Rasyid mahu mengadakan perbincangan atau mesyuarat tertutup untuk menyelesaikan, atau memutuskan satu-satu persoalan atau masalah atau menetapkan satu-satu hukuman, baginda akan menjemput hanya Ja'far dan Anbasah sahaja kerana baginda sangat perlu kepada buah fikiran atau pandangan mereka berdua. Jadi lama kelamaan antara Ja'far bin Yahya dengan Anbasah telah timbul perasaan cinta mencintai antara satu dengan yang lain. Maklumlah saling duduk hadap menghadap meskipun terdapat Khalifah Harun ar-Rasyid di situ dan Anbasah pula tertutup seluruh badan dan muka. Tetapi mata Anbasah tidak tertutup untuk menatap wajah Ja'far bin Yahya yang kacak menawan. Begitu juga sebaliknya.

Untuk mengelakkan perbuatan haram terus menerus berlaku terutama setiap kali diadakan mesyuarat antara ketiga mereka, Khalifah Harun ar-Rasyid telah menyelesaikan perkara atau masalah ini dengan cara menikahkan Ja'far bin Yahya dengan Anbasah, tetapi dengan bersyarat. Baginda tidak mahu berlaku perbuatan yang dihalalkan di antara suami dengan isteri. Khalifah Harun ar-Rasyid menikahkan adinda baginda Anbasah dengan Ja'far bin Yahya semata-mata baginda tidak mahu pandang memandang secara haram itu terus menerus berlaku, sedangkan sebenarnya baginda tidak suka Ja'far bin Yahya berkahwin dengan Anbasah.

Tetapi pada suatu malam, telah berlaku perbuatan yang dilarang oleh Khalifah Harun ar-Rasyid antara Ja'far bin Yahya dan Anbasah. Khalifah Harun ar-Rasyid amat marah di atas kejadian ini.

Kalau ini sebabnya, apakah Khalifah Harun ar-Rasyid tidak boleh memecat Ja'far bin Yahya dari jawatan menteri? Kenapa sampai perlu membunuh Ja'far dan memenjara kesemua anggota keluarga kaum Baramikah yang mana perbuatan Ja'far bin Yahya tidak ada kaitan dengan anggota keluarga yang lain! Tambahan pula bukankah Anbasah juga patut dipersalahkan kerana itu juga dari kehendaknya?

Inilah kenapa ahli-ahli sejarah tidak dapat menerima sebab-sebab utama Khalifah Harun ar-Rasyid memusnahkan kaum Baramikah disebabkan perbuatan Ja'far bin Yahya menyetubuhi isterinya Anbasah.

Ooo kalau begitu disebabkan kaum Baramikah sebenarnya lebih mengutamakan golongan Syiah Alawiyyeen daripada kerajaan bani Abbasiyyah. Ini terbukti dengan tindakan-tindakan mereka selalu memberi ruang pelepasan atau jalan keselamatan kepada tokoh-tokoh Ahlil Bait yang memberontak dan berjaya ditawan dan tokoh Ahlil Bait yang khalifah menghendaki mereka diseksa tetapi kaum Baramikah tidak menyiksanya seperti yang berlaku kepada Yahya bin Abdullah yang diberi jaminan keselamatan oleh al-Fadhl bin Yahya ketika memujuknya menyerah diri setelah berlindung di negeri Daylam dan tidak menyeksa Imam Musa al-Kazim yang dituduh cuba memberontak terhadap kerajaan. Sebaliknya membebaskannya.

Kalaulah Khalifah Harun ar-Rasyid marah kepada kaum Baramikah kerana sikap mereka yang sangat cenderong kepada keluarga Sayidina Ali bin Abu Talib atau keluarga Fatimah az-Zahra' rha, kenapakah baginda tidak membunuh mereka semua, atau memenjara mereka semua? Kenapa Ja'far dibunuh, manakala Yahya bin Khalid dan al-Fadhl dipenjara dan Muhammad bin Yahya tidak diapa-apakan?

Inilah kenapa ahli-ahli sejarah tidak dapat menerima sebab-sebab utama Khalifah Harun ar-Rasyid memusnahkan kaum Baramikah disebabkan hati mereka sangat cenderong kepada keluarga Sayidina Ali bin Abu Talib.

Kalau begitu Khalifah Harun ar-Rasyid membunuh Ja'far dan memenjara Yahya bin Khalid dan al-Fadhl adalah disebabkan kaum ini adalah orang-orang zindik yang hanya bertopengkan penganut-penganut Islam. Buktinya kaum Baramikah tidak begitu taat kepada agama seperti Ja'far bin Yahya yang gemar meminum arak dan berhibur dengan Khalifah Harun ar-Rasyid?

Apakah terdapat ulama'-ulama' fikah yang memutuskan hukum bahawa seseorang yang meminum arak itu akan menjadi seorang zindik atau bukti seseorang itu zindik apabila dia minum arak? Tidak ada demikian. Tambahan pula Ja'far bin Yahya minum arak dan berhibur di majlis Khalifah Harun ar-

Rasyid sendiri. Beliau minum arak di rumahnya adalah tambahan sahaja. Dan kalau perbuatan meminum arak itu dapat dijadikan bukti seseorang itu zindik, bagaimana dengan Khalifah Harun ar-Rasyid sendiri dan para khalifah yang lain yang diketahui sangat gemar meminum arak?

Dan kalau perbuatan meminum arak itu telah menyebabkan Khalifah Harun ar-Rasyid membunuh Ja'far bin Yahya kerana dia terbukti seorang zindik, kenapakah pula Khalifah Harun ar-Rasyid telah memenjara Yahya dan al-Fadhl yang merupakan bukan seorang atau dari kalangan zindik kerana mereka tidak pernah minum arak?

Sebab itulah para sejarawan tidak dapat menentukan apakah punca atau sebab utama Khalifah Harun ar-Rasyid memusnahkan kaum Baramikah dari terus mengurus pentadbiran kerajaan baginda.

Kemajuan Kebudayaan Dan Ilmu Pengetahuan

Mengikut riwayat ahli-ahli sejarah, pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid telah berlaku dua perkara yang belum pernah terjadi pada zaman-zaman pemerintahan sebelum pemerintahan baginda. Dua perkara ini ialah kepesatan perkembangan perdagangan dan ilmu pengetahuan di dalam berbagai-bagai bidang ilmu. Kenapakah bidang perdagangan dan ilmu pengetahuan sangat cepat berkembang dan maju pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid? Sedangkan zaman baginda yang selama 23 tahun itu bukanlah sentiasa aman damai, malah penuh juga dengan kekacauan dan pemberontakan! Kalau zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid yang sebegitu lama tidak ada terjadi apa-apa kekacauan dan pemberontakan, itu tidaklah menghairankan sekiranya bidang perdagangan dan ilmu pengetahuan berkembang dengan amat majunya pada zaman pemerintahan baginda.

Sebab-Sebab Kemajuan Di Bidang Perdagangan

Memang kota Baghdad mula menjadi tumpuan para pedagang sejak ianya didirikan oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur pada tahun 145 hijrah/762 Masihi lagi. Sudah tentu perkembangannya beransur-ansur bertambah meluas dan membesar. Kemasukan para pedagang terus bertambah sehinggalah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur wafat pada tahun 158 hijrah/775 Masihi. Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Mahdi, kemasukan para perdagangan begitu ramai sehingga mempertingkatkan urusan jualbeli di antara para peniaga dengan penduduk. Rumah-rumah pun bertambah banyak didirikan oleh penduduk yang datang dari setiap ceruk negeri untuk hidup dan bekerja di sana bagi menambah pendapat keluarga.

Setibanya zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid, perkembangan perdagangan di kota Baghdad amat pesat sekali di mana para pedagang dari timur, barat, utara dan selatan datang bertumpu di sana. Pedagang-pedagang

dari negara Farsi, India, China, Turki dan lain-lain telah datang membawa masuk barang dagangan masing-masing ke kota Baghdad. Begitu juga dengan para pedagang dari Syam, Mesir dan Afrika Utara, Hijaz, Yaman dan lain-lain negeri telah datang berkumpul di kota Baghdad. Inilah punca kenapa kota Baghdad menjadi sangat maju di dalam bidang perdagangan pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid.

Barang-barang perdagangan atau perniagaan pula terdiri daripada bermacam-macam barang seperti binatang, daging, sayur-sayuran, ikan, makanan kering dan basah, perencah masakan, buah-buahan, pakaian, peralatan besi, perkakas rumah, keperluan dapor, barang-barang tembikar, emas, perak dan macam-macam barang yang tidak dapat disebut jenisnya. Pendek kata kota Baghdad merupakan sebuah kota yang indah dan penuh dengan bangunan-bangunan yang tinggi dan besar, istana khalifah, masjid, pejabat-pejabat kerajaan, perumahan kakitangan kerajaan dan juga perumahan rakyat, juga pusat pertukaran barang-barang keperluan hidup yang mencukupi dan mudah didapati. Ini menjadikan kota Baghdad sangat disukai dan diminati bukan sahaja oleh para peniaga atau saudagar-saudagar yang kaya raya tetapi juga oleh seluruh rakyat sehingga ramai dari kalangan lapisan rakyat yang datang dan menetap di sana. Tidak ketinggalan juga dari kalangan para alim ulama' sehinggakan kota Baghdad menjadi pusat pencarian berbagai-bagai jenis ilmu pengetahuan sama ada ilmu-ilmu agama mahupun ilmu-ilmu keduniaan.

Sebab-Sebab Kemajuan Di Lapangan Ilmu Pengetahuan

Di sini kita mahu membahaskan pula sebab-sebab yang menjadikan kota Baghdad muncul sebagai pusat ilmu pengetahuan dan tumpuan para guru dan pelajar dari berbagai-bagai ceruk negeri datang berkumpul padanya pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid.

Sebagaimana yang telah dijelaskan di bawah tajuk Sebab-Sebab Perkembangan Perdagangan di atas, jelas ternyata bahawa kemajuan perdagangan dan perniagaan di kota Baghdad yang telah menarik ramai orang untuk membina kehidupan di sana itulah yang telah menyebabkan kepada pertumbuhan dan kemajuan ilmu pengetahuan di dalam berbagai-bagai bidang ilmu-ilmu agama dan keduniaan pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid.

Para sahabat Rasulullah s.a.w. pada mulanya hanya bertumpu di kota Madinah dan di kota Mekah sahaja. Kemudian setelah Khalifah Umar bin al-Khattab berjaya membuka negeri Syam, Iraq, Palestin, Farsi dan Mesir, mulalah ramai para sahabat Rasulullah s.a.w. menetap di kota-kota atau negeri-negeri tersebut. Khalifah Umar bin al-Khattab cuma menahan atau tidak membenarkan sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang besar-besar sahaja pergi menetap di tanah-tanah baru atau negeri-negeri yang dapat ditakluki oleh pemerintahan Islam. Kerana baginda sudah tahu kesan buruk akan timbul

sekiranya para sahabat yang terkemuka pergi menetap di tanah-tanah baru itu.

Tetapi setelah zaman Khalifah Umar bin al-Khattab berlalu, para sahabat yang terkemuka juga telah pergi untuk mendiami tanah-tanah baru untuk menetap di sana sehingga mereka telah menjadi tenaga penyebar ilmu pengetahuan kepada para murid mereka yang terdiri daripada para generasi kemudian daripada mereka yang dinamakan generasi Tabiin.

Setelah kota Baghdad dibangunkan pada zaman pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah iaitu setelah berlalu masa kira-kira 135 tahun daripada masa atau zaman hidup Rasulullah s.a.w., para tabiin yang alim-alim itu dan para murid mereka yang dinamakan generasi tabi' tabiin serta murid-murid mereka telah bertumpu di kota Baghdad kerana mengajar dan belajar. Kota Baghdad menjadi daya tarik kepada manusia seperti lampu yang menjadi daya tarik kepada unggas-unggas yang terbang malam.

Pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid telah muncul tokoh-tokoh ilmu di dalam bidang agama (tafsir, hadis, tauhid, fikah, tasauf, mustalah hadis, jarhi wa ta'dil dan lain-lain), bahasa (nahu, saraf, bayan dan lain-lain), kedoktoran, sejarah, kesusasteraan, falsafah, astronomi, matematik, ilmu alam dan lain-lain bidang ilmu. Dan perkembangan kemajuan ilmu-ilmu tersebut semakin berkembang maju pada zaman pemerintahan anakanda baginda iaitu Khalifah al-Ma'mun.

Usaha-Usaha Penterjemahan Dibuat Dengan Sederhana

Prof Dr Ahmad Syalaby percaya Baitul Himah atau Rumah Ilmu Pengetahuan telah didirikan pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid, bukan pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun. hujah-hujah beliau ini didasarkan kepada perintah Khalifah Harun ar-Rasyid kepada beberapa orang sarjana atau cerdikpandai India dan Farsi yang baginda arahkan supaya mereka membuat penterjemahan buku-buku bahasa India dan Farsi ke dalam bahasa Arab.

Kenapa Prof Dr Ahmad Syalaby mengemukakan hujjah-hujjah sedemikian? Ini adalah kerana ahli-ahli sejarah tidak dapat memastikan bilakah atau siapakah di antara Khalifah Harun ar-Rasyid dengan Khalifah al-Ma'mun yang mendirikan Baitul Hikmah.

Tetapi usaha-usaha penterjemahan buku-buku asing terutama di dalam bahasa India dan Farsi telah dilakukan pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid. Khalifah Harun ar-Rasyid pernah atau telah mengarahkan Abu Sahl al-Fadhl bin Naubakh bekerja (sebagai penterjemah - P) di Baitul Hikmah. Ini diceritakan oleh Ibnu Nadim. Ibnu Nadim menyebut, "Dia (Abu Sahl) telah banyak menyalin dari bahasa Farsi ke dalam bahasa Arab..............."

Orang yang diberi tanggungjawab melaksanakan perintah Khalifah Harun ar-Rasyid itu ialah menteri baginda Yahya bin Khalid bin Barmak, seorang berketurunan Farsi. Yahya adalah seorang pencinta ilmu pengetahuan, dan beliau adalah seorang yang sangat pandai dan alim di dalam bermacam-macam ilmu pengetahuan termasuklah ilmu-ilmu agama.

Yahya al-Barmaki telah meminta para sarjana dan cerdikpandai India datang ke kota Baghdad. Yahya bin Khalid mengarahkan kepada sarjana-sarjana India itu menterjemahkan buku-buku India ke dalam bahasa Arab.

Ibnu Usaibiyah pula menyebut bahawa Khalifah Harun ar-Rasyid telah mengarahkan kepada Yuhanna bin Masawaih menterjemahkan buku-buku lama yang ditemui di kota Ankara, Ammuriyyah dan di tanah jajahan takluk Rom yang lain ke dalam bahasa Arab. Selain itu ada pula buku-buku lama yang dibawa dari pulau Cyprus atas perintah Khalifah Harun ar-Rasyid. Tetapi buku-buku yang dibawa dari pulau Cyprus tidak sempat diterjemah pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid. Ianya baru giat dilakukan setelah zaman pemerintahan Khalifah Ma'mun.

Munculnya Tokoh-Tokoh Ilmu Yang Terkemuka

Pada zaman ini telah muncul ramai sekali tokoh-tokoh ulama' dan cerdikpandai dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan. Ketika Khalifah Harun ar-Rasyid mula-mula memegang teraju pemerintahan, hidup tiga orang tokoh ulama' pengasas mazhab empat yang terkemuka iaitu Imam Malik bin Anas, Imam asy-Syafie dan Imam Ahmad bin Hanbal. Ketika itu Imam Malik berusia 77 tahun, Imam asy-Syafie berusia 20 tahun, manakala Imam Ahmad bin Hanbal baru berusia 6 tahun. Manakala Imam Abu Hanifah sudah wafat pada tahun 150 hijrah/767 Masihi.

Ulama'-ulama' hadis yang terkemuka seperti Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Tarmizi, Imam an-Nasa'i, Imam Abu Daud dan Imam Ibnu Majah masih belum dilahirkan pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid. Imam Bukhari dilahirkan pada tahun 194 hijrah/810 Masihi, sedangkan Khalifah Harun ar-Rasyid wafat pada tahun 193 hijrah/809 Masihi. Imam Abu Daud 202 hijrah/817 Masihi. Imam Muslim dilahirkan pada tahun 206 hijrah/822 Masihi. Imam Ibnu Majah 209 hijrah/824 Masihi. Imam Tarmizi juga tahun 209 hijrah/825 Masihi, dan Imam an-Nasa'i 214 hijrah/829 Masihi. Ini bermakna imam-imam hadis yang enam orang yang terkemuka itu hidup pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun.

Manakala ahli tasauf seperti Fudhail bin Iyadh dan Junaid al-Baghdadi juga hidup di zaman ini.

Perhubungan Dan Persahabatan Dengan Kuasa Eropah

Pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid telah terjalin

perhubungan dengan dua negara Eropah iaitu kerajaan Rom Timur atau Byzentium yang berpusat di kota Constantinople, Turki dan kerajaan Perancis. Persahabatan dengan pihak kerajaan atau negara Perancis amat dialu-alukan antara kedua-dua belah pihak kerana masing-masing mempunyai kepentingan demi keutuhan negara masing-masing. Tetapi perhubungan kota Baghdad dengan kota Constantinople pada mulanya tidak begitu erat dan pernah terjadi peperangan antara keduanya kerana kedua-dua pihak tidak mempunyai kepentingan tidak sebagaimana kepentingan kerajaan bani Abbasiyyah dengan kerajaan Perancis. Mereka saling balas membalas hadiah.

Perhubungan Dengan Negara Byzentium

Perhubungan antara kerajaan bani Abbasiyyah pimpinan Khalifah Harun ar-Rasyid dengan kerajaan Rom Timur atau Byzentium mula terjalin setelah berlaku peperangan beberapa lama. Khalifah Harun ar-Rasyid telah berperang dengan tentera Rom sejak zaman pemerintahan kakanda baginda Khalifah al-Hadi lagi. Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Mahdi, pihak Rom tidak pernah mengganggu sempadan negara Islam kerana mereka takut kepada keperkasaan Khalifah al-Mahdi dan juga disebabkan negara pada masa Khalifah al-Mahdi berada di dalam keadaan aman damai. Ini kerana Khalifah al-Mahdi yang telah melakukan kebaikan kepada seluruh rakyat baginda termasuklah terhadap kaum Alawiyyeen atau keluarga Ahlil Bait telah menyebabkan tidak timbul lagi huru hara di dalam negara yang memerlukan Khalifah al-Mahdi membuat persiapan yang besar untuk menghadapi pemberontakan dalam negeri. Inilah yang menyebabkan pihak kerajaan Rom Timur tidak berani membuka kuku di sempadan wilayah Islam pada masa itu.

Tetapi sebaik sahaja Khalifah al-Hadi memerintah pada tahun 169 hijrah/785 Masihi, baginda adalah seorang yang sangat benci kepada kaum Alawiyyeen, telah membuat penganiayaan dan kezaliman terhadap keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib dan juga Sayidah Fatimah az-Zahra' rha. Maka timbul pemberontakan kaum Alawiyyeen yang dipimpin oleh Imam Husein bin Ali di desa Fark. Ini menyebabkan terjadi kekacauan di dalam negara yang telah memberi semangat kepada pihak kerajaan Rom Timur di sempadan untuk membuat pencerobohan ke atas wilayah Islam.

Maka Khalifah al-Hadi telah mengarahkan kepada adinda baginda yang gagah perkasa iaitu (Khalifah) Harun ar-Rasyid untuk menghalau tentera Rom di sempadan negara itu.

Setelah Khalifah Harun ar-Rasyid naik takhta khalifah, kerajaan baginda masih juga diancam oleh tentera Rom di sempadan yang menyebabkan baginda memimpin sendiri pasukan tentera Islam bagi menghadapi pihak penceroboh ini setelah menyerahkan kuasa pentadbiran kepada keluarga Barmaki yang diketuai oleh Yahya bin Khalid al-Barmaki. Khalifah Harun ar-Rasyid terus menerus memerangi atau berperang dengan kerajaan Rom Timur sehinggalah

kerajaan itu diperintah oleh Ratu Irene yang menggulingkan puteranya sendiri Maharaja Constantine VI. Ratu Irene tidak mahu berperang dengan kerajaan bani Abbasiyyah yang di bawah pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid kerana beliau mengakui kekuatan kerajaan bani Abbasiyyah ketika itu dan beliau membayar jizyah kepada Khalifah Harun ar-Rasyid.

Tetapi menjelang tahun 187 hijrah/803 Masihi, Ratu Irene digulingkan oleh pihak tentera yang dipimpin oleh Panglima Nicephore. Panglima Nicephore mengisytiharkan dirinya sebagai Maharaja Rom Timur atau Byzentium. Panglima Nicephore asalnya seorang Arab keturunan suku Jafnah. Beliau menganggap kerajaan Rom Timur membayar jizyah kepada kerajaan Islam di bawah pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid adalah kerana pemerintahnya seorang wanita. Jadi sekarang pemerintah kerajaan Rom Timur sudah seorang lelaki. Beliau tidak mahu lagi membayar jizyah kepada Khalifah Harun ar-Rasyid. Beliau menulis surat kepada Khalifah Harun ar-Rasyid dengan nada menghina yang berbunyi;

"Dari Nicephore Raja Rom kepada Harun Raja Arab. Kerajaan yang memerintah sebelumku berdiri di hadapan engkau seperti biduk catur. Aku (pemerintah Rom pada zaman Ratu Irene - P) memberi kepadamu hartanya (harta kerajaan Rom - P) yang aku sendiri tidak mampu membawa jumlah yang sebesar itu. Namun hal tersebut (terjadi) disebabkan oleh kelemahan dan kebodohan seorang wanita. Sekiranya kamu sudah membaca suratku, kembalikan semula harta (jizyah) yang telah diberikan kepadamu serta selamatkanlah dirimu dari harta yang akan kamu perolehi. Kalau tidak akan ada pedang di antara aku dengan kamu."

Sebaik sahaja Khalifah Harun ar-Rasyid membaca surat itu, murkalah baginda kepada Maharaja Nicephore dan baginda anggapnya sebagai seorang raja yang sangat biadab. Semua menteri, pegawai dan pengawal istana tidak berani mengangkat muka dan mengucapkan kata-kata di hadapan Khalifah Harun ar-Rasyid kerana takut Khalifah Harun ar-Rasyid akan mengucapkan kata-kata yang tidak baik terhadap mereka. Biarlah Khalifah Harun ar-Rasyid reda dari kemarahannya dulu. Khalifah Harun ar-Rasyid memanggil seorang Badwi dan menyuruhnya menulis sepucuk surat;

"Bismillahir rahmani rrahim. Dari Harun Amirul Mu'minin kepada Naqfur (Nicephore) anjing Rom. Aku telah membaca suratmu wahai anak kafir. Aku sudah faham isinya. Jawapannya adalah apa yang akan engkau lihat, bukan apa yang engkau dengar. Selamat sejahtera ke atas sesiapa yang mengikut pertunjuk."

Kemudian Khalifah Harun ar-Rasyid terus menyiapkan sebuah angkatan tentera yang besar dan kuat dan terus memimpin sendiri untuk menyerang kerajaan Rom. Berlakulah pertempuran yang sengit antara tentera Islam yang dipimpin oleh Khalifah Harun ar-Rasyid itu dengan angkatan tentera Rom

Timur di kota Hiraqla yang dipimpin sendiri oleh Maharaja Nicephore. Tanda-tanda kekalahan mula terbayang di pihak tentera Rom. Maharaja Nicephore yang menyedari dia akan kalah itu terus mengangkat bendera putih meminta berdamai dengan Khalifah Harun ar-Rasyid. Baginda menerima pengakuan kalah dari Maharaja Nicephore itu dan membuat perjanjian yang mana syarat-syaratnya ialah setiap rakyat Rom dikenakan membayar jizyah kepada kerajaan bani Abbasiyyah sebanyak satu dinar seorang kecuali Maharaja Nicephore dan anaknya sahaja. Kemudian Khalifah Harun ar-Rasyid kembali semula ke kota Baghdad.

Setelah Khalifah Harun ar-Rasyid pulang ke kota Baghdad, Maharaja Nicephore telah berkhianat dengan mencabul perjanjian. Berita pencabulan itu sampai kepada para pembesar kerajaan, tapi tidak sampai ke telinga Khalifah Harun ar-Rasyid. Para pembesar kerajaan bani Abbasiyyah tidak berani menyampaikan berita itu kepada Khalifah Harun ar-Rasyid kerana mereka sangat takut kepada kemurkaan baginda. Untuk menyampaikan perkara itu kepada Khalifah Harun ar-Rasyid, para pembesar kerajaan telah menyuruh seorang penyair yang bernama Abu Muhammad Abdullah bin Yusuf, riwayat lain mengatakan bernama al-Hajjaj bin Yusuf supaya memberitahu baginda melalui dendangan syair.

Setelah Khalifah Harun ar-Rasyid mendapat tahu perkara itu, maka baginda sangat murka terhadap sikap Maharaja Nicephore itu. Lantas baginda sekali lagi mengumpulkan angkatan tentera yang besar dan menyerang kerajaan Rom Timur. Jumlah tentera Islam kali ini mencapai bilangan 135,000 anggota. Peperangan meletus dengan hebatnya. Sekali lagi pihak tentera Rom Timur telah melihat tanda-tanda mereka akan menerima kekalahan. Sekali lagi Maharaja Nicephore telah meminta perdamaian dan telah diterima oleh Khalifah Harun ar-Rasyid dengan baik. Pihak kerajaan Rom Timur pada kali ini perlu membayar jizyah secara pukal kepada kerajaan bani Abbasiyyah iaitu sebanyak 50,000 dinar setahun. Maharaja Nicephore dan anaknya juga dikenakan bayaran.

Demikianlah sejarah perhubungan antara kerajaan bani Abbasiyyah di masa Khalifah Harun ar-Rasyid dengan pihak kerajaan Rom Timur atau Byzentium.

Perhubungan Dan Persahabatan Dengan Kerajaan Perancis

Persahabatan antara kerajaan bani Abbasiyyah pada masa pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid dengan kerajaan Perancis bermula sebaik sahaja Khalifah Harun ar-Rasyid menjadi khalifah. Baginda sangat memerlukan untuk berbaik-baik dengan kerajaan Perancis kerana ketika itu di negara Sepanyol sudah teguh berdiri kerajaan bani Umayyah Sepanyol. Pihak kerajaan bani Abbasiyyah tidak mahu pihak kerajaan bani Umayyah berbaik-baik dengan kerajaan Perancis sehingga boleh mengancam kestabilan tanah jajahan kerajaan bani Abbasiyyah terutama di Afrika Utara dan Mesir. Demikian pula dengan

kerajaan Perancis. Mereka bimbang kerajaan bani Umayyah akan berpakat dengan kerajaan bani Abbasiyyah yang akan menggugat kestabilan kerajaan mereka.

Kedua-dua khalifah dan raja itu kerap bertukar hadiah-hadiah, pemberian-pemberian dan duta. Raja Perancis iaitu Charlemange telah menghantar hadiah-hadiah kepada Khalifah Harun ar-Rasyid. Manakala Khalifah Harun ar-Rasyid telah membalas pula dengan berbagai-bagai hadiah seperti barang-barang hiasan buatan timur yang cantik-cantik, gajah dan yang paling menakjubkan Raja dan para pembesar Perancis ialah sebuah hadiah berupa jam air yang disangkakan oleh mereka adalah satu perbuatan sihir.

Kemunculan Kerajaan Kecil

Satu sejarah baru yang terjadi pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid yang belum pernah terjadi sebelumnya ialah kewujudan kerajaan-kerajaan kecil yang mempunyai kuasa otonomi memerintah. Pada zaman Khalifah Harun ar-Rasyid telah muncul dua buah kerajaan kecil yang memerintah sendiri sebagaimana di bawah ini:-

Kerajaan Idrisiyyah Di Maghribi

Kewujudan kerajaan Idrisiyyah sudahpun diceritakan di dalam bahagian pemberontakan pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid ini. Kerajaan ini didirikan oleh Idris bin Abdullah bin Hasan bin al-Hasan bin Ali bin Abu Talib pada tahun 172 hijrah/788 Masihi. Idris bin Abdullah lari dari medan Fark yang terjadi pada tahun 169 hijrah/785 Masihi ke Mesir kemudian di Afrika Utara dan terus ke negeri Maghribi. Orang-orang Barbar yang mengetahui asalusul Idris telah bersepakat untuk melantik beliau menjadi khalifah memerintah di negeri Maghribi. Pemerintahan kerajaan Idrisiyyah berjalan selama kira-kira 50 tahun.

Kerajaan Alghlabiyyah Di Afrika Utara

Kerajaan Aghlabiyyah pula didirikan oleh Ibrahim bin al-Aghlab. Diriwayatkan Afrika Utara sentiasa bergolak sejak beberapa lama sehingga ramai gabenornya yang mati dibunuh. Setelah Muhammad al-Aki, gabenor Afrika Utara yang merupakan saudara sesusu Khalifah Harun ar-Rasyid yang berpusat di kota Qairawan melepas jawatan gabenor Afrika Utara dan melarikan diri ke kota Baghdad pada tahun 183 hijrah/799 Masihi, seorang tokoh bernama Ibrahim bin al-Aghlab telah mengambil alih pentadbiran yang ditinggalkan oleh al-Aki itu dan sangat berkeinginan untuk menjadi gabenor di sana. Lantas Ibrahim telah meminta kepada Khalifah Harun ar-Rasyid agar melantik beliau sebagai pentadbir di Afrika Utara dan beliau berjanji untuk memulihkan keadaan dan beliau tidak akan meminta bantuan mana-mana

pihak sekalipun Mesir untuk membangunkan Afrika Utara. Bahkan beliau akan mengurus sendiri Afrika Utara dengan menggunakan hasil negara Afrika Utara dan berjanji untuk mengirim kekayaan kepada Khalifah Harun ar-Rasyid secara teratur. Khalifah Harun ar-Rasyid telah mengizinkan kepadanya.

Pelantikan Putera Mahkota

❖ Lantik Tiga Putera Mahkota

Sebagaimana para khalifah sejak zaman bani Umayyah dan datuk serta ayahanda baginda yang memerintah sebelum baginda, Khalifah Harun ar-Rasyid juga telah menitik berat pada persoalan Putera Mahkota. Setelah memerintah selama kira-kira 3 tahun iaitu menjelang tahun 173hijrah/789 Masihi, Khalifah Harun ar-Rasyid telah melantik putera sulung baginda iaitu Muhammad al-Amin menjadi Putera Mahkota untuk menggantikan tempat baginda selaku khalifah setelah baginda wafat kelak. Pelantikan al-Amin sebagai Putera Mahkota adalah dari kehendak permaisuri baginda iaitu Ummu Ja'far Zubaidah binti Ja'far bin Abu Ja'far al-Mansur juga. Meskipun tidak ada kenyataan sejarah yang mengemukakan demikian, tetapi berdasarkan kepada al-Amin itu adalah anak kepada Zubaidah.

Para sejarawan percaya, sudah pasti Zubaidah amat menyayangi anaknya al-Amin kerana al-Amin adalah satu-satunya anak Zubaidah. Masakan Zubaidah mahu mempersia-siakan puteranya itu.

Dan Khalifah Harun ar-Rasyid pula sangat mudah menurut kehendak isteri baginda ini kerana baginda sangat sayang kepadanya. Bukti Khalifah Harun ar-Rasyid sangat sayang kepada Zubaidah ialah kisah yang diceritakan oleh al-Jahsyiari di dalam kitabnya *al-Wuzara' wal Kuttab* di mana ketika kakanda baginda Khalifah al-Hadi beria-ia untuk melantik puteranya Ja'far sebagai Putera Mahkota dan diberitahu perkara ini kepada (Khalifah) Harun ar-Rasyid, (Khalifah) Harun ar-Rasyid menjawab;

"Apabila aku berada di Haniyi atau di Mariyi serta berdua-duaan dengan sepupuku itu (Siti Zubaidah), tiada apa lagi yang aku mahu."

Tetapi Imam as-Sayuti menyatakan secara terang-terangan di dalam kitabnya *Tarikh Khulafa'* bahawa Khalifah Harun ar-Rasyid melantik al-Amin menjadi Putera Mahkota adalah di atas kehendak Zubaidah.

Ibnu Athir di dalam kitabnya *al-Kamil fi Tar*ikh mengatakan usaha untuk melantik al-Amin sebagai Putera Mahkota dilakukan oleh Isa bin Ja'far bin al-Mansur, saudara lelaki Zubaidah.

Al-Amin dilahirkan kemudian daripada al-Ma'mun, iaitu enam bulan setelah kelahiran al-Ma'mun. Tetapi kedua-duanya dilahirkan pada tahun yang sama iaitu tahun 170 hijrah/786 Masihi. Ini bererti al-Amin ketika dilantik menjadi Putera Mahkota baru berusia 3 tahun. Ini menyebabkan lama setelah pelantikan

itu Khalifah Harun ar-Rasyid merasa menyesal kerana melantik si adik sebagai Putera Mahkota dengan membelakangi si abang tambahan pula baginda mendapati al-Ma'mun lebih cerdik dan lebih bijaksana daripada al-Amin. Maka menjelang tahun 183 hijrah/799 Masihi, iaitu setelah berlalu masa 10 tahun dari tarikh baginda melantik al-Amin sebagai Putera Mahkota, Khalifah Harun ar-Rasyid telah melantik pula putera baginda yang kedua yang merupakan kakanda kepada al-Amin iaitu Abdullah al-Ma'mun sebagai Putera Mahkota yang kedua bakal menggantikan tempat al-Amin. Setelah itu baginda melantik pula putera baginda yang seorang lagi iaitu al-Qasim al-Mu'tamam sebagai Putera Mahkota yang ketiga.

Kira-kira dua tahun setelah pelantikan Putera Mahkota yang ketiga itu, Khalifah Harun ar-Rasyid telah melantik al-Amin menjadi pemerintah di negeri Iraq, Syam dan Mesir. Al-Ma'mun pula dilantik sebagai pemerintah di negara Farsi, Khurasan, Hamadan serta negeri-negeri di sekitarnya. Manakala al-Qasim al-Mu'tamam pula dilantik memerintah wilayah al-Jazirah (semenanjung Arab).

Untuk makluman para pembaca yang budiman semua, bahawa al-Amin adalah putera khalifah dari darah Arab sejati. Bahkan ibundanya adalah seorang wanita merdeka iaitu Permaisuri Zubaidah binti Ja'far bin Khalifah al-Mansur. Manakala Abdullah al-Ma'mun pula adalah berdarah campuran Arab-Farsi kerana ibunya ialah seorang perempuan jariah dari keturunan Farsi yang menjadi Ummul Walid yang bernama Marajil. Begitu pula dengan al-Qasim al-Mu'tamam yang mana ibundanya juga adalah seorang perempuan jariah yang menjadi Ummul Walid sebagaimana ibunda al-Ma'mun juga bernama Qasyif.

Oleh kerana al-Amin diberi kawasan atau wilayah yang merupakan bumi orang-orang Arab, ditambah pula ibu beliau seorang wanita Arab yang merdeka dan dari darah para raja juga iaitu Permaisuri Zubaidah binti Ja'far bin Khalifah al-Mansur, maka beliau mendapat sokongan yang kuat dari orang-orang Arab dan sangat mendatangkan pengaruh yang besar kepada mereka.

Oleh kerana al-Ma'mun diberi kawasan atau wilayah yang merupakan bumi orang-orang Farsi, ditambah pula ibu beliau seorang jariah yang berdarah Farsi, maka orang-orang Farsi telah melengkungi beliau.

Manakala al-Qasim tidak diperkatakan tentang pengaruhnya kerana beliau tenggelam setelah terjadi peristiwa persengketaan di antara Khalifah al-Amin dengan al-Ma'mun.

Keburukan Pelantikan Cara Ini

Memang perbuatan khalifah melantik Putera Mahkota lebih daripada seorang akan menimbulkan kesan-kesan yang tidak baik terhadap kerajaan yang sebelum ini memerintah dengan aman damai. Ini terbukti apabila dilihat pada tindakan kaum bani Umayyah yang telah memutuskan khalifah setelah Marwan bin al-Hakkam ialah Khalid bin Yazid bin Mu'awiyah, kemudian

Amru bin Said bin al-Ass bin Said bin al-Ass bin Umayyah bin Abdul Syams. Akibatnya apabila Khalifah Marwan bin al-Hakkam bercita-cita untuk mengisi jawatan Putera Mahkota sebagai calon khalifah sesudah baginda terdiri daripada putera-putera baginda, maka baginda telah menyingkir Khalid dan Amru. Ini menyebabkan setelah Khalifah Marwan bin al-Hakkam wafat, telah timbul penentangan yang hebat oleh Amru bin Said terhadap Khalifah Abdul Malik bin Marwan. Negeri menjadi huru hara menambahkan lagi huru hara lain-lain yang timbul.

Begitu juga akibatnya yang berlaku apabila Khalifah Abdul Malik bin Marwan melantik dua orang putera baginda sebagai Putera Mahkota iaitu al-Walid kemudian Sulaiman. Bukankah terjadinya pembunuhan dan penyiksaan terhadap para pahlawan yang sangat berjasa di dalam memperluaskan tanah jajahan Islam dan penyebaran agama Islam ada kaitan dengan pelantikan dua orang Putera Mahkota oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan itu?

Kalaulah Khalifah Abdul Malik bin Marwan tidak melantik Sulaiman sebagai Putera Mahkota yang kedua, sudah pasti Khalifah al-Walid bin Abdul Malik bebas untuk melantik sesiapa sahaja yang diingini oleh baginda sebagai khalifah sesudah baginda. Tidak akan ada penentangan terhadap keinginan Khalifah al-Walid yang mahu melantik putera baginda yang dikatakan bernama al-Abbas atau Abdul Aziz sebagai Putera Mahkota seterusnya khalifah, tidak akan terjadi peristiwa pembunuhan dan penyeksaan para pahlawan yang telah membuat jasa yang sangat besar terhadap peluasan tanah jajahan Islam.

Begitulah juga yang telah terjadi kepada Khalifah Harun ar-Rasyid yang telah melantik Putera Mahkota yang terdiri daripada putera-putera baginda sampai berjumlah tiga orang, sudah tentu ianya memberi kesan yang tidak baik kepada putera-putera baginda itu seperti yang telah terjadi dalam sejarah sebelumnya. Ini terbukti setelah baginda wafat, persengketaan telah berlaku di antara al-Amin dengan al-Ma'mun, gara-gara al-Amin setelah dilantik menjadi khalifah telah cuba menyingkir al-Ma'mun daripada jawatan Putera Mahkota untuk diganti dengan puteranya. Ini telah menimbulkan kemarahan al-Ma'mun kerana dia telah dilantik menjadi Putera Mahkota kedua oleh ayahandanya.

Kalaulah Khalifah Harun ar-Rasyid tidak melantik al-Ma'mun jadi Putera Mahkota yang kedua, sudah pasti al-Ma'mun tidak akan dapat memarahi al-Amin, adindanya yang menjadi khalifah itu. Jadi kemungkinan persengketaan yang telah membawa kepada terbunuhnya Khalifah al-Amin tidak akan berlaku dan pemerintahan Khalifah al-Amin berjalan dengan baik dan lancar.

Kisah-Kisah Baginda Dengan Para Ulama'

❖ Peristiwa Dengan Imam Malik Bin Anas

Sebagaimana yang telah diketahui bahawa Khalifah Harun ar-Rasyid mula naik takhta khalifah pada tahun 170 hijrah/786 Masihi. Ketika itu baginda

berusia 25 tahun. Manakala Imam Malik bin Anas pula sudah tua iaitu berusia 77 tahun. Ini adalah kerana Khalifah Harun ar-Rasyid dilahirkan pada tahun 145 hijrah/762 Masihi, manakala Imam Malik dilahirkan pada tahun 93 hijrah/711 Masihi. Oleh kerana sikap Imam Malik bin Anas yang tidak suka kepada pemberontakan tidak sebagaimana Imam Abu Hanifah, maka para khalifah kerajaan bani Abbasiyyah termasuklah Khalifah Harun ar-Rasyid menyukai beliau.

Bahkan dikatakan pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, baginda telah meminta kebenaran daripada Imam Malik bin Anas untuk memaksa rakyat jelata menganut mazhab beliau, tetapi Imam Malik bin Anas tidak bersetuju dengan perkara itu kerana tidak mahu menyekat kebebasan pemikiran dan keinginan manusia atau memaksa sesuatu yang manusia tidak suka atau tidak berpendapat benar tentang itu. Ini menyebabkan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur tidak jadi melaksanakan cita-cita baginda itu.

Perhubungan antara para khalifah bani Abbasiyyah khususnya Khalifah Harun ar-Rasyid telah berjalan dengan baik sehinggalah Imam Malik bin Anas wafat pada tahun 179 hijrah/795 Masihi ketika berusia 84 tahun.

Marilah kita ikuti kisah bagaimana eratnya perhubungan khalifah Harun ar-Rasyid dengan Imam Malik bin Anas:-

Imam Malik bin Anas tidak mempunyai rumah kediaman sendiri. Beliau hidup dengan menyewa. Alasan beliau berbuat demikian tentulah dapat difahami dengan mudah kerana beliau adalah seorang yang sangat alim terutama di dalam bidang hadis, sudah pasti beliau amat mengetahui dan menginsafi tentang sebuah hadis yang bermaksud supaya manusia memandang dunia ini sebagai tempat persinggahan untuk mengambil bekalan sementara menuju ke destinasi yang sebenarnya iaitu alam akhirat.

Diceritakan pada suatu hari Khalifah Harun ar-Rasyid telah datang ke kota Mekah untuk menunaikan ibadat haji. Dalam perjalanan pulang ke kota Baghdad, baginda telah singgah di kota Madinah kerana mahu menziarahi makam Rasulullah s.a.w. dan juga untuk melihat-lihat keadaan penduduknya termasuklah Imam Malik bin Anas. Oleh kerana baginda juga mengetahui bahawa Imam Malik bin Anas tidak mempunyai rumah sendiri padahal ulama' terkemuka dan mufti kota Madinah itu sudah tua dan mempunyai keluarga yang besar, maka Khalifah Harun ar-Rasyid telah memberi hadiah sebanyak 3,000 dinar supaya Imam Malik menggunakan wang itu untuk membeli sebuah rumah. Tetapi setelah Khalifah Harun ar-Rasyid pulang ke kota Baghdad, Imam Malik tidak menggunakan wang yang sebegitu banyak untuk membeli sebuah rumah, sebaliknya disedekahkan kepada orang ramai terutama kepada para murid beliau yang sangat memerlukan kepada wang untuk perbelanjaan makan minum mereka selama duduk belajar kepada beliau itu. Murid-murid Imam Malik bin Anas selain dari penduduk tempatan juga ramai yang datang dari

berbagai-bagai kota dan negara seperti kota Mekah, Afrika Utara, Mesir dan Sepanyol, sudah tentu sangat memerlukan kepada perbelanjaan atau saraan mereka di tempat mereka belajar itu kerana kebanyakan mereka bukanlah orang-orang kaya atau anak-anak orang kaya.

❖ Peristiwa Dengan Imam Asy-Syafie

Pada masa Khalifah Harun ar-Rasyid dilantik menjadi khalifah, Imam asy-Syafie baru berusia 20 tahun (Imam asy-Syafie dilahirkan pada tahun 150 hijrah/767 Masihi). Dan beliau adalah murid Imam Malik bin Anas yang terkemuka. Kalau Khalifah Harun ar-Rasyid begitu baik dan mesra dengan Imam Malik bin Anas sehingga baginda memberi wang yang banyak kepada ulama' kota Madinah itu meminta beliau supaya membeli sebuah rumah, berlainan pula perhubungan baginda dengan Imam asy-Syafie. Pada peringkat awal atau mula-mula, perhubungan Imam asy-Syafie dengan Khalifah Harun ar-Rasyid tidak berjalan baik bahkan Imam asy-Syafie hampir dibunuh oleh Khalifah Harun ar-Rasyid kerana satu fitnah. Setelah peristiwa atau ujian yang berat menimpa Imam asy-Syafie, barulah perhubungan mereka berjalan baik dan mesra.

Ya, begitulah persoalannya. Imam asy-Syafie hampir-hampir menjadi mangsa pembunuhan Khalifah Harun ar-Rasyid kalau tidak kerana baginda dapat menerima alasan atau hujjah Imam asy-Syafie di dalam membela diri beliau setelah dituduh terlibat di dalam pemberontakan kaum Syiah di desa Fark pada tahun 169 hijrah/785 Masihi pada zaman pemerintahan Khalifah al-Hadi. Tetapi pemberontakan atau perjalanan pemberontakan itu merebak sehingga ke zaman pemerintahan baginda. Marilah kita ikuti kisahnya:-

Sebaik sahaja Khalifah al-Mahdi wafat, tempat baginda telah diganti oleh putera sulung baginda iaitu Musa al-Hadi. Memang Khalifah al-Mahdi sangat berbuat baik kepada kaum Syiah Ahlil Bait atau kaum Alawiyyeen keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib dari pihak isteri pertama beliau Sayidah Fatimah az-Zahra' rha. Tetapi berlainan dengan Khalifah al-Hadi. Baginda ini sangat memusuhi kaum Syiah atau kaum Alawiyyeen sehingga sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah, baginda terus menganiaya orang-orang atau keluarga Ahlil Bait atau Syiah Alawiyyeen dengan menyiksa, memenjara bahkan sampai membunuh mereka.

Sebab itu kaum Syiah Alawiyyeen atau Ahli Bait telah berkumpul dan bangkit memberontak terhadap pemerintahan Khalifah al-Hadi pada tahun 169 hijrah/785 Masihi. Pemberontakan itu meletus di desa Fark yang terletak tidak jauh daripada kota Mekah dan dipimpin oleh Imam Husein bin Ali bin Hasan bin Hasan bin al-Hasan bin Ali bin Abu Talib. Di antara tokoh Alawiyyeen yang turut di dalam pemberontakan itu ialah Yahya dan Idris yang mana kedua-duanya adalah saudara kepada an-Nafsuz Zakiyyah.

Pemberontakan Fakh telah menghancurkan golongan Alawiyyeen. Tetapi Yahya dan Idris telah sempat menyelamatkan diri dengan melarikan diri, seorang (Yahya) ke negeri Daylam dan seorang lagi (Idris) ke Mesir, terus ke Afrika dan menetap di Maghribi.

Entah bagaimana tiba-tiba sampai ke telinga Khalifah Harun ar-Rasyid bahawa Imam asy-Syafie turut terlibat di dalam pemberontakan itu dengan cara memberi sokongan moral dan mungkin dalam bentuk kewangan. Hendak mengatakan Imam asy-Syafie turut serta di dalam pemberontakan itu jelas menjadikan berita itu nyata-nyata palsu kerana ketika itu Imam asy-Syafie sedang berada di negeri Yaman.

Imam asy-Syafie telah ditangkap dan dibawa ke kota Baghdad dengan dirantai kaki beliau. Setelah sampai di hadapan Khalifah Harun ar-Rasyid, baginda telah berkata kepada Imam asy-Syafie, "Sekarang apakah alasanmu untuk menolak tuduhan ke atasmu? Bukankah engkau seorang yang bersalah? Bukankah engkau mengetuai pemberontakan terhadap kami di atas nama sahabatmu Abdullah bin Hasan?" (Abdullah adalah ayah kepada Yahya dan Idris - P).

Imam asy-Syafie telah menjawab semua tuduhan atau sebenarnya fitnah yang dilempar oleh orang-orang yang dengki kepada ketinggian pencapaian beliau di dalam bidang ilmu pengetahuan dan juga pangkat (ketika itu Imam asy-Syafie bekerja sebagai Setiausaha kepada seorang pembesar kerajaan di negeri Yaman - P). Khalifah Harun ar-Rasyid amat berpuashati dengan jawapan yang diberikan oleh Imam asy-Syafie di dalam usaha beliau membela diri beliau.

Selepas Imam asy-Syafie bebas daripada tuduhan berkomplot melancarkan pemberontakan terhadap pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah, Khalifah Harun ar-Rasyid telah menghadiahkan kepada beliau wang sebanyak 2,000 dinar. Tetapi Imam asy-Syafie telah menolaknya. Kemudian Imam asy-Syafie yang sudah menetap di kota Baghdad buat sementara waktu itu telah pergi ke istana untuk menghadap Khalifah Harun ar-Rasyid kerana sesuatu tujuan. Setelah selesai, Khalifah Harun ar-Rasyid menghadiahkan pula kepada beliau wang sebanyak 1,000 dinar. Kali ini Imam asy-Syafie mengambil wang hadiah itu. Ketika beliau keluar, beliau diintip oleh seorang pekerja istana bernama Siraj. Siraj melihat Imam asy-Syafie telah membahagi-bahagikan wang itu kepada para pekerja istana dan yang tinggal sedikit diberikan kepada Siraj setelah beliau menyedari Siraj mengintip beliau. Setelah itu Siraj melaporkan pula perkara itu kepada Kalifah Harun ar-Rasyi. Bertambahlah rasa yakin kepada Khalifah Harun ar-Rasyid bahawa Imam asy-Syafie adalah seorang yang berjiwa mulia dan suka kepada kebaikan dan hidup saling berkasih sayang dan tolong menolong, bukan suka kepada huru-hara dan kerosakan di dalam negara.

Wafat

Khalifah Harun ar-Rasyid wafat pada tahun 193 hijrah/809 Masihi di kota Tus. Ketika itu baginda sedang dalam perjalanan memimpin pasukan tentera untuk membasmi pemberontakan di negeri Khurasan yang dicetuskan oleh Rafi' bin Laith bin Nasr bin Saiyar, cucu bekas gabenor negeri Khurasan pada zaman pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad. Baginda ketika itu berusia 48 tahun.

Baginda memerintah selama kira-kira 23 tahun iaitu dari tahun 170 hijrah/786 Masihi hingga ke tahun 193hijrah/809 Masihi.

Keberangkatan baginda itu turut disertai oleh putera baginda al-Ma'mun, pengasuh atau pendidik al-Ma'mun iaitu al-Fadhl bin Sahl, menteri baginda yang menggantikan kaum Baramikah yang telah baginda hapuskan iaitu al-Fadhl bin ar-Rabi' bin Yunus, pembesar baginda Ismail bin Sabih dan lain-lain pembesar dan para pahlawan. Sementara menunggu baginda sembuh, Khalifah Harun ar-Rasyid telah menyuruh putera baginda al-Ma'mun supaya berangkat terlebih dahulu ke negeri Khurasan dengan memimpin sebahagian besar angkatan tentera berserta para pahlawan dan panglima perang. Dibawa juga sejumlah harta kekayaan yang besar. Turut menemani al-Ma'mun ialah pengasuhnya al-Fadhl bin Sahl, seorang berketurunan Farsi. Yang tetap bersama-sama Khalifah Harun ar-Rasyid di kota Tus ialah menteri baginda al-Fadhl bin ar-Rabi'.

Setelah Khalifah Harun ar-Rasyid merasa sakit baginda bertambah berat bukan semakin sembuh, maka baginda telah membuat pesanan kepada menteri baginda al-Fadhl bin ar-Rabi' agar berangkat memimpin pasukan yang masih berbaki menyusuli putera baginda al-Ma'mun di negeri Khurasan sekiranya baginda wafat. Setelah Khalifah Harun ar-Rasyid wafat, al-Fadhl bin ar-Rabi' tidak menunaikan perintah Khalifah Harun ar-Rasyid agar berangkat menyusuli al-Ma'mun, sebaliknya dia telah membawa pulang tentera yang berbaki ke kota Baghdad semula atas arahan al-Amin dari kota Baghdad dan terus mengisytiharkan pelantikan Muhammad al-Amin sebagai khalifah menggantikan tempat ayahandanya yang telah wafat itu.

Ini adalah perbuatan khianat pertama yang dilakukan oleh seorang menteri kepada seorang khalifah.

Kenapa tindakan al-Fadhl bin ar-Rabi' itu dikatakan perbuatan khianat terhadap Khalifah Harun ar-Rasyid, padahal itu (kepulangan beliau bersama-sama tentera ke kota Baghdad – P) adalah perintah daripada al-Amin meskipun masih belum diisytiharkan sebagai khalifah, tetapi adalah merupakan bakal khalifah setelah Khalifah Harun ar-Rasyid?

Ya, perbuatan al-Fadhl bin ar-Rabi' tidak membawa tentera menyusuli al-Ma'mun ke negeri Khurasan, sebaliknya pulang ke kota Baghdad setelah kewafatan Khalifah Harun ar-Rasyid dianggap menderhakai Khalifah Harun ar-Rasyid adalah disebabkan melanggari wasiat Khalifah Harun ar-Rasyid. Manakala perintah al-Amin ketika itu belum lagi wajib dipatuhi kerana beliau belum lagi dilantik menjadi khalifah. Jadi wasiat Khalifah Harun ar-Rasyid yang wajib dipatuhi, bukan perintah al-Amin.

Jenazah khalifah Harun ar-Rasyid tidak dibawa pulang ke kota Baghdad, sebaliknya dikebumikan di Tus juga di mana tempat baginda jatuh sakit dan wafat itu.

Keluarga

Khalifah Harun ar-Rasyid mempunyai enam orang isteri, yang tentunya dikahwini oleh baginda tidak secara serentak kerana itu diharamkan oleh agama Islam, sebaliknya silih berganti setelah seorang daripada empat orang isteri baginda wafat atau diceraikan. Isteri yang pertama ialah Ummu Ja'far bin Ja'far bin Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, yang mana nama sebenarnya Zubaidah. Baginda berkahwin dengan Zubaidah pada tahun 165 hijrah/781 Masihi. Ketika itu usia baginda ialah 20 tahun. Jelas ketika itu baginda belum menjadi khalifah. Perkahwinan itu dilangsungkan di rumah Muhammad bin Sulaiman bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas, bapa tiga pupu Khalifah Harun ar-Rasyid. Setelah baginda wafat, Zubaidah berkahwin pula dengan al-Anbasah.

Isteri baginda yang kedua ialah Ummah al-Aziz. Seorang Ummu Walid kepunyaan Musa. Musa ini mungkin Musa bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas.

Isteri baginda yang ketiga ialah Ummu Muhammad binti Salih al-Miskin. Beliau asalnya milik Ibrahim bin al-Mahdi, saudara Khalifah Harun ar-Rasyid sendiri. Apabila dia minta cerai (khulu') daripada Ibrahim bin al-Mahdi, maka barulah ia berkahwin dengan Khalifah Harun ar-Rasyid. Ibu beliau ialah Ummu Abdullah bin Isa bin Ali. Mungkin Isa bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas. Kalau begitu Ummu Muhammad adalah ibu tiga pupu kepada Khalifah Harun ar-Rasyid. Khalifah Harun ar-Rasyid mengahwini beliau ketika baginda berada di Raqqah pada tahun 187 hijrah/803 Masihi. Ketika itu baginda berusia 42 tahun.

Isteri baginda yang keempat ialah al-Abbasah binti Sulaiman bin Abu Ja'far al-Mansur. Baginda berkahwin dengan al-Abbasah sama tarikh dengan perkahwinan baginda dengan Ummu Muhammad iaitu pada bulan Zulhijjah tahun 187 hijrah/803 Masihi.

Isteri baginda yang kelima ialah Azizah binti al-Ghutrif. Sebelum berkahwin dengan baginda, Azizah adalah isteri kepada Sulaiman bin Abu Ja'far al-Mansur. Beliau adalah anak saudara kepada Khaizuran, ibunda Khalifah Harun ar-Rasyid kerana al-Ghutrif adalah saudara lelaki kepada Khaizuran.

Isteri baginda yang keenam ialah al-Juraisyiyyah al-Uthmaniyyah, seorang wanita dari keturunan Khalifah Uthman bin Affan dan juga dari keturunan Ahlil Bait. Beliau adalah puteri kepada Abdullah bin Muhammad bin Abdullah bin Amru bin Uthman bin Affan. Manakala datuk dan nenek beliau dari pihak ayahnya ialah Hasan bin al-Hasan bin Ali bin Abu Talib dan Fatimah binti al-Husein bin Ali bin Abu Talib. Manakala bapa saudara ayah beliau ialah Abdullah bin Hasan bin al-Hasan bin Ali bin Abu Talib yang merupakan ayah kepada an-Nafsuz Zakiyyah yang amat terkenal itu. Beliau dinamakan al-Juraisyiyyah adalah kerana beliau dilahirkan di negeri Yaman di sebuah kampong bernama Juraisy.

Ketika baginda wafat, Khalifah Harun ar-Rasyid meninggalkan empat orang isteri sahaja iaitu Ummu Ja'far, Ummu Muhammad, al-Abbasah dan al-Juraisyiyyah al-Uthmaniyyah.

Isteri baginda Ummah al-Aziz dan Azizah binti al-Ghutrif mungkin telah wafat ketika baginda masih hidup atau baginda ceraikan.

Selain itu Khalifah Harun ar-Rasyid juga memperoleh anak-anak daripada para jariah baginda yang dikatakan tidak kurang daripada 30 orang. Imam at-Tabari menyebut beberapa nama mereka tetapi yang paling terkenal ialah Marajil, seorang perempuan Farsi. Seorang lagi bernama Qasyif dan Maridah, seorang perempuan berbangsa Turki.

Hasil dari perkahwinan dengan Ummu Ja'far, Khalifah Harun ar-Rasyid mendapat seorang putera yang dinamakan Muhammad. Beliaulah yang setelah menjadi khalifah terkenal dengan nama Khalifah al-Amin.

Daripada isteri yang kedua iaitu Ummah al-Aziz, baginda mendapat seorang anak bernama Ali.

Daripada isteri yang ketiga, keempat, kelima dan keenam, baginda tidak memperoleh seorang anakpun.

Manakala dari jariah yang bernama Marajil, baginda mendapat seorang putera bernama Abdullah. Beliaulah yang setelah menjadi khalifah terkenal dengan nama Khalifah al-Ma'mun.

Daripada jariah yang bernama Qasyif, baginda mendapat seorang putera bernama al-Qasim yang terkenal dengan nama al-Mu'tamam. Dan seorang puteri bernama Sakinah.

Manakala dari jariah yang bernama Maridah, baginda mendapat seorang putera bernama Muhammad. Beliaulah yang setelah menjadi khalifah terkenal dengan nama Khalifah al-Mu'tasim. Dan seorang puteri bernama Ummu Habib.

Daripada jariah yang bernama Rastam, baginda mendapat seorang putera bernama Salih.

Dari jariah yang bernama Irabah, baginda mendapat seorang putera bernama

Muhammad yang terkenal dengan panggilan Abu Isa. Dan seorang puteri bernama Ummu Hasan.

Dari jariah yang bernama Syadzrah, baginda mendapat seorang putera bernama Muhammad juga yang terkenal dengan panggilan Abu Ya'qub.

Dari jariah yang bernama Khubtis, baginda mendapat seorang putera yang juga diberi nama Muhammad. Beliau terkenal dengan gelaran Abul Abbas.

Dari jariah yang bernama Rawah, baginda mendapat seorang putera bernama Muhammad juga, yang terkenal dengan panggilan Abu Sulaiman.

Dari jariah yang bernama Dawaj, baginda mendapat seorang anak bernama Muhammad juga yang terkenal dengan panggilan Abu Ali.

Dari jariah yang bernama Kitman, baginda mendapat seorang anak bernama Muhammad juga yang terkenal dengan panggilan Abu Ahmad.

Dari jariah yang bernama Halwab, baginda mendapat seorang puteri bernama Arwa.

Dari jariah yang bernama Hamdunah, baginda mendapat seorang puteri bernama Ummu Muhammad.

Dari jariah yang bernama Ghusyasy yang nama asalnya Musaffa, baginda mendapat seorang puteri bernama Fatimah.

Dari jariah yang bernama Rahiq, baginda mendapat seorang puteri bernama Ummu Salamah.

Dari jariah yang bernama Syajar, baginda mendapat seorang puteri bernama Khadijah.

Dari jariah yang bernama Khazaq, baginda mendapat seorang puteri bernama Ummu al-Qasim.

Dari jariah yang bernama Haly, baginda mendapat seorang puteri bernama Ramlah yang terkenal dengan panggilan Ummu Ja'far.

Dari jariah yang bernama Aniq, baginda mendapat seorang puteri bernama Ummu Ali.

Dari jariah yang bernama Samandal, baginda mendapat seorang puteri bernama Ummu Ghaliyyah.

Dari jariah yang bernama Zinah, baginda mendapat seorang puteri bernama Ritah.

Demikianlah kisah para isteri, para jariah dan anak-anak Khalifah Harun ar-Rasyid yang sedemikian ramai.

Jelas Khalifah Harun ar-Rasyid mempunyai putera seramai 12 orang, manakala puteri seramai 13 orang.

Kelebihan Dan Keistimewaan

Harun ar-Rasyid adalah khalifah bani Abbasiyyah yang mempunyai beberapa kelebihan yang tidak terdapat pada khalifah-khalifah bani Abbasiyyah yang lain. Apakah kelebihan-kelebihan yang terdapat pada diri Khalifah Harun ar-Rasyid itu?

Kelebihan yang pertama dari segi pentadbiran. Khalifah Harun ar-Rasyid sangat bijak mentadbir kerajaannya. Ketika baginda mengambil alih kerajaan dari tangan saudara atau kakanda baginda Khalifah al-Hadi, keadaan negara atau kerajaan bani Abbasiyyah belum lagi mencapai tahap keagungan dan kegemilangan di dalam perdagangan dan ilmu pengetahuan. Tetapi sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah, baginda telah berjaya menjadikan kota Baghdad sebagai pusat perdagangan antara bangsa dan pusat ilmu pengetahuan yang terkemuka.

Kelebihan yang kedua ialah Khalifah Harun ar-Rasyid telah mengembalikan ciri-ciri kepimpinan Islam kepada ciri-ciri yang ditunjuk ajar oleh Rasulullah s.a.w. Apakah perkaranya? Iaitu baginda telah bertindak memimpin sendiri bala tentera untuk menghadapi musuh negara atau musuh kerajaan. Sehingga baginda wafat pun ketika sedang memimpin tentera. Ini adalah satu kelebihan yang diperlihatkan oleh Khalifah Harun ar-Rasyid di dalam mempamerkan ciri-ciri kepimpinan baginda.

Kelebihan yang ketiga ialah sangat merendah diri pada ilmu dan kuat beribadat. Siapakah khalifah bani Abbasiyyah yang memiliki sikap begini? Diriwayatkan ketika baginda mahu belajar kitab Muwatta' kepada Imam Malik bin Anas, baginda telah ditegur oleh Imam Malik agar baginda memuliakan ilmu terutama hadis-hadis Rasulullah s.a.w. Baginda terus turun dari tempat duduk baginda yang ditinggikan. Lantas bersila di atas lantai. Tentang banyaknya baginda beribadat, diriwayatkan baginda sembahyang sunat sehingga 100 rakaat sehari semalam. Mana ada khalifah yang beribadat seperti ini?

Kelebihan yang keempat ialah baginda pergi menunaikan ibadat haji ke kota Mekah dari kota Baghdad dengan berjalan kaki (meskipun kerana menunaikan nazar - P). Apakah terdapat para khalifah lain yang berbuat demikian? Tidak ada para khalifah yang bersedia berjalan kaki ke kota Mekah untuk menunaikan ibadat haji melainkan khalifah itu adalah seorang yang salih dan takwa kepada Allah SWT.

Kelebihan yang kelima ialah baginda mempunyai firasat yang tajam sehingga baginda dapat menangkap rahsia pihak-pihak yang mahu menukar kedudukan khalifah dari tangan bani Abbasiyyah ke tangan keluarga yang lain. Baginda dapat membaca gerak hati kaum Baramikah yang berkira-kira untuk mengalihkan jawatan khalifah kepada bani Alawiyyeen. Sebab itu baginda telah bertindak membunuh dan memenjarakan kaum Baramikah setelah mereka itu

berkhidmat kepada pentadbiran baginda selama 17 tahun (meskipun para sejarawan tidak dapat memastikan sebab-sebab sebenar Khalifah Harun ar-Rasyid membunuh dan memenjara kaum Baramikah – P).

Demikianlah beberapa keistimewaan dan kelebihan-kelebihan yang terdapat pada diri Khalifah Harun ar-Rasyid yang tidak terdapat pada khalifah-khalifah bani Abbasiyyah yang lain.

Apakah Khalifah Harun Ar-Rasyid Seorang Yang Salih?

Belum pernah saya baca di dalam sejarah Islam bahawa seorang khalifah telah mengerjakan sembahyang sehari semalam sebanyak 100 rakaat melainkan Khalifah Harun ar-Rasyid. Soalnya apakah cerita atau riwayat ini benar atau sekadar untuk berlebih-lebihan?

Kalaulah benar bahawa Khalifah Harun ar-Rasyid berkemampuan melakukan sembahyang (sunat) sehingga 100 rakat sehari semalam, itu adalah satu perkara yang luar biasa pernah terjadi di dalam sejarah khalifah Islam. Sebab sesalih-salih Khalifah Umar bin Abdul Aziz, cuma mengerjakan sembahyang tahajjud sebanyak dua rakaat sahaja setiap malam.

Begitu juga diceritakan bahawa Khalifah Harun ar-Rasyid melakukan amalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT iaitu jihad dan mengerjakan ibadat haji berselang seli setiap tahun. Tahun ini berjihad, tahun hadapan menunaikan ibadat haji. Begitulah seterusnya sampai baginda wafat.

Amalan-amalan yang sebegini hebat biasanya berdaya dilakukan oleh seorang yang bukan pemerintah dan bertaraf ulama' yang salih atau berdarjat Wali Allah. Tetapi Khalifah Harun ar-Rasyid telah berkesanggupan melakukannya.

Berita tentang Khalifah Harun ar-Rasyid melakukan ibadat haji dan berjihad (tetapi tidak dinyatakan selang seli setahun) yang dapat penyusun paparkan di sini ialah yang diriwayatkan oleh seorang yang bernama Abu Ma'ali al-Kilabi katanya, "Barangsiapa yang mahu bertemu dengannya (Khalifah Harun ar-Rasyid – P), datanglah ke al-Haramaini atau wilayah yang dikuasai oleh musuh."

AL-AMIN
(193-198 Hijrah=809-813 Masihi)

Pengenalan

Khalifah al-Amin ialah Khalifah kerajaan dinasti bani Abbasiyyah yang keenam menggantikan tempat ayahanda baginda Khalifah Harun ar-Rasyid yang wafat kerana sakit di kota Tus. Pemerintahan baginda berjalan tidak begitu lama hanya selama 4 tahun 6 bulan beberapa hari sahaja. Masa damai hanya 2 tahun satu bulan, selebihnya masa kacau bilau. Masuk tahun ketiga pemerintahan baginda, keadaan dalam negara telah bertukar rupa dari keadaan yang aman damai kepada keadaan huru-hara dan pecah belah akibat dari perbuatan Khalifah al-Amin yang cuba menyingkir kakanda baginda al-Ma'mun dari jawatan Putera Mahkota untuk digantikan dengan putera baginda yang bernama Ja'far yang masih kecil. Ini dikira satu percubaan untuk berkhianat oleh Khalifah al-Amin terhadap wasiat ayahanda mereka yang telah menetapkan bahawa kakanda baginda al-Ma'mun sebagai Putera Mahkota kedua setelah baginda seterusnya khalifah.

Ini adalah berpunca daripada sikap ayahanda mereka Khalifah Harun ar-Rasyid juga yang telah melantik mereka berdua sebagai penguasa di wilayah-wilayah yang sangat luas semasa baginda masih hidup. Al-Amin ditetapkan sebagai penguasa di bahagian barat, bermula dari negeri Iraq, Syam dan terus ke negeri Mesir, manakala al-Ma'mun sebagai penguasa di bahagian timur bermula dari tanah Farsi, Khurasan, Hamdan dan negeri-negeri sekitarnya. Ini menyebabkan pengaruh kedua-dua bersaudara ini begitu kuat di kalangan penduduk di mana mereka menjadi penguasa ke atasnya. Rakyat terutama yang di bawah pemerintahan al-Ma'mun di belahan timur sangat kasih dan sayang kepada beliau kerana kebaikan dan keprihatinan beliau selaku pemerintah di kawasan tersebut terhadap seluruh rakyatnya.

Selama pemerintahan baginda empat tahun lebih itu, Khalifah al-Amin tidak meninggalkan jasa-jasa yang dapat dijadikan kenang-kenangan kepada umat Islam pada masa pemerintahan baginda. Kalau orang bercakap tentang pemerintahan Khalifah al-Amin, mereka akan menyebut tentang persengketaan baginda dengan kakanda baginda al-Ma'mun. Tidak ada jasa, tidak ada

kemajuan, tidak ada pembaharuan yang dapat dibangga-banggakan. Rakyat hanya mengenangkan kematian baginda yang secara tragis akibat dari persengketaan keluarga itu.

Kelahiran Dan Peribadi

Khalifah al-Amin dilahirkan pada bulan Syawal tahun 170 hijrah/785 Masihi di kota Rushafah. Mengikut riwayat para sejarawan baginda dilahirkan tepat ketika ayahanda baginda ditabalkan menjadi khalifah. Baginda lebih tua sebanyak enam bulan sahaja daripada kakanda baginda al-Ma'mun yang dilahirkan dari ibunda yang lain. Dikatakan baginda satu-satunya khalifah bani Abbasiyyah yang kedua-dua ayahanda dan bondanya dari keturunan Hasyimi.

Menyentuh sifat-sifat fizikal Khalifah al-Amin dikatakan bahawa baginda ini adalah seorang yang insan yang kacak menawan mewarisi atau membakai wajah ayahanda dan bondanya, sangat tampan, mempunyai kulit yang putih, badannya tinggi, rambutnya terurai berwarna perang, jauh antara kedua bahunya dan mempunyai mata yang kecil. Baginda adalah seorang yang banyak bergurau senda dan bermain-main sehingga kurang memberi perhatian kepada soal-soal pemerintahan dan pentadbiran.

Sifat-sifat peribadi Khalifah al-Amin yang paling menonjol adalah tiga iaitu baginda sangat gagah perkasa, sangat pemurah dan sangat fasih berbicara serta handal di dalam ilmu kesusasteraan.

Tentang kegagahperkasaannya, Imam as-Sayuti menulis di dalam kitabnya *Tarikhul Khulafa'* bahawa Khalifah al-Amin adalah seorang lelaki yang sangat gagah perkasa sehingga pernah baginda membunuh seekor singa hanya dengan menggunakan tangan sahaja tanpa senjata.

Tentang kepemurahan tangan baginda pula, al-Jahiz menulis di dalam kitabnya bahawa Ishaq bin Ibrahim al-Mausuli, seorang penyanyi yang sangat terkenal bercerita bahawa dia menghibur Khalifah al-Amin dalam satu malam sahaja, baginda membayar kepadanya sebanyak 40,000 dinar (satu jumlah wang yang sangat besar pada ketika itu – P).

Pada waktu yang lain pula Ishaq juga mengatakan bahawa dia pernah melihat Khalifah al-Amin memberi kepada seseorang pelayan baginda sebanyak 30,000 buah pundi-pundi atau kantung yang mana setiap pundi-pundi itu berisi wang sebanyak 10,000 dirham supaya digunakan memberi alat-alat kebersihan untuk membasuh pakaian pelayan itu yang baginda lihat kurang bersih.

Apakah ini satu sifat murah hati atau satu sifat suka membazir yang menyebabkan wang rakyat terbuang kepada orang-orang yang tidak layak menerimanya?

Seseorang yang dikatakan pemurah adalah seorang yang memberi dari hasil

miliknya sendiri. Kalau seseorang yang suka memberi harta kekayaan yang bukan miliknya kepada seseorang yang berhak menerimanya, ini sudah dikira bukan satu sifat pemurah, sebab siapakah yang merasa sayang untuk memberi hak orang lain yang bukan haknya kepada seseorang? Apatah lagi pula memberi harta yang bukan haknya kepada seseorang yang tidak berhak menerimanya.

Tetapi terhadap tindakan seseorang penguasa negara seperti khalifah atau raja atau presiden atau perdana menteri atau pemerintah tempatan seperti para gabenor, apabila mereka membelanjakan kekayaan negara bertepatan kepada orang-orang atau tempat yang betul, maka itu adalah satu tindakan yang tepat dan diberi pahala. Tetapi tidak boleh dikatakan seseorang pemimpin negara itu seorang yang pemurah atau dermawan. Itu adalah tanggungjawab atau kewajipan seseorang pemerintah terhadap rakyat yang mereka perintah. Kalau tidak, mereka dikira berkhianat kepada rakyat.

Berkaitan dengan perbuatan seseorang khalifah yang memberi sesuka hati kepada seorang yang sememangnya tidak berhak menerima pemberian itu, maka ianya dikira perbuatan pemurah yang tidak kena pada tempatnya, atau boleh dikira membazir wang rakyat.

Salasilah keturunan Khalifah al-Amin selengkapnya ialah Muhammad (al-Amin) bin Harun (ar-Rasyid) bin Muhammad (al-Mahdi) bin Abdullah (Abu Ja'far al-Mansur).

Manakala salasilah keturunan baginda dari pihak ibunda pula yang selengkapnya ialah Muhammad (al-Amin) bin Zubaidah atau Ummu Ja'far binti Ja'far bin Abu Ja'far al-Mansur.

Zubaidah mempunyai tiga sifat yang sudah cukup memberi kelebihan kepadanya. Sifat pertama sangat cantik jelita sehingga Khalifah Harun ar-Rasyid berkata ketika saudaranya Khalifah al-Hadi mahu melucut jawatan Putera Mahkotanya untuk diganti dengan anaknya sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Jahsyiari di dalam kitabnya *al-Wuzara' wal Kuttab* "Apabila aku berada di Haniyi dan Mariyi berdua-duaan dengan sepupuku itu (Zubaidah isteri baginda - P), tiada apa lagi yang aku mahu."

Sifat kedua sangat pemurah. Beliaulah yang telah berusaha membina telaga di sepanjang jalan sejak dari kota Baghdad ke kota Mekah untuk memudahkan orang-orang haji mendapatkan air.

Sifat ketiga sangat sabar terutama ketika ditimpa musibah. Mengikut riwayat Ibnu Abdul Rabbih di dalam kitabnya *al-Iqdul al-Farid* bahawa ketika putera beliau Khalifah al-Amin terbunuh, Zubaidah telah datang kepada anak tiri beliau Khalifah al-Ma'mun. Setelah Khalifah al-Ma'mun berkata bahawa dia tidak membunuh Khalifah al-Amin, Zubaidah berkata, "Wahai Amirul Mu'minin! Pada suatu hari nanti, engkau berdua akan berkumpul bersama.

Aku mengharapkan Allah akan mengampuni kamu, mudah-mudahan insya Allah."

Ibnu Abdul Rabbih seterusnya bercerita bahawa Zubaidah berkata kepada Khalifah al-Ma'mun.........., "Segala puji bagi Allah yang telah mengurniakan kau kepadaku. Setelah Ia membuat anakku tiada (terbunuh), aku tidak begitu sedih meratapinya, kerana engkau telah menggantinya untukku."

Pemerintahan

Khalifah al-Amin dilantik menjadi khalifah pada bulan Jamadil Akhir tahun 193 hijrah/809 Masihi setelah ayahanda baginda Khalifah Harun ar-Rasyid wafat di kota Tus ketika sedang memimpin satu angkatan tentera menuju ke negeri Khurasan untuk menghapuskan pemberontakan yang meletus di sana yang dicetuskan oleh Rafi' bin Laith bin Nasr bin Saiyar. Ketika itu al-Amin sedang berada di kota Baghdad dan baru berusia 23 tahun.

Para Pembantu, Menteri Dan Penasihat

Sebelum kita memperkatakan tentang pemerintahan Khalifah al-Amin, ada baiknya kita terlebih dahulu memperkatakan sedikit sebanyak tentang para menteri baginda. Mengikut apa yang ditulis oleh ahli-ahli sejarah bahawa menteri Khalifah al-Amin hanya al-Fadhl bin ar-Rabi' seorang sahaja. Ia adalah bekas menteri dan penasihat kepada ayahanda baginda Khalifah Harun ar-Rasyid setelah Khalifah Harun ar-Rasyid menyingkir semua orang-orang Barmaki daripada pentadbiran baginda. Al-Fadhl bin ar-Rabi' adalah anak kepada ar-Rabi' bin Yunus, bekas pengawal peribadi kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur.

Al-Fadhl bin ar-Rabi' bin Yunus adalah seorang yang bijak dan cerdik mewarisi atau membakai sifat-sifat ayahnya. Tetapi selain memiliki sifat-sifat yang mulia, al-Fadhl bin ar-Rabi' juga mewarisi sifat-sifat ayahnya yang buruk dan busuk iaitu sifat-sifat pendengki dan suka menghasut. Kedua-dua sifat yang terakhir ini telah menyebabkan terjadinya malapetaka ke atas Khalifah al-Amin kerana tercetus persengketaan dengan kakanda baginda al-Ma'mun yang akhirnya membawa kepada terbunuhnya Khalifah al-Amin. Disamping itu juga telah membawa dirinya binasa ketika sedang berada dikemuncak kebesaran dan kemewahan selaku menteri dan penasihat kepada Khalifah al-Amin.

Selain al-Fadhl bin ar-Rabi', apakah Khalifah al-Amin masih mempunyai menteri atau penasihat yang lain?

Para sejarawan tidak memperkatakan sangat tentang siapakah para menteri Khalifah al-Amin. Ini adalah kerana pemerintahan Khalifah al-Amin tidak memberi atau membuahkan jasa apa-apa tidak sebagaimana masa pemerintahan ayahandanya Khalifah Harun ar-Rasyid. Selama pemerintahan baginda, hanya peperangan saudara yang menonjol. Tidak ada jasa dan tidak

ada pembaharuan. Rakyat hidup di dalam ketakutan kerana peperangan di antara Khalifah al-Amin dengan saudara tua baginda al-Ma'mun yang memerintah di wilayah timur meliputi negara Farsi, Khurasan dan negeri-negeri sekitarnya.

Pusat Pemerintahan

Sebagaimana ayahanda baginda yang menjadikan kota Baghdad sebagai pusat pentadbiran, Khalifah al-Amin juga telah berbuat demikian. Baginda tidak pernah bercita-cita untuk membangun kota lain untuk dijadikan pusat pentadbiran. Ini adalah kerana pada ketika itu kota Baghdad menjadi pusat perdagangan antarabangsa dan pusat ilmu pengetahuan yang berkembang maju. Dan pemerintahan baginda tidaklah lama dan penuh dengan berbagai-bagai persengketaan pula.

Punca Persengketaan Dengan Al-Ma'mun

Kita mulakan dengan benih pertama yang muncul yang mengakibatkan terjadi persengketaan di antara Khalifah al-Amin dengan kakanda baginda al-Ma'mun.

Pada tahun 193 hijrah/809 Masihi, telah meletus pemberontakan di negeri Khurasan oleh cucu Nasr bin Saiyar bekas gabenor negeri Khurasan pada zaman pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad iaitu Rafi' bin Laith bin Nasr bin Saiyar. Oleh kerana tentera kerajaan bani Abbasiyyah di Khurasan tidak mampu menundukkan Rafi' dan para pengikutnya, maka Khalifah Harun ar-Rasyid yang sedang bersemayam di kota ar-Raqqah telah menyiapkan sebuah angkatan tentera yang besar untuk berangkat ke negeri Khurasan untuk menghapuskan Rafi' bin Laith. Ketika itu baginda sedang mengalami penyakit kulit pada bahagian perutnya. Namun kerana semangat untuk membersihkan kekacauan di dalam negara, maka Khalifah Harun ar-Rasyid telah menguatkan semangat baginda dengan berangkat ke negeri Khurasan itu. Tentera yang baginda pimpin dianggarkan berjumlah seramai 30,000 orang perajurit dan sebahagian besarnya adalah orang-orang Farsi dari penduduk negeri Khurasan. Manakala tentera yang sedia ada di Khurasan sekitar 4,000 orang sahaja sebab itu sukar untuk mengalahkan pasukan Rafi' bin Laith.

Setelah melantik putera baginda al-Qasim al-Mu'tamam sebagai pemerintah di ar-Raqqah, maka Khalifah Harun ar-Rasyid terus berangkat memimpin pasukan tentera menuju ke negeri Khurasan. Turut bersama-sama baginda ialah menteri baginda al-Fadhl bin ar-Rabi', seorang pembesar negara iaitu Ismail bin Sabih, tiga orang putera baginda iaitu al-Amin, al-Ma'mun dan Salih, al-Fadhl bin Sahl, pengasuh atau pendidik al-Ma'mun dan lain-lain pembesar lagi. Setibanya angkatan itu di kota Baghdad, Khalifah Harun ar-Rasyid telah melantik putera sulung baginda iaitu al-Amin sebagai pemerintah di situ

menggantikan baginda dan mengarahkan agar putera baginda al-Ma'mun juga tinggal di kota Baghdad bersama-sama al-Amin. Tetapi al-Fadhl bin Sahl telah menasihati al-Ma'mun supaya jangan mendengar perintah ayahandanya itu. Al-Ma'mun telah memujuk ayahanda baginda agar membenarkannya turut berangkat ke negeri Khurasan tetapi tidak dibenarkan oleh ayahanda beliau. Tetapi akhirnya al-Ma'mun dibenarkan juga mengikut pasukan ke negeri Khurasan setelah beberapa kali membujuk ayahandanya.

Sebaik sahaja tiba di kota Tus, Khalifah Harun ar-Rasyid yang telah sakit itu benar-benar telah jatuh sakit. Sakitnya pula agak berat sehingga baginda tidak dapat meneruskan perjalanan ke negeri Khurasan. Baginda telah mengarahkan kepada putera baginda al-Ma'mun bersama-sama sebahagian tentera supaya berangkat terlebih dahulu ke negeri Khurasan, nanti setelah baginda sembuh, baginda akan menyusul di belakang nanti. Maka berangkatlah al-Ma'mun bersama sebahagian tentera ke negeri Khurasan. Turut bersama-sama al-Ma'mun ialah pengasuhnya al-Fadhl bin Sahl.

Tetapi penyakit Khalifah Harun ar-Rasyid bukan akan sembuh, sebaliknya semakin parah dan membawa keadaan baginda menjadi tenat. Setelah merasakan hidup baginda sudah hampir menjelang ajalnya, Khalifah Harun ar-Rasyid telah mewasiatkan kepada menteri baginda al-Fadhl bin ar-Rabi' sekiranya baginda wafat, hendaklah beliau bersama-sama seluruh para pembesar yang lain, seluruh tentera yang masih berbaki, semua wang, hamba abdi, seluruh alat perkakas peperangan seperti kuda dan barang-barang seluruhnya berangkat ke negeri Khurasan untuk membantu al-Ma'mun di sana. Al-Fadhl bin ar-Rabi' dan semua pembesar berikrar untuk menunaikan wasiat Khalifah Harun ar-Rasyid itu. Tetapi setelah Khalifah Harun ar-Rasyid wafat, al-Fadhl bin ar-Rabi' tidak menunaikan wasiat baginda itu, sebaliknya beliau telah mengarahkan seluruh pembesar kerajaan dan tentera supaya pulang semula ke kota Baghdad untuk melindungi al-Amin di sana yang merupakan bakal khalifah. Sebenarnya al-Fadhl bin ar-Rabi' bertindak demikian adalah berkaitan dengan perintah daripada al-Amin di kota Baghdad juga.

Sebenarnya ketika al-Amin di kota Baghdad mendapat tahu bahawa ayahanda beliau sedang sakit tenat di kota Tus, beliau terus menghantar seorang utusan beliau iaitu Bakar bin Mu'tamir untuk melihat kesihatan ayahanda beliau itu serta mendoakan kesembuhan ke atasnya. Al-Amin mengupah Bakar sebanyak 1,000 dinar sehari. Kepada Bakar bin Mu'tamir disertakan juga empat pucuk surat, satu untuk diserahkan kepada ayahandanya sekiranya baginda masih hidup dan tiga pucuk lagi ditujukan kepada al-Fadhl bin ar-Rabi', Ismail bin Sabih dan Salih bin ar-Rasyid. Tetapi ketiga-tiga pucuk surat yang ditujukan kepada al-Fadhl bin ar-Rabi', Ismail bin Sabih dan Salih bin ar-Rasyid hendaklah diserahkan kepada mereka bertiga sekiranya ayahandanya sudah wafat. Ketika Bakar bin Mu'tamir sampai di kota Tus, Khalifah Harun ar-Rasyid masih hidup lagi. Bakar lantas menyerahkan surat

untuk Khalifah Harun ar-Rasyid diserahkan kepada Khalifah Harun ar-Rasyid, tetapi Khalifah Harun ar-Rasyid telah mengetahui tentang tiga pucuk surat rahsia yang ditujukan kepada al-Fadhl bin ar-Rabi', Ismail bin Sabih dan Salih bin ar-Rasyid itu. Baginda meminta kepada Bakar bin Mu'tamir supaya menyerahkan ketiga-tiga surat itu kepada baginda. Tetapi Bakar bin Mu'tamir menafikan dia ada membawa surat-surat yang tiga itu.

Ini menyebabkan Khalifah Harun ar-Rasyid telah memerintah kepada al-Fadhl bin ar-Rabi' supaya memukul Bakar bin Mu'tamir untuk mendapatkan pengakuan daripadanya tentang surat-surat rahsia itu. Sekiranya Bakar mengaku, hendaklah dia dibunuh.

Dalam pada itu Bakar bin Mu'tamir pula yakin al-Fadhl bin ar-Rabi' akan menyambut baik saranan yang diarahkan oleh al-Amin kepadanya itu. Takkanlah al-Fadhl bin ar-Rabi' masih mahu mengutamakan orang yang sedang naza' dengan membelakangkan seorang bakal khalifah? Sekiranya Khalifah Harun ar-Rasyid wafat, sudah pasti al-Fadhl bin ar-Rabi' akan terus mematuhi perintah al-Amin itu. Bakar bin Mu'tamir telah mengutus seseorang kepada al-Fadhl bin ar-Rabi' meminta kepadanya agar menangguhkan buat sementara waktu soal siasatan ke atasnya. Dan memberitahu kepada al-Fadhl bin ar-Rabi' bahawa ia ada membawa perutusan rahsia yang mengandungi kepentingan daripada al-Amin untuknya. Lantas al-Fadhl bin ar-Rabi' menangguhkan daripada membuat soal siasat ke atasnya untuk mendapatkan pengakuan tentang tiga pucuk surat daripadanya seperti yang diarahkan oleh Khalifah Harun ar-Rasyid yang sedang sakit tenat itu.

Setelah Khalifah Harun ar-Rasyid wafat, al-Fadhl bin ar-Rabi' terus membebaskan Bakar bin Mu'tamir dari tempat tahanan dan membawa Bakar melihat jenazah Khalifah Harun ar-Rasyid bagi meyakinkan Bakar bahawa Khalifah Harun ar-Rasyid sudah benar-benar wafat. Agar Bakar bin Mu'tamir tidak ragu-ragu lagi untuk menyerahkan surat-surat rahsia yang dikatakan dibawanya dari al-Amin kepadanya kerana takut kepada Khalifah Harun ar-Rasyid. Setelah itu al-Fadhl bin ar-Rabi' meminta kepada Bakar bin Mu'tamir supaya menyerahkan surat yang dikirimkan oleh al-Amin kepadanya. Tanpa berlengah lagi Bakar bin Mu'tamir terus membuka sebuah peti kecil berkaki empat. Kaki-kaki yang kecil itu dipecahkan dan keluarlah tiga pucuk surat rahsia dari lubang kaki itu dan terus diserahkan kepada al-Fadhl bin ar-Rabi', Ismail bin Sabih dan Salih bin ar-Rasyid. Isi surat kepada al-Fadhl bin ar-Rabi' mengandungi arahan supaya beliau membawa pulang ke kota Baghdad semua harta benda, tentera dan semua barang-barangnya dan mengambil langkah yang patut untuk menghalang sebarang berita dari Tus sampai juga ke Khurasan. Manakala surat untuk Salih bin Khalifah Harun ar-Rasyid pula memerintahnya agar mendengar setiap arahan dari al-Fadhl bin ar-Rabi' sebelum melakukan satu-satu tindakan.

Setelah ketiga-tiga pembesar itu selesai membaca surat-surat dari al-Amin

itu, maka mereka bermesyuarat membincangkan apakah mereka perlu menyusuli al-Ma'mun di Khurasan atau pulang ke kota Baghdad sebagaimana yang diarahkan oleh al-Amin. Al-Fadhl bin ar-Rabi' dengan lantang memberi pendapatnya, katanya, "Aku tidak mahu mengenepikan raja yang ada untuk kepentingan amir yang aku masih belum tahu bagaimana keadaannya lagi. Aku hanya mahu menumpahkan taat setia kepada khalifah dan imam yang sekarang ini."

Kemudian al-Fadhl bin ar-Rabi' memerintah supaya semua tentera dengan segala kelengkapannya kembali semula ke kota Baghdad dengan mengabaikan wasiat Khalifah Harun ar-Rasyid agar mereka menyusuli al-Ma'mun di negeri Khurasan.

Setelah tiba di kota Baghdad, semua pembesar yang diketuai oleh al-Fadhl bin ar-Rabi' terus menabal al-Amin menjadi khalifah menggantikan tempat ayahandanya Khalifah Harun ar-Rasyid yang telah wafat itu.

Setelah dia memilih sikap untuk kembali kepada al-Amin dan melantik al-Amin menggantikan tempat Khalifah Harun ar-Rasyid dengan meninggalkan al-Ma'mun, mulalah timbul di dalam hatinya bayang-bayang keresahannya sendiri iaitu perasaan takut kepada al-Ma'mun. Pada perkiraan al-Fadhl bin ar-Rabi' sudah pasti al-Ma'mun akan marah kepadanya kerana tindakannya yang membawa pulang semula tentera di kota Tus ke kota Baghdad itu. Nanti setelah Khalifah al-Amin wafat dan al-Ma'mun yang akan menjadi khalifah, sudah pasti dia akan dihukum dengan seberat-beratnya oleh (Khalifah) al-Ma'mun. Ini sebenarnya perasaan ar-Fadhl bin ar-Rabi' sahaja. Dia belum mengenali peribadi al-Ma'mun dengan sedekat-dekatnya. Dia masih belum mengenali sifat-sifat pemaaf al-Ma'mun. Oleh kerana sangat takut itu, ar-Fadhl bin ar-Rabi' telah menghasut Khalifah al-Amin supaya melucutkan jawatan Putera Mahkota yang sedang disandang oleh al-Ma'mun dan digantikan dengan putera baginda Musa yang masih lagi kanak-kanak.

Ketika itu al-Ma'mun di negeri Khurasan terus berusaha untuk berbaik-baik dengan adindanya Khalifah al-Amin di kota Baghdad. Beliau mengutus surat, memuji dan menghantar hadiah-hadiah buatan negeri Khurasan kepada Khalifah al-Amin. Tetapi sikap baik yang diperlihatkan oleh al-Ma'mun itu sedikitpun tidak mengubah fikiran dan perasaan Khalifah al-Amin untuk memecat jawatan Putera Mahkota al-Ma'mun seperti yang disarankan oleh menteri beginda al-Fadhl bin ar-Rabi' kerana baginda sudah termakan hasutan menteri baginda itu. Khalifah al-Amin tetap berazam untuk menyingkir al-Ma'mun daripada jawatan Putera Mahkota.

Meskipun Khalifah al-Amin mahu menyingkir kedudukan kakandanya al-Ma'mun daripada jawatan Putera Mahkota, tetapi baginda masih lagi tidak mahu berbuat demikian. Baginda hanya menulis surat pelantikan putera baginda Musa sebagai Putera Mahkota mendahului al-Ma'mun dan al-Qasim

dan mengarahkan kepada semua gabenor wilayah supaya mendoakan kebaikan dan keafiatan ke atas Musa sebelum ke atas al-Ma'mun dan al-Qasim. Jadi jelas ini adalah satu tindakan untuk menyingkir al-Ma'mun dan al-Qasim secara halus.

Tidak lama kemudian Khalifah al-Amin telah mengambil langkah drastik dengan memanggil adinda baginda al-Qasim dari al-Jazirah dan terus melucutkan segala pangkat yang disandangnya. Setelah berita ini sampai kepada al-Ma'mun, tahulah beliau bahawa adindanya Khalifah al-Amin mahu menyingkir beliau daripada jawatan Putera Mahkota seterusnya khalifah. Seterusnya Khalifah al-Amin menulis pula kepada gabenor di kota Rayy yang sebenarnya berada di bawah kekuasaan al-Ma'mun agar menghantar sebahagian hasil wilayah itu ke kota Baghdad. Gabenor itu menurut kemahuan Khalifah al-Amin dan terus menghantar sebahagian hasil wilayah Rayy ke kota Baghdad. Apabila al-Ma'mun mengetahui perkara ini maka beliau terus memecat gabenor itu.

Kemudian Ismail bin Sabih menasihati Khalifah al-Amin supaya menulis surat atas maksud muslihat kepada al-Ma'mun memintanya datang ke kota Baghdad kerana baginda sangat rindu untuk melihatnya, mahu berunding dengannya dan mendengar pandangan-pandangannya yang sentiasa bernas. Padahal maksudnya untuk menangkap al-Ma'mun dan memenjarakannya. Tetapi al-Ma'mun bukan seorang yang bodoh. Beliau adalah seorang yang berhati-hati di dalam apa jua perkara dan keadaan. Lantas al-Ma'mun membalas surat kepada Khalifah al-Amin dengan meminta kepada baginda supaya menghantar isterinya Ummu Isa binti al-Hadi dan kedua-dua anaknya yang beliau tinggalkan di kota Baghdad ketika beliau datang ke negeri Khurasan untuk memerangi pemberontakan Rafi' bin Laith dahulu, serta meminta supaya Khalifah al-Amin menghantar kepadanya wang sebanyak 100,000 dinar sebagai memenuhi wasiat ayahanda mereka dahulu. Tetapi Khalifah al-Amin tidak mahu mengirim wang itu dengan memberi alasan bahawa lebih baik ianya dibelanjakan untuk kepentingan umat Islam daripada menunaikan wasiat ayahanda mereka dan juga baginda tidak mahu menghantar isteri dan anak-anak al-Ma'mun kepada al-Ma'mun dengan alasan tidak mahu mereka menderita menempuh perjalanan jauh dan mereka pun bukan orang lain malah merupakan anak-anak saudara baginda juga.

Khalifah al-Amin terus bertindak agresif. Baginda seterusnya telah menulis surat jawapan kepada al-Ma'mun memintanya supaya menyerahkan tanggungjawab beberapa buah wilayah atau daerah di negeri Khurasan kepadanya, dan melantik seorang pegawai bagi mengurus perkara surat menyurat yang akan menyampaikan berita-berita kepada Khalifah al-Amin dari wilayah atau daerah-daerah itu dan menghantar ke kota Baghdad setiap wang baki perbelanjaan tahunan di wilayah-wilayah tersebut. Al-Ma'mun bermesyuarat dengan para pembesar beliau dan mereka memutuskan untuk

mengikut sahaja apa yang diinginkan oleh Khalifah al-Amin itu, lebih baik daripada membantah kerana akibat yang buruk yang akan timbul iaitu persengketaan dan perbalahan keluarga.

Tetapi Ar-Fadhl bin Sahl dan saudaranya Hasan tidak bersetuju dengan keputusan itu. Pada pendapat keduanya, kalau diturutkan semua kehendak Khalifah al-Amin, jawabnya akhirnya tidak akan ada apa lagi yang akan tinggal kepada al-Ma'mun. Apa lagi upaya al-Ma'mun dan para penyokong beliau? Al-Ma'mun bersetuju dengan pendapat al-Fadhl dan menulis surat menolak permintaan Khalifah al-Amin dan mempertahankan sikapnya.

Kemudian Khalifah al-Amin menghantar kepada al-Ma'mun empat orang utusan iaitu al-Abbas bin Musa bin Isa bin Musa, Isa bin Ja'far bin al-Mansur, Salih Sahibul Musalla dan Muhammad bin Isa bin Nuhaik dengan membawa sepucuk surat yang mengandungi permintaan dari Khalifah al-Amin supaya al-Ma'mun meletakkan dirinya selaku Putera Mahkota di belakang Musa bin al-Amin. Tetapi al-Ma'mun menyatakan keengganannya untuk berbuat demikian. Beliau memberitahu perkara itu kepada keempat-empat utusan Khalifah al-Amin itu. Lantas al-Abbas bin Musa menjawab, "Sebenarnya Tuan Amir, beginilah kebiasaannya. Datuk hamba Isa bin Musa juga sebelum ini telah dilucutkan dari gelaran Putera Mahkota." Lantas al-Fadhl bin Sahl menengking al-Abbas, "Diam! Datukmu pada masa itu menjadi tawanan mereka."

Setelah selesai pertemuan itu, al-Fadhl bin Sahl dengan duduk berdua-duaan dengan al-Abbas bin Musa telah menawarkan jawatan amir di beberapa buah kawasan di Mesir kepada al-Abbas, seandainya al-Abbas menukar sokongannya kepada al-Ma'mun. Al-Abbas bin Musa berikrar untuk bersetia kepada al-Ma'mun dan berjanji akan menulis kepada al-Ma'mun mengenai peristiwa-peristiwa yang berlaku di kota Baghdad setelah dia pulang kembali ke kota Baghdad selaku perisik di pihak al-Ma'mun. Maka kembalilah keempat-empat utusan Khalifah al-Amin itu ke kota Baghdad memberitahu kepada Khalifah al-Amin tentang keengganan al-Ma'mun untuk mendahulukan dirinya ke atas Musa bin al-Amin di dalam persoalan Putera Mahkota. Malang bagi Khalifah al-Amin kerana baginda tidak mengetahui seorang utusan baginda kepada al-Ma'mun telah bertukar pendirian dengan menjadi perisik kepada pihak kakanda baginda al-Ma'mun.

Ada ahli-ahli sejarah yang mengatakan ketika Khalifah al-Amin menyuruh al-Ma'mun menyerahkan jawatan Putera Mahkota kepada putera baginda Musa, al-Ma'mun sebenarnya mahu berbuat demikian. Tetapi penasihat beliau al-Fadhl bin Sahl telah menjanjikan kepada beliau jawatan khalifah sesudah Khalifah al-Amin. Al-Fadhl bin Sahl telah memberi beberapa alasan betapa sebenarnya kedudukan Khalifah al-Amin tidak begitu kuat. Pertama tentera Khurasan yang berada di negeri Iraq pasti tidak selamanya setia kepada Khalifah al-Amin. Ini pastinya apabila terjadi pertempuran dengan pihak al-Ma'mun, tentera Khurasan itu akan kembali menyokong al-Ma'mun kerana di

dalam pasukan al-Ma'mun terdapat ramai sanak saudara mereka.

Kedua, penduduk di tiga-tiga kota iaitu Kufah, Basrah dan Madinah bukan menyokong pemerintahan Khalifah al-Amin. Penduduk di ketiga-tiga buah wilayah itu adalah terdiri daripada para penyokong Alawiyyeen yang kuat yang tentunya lebih menyenangi orang-orang Khurasan yang sangat setia dan menyebelahi keluarga Sayidina Ali bin Abu Talib.

Ketiga, Khalifah al-Amin sendiri pula tidak begitu mempedulikan pemerintahannya kerana sifatnya yang suka berhibur dan berseronok-seronok itu. Lambat lain seorang khalifah yang bersikap begini akan dibenci oleh rakyat jelata dan akan memudahkannya diguling atau disingkirkan.

Setelah keyakinan bahawa dia pasti akan dapat mengalahkan adindanya Khalifah al-Amin berdasarkan hujjah-hujjah yang dikemukakan oleh penasihatnya al-Fadhl bin Sahl, maka al-Ma'mun terus menutup sempadan wilayah di bawah pemerintahannya dengan Iraq. Dan mengeluarkan perintah melarang semua rakyatnya melintasi sempadan itu. Kecuali setelah mendapat izin atau diperiksa oleh penjaga sempadan. Semua peristiwa yang terjadi di pihak Khalifah al-Amin semuanya sampai kepada beliau yang disampaikan oleh al-Abbas bin Musa. Manakala semua rahsia di pihak al-Ma'mun tidak dapat bocor kepada Khalifah al-Amin.

Di atas nasihat dan tunjuk ajar daripada al-Fadhl bin Sahl yang pintar dan bijaksana itu, al-Ma'mun terus menumpukan perhatian dengan mendekati rakyat jelata, memberi bantuan kepada mereka, mendengar sendiri pengaduan-pengaduan daripada mereka dan menyelesaikan masalah rakyat dengan sebaik-baiknya. Ini menjadikan hati rakyat di negeri di bawah pemerintahan al-Ma'mun semakin sayang kepada al-Ma'mun. Sementara Khalifah al-Amin asyik dengan berseronok-seronok dan berhibur, yang menyebabkan rakyat semakin tidak suka kepada pemerintahan baginda.

Al-Fadhl bin ar-Rabi' pula yang sangat takut kepada al-Ma'mun, sebaik sahaja mengetahui bahawa al-Ma'mun sudah menderhaka kepada Khalifah al-Amin dengan banyak mengabaikan perintah-perintah dan kehendak-kehendak Khalifah al-Amin dan menutup pintu sempadan wilayahnya dengan negeri Iraq, maka beliau terus mencocok jarum hasutannya kepada Khalifah al-Amin supaya memecat terus al-Ma'mun daripada jawatan Putera Mahkota. Dan melantik anak baginda Musa sebagai Putera Mahkota yang baru. Khalifah al-Amin telah mendengar nasihat daripada menteri baginda itu dan terus mengisytiharkan perlucutan jawatan Putera Mahkota al-Ma'mun. Peristiwa ini terjadi pada bulan Safar tahun 195 hijrah/811 Masihi. Iaitu setelah dua tahun Khalifah al-Amin menjadi khalifah. Al-Fadhl bin ar-Rabi' yang menulis surat pelantikan itu dan dikeluarkan surat larangan membaca doa ke atas al-Ma'mun dan al-Qasim di dalam khutbah Jumaat. Kemudian dia menyuruh seorang petugas supaya mengambil kedua-dua pucuk surat wasiat yang digantung di

Ka'abah oleh al-marhum Khalifah Harun ar-Rasyid dan terus diserahkan kepada al-Fadhl bin ar-Rabi' dan terus diserahkan kepada Khalifah al-Amin dan terus mengoyak-ngoyakkannya.

Nampaknya tali silatur rahim di antara Khalifah al-Amin dengan al-Ma'mun sudah putus sama sekali. Pihak Khalifah al-Amin yang memulakan semua angkara sehingga tali persaudaraan itu putus, bukan oleh pihak al-Ma'mun. Dalam hal ini pihak Khalifah al-Amin yang dikira berdosa. Pihak al-Ma'mun tidak terkena dosa itu. Al-Ma'mun tahu pihaknya perlu mempertahankan diri. Tidak mustahil Khalifah al-Amin akan menyerangnya pada bila-bila masa sahaja. Maklumlah al-Amin adalah khalifah. Penguasa umat Islam ketika itu. Seluruh tentera berada di bawah kekuasaannya. Cuma bagi al-Ma'mun, beliau mampu menguasai tentera yang berada di bawah kawalannya iaitu tentera Farsi sahaja. Tetapi ketika itu tentera Farsi pun sedang ramai berada di kota Baghdad kerana al-Fadhl bin ar-Rabi' yang telah mengarahkan mereka pulang semula ke kota Baghdad sebaik sahaja Khalifah Harun ar-Rasyid wafat di kota Tus dulu. Dikatakan tentera di bawah pengawalan al-Ma'mun sedikit sahaja di bawah angka 10,000 orang. Tetapi tentera di bawah penguasaan Khalifah al-Amin dianggarkan 30,000 orang.

Al-Ma'mun memang sangat waspada. Ditambah pula penasihat beliau ialah al-Fadhl bin Sahl. Seperti al-Fadhl bin ar-Rabi' bin Yunus juga, al-Fadhl bin Sahl adalah seorang yang sangat bijak di dalam soal-soal politik dan pentadbiran. Jadi al-Ma'mun selama bersengketa dengan Khalifah al-Amin telah mendengar setiap nasihat yang diberikan oleh al-Fadhl bin Sahl kepada beliau. Nampaknya peperangan saudara tidak dapat dielakkan lagi. Pada ketika itu pihak al-Ma'mun mempunyai dua orang pahlawan yang sangat handal dan perkasa ialah Tahir bin Husein dan Harthamah bin A'yun.

Serangan akan dilancarkan pada bila-bila masa. Tetapi tidak dapat dipastikan pihak manakah yang akan melancarkan serangan terlebih dahulu? Apakah pihak Khalifah al-Amin atau al-Ma'mun?

Peperangan Dengan Al-Ma'mun Dan Kewafatannya

Mengikut apa yang dicatitkan oleh ahli-ahli sejarah, sebaik sahaja Khalifah al-Amin mendapat tahu yang kakanda baginda al-Ma'mun telah mengisytiharkan penderhakaan terhadap pemerintahan baginda, maka baginda terus mempersiapkan sebuah angkatan tentera yang besar berjumlah seramai 30,000 orang anggota untuk memerangi al-Ma'mun di negeri Khurasan. Di sini terdapat mainan bijak oleh penasihat al-Ma'mun iaitu al-Fadhl bin Sahl. Beliau mahu Khalifah al-Amin melantik Ali bin Isa bin Mahan sebagai panglima yang akan memimpin pasukan Baghdad menyerang pasukan Khurasan. Ini adalah bertujuan supaya pasukan tentera Khalifah al-Amin cepat tewas. Ini adalah kerana sekiranya Ali bin Isa bin Mahan yang merupakan bekas gabenor Khurasan menjadi panglima pasukan tentera Khalifah al-Amin, sudah pasti

tentera-tentera Khalifah al-Amin akan meninggalkan pasukan Ali bin Isa bin Mahan kerana Ali semasa menjadi gabenor negeri Khurasan pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid adalah seorang pentadbir yang zalim dan telah dipecat oleh ar-Rasyid kerana akhlaknya yang buruk dan zalim itu.

Al-Fadhl bin Sahl menyuruh beberapa orang tokoh di negeri Khurasan supaya menulis surat kepada Ali bin Isa bin Mahan dengan mengatakan sekiranya dia yang dilantik mengetuai pasukan tentera Khalifah al-Amin, sudah pasti rakyat negeri Khurasan akan memberi sokongan penuh kepadanya. Sekiranya orang lain yang memimpin, maka tentera Khurasan akan menentang sehebat-hebatnya.

Serentak dengan itu juga al-Fadhl bin Sahl telah menulis surat kepada perisiknya yang sentiasa menemani al-Fadhl bin ar-Rabi' iaitu al-Abbas bin Musa supaya memujuk al-Fadhl bin ar-Rabi' agar melantik Ali bin Isa bin Mahan sebagai jeneral untuk serbuan ke negeri Khurasan dengan alasan bahawa Ali bin Isa bin Mahan adalah seorang pahlawan yang mempunyai pengalaman yang luas dan sangat tahu selok belok dan kedudukan benteng-benteng di negeri Khurasan, di samping dia mempunyai hubungan yang baik dengan beberapa orang tokoh di sana.

Setelah Khalifah al-Amin melantik Ali bin Isa bin Mahan menjadi pemimpin pasukan tentera Iraq setelah mendengar nasihat dan pandangan yang diberikan oleh menteri baginda ar-Fadhl bin ar-Rabi', maka al-Fadhl bin Sahl terus mengheboh-hebohkan kepada penduduk negeri Khurasan bahawa seorang penindas sedang dalam perjalanan memimpin pasukan ke negeri Khurasan. Dan mereka hendaklah bersungguh-sungguh berjuang melawan Ali bin Isa bin Mahan. Ini adalah kerana sekiranya pihak Khalifah al-Amin menang, alamatnya sekali lagi penduduk negeri Khurasan akan ditimpa malapetaka sekiranya Ali bin Isa bin Mahan dilantik semula menjadi gabenor negeri Khurasan untuk kali kedua. Dengan ini maka penduduk negeri Khurasan benar-benar bersiap sedia untuk mempertahankan diri dan memastikan Ali bin Isa bin Mahan tidak menjadi gabenor di negeri Khurasan sekali lagi.

Manakala al-Ma'mun pula bersiap-siap membentuk dua pasukan tentera yang tidak begitu besar untuk menghadapi tentera adindanya Khalifah al-Amin. Pasukan pertama dipimpin oleh Panglima Tahir bin Husin berjumlah kira-kira 2,000 anggota tentera. Pasukan ini dilancarkan dari arah selatan menuju ke kota Baghdad. Satu pasukan lagi di bawah pimpinan Panglima Harthamah bin A'yun juga berjumlah seramai 2,000 orang perajurit. Pasukan kedua ini menuju ke kota Baghdad juga tetapi dari arah utara. Jadi serangan tentera al-Ma'mun menuju ke kota Baghdad dihantar dalam dua posisi iaitu atas dan bawah.

Pasukan tentera Khalifah al-Amin yang dipimpin oleh Panglima Ali bin Isa bin Mahan berjumlah kira-kira 30,000 orang anggota telah bertemu dengan

tentera al-Ma'mun yang dipimpin oleh Panglima Tahir bin Husein kerana tentera pimpinan Panglima Tahir bin Husin telah bergerak lebih pantas daripada tentera pimpinan Panglima Harthamah bin A'yun menuju ke kota Baghdad. Kedua-dua pasukan tentera itu bertembung di kota Rayy. Berlakulah pertempuran yang hebat. Sebagaimana yang telah dinyatakan, disebabkan Ali bin Isa bin Mahan yang memimpin pasukan tentera Khalifah al-Amin, maka tentera Khurasan di dalam pasukan pimpinan Panglima Ali bin Isa bin Mahan tidak berjuang dengan bersungguh-sungguh kerana benci kepada Ali bin Isa. Manakala askar-askar yang di pimpin oleh Panglima Tahir bin Husin pula telah berjuang dengan penuh kegigihan kerana mereka sangat marah dan benci kepada Panglima Ali bin Isa bin Mahan dan mahu melihatnya terbunuh.

Di dalam peperangan ini pasukan tentera Khalifah al-Amin telah mengalami kekalahan yang teruk dan Panglima Ali bin Isa sendiri turut terbunuh.

Setelah itu Panglima Tahir bin Husin menulis surat kepada al-Fadhl bin Sahl memberitahunya tentang kekalahan tentera Khalifah al-Amin yang dipimpin oleh Panglima Ali bin Isa bin Mahan itu. Panglima Tahir bin Husin juga menyatakan kepada al-Fadhl bin Sahl bahawa dia ada menyimpan kepala Ali bin Isa sebagai bukti Ali bin Isa telah terbunuh. Setelah al-Fadhl bin Sahl menerima berita itu, maka dia terus menghadap al-Ma'mun dan menabalnya selaku khalifah menggantikan Khalifah al-Amin.

Kerana kecewa ayahnya terbunuh, maka anak Panglima Ali bin Isa bin Mahan iaitu Husein bin Ali telah mengambil alih tempat ayahnya memimpin tentera Khalifah al-Amin dan telah bangkit memberontak terhadap Khalifah al-Amin pada tahun 196 hijrah/812 Masihi dan membuat ikrar memberi taat setia kepada al-Ma'mun. Al-Abbas bin Musa telah turut menyertai Husein bin Ali. Ini menyebabkan Khalifah al-Amin tidak mempunyai penyokong lagi dan terpenjara di dalam istana baginda. Sebenarnya tidak semua tentera menyetujui perbuatan Husein bin Ali itu. Ramai daripada mereka telah meninggalkan Husein bin Ali yang menyebabkan pemberontakan oleh Husein bin Ali itu mengalami kegagalan. Tentera-tentera yang setia kepada Khalifah al-Amin telah membebaskan Khalifah al-Amin dan mengembalikan semula baginda ke takhta. Tetapi sokongan terhadap Khalifah al-Amin kemudian merosot semula. Serangan oleh kedua-dua pasukan tentera al-Ma'mun semakin dekat untuk memasuki kota Baghdad. Pasukan Tahir bin Husin menyerang dari bawah (selatan), manakala pasukan pimpinan Harthamah bin A'yun menyerang dari atas (utara).

Setelah Khalifah al-Amin merasa baginda sudah tidak selamat lagi, maka baginda telah menulis surat kepada Panglima Harthamah bin A'yun, pemimpin tentera Khurasan yang menyerang kota Baghdad dari arah selatan, tidak kepada Panglima Tahir bin Husin kerana Khalifah al-Amin percaya kepada Panglima Harthamah bin A'yun untuk bersedia menyelamatkan nyawa baginda berbanding dengan Panglima Tahir bin Husin, kerana Harthamah adalah

seorang Arab, sedangkan Tahir adalah seorang Farsi. Khalifah al-Amin membuat tawaran akan menyerahkan diri dengan menyerahkan mohor kerajaan dengan syarat diberi jaminan keselamatan ke atas nyawa baginda. Panglima Harthamah bin A'yun telah menerima tawaran itu. Tetapi Panglima Tahir bin Husin mahu Khalifah al-Amin jatuh ke dalam tawanannya kerana dia mahu mendapat kehormatan daripada al-Ma'mun. Maka Panglima Tahir bin Husin telah berusaha menghalang perhubungan di antara Khalifah al-Amin dengan Panglima Harthamah bin A'yun. Khalifah al-Amin telah berusaha untuk menyerahkan dirinya kepada Panglima Harthamah bin A'yun dengan bersegera menuju ke tepi sungai Dajlah di mana ketika itu kapal tentera Panglima Harthamah bin A'yun sedang berlabuh di sana kerana menunggu kedatangan baginda. Anak-anak kapal Panglima Harthamah bin A'yun telah menyambut baik Khalifah al-Amin dan membawa baginda belayar menuju ke perkhemahan Panglima Harthamah bin A'yun.

Tetapi Panglima Tahir bin Husin telah mengarahkan kepada tenteranya supaya segera mengejar, memanah serta melontar dengan batu-batu ke arah kapal yang dinaiki oleh Khalifah al-Amin sehingga kapal yang membawa Khalifah al-Amin tenggelam. Mereka terus menangkap Khalifah al-Amin dan terus membunuh baginda dan menyerahkan kepala al-marhum Khalifah al-Amin kepada Panglima Tahir bin Husin. Oleh Panglima Tahir bin Husin diserahkan kepala al-marhum Khalifah al-Amin kepada kakandanya al-Ma'mun.

Khalifah al-Amin wafat dengan cara dibunuh itu pada hari Ahad 5 Muharram tahun 198 hijrah/814 Masihi.

Demikianlah berakhirnya pemerintahan Khalifah al-Amin.

Membenci Fahaman Mu'tazilah

Pada masa Khalifah al-Amin, telah muncul fahaman Mu'tazilah yang dibawa oleh seorang yang bernama Ismail bin Aliyyah. Mengikut Imam as-Sayuti di dalam kitabnya *Tarikhul Khulafa'* bahawa Imam Ahmad bin Hanbal bercerita setelah Khalifah al-Amin mendapat tahu bahawa Ismail bin Aliyyah bercakap tentang kemakhlukan al-Qur'an, maka baginda memerintah supaya menangkap Ismail bin Aliyyah yang datang menghadap baginda. Kemudian baginda berkata kepada Ismail bin Aliyyah, "Wahai bangsat! Apakah engkau yang mengatakan bahawa al-Qur'an itu makhluk?"

Imam Ahmad bin Hanbal mengucapkan kata-kata sebagai mengharapkan Allah SWT mengampunkan Khalifah al-Amin setelah beliau mendapat tahu bahawa Khalifah al-Amin menangkap Ismail bin Aliyyah dan menolak fahaman Mu'tazilah, "Aku mengharapkan semoga Allah merahmati (Khalifah) al-Amin yang telah menolak pendirian Ismail bin Aliyyah................"

Keluarga

Siapakah isteri kepada Khalifah al-Amin, dan siapakah pula anak-anak baginda? Berapa orangkah isteri baginda, begitu juga berapa ramaikah anak-anak baginda? Dan apakah Khalifah al-Amin ada mempunyai jariah?

Ahli-ahli sejarah tidak memperkatakan tentang keluarga Khalifah al-Amin secara lengkap. Penyusun hanya mendapati maklumat tentang jariah baginda sahaja dan tentang dua orang anak baginda. Mengikut apa yang diceritakan oleh Ibnu Abdul Rabbih di dalam kitabnya *al-Iqdul al-Farid* bahawa kedua-dua anak Khalifah al-Amin diperolehi daripada seorang jariah baginda yang menjadi Ummu Walad bernama Nazam. Khalifah al-Amin sangat sayang kepada jariah baginda ini. Ketika Nazam wafat, Khalifah al-Amin sangat berdukacita sehingga ibunda baginda Ummu Ja'far (Zubaidah binti Ja'far) datang membujuk dan meminta baginda bersabar.

Kelebihan Dan Keistimewaan

Apakah kelebihan dan keistimewaan yang dimiliki oleh Khalifah al-Amin?

Inilah yang dikatakan tidak semua manusia itu bagaimana sekalipun dikatakan ianya seorang yang jahat dan tidak mempunyai akhlak yang baik dan mulia, namun sudah pasti ada sedikit sebanyak pada dirinya sifat-sifat yang baik dan mulia yang dikatakan suatu kelebihan dan keistimewaannya. Begitulah juga dengan seorang manusia yang dikatakan mempunyai akhlak-akhlak yang sangat mulia, pasti sedikit sebanyak ada padanya sedikit sifat-sifat yang tidak mulia dan tidak baik yang dikatakan kekurangan dan keburukannya (kecuali para nabi dan rasul sahaja). Begitulah juga dengan Khalifah al-Amin.

Meskipun Khalifah al-Amin dikatakan oleh ahli-ahli sejarah sebagai seorang manusia yang memiliki moral yang rendah dan tidak memiliki akhlak yang mulia, tetapi masih terdapat pada diri baginda sifat-sifat yang mulia yang merupakan ciri-ciri kelebihan dan keistimewaan peribadi baginda. Marilah kita lihat kelebihan dan keistimewaan yang dimiliki oleh Khalifah al-Amin itu:-

Kelebihan dan keistimewaan Khalifah al-Amin yang pertama ialah baginda adalah sebenar-benar anak raja atau putera raja. Ini adalah kerana selain ayahanda baginda seorang khalifah yang berdarah Arab, ibunda baginda juga adalah seorang Arab yang merdeka dan keturunan khalifah atau raja.

Kelebihan dan keistimewaan Khalifah al-Amin yang kedua ialah baginda adalah seorang insan yang memiliki kegagahan dan keperkasaan yang luar biasa. Dikatakan baginda pernah mematah leher seekor singa dengan tangan baginda sahaja tanpa memakai pedang atau tombak.

Kelebihan dan keistimewaan Khalifah al-Amin yang ketiga ialah baginda adalah seorang insan yang pemurah biarpun dikatakan sampai ke tahap suka membazir. Namun baginda terkeluar daripada senarai manusia-manusia yang

kedekut atau bakhil.

Demikianlah beberapa kelebihan dan keistimewaan yang terdapat pada diri Khalifah al-Amin, Khalifah kerajaan bani Abbasiyyah yang keenam yang merupakan putera kepada Khalifah Harun ar-Rasyid dari pihak isteri baginda Zubaidah atau Ummu Ja'far binti Ja'far bin Khalifah Abu Ja'far al-Mansur.

AL-MA'MUN

(198-218 Hijrah=813-833 Masihi)

Pengenalan

Abdullah al-Ma'mun adalah khalifah kerajaan dinasti bani Abbasiyyah yang ketujuh menggantikan tempat adinda baginda Khalifah al-Amin yang wafat kerana terbunuh di dalam perkelahian dengan baginda juga. Baginda adalah salah seorang khalifah bani Abbasiyyah yang teragong di samping moyang dan ayahanda baginda Khalifah Abu Ja'far al-Mansur dan Khalifah Harun ar-Rasyid.

Khalifah al-Ma'mun dilantik menjadi khalifah ketika sedang berada di kota Merw ibu kota negeri Khurasan. Ini adalah kerana selama masa pemerintahan adinda baginda Khalifah al-Amin, baginda menetap di negeri Khurasan selaku pemerintah di wilayah-wilayah timur bermula dari negeri Farsi sampailah ke negeri-negeri di seberang sungai yang terletak di utara negeri Khurasan. Baginda baru berpindah ke kota Baghdad setelah berlaku pemberontakan Baghdad pada pertengahan bulan Safar tahun 204 hijrah/819 Masihi.

Pada zaman pemerintahan baginda, keadaan dalam negara amat dahsyat sekali dengan huru-hara kerana beberapa pemberontakan telah meletus terhadap pemerintahan baginda. Tetapi dengan berkat ketabahan dan kepintaran serta kecekapan baginda serta pembantu-pembantu baginda yang pintar-pintar dan handal-handal juga telah berjaya memadamkan semua pemberontakan yang timbul itu sehingga negara kembali aman dan makmur dan baginda dapat menumpukan usaha membuat jasa-jasa kepada rakyat dan membangun negara.

Pada zaman pemerintahan baginda juga perkembangan ilmu pengetahuan di dalam berbagai-bagai bidang ilmu telah mencapai kemuncak kegemilangannya. Ramai cerdik pandai telah muncul dan bertumpu di kota Baghdad sebagaimana pada zaman pemerintahan ayahanda baginda dahulu juga dan lebih banyak lagi kitab-kitab atau buku-buku yang dikarang oleh berbagai-bagai bangsa dan dari berbagai-bagai negara telah dibawa masuk ke kota Baghdad untuk dibuat penterjemahan ke dalam bahasa Arab. Buku-buku dan kitab-kitab dari negara Yunani atau Greek, Farsi, Rom dan India yang paling giat diterjemahkan. Ini

menyebabkan semakin ramai manusia termasuk para cerdikpandai dari negara-negara lain telah datang menetap di kota Baghdad. Bahkan tokoh-tokoh agama juga ramai menetap di kota Baghdad seperti Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Syarik an-Nakha'ie dan lain-lain. Pendekata zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun adalah zaman kegemilangan ilmu pengetahuan dalam berbagai-bagai aspek dan bidangnya.

Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun, bermulalah kemerosotan pengaruh bangsa Arab dan diganti dengan pengaruh bangsa Farsi. Kenapa perkara ini? Ini adalah disebabkan Khalifah al-Ma'mun sebelum menjadi khalifah iaitu sejak zaman pemerintahan ayahanda baginda Khalifah Harun ar-Rasyid telah dilantik menjadi gabenor di seluruh wilayah-wilayah timur yang pusat pentadbirannya di kota Merw, ibukota negeri Khurasan, termasuklah seluruh negara Farsi dan negeri-negeri di sekitarnya. Negeri Khurasan adalah merupakan negeri orang-orang Farsi juga samalah dengan negeri Farsi sendiri. Al-Ma'mun telah mengambil orang Farsi menjadi menteri baginda. Pegawai-pegawai kerajaan dan panglima tentera ramai dari orang-orang Farsi. Bahkan tentera kerajaan boleh dikatakan terdiri daripada orang-orang Farsi semuanya. Pendek kata pengaruh bangsa Farsi telahpun mulai bertapak dan menjadi teguh sebelum al-Ma'mun menjadi khalifah lagi.

Kejayaan al-Ma'mun memerangi saudara baginda Khalifah al-Amin adalah di atas kegagahan dan pertolongan kaum Farsi yang datang menyerang kota Baghdad dan membunuh Khalifah al-Amin.

Sebagaimana pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid, zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun juga telah dibantu oleh menteri yang pintar dan berkebolehan di dalam pentadbiran dan sangat bijak mengatur muslihat politik. Boleh dikatakan kejayaan pemerintahan Khalifah al-Ma'mun adalah bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh menteri baginda yang bernama al-Fadhl bin Sahl. Daripada ketika Khalifah al-Ma'mun belum dilantik menjadi khalifah sampailah setelah baginda dilantik menjadi khalifah, semuanya dikemudikan oleh menteri baginda yang sangat cerdik, amat bijaksana dan sangat cekap al-Fadhl bin Sahl ini. Daripada masalah menghadapi Khalifah al-Amin, masalah menghadapi pemberontakan dalam negeri, usaha mengamankan atau memulihkan kembali haru biru dalam negeri dan masalah pelantikan Putera Mahkota dan masalah kenegaraan yang lain, semuanya dikemudikan oleh al-Fadhl bin Sahl. Kita akan melihat peristiwanya secara detail satu persatu kemudian.

Apa yang menyedihkan berlaku pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun ialah bermulanya fitnah al-Qur'an itu makhluk. Ini adalah kerana pada masa pemerintahan Khalifah al-Ma'mun, pengaruh ilmu lojik mulai bertapak di dalam fikiran sebahagian cerdik pandai umat Islam. Kerana inilah lahirnya mazhab Mu'tazilah yang memperkatakan tentang kemakhlukan al-Qur'an dan telah dianuti pula oleh Khalifah al-Ma'mun.

Tidak sebagaimana ayahanda baginda yang sentiasa memimpin pasukan menentang kaum pemberontak dan tentera-tentera Rom Timur yang menceroboh setiap dua tahun, Khalifah al-Ma'mun hanya mula memimpin pasukan tentera setelah baginda menjadi khalifah selama 17 tahun iaitu mulai tahun 215 hijrah/830 Masihi. Ketika itu usia baginda ialah 45 tahun. Sejak tahun itu Khalifah al-Ma'mun terus menerus memimpin pasukan tentera memerangi pemberontakan dan pencerobohan tentera Rom Timur di sempadan sehinggalah baginda wafat pada tahun 218 hijrah/833 Masihi.

Kelahiran Dan Peribadi

Khalifah al-Ma'mun dilahirkan di kota Baghdad pada malam Sabtu bertarikh 14 Rabiul Awwal tahun 170 hijrah/786 Masihi. Mengikut ahli sejarah yang bernama as-Syuli bahawa pada malam ini juga bapa saudara baginda iaitu Khalifah al-Hadi wafat. Belum pernah berlaku di dalam sejarah Islam dan sejarah lain-lain umat pada hari atau malam seseorang khalifah atau raja wafat, tiba-tiba pada hari atau malam itu juga seorang bakal khalifah dilahirkan sebagaimana yang terjadi kepada Khalifah al-Ma'mun dan bapa saudara baginda Khalifah al-Hadi.

Salasilah keturunan Khalifah al-Ma'mun adalah sama dengan salasilah keturunan adinda baginda Khalifah al-Amin iaitu Abdullah (al-Ma'mun) bin Harun (ar-Rasyid) bin Muhammad (al-Mahdi) bin Abdullah (Abu Ja'far al-Mansur). Manakala ibunda baginda bukan Ummu Ja'far Zubaidah binti Ja'far bin al-Mansur, tetapi seorang jariah berbangsa Farsi bernama Marajil. Jelas baginda berlainan ibu dengan adinda baginda al-Amin. Sebab itulah baginda diketepikan daripada jawatan khalifah setelah ayahanda baginda wafat. Ibu baginda menjadi Ummu Walad dan meninggal dunia ketika masih di dalam masa nifas.

Tentang peribadi fizikal baginda pula, dikatakan bahawa Khalifah al-Ma'mun adalah seorang lelaki yang kacak menawan sebagaimana adinda baginda al-Amin juga. Ini adalah kerana kedua-dua ibubapa baginda adalah orang-orang yang kacak dan jelita. Manakala tentang peribadi kejiwaan baginda pula mengikut ahli-ahli sejarah menyebut bahawa baginda adalah seorang yang gagah berani, pintar, fasih, cintakan ilmu pengetahuan, berakhlak mulia, sangat pemaaf, bersopan santun, lemah lembut, baik hati, suka menolong orang-orang yang berada di dalam kesusahan dan mudah menurut nasihat daripada orang-orang bijak pandai terutama para menteri baginda. Baginda juga satu-satunya khalifah kerajaan bani Abbasiyyah yang mencintai keluarga Sayidina Ali bin Abu Talib dari pihak Ahlil Bait dari keturunan isteri baginda Sayidah Fatimah az-Zahra' rha. Sehingga dikatakan kerana Khalifah al-Ma'mun sangat mencintai anggota Ahlil Bait, baginda telah mengahwinkan dua orang puteri baginda dengan anggota keluarga Ahlil Bait iaitu Imam Ali ar-Redha dan puteranya iaitu Imam Muhammad al-Jawad. Puteri baginda yang sulung iaitu Ummu

Habib telah dikahwinkan dengan Imam Ali ar-Redha, manakala puteri kedua baginda iaitu Ummu Fadhl telah dikahwinkan dengan Imam al-Jawad putera Imam Ali ar-Redha. Kerana sangat mencintai Ahlil Bait, atas nasihat al-Fadhl bin Sahl, baginda telah melantik Imam Ali ar-Redha sebagai Putera Mahkota bakal menggantikan tempat baginda sebagai khalifah.

Pelantikan Dan Pemerintahan

❖ Para Pembantu, Menteri Dan Penasihat

Sebelum kita memperkatakan tentang jalan pemerintahan Khalifah al-Ma'mun, marilah kita terlebih dahulu melihat siapakah para menteri merangkap penasihat baginda.

Menteri dan penasihat kepada Khalifah al-Ma'mun ialah al-Fadhl bin Sahl, seorang berkebangsaan Farsi, kemudian saudaranya al-Hasan bin Sahl dan Ahmad bin Abu Khalid. Setelah al-Fadhl bin Sahl dibunuh oleh Khalifah al-Ma'mun secara rahsia, baginda telah melantik pula saudara al-Fadhl iaitu al-Hasan bin Sahl. Setelah al-Hasan bin Sahl jatuh sakit, Khalifah al-Ma'mun telah melantik pula sebagai menteri dan penasihat baginda iaitu wakil yang selalu dikirimkan oleh al-Hasan bin Sahl ketika beliau jatuh sakit iaitu Ahmad bin Abu Khalid. Tetapi Khalifah al-Ma'mun sangat memuliakan al-Fadhl dan al-Hasan bin Sahl melebihi Ahmad bin Abu Khalid. Ini adalah kerana kelebihan yang dimiliki oleh kedua-dua bersaudara berbangsa Farsi itu di dalam soal-soal pentadbiran dan juga ketenteraan.

Apakah nasib al-Hasan bin Sahl sama dengan nasib yang telah menimpa saudara beliau al-Fadhl bin Sahl dan kaum Baramikah pada zaman pemerintahan ayahandanya Khalifah Harun ar-Rasyid? Sama-samalah kita lihat nanti.

Al-Fadhl bin Sahl adalah seorang tokoh politik yang sangat bijak, licin (membuat sesuatu muslihat yang tidak dapat dibaca oleh musuh), licik (pintar membuat tipuhelah), cerdik, bijaksana dan bercita-cita tinggi. Beliau juga adalah seorang yang memiliki nasib yang malang dalam tempoh hidupnya.

Selain tiga orang menteri itu, Khalifah al-Ma'mun juga sentiasa didampingi dan sentiasa mendengar nasihat daripada dua orang tokoh ulama' di dalam pemerintahan baginda iaitu Yahya bin Aktham dan Ahmad bin Abu Duad yang mana kedua-duanya adalah qadhi kerajaan pada masa pemerintahan baginda. Tetapi apa yang malangnya ialah Ahmad bin Abu Duad berfahaman Mu'tazilah dan Khalifah al-Ma'mun telah terpengaruh kepada fahaman kaum Mu'tazilah yang dibawa oleh Ahmad bin Abu Duad disebabkan kepintaran Ahmad bin Abu Duad mengemukakan hujjahnya di dalam mengemukakan hujah-hujahnya berkaitan al-Qur'an. Kaum Mu'tazilah berpendapat bahawa al-Qur'an adalah makhluk, bukan sesuatu yang qadim sebagaimana yang dipegang oleh kaum Ahlis Sunnah wal Jamaah yang diketuai oleh Imam Ahmad bin Hanbal.

Pengaruh Bangsa Farsi Dalam Pentadbiran

Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun, pengaruh bangsa Arab mulai merosot di dalam kerajaan dan dimasuki pula oleh pengaruh bangsa Farsi. Pengaruh bangsa Arab di dalam kerajaan bani Abbasiyyah bermula pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur dan berakhir pada zaman pemerintahan Khalifah al-Amin. Lama masanya ialah kira-kira 62 tahun (tahun 136 hijrah/753 Masihi - 198 hijrah/813 Masihi).

Kenapakah pengaruh bangsa Farsi mulai menguasai kerajaan bani Abbasiyyah pada masa pemerintahan Khalifah al-Ma'mun? Ini adalah disebabkan oleh kedudukan Khalifah al-Ma'mun pada zaman pemerintahan ayahandanya dan zaman pemerintahan adindanya al-Amin. Tetapi punca yang sebenarnya dimulakan oleh Khalifah Harun ar-Rasyid kerana membahagi-bahagikan kekuasaan pentadbiran kepada tiga orang putera baginda sejak zaman kekuasaan baginda lagi.

Al-Ma'mun yang ditetapkan sebagai pemerintah di wilayah timur bermula dari negara Farsi terus ke negara Khurasan dan negeri-negeri sekitarnya seperti negeri-negeri di seberang sungai oleh ayahandanya telah menanam pengaruh masyarakat Farsi yang kuat ke atas (Khalifah) al-Ma'mun. Lebih-lebih pula ibunda (Khalifah) al-Ma'mun adalah seorang berkebangsaan Farsi.

(Khalifah) al-Ma'mun telah menguatkan pengaruh bangsa Farsi setelah baginda menjadi khalifah. Baginda mengambil penasihat baginda ketika baginda menjadi pentadbir di wilayah-wilayah Farsi iaitu al-Fadhl bin Sahl yang merupakan seorang Farsi sebagai menteri dan penasihat baginda.

(Khalifah) al-Ma'mun juga telah mengambil orang-orang Farsi untuk dilantik sebagai para pembesar kerajaan baginda dan menjadikan mereka panglima-panglima yang menguasai angkatan tentera. Tentera kerajaan bani Abbasiyyah pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun pun adalah terdiri daripada orang-orang Farsi. Inilah punca kenapa pengaruh bangsa Farsi mulai bertapak pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun dan menenggelamkan pengaruh bangsa Arab itu sendiri.

Pusat Pemerintahan

Ketika dilantik menjadi khalifah menggantikan tempat adinda baginda Khalifah al-Amin yang wafat kerana dibunuh itu, Khalifah al-Ma'mun sedang berada di kota Merw ibu negeri Khurasan kerana itulah pusat pemerintahan wilayah di bawah pentadbiran baginda sejak baginda dilantik oleh ayahanda baginda lagi selaku penguasa di bahagian timur. Baginda tidak terus berpindah ke kota Baghdad, sebaliknya terus bersemayam di kota Merw sehinggalah menjelang tahun 204 hijrah/819 Masihi iaitu setelah enam tahun baginda dilantik menjadi khalifah. Setelah berlaku pemberontakan penduduk kota Baghdad dan sesudah berlaku pembunuhan ke atas menteri baginda al-Fadhl

bin Sahl dan Putera Mahkota baginda Imam Ali ar-Redha, barulah baginda meninggalkan kota Merw atau negeri Khurasan dan menjadikan kota Baghdad sebagai pusat pentadbiran. Ini bererti Khalifah al-Ma'mun menjadikan kota Baghdad sebagai pusat pentadbiran selama 14 tahun sahaja dari keseluruhan masa pemerintahan baginda yang selama 20 tahun.

Kesulitan Ketika Akan Menjadi Khalifah

Tidak sebagaimana semua khalifah-khalifah bani Abbasiyyah sebelum Khalifah al-Ma'mun, semuanya naik menduduki kerusi khalifah dengan aman dan damai, mengikut tertib perlantikan yang sempurna, meskipun terdapat juga usaha untuk menyingkir sebahagian mereka seperti yang terjadi kepada Khalifah Harun ar-Rasyid. Tetapi kenaikan Khalifah Harun ar-Rasyid ke kerusi khalifah berjalan dengan baik sekali. Berlainan dengan kenaikan puteranya Khalifah al-Ma'mun ini ke kerusi khalifah yang terpaksa mengharungi peperangan dengan adinda baginda sendiri Khalifah al-Amin.

Khalifah al-Ma'mun dilantik menjadi khalifah bani Abbasiyyah yang ketujuh setelah berlaku peperangan dengan adinda baginda Khalifah al-Amin terlebih dahulu. Ini berpunca daripada usaha Khalifah al-Amin untuk menyingkir baginda daripada kerusi khalifah untuk digantikan dengan puteranya yang bernama Musa. Ini adalah tragedi berdarah merebut atau mendapatkan hak khalifah di dalam kerajaan bani Abbasiyyah yang pertama sekali berlaku. Kalau dikira ini sungguh malang kepada Khalifah al-Ma'mun.

Terpaksa Berperang Dengan Khalifah Al-Amin

Sebagaimana yang telah diceritakan di dalam sejarah Khalifah al-Amin, bahawa (Khalifah) al-Ma'mun telah berperang dengan adinda baginda Khalifah al-Amin. Akibatnya yang berakhir dengan terbunuhnya Khalifah al-Amin di tangan tentera (Khalifah) al-Ma'mun. Tetapi semua itu adalah salah Khalifah al-Amin kerana telah cuba berkhianat kepada kakanda baginda (Khalifah) al-Ma'mun yang telahpun ditetapkan oleh ayahanda mereka Khalifah Harun ar-Rasyid sebagai khalifah setelah adindanya Khalifah al-Amin.

Tujuh Pemberontakan Terhadap Khalifah Al-Ma'mun

Sungguhpun zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun dianggap zaman keagongan dan keemasan pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah setelah zaman ayahanda baginda Khalifah Harun ar-Rasyid, tetapi pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun juga sebagaimana pemerintahan ayahanda baginda banyak berlaku pemberontakan yang kalau dikira telah membantut pertumbuhan kemajuan pemerintahan baginda terutama dari aspek perdagangan dan perkembangan ilmu pengetahuan. Tetapi disebabkan kota Baghdad telah amat maju pada zaman pemerintahan ayahanda baginda

Khalifah Harun ar-Rasyid, maka perkembangan dan kemajuan perdagangan dan ilmu pengetahuan pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun tidak pernah terbantut perjalanan dan perkembangannya.

Para sejarawan meriwayatkan setelah Khalifah al-Ma'mun selesai berperang dengan adinda baginda Khalifah al-Amin dan dilantik menjadi khalifah bani Abbasiyyah yang ketujuh, baginda terpaksa menghadapi beberapa pemberontakan dan kekacauan yang timbul di dalam negara. Sebahagian pemberontakan dan kekacauan itu baru muncul dan sebahagian yang lain adalah rentetan daripada pemberontakan yang meletus sejak zaman pemerintahan ayahanda baginda lagi. Terdapat lapan episod pemberontakan dan kekacaun yang dicetuskan oleh mereka-mereka yang tidak menyukai pemerintahan Khalifah al-Ma'mun. Masa terjadinya ada yang semasa dan ada yang awal meletus atau diletuskan, tetapi lambat berjaya dipadamkan. Dan ada pemberontakan atau kekacauan yang kemudian berlakunya, tetapi berjaya dipadamkan dengan cepat. Kelapan-lapan pemberontakan dan kekacauan yang dimaksudkan itu ialah pemberontakan oleh Nasr bin Sabath, pemberontakan oleh Abu Suraya, pemberontakan oleh Babuk Al-Khurrami, pemberontakan oleh penduduk kota Baghdad, pemberontakan oleh kaum Zatti, pemberontakan oleh penduduk negeri Mesir, pemberontakan kaum Syiah dan pemberontakan oleh kaum Khawarij.

Jelas terdapat lapan pemberontakan yang meletus pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun. Marilah kita lihat bagaimana Khalifah al-Ma'mun menghadapi pemberontakan itu satu persatu dan bagaimana cara baginda mengatasinya:-

❖ Pemberontakan Pertama Oleh Nasr bin Sabath

Pemberontakan pertama yang meletus terhadap pemerintahan Khalifah al-Ma'mun ialah oleh Nasr bin Sabath. Beliau adalah seorang Arab dan merupakan salah seorang penyokong Khalifah al-Amin. Setelah beliau melihat Khalifah al-Amin tewas di tangan kakanda baginda (Khalifah) al-Ma'mun, dan melihat Khalifah al-Ma'mun mengutamakan orang-orang Farsi di dalam kerajaan baginda dengan meninggalkan orang-orang Arab, maka Nasr bin Sabath telah mengumpul kekuatan dan terus memberontak terhadap pemerintahan Khalifah al-Ma'mun. Pemberontakan Nasr bin Sabath ini metetus tepat pada tahun 198 hijrah/813 Masihi iaitu setelah al-Ma'mun dilantik menjadi khalifah bani Abbasiyyah yang ketujuh.

Nasr bin Sabath memulakan dan melakukan pemberontakan di sebuah daerah yang terletak di utara negeri Syam bernama Yaksum (dekat kota Halab atau kota Allepo).

Oleh kerana Nasr bin Sabath melaungkan slogan memperjuangkan pengembalian semula kemuliaan bangsa Arab ke takhta khalifah, maka

ramailah orang-orang Arab yang menyokong perjuangan beliau. Setelah pengikutnya sudah benar-benar kuat, mereka mengesyorkan kepada Nasr bin Sabath supaya melantik salah seorang Alawiyyeen menjadi khalifah menggantikan tempat Khalifah al-Ma'mun. Tetapi Nasr bin Sabath tidak mengendahkan cadangan itu. Kemudian mereka mengesyorkan supaya melantik pula seorang dari keturunan bani Umayyah, tetapi Nasr bin Sabath tidak juga menyetujuinya. Beliau mengatakan perjuangan beliau bukan untuk menumbangkan kerajaan bani Abbasiyyah, tetapi adalah untuk bani Abbasiyyah juga, cuma beliau tidak menyukai pentadbiran Khalifah al-Ma'mun kerana mengutamakan bangsa asing (Farsi) di dalam pentadbiran baginda dengan mengetepikan bangsa Arab.

Ketika itu Khalifah al-Ma'mun bersemayam di kota Merw, ibu negeri Khurasan. Al-Fadhl bin Sahl telah mengarahkan kepada Panglima Tahir bin al-Husein supaya memerangi Nasr bin Sabath. Tetapi Panglima Tahir bin al-Husein tidak bersungguh-sungguh menentang Nasr bin Sabath sehingga pasukan tentera kerajaan gagal untuk mengalahkan pasukan Nasr bin Sabath dalam masa yang singkat.

Setelah Khalifah al-Ma'mun membunuh al-Fadhl bin Sahl pada tahun 202 hijrah/817 Masihi, baginda memerintah pula kepada putera Tahir bin al-Husein iaitu Abdullah bin Tahir supaya memerangi Nasr bin Sabath. Dengan kegagahan dan keperkasaan serta kebersungguhan Abdullah bin Tahir memerangi pasukan Nasr bin Sabath, beliau telah berjaya melemahkan perjuangan Nasr bin Sabath sehingga Nasr bin Sabath telah merasa tidak tahan lagi dan telah meminta perdamaian dan bersedia menyerah diri kepada Khalifah al-Ma'mun. Khalifah al-Ma'mun telah memaafkannya. Peristiwa penyerahan diri Nasr bin Sabath terjadi pada tahun 209 hijrah/824 Masihi. Jelas pemberontakan Nasr bin Sabath berjalan selama kira-kira 11 tahun baru dapat dipadamkan.

❖ Pemberontakan Kedua Oleh Abu Suraya

Pemberontakan yang kedua meletus terhadap pemerintahan Khalifah al-Ma'mun ialah pemberontakan oleh Abu Suraya. Siapakah Abu Suraya? Apakah dia seorang Arab atau seorang Farsi atau seorang Turki? Kenapakah Abu Suraya bangkit memberontak terhadap pemerintahan Khalifah al-Ma'mun?

Pemberontakan Abu Suraya meletus pada tahun 200 hijrah/815 Masihi iaitu setelah dua tahun Khalifah al-Ma'mun naik takhta khalifah. Abu Suraya bukan nama sebenar pahlawan ini. Nama beliau yang sebenar ialah as-Sari bin al-Mansur asy-Syaibani iaitu seorang Arab dari suku Syaiban.

Pada mulanya Abu Suraya adalah salah seorang pahlawan di dalam pasukan tentera Khalifah al-Ma'mun yang berperang melawan Khalifah al-Amin. Pemimpin pasukan itu ialah Panglima Harthamah bin A'yun, juga seorang

Arab. Setelah Khalifah al-Amin tewas, menteri Khalifah al-Ma'mun iaitu al-Fadhl bin Sahl telah menyingkir Panglima Harthamah bin A'yun dan diganti dengan al-Hasan bin Sahl, saudara kepada al-Fadhl bin Sahl. Ini sangat mengecewakan Abu Suraya kerana kasih dan cintanya kepada Panglima Harthamah bin A'yun.

Selain itu punca kenapa Abu Suraya bertindak keluar dari pasukan Panglima al-Hasan bin Sahl adalah dari masalah gaji. Dikatakan pihak tentera lambat menerima gaji bulanan. Jadi rasa tidak puas hati Abu Suraya terhadap kepimpinan Khalifah al-Ma'mun adalah berpunca dari dua perkara iaitu pertama dari rasa sakit hati kepada al-Fadhl bin Sahl dan kedua terhadap Khalifah al-Ma'mun sendiri.

Keluarnya Abu Suraya dari tentera Khalifah al-Ma'mun bukan seorang dirinya sahaja, sebaliknya diikuti oleh sebahagian besar tentera yang lain sehingga ianya membentuk sebuah pasukan.

Memang pasukan tentera yang dipimpin oleh Abu Suraya begitu kuat. Ini adalah kerana Abu Suraya adalah seorang pahlawan yang sangat perkasa. Beliau terus memimpin para penyokongnya menyerang kota Kufah dan kawasan sekitarnya seterusnya kota Mada'in.

Al-Hasan bin Sahl telah berusaha untuk menangkis kebangkitan pemberontakan oleh Abu Suraya ini, tetapi gagal membendung kemaraan mereka. Al-Hasan bin Sahl telah meminta pertolongan kepada Panglima Harthamah bin A'yun. Panglima Harthamah bin A'yun terpaksa menyahut permintaan al-Hasan bin Sahl. Kalau tidak dia akan dikira menderhaka pula kepada pemerintahan Khalifah al-Ma'mun. Keadaan ini tak ubah dengan jalan cerita sejarah Hang Tuah dengan Hang Jebat. Hang Jebat menderhaka kepada Sultan Mansur Syah kerana kecewa di atas sikap Sultan Mansur Syah yang telah mengarah Hang Tuah dibunuh. Itulah sebabnya Hang Jebat bangkit menderhaka terhadap Sultan Mansur Syah. Tetapi akhirnya pihak kerajaan (Sultan) telah meminta pertolongan Hang Tuah untuk menghapuskan Hang Jebat yang menderhaka kepada sultan kerana membela darah sahabatnya Hang Tuah yang dikatakan telah dibunuh oleh Sultan Mansur Syah. Sesungguhnya sejarah pemberontakan Abu Suraya ini sangat mirip dengan peristiwa sejarah Hang Tuah itu.

Panglima Harthamah bin A'yun telah memimpin pasukan kerajaan menentang pasukan Abu Suraya. Akibatnya pasukan Abu Suraya telah mengalami kekalahan yang teruk dan Abu Suraya sendiri telah melarikan diri dan dikejar oleh tentera Khalifah al-Ma'mun yang dipimpin oleh Panglima Harthamah bin A'yun itu. Di dalam pertempuran seterusnya, pasukan Abu Suraya telah mengalami kekalahan demi kekalahan dan Abu Suraya sendiri telah mengalami luka-luka yang berat yang membawa kepada tenaganya hilang dan dia telah ditawan oleh pihak tentera Panglima Harthamah bin A'yun.

Abu Suraya telah dibawa ke hadapan al-Hasan bin Sahl. Beliau telah dijatuhkan hukuman bunuh oleh al-Hasan bin Sahl dan mayatnya disalib. Pemberontakan Abu Suraya berjalan selama kira-kira sepuluh bulan.

❖ Pemberontakan Ketiga Oleh Babuk Al-Khurrami

Pemberontakan yang ketiga terhadap pemerintahan Khalifah al-Ma'mun ialah pemberontakan yang dilancarkan oleh Babuk al-Khurrami yang terjadi atau meletus di negeri Azerbaijan. Ketika itu ialah awal tahun 200 hijrah/815 Masihi. Babuk dikatakan anak kepada Fatimah binti Abu Muslim al-Khurasani. Beliau membawa ajaran sesat yang jelas terkeluar dari ajaran Islam yang sebenar. Pemberontakan Babuk al-Khurrami disokong oleh kerajaan Rom Timur yang berpusat di kota Constantinopel, Turki. Babuk al-Khurrami menjalin perhubungan perdagangan dengan pihak kerajaan Rom Timur. Bahkan di dalam melakukan pemberontakan terhadap pemerintahan Khalifah al-Ma'mun, dikatakan mereka telah mendapat bantuan daripada kerajaan Byzentium.

Khalifah al-Ma'mun telah memimpin sendiri angkatan perang untuk menghancurkan Babuk al-Khurrami. Setelah berjaya menghapuskan Babuk al-Khurrami, Khalifah al-Ma'mun baru masuk ke kota Baghdad untuk menyelesaikan masalah pemberontakan Baghdad.

❖ Pemberontakan Keempat Oleh Penduduk Kota Baghdad Sendiri

Pemberontakan yang keempat yang berlaku pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun ialah pemberontakan oleh penduduk kota Baghdad sendiri. Pemberontakan ini dinamakan Pemberontakan Baghdad. Kenapakah penduduk kota Baghdad sendiri bangkit memberontak terhadap pemerintahan Khalifah al-Ma'mun? Apakah yang telah menimbulkan kemarahan mereka terhadap Khalifah al-Ma'mun? Apakah kerana mereka adalah penyokong Khalifah al-Amin dan sangat sedih di atas kematian Khalifah al-Amin kerana berkelahi dengan Khalifah al-Ma'mun? Tentu para pembaca semua merasakan tindakan penduduk kota Baghdad memberontak terhadap Khalifah al-Ma'mun adalah sesuatu yang agak aneh. Tetapi apabila kita membaca kisahnya, kita tidak akan merasai keanehannya.

Menjelang tahun 201 hijrah/816 Masihi, iaitu setelah Khalifah al-Ma'mun naik takhta selama 3 tahun, baginda telah melantik Imam Ali ar-Redha bin Imam Musa al-Kazim menjadi Putera Mahkota yang merupakan bakal khalifah kerajaan bani Abbasiyyah setelah kewafatan baginda. Tindakan baginda yang melantik Putera Mahkota bukan dari kalangan keluarga bani Abbasiyyah sebagai bakal khalifah bani Abbasiyyah telah menimbulkan kemarahan para penduduk di kota Baghdad kerana mereka telah lama berada di bawah pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah. Mereka tidak mahu bertuankan kepada sesiapapun biarpun ianya dari keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib

dari pihak isteri beliau Sayidah Fatimah az-Zahra' rha. Kebangkitan kemarahan penduduk kota Baghdad terhadap tindakan Khalifah al-Ma'mun membuat perlantikan Putera Mahkota yang dianggap songsang itu telah mencapai kemuncaknya menjelang tahun 202 hijrah/817 Masihi.

Para penduduk di kota Baghdad telah melampiaskan rasa marah mereka terhadap Khalifah al-Ma'mun yang bersemayam di kota Merw negeri Khurasan itu dengan bersepakat untuk menyingkir Khalifah al-Ma'mun daripada jawatan khalifah dan menggantikannya dengan bapa saudara Khalifah al-Ma'mun iaitu Ibrahim bin al-Mahdi, seorang yang telah lama bergelumang di dalam bidang nyanyian kerana bakatnya yang sangat besar di dalam bidang itu. Sungguhpun Ibrahim bin al-Mahdi sangat berminat di dalam bidang seni suara, tetapi apabila dihulurkan kerusi khalifah kepadanya, beliau tetap tergiur juga. Maklumlah kerusi kedudukan tertinggi negara, siapa yang tidak tergiur?

Meletusnya pemberontakan penduduk di kota Baghdad dan perlantikan Ibrahim bin al-Mahdi sebagai khalifah menggantikan tempat baginda tidak diketahui oleh Khalifah al-Ma'mun yang duduk bersemayam di negeri Khurasan. Ini adalah kerana negeri Khurasan sangat jauh daripada negeri Iraq. Kekhalifahan Ibrahim bin al-Mahdi berjalan selama dua tahun iaitu dari tahun 202 hijrah/817 Masihi hinggalah ke tahun 204 hijrah/819 Masihi.

Sebenarnya kewujudan pemberontakan di kota Baghdad dan perlantikan Ibrahim bin al-Mahdi oleh penduduk kota Baghdad sebagai khalifah mereka yang baru telah diketahui sejak awal lagi oleh menteri al-Fadhl bin Sahl, tetapi al-Fadhl bin Sahl sengaja menyembunyikannya daripada pengetahuan Khalifah al-Ma'mun. Motif al-Fadhl bin Sahl sengaja merahsiakan pemberontakan penduduk kota Baghdad daripada pengetahuan Khalifah al-Ma'mun di atas maksud tidak mahu Khalifah al-Ma'mun menyingkir Imam Ali ar-Redha daripada jawatan Putera Mahkota. Ini adalah kerana al-Fadhl bin Sahl sangat cenderung hati kepada keluarga Ahlil Bait Rasulullah s.a.w., dan mahu jawatan khalifah berpindah kepada keluarga Sayidina Ali bin Abu Talib dari keturunan isteri beliau Sayidah Fatimah az-Zahra' rha.

Setelah berlalu masa dua tahun, maka Putera Mahkota sendiri iaitu Imam Ali ar-Redha bin Imam Musa al-Kazim yang mengetahui tentang pemberontakan penduduk kota Baghdad terhadap Khalifah al-Ma'mun telah memberitahu sendiri perkara itu kepada Khalifah al-Ma'mun. Khalifah al-Ma'mun dapat membaca hati menteri baginda al-Fadhl bin Sahl dengan perbuatannya yang menyembunyikan tragedi pemberontakan penduduk Baghdad dari pengetahuan baginda itu sehingga masanya berlalu selama dua tahun. Kalaulah al-Fadhl bin Sahl membenci pemberontakan itu, sudah tentu dia akan segera memberitahu kepada baginda. Ini bererti al-Fadhl bin Sahl mempunyai agenda tertentu terhadap kaum Syiah, iaitu kecenderungan hatinya kepada kaum Syiah Alawiyyeen. Inilah yang diduga oleh Khalifah al-Ma'mun terhadap menteri baginda al-Fadhl bin Sahl.

Menjelang awal tahun 204 hijrah/819 Masihi, Khalifah al-Ma'mun telah berangkat meninggalkan kota Merw menuju ke kota Baghdad dengan niat untuk menyelesaikan masalah yang tidak disukai oleh penduduk kota Baghdad terhadap tindakan baginda itu. Apabila baginda sampai di kota Tus, di mana ayahanda baginda wafat dan dikebumikan di situ, Khalifah al-Ma'mun telah mengatur satu rencana untuk menghapuskan al-Fadhl bin Sahl dan juga Imam Ali ar-Redha. Ini adalah kerana Khalifah al-Ma'mun berpendapat kerana dua orang inilah punca baginda hampir-hampir tercampak jatuh dari kerusi khalifah. Memang Imam Ali ar-Redha yang telah menyelamatkan baginda kerana memberitahu kepada baginda tentang perbuatan penduduk kota Baghdad yang memberontak terhadap pemerintahan baginda itu, tetapi punca meletusnya pemberontakan itu adalah berkaitan dengan persoalan pelantikan Imam Ali ar-Redha ke kerusi Putera Mahkota!

Kemudian Khalifah al-Ma'mun telah menghantar seseorang untuk membunuh al-Fadhl bin Sahl dengan cara yang sangat rahsia, kemudian giliran Imam Ali ar-Redha pula dengan cara memasukkan racun di dalam makanannya. Khalifah al-Ma'mun adalah seorang yang sangat pintar dan sangat menjaga nama baik baginda. Seseorang yang baginda perintah supaya dibunuh seperti ke atas al-Fadhl bin Sahl dan Imam Ali ar-Redha, baginda akan berpura-pura sedih dengan peristiwa pembunuhan itu seolah-olah baginda tidak menginginkan pembunuhan itu berlaku, padahal bagindalah sebenarnya yang memerintahkan seseorang pesuruh supaya berbuat demikian. Ini juga disebabkan baginda adalah seorang manusia yang pemalu. Sifat baginda tidak mewarisi atau menuruti perangai ayahanda baginda yang tidak malu membinasakan orang-orang yang dianggap musuh kerajaan. Khalifah Harun ar-Rasyid tidak menyembunyikan tindakan baginda membinasakan kaum Baramikah yang telah menabur jasa yang sangat besar terhadap pemerintahan baginda.

Setelah baginda membunuh al-Fadhl bin Sahl yang sebenarnya sangat banyak membuat jasa kepada pemerintahan baginda dan merupakan orang yang bertanggungjawab menaikkan baginda ke takhta khalifah, maka Khalifah al-Ma'mun terus menghantar surat kepada saudara al-Fadhl bin Sahl iaitu al-Hasan bin Sahl menyatakan kesedihan dan tangisan baginda terhadap peristiwa yang amat tidak disangka-sangkakan terjadinya itu. Baginda memperlihatkan kesedihan dan kekesalan baginda di atas pembunuhan al-Fadhl bin Sahl kepada al-Hasan bin Sahl dengan baginda memberi hadiah yang sangat berharga kepada al-Hasan bin Sahl, mengahwini puteri al-Hasan yang bernama Buran dan mengangkat al-Hasan bin Sahl menjadi menteri baginda di atas maksud mengganti tempat al-Fadhl bin Sahl yang dibunuh orang itu.

Bagi membuktikan kepada al-Hasan bin Sahl bahawa baginda tidak terlibat langsung di dalam pembunuhan al-Fadhl bin Sahl, Khalifah al-Ma'mun telah memerintah para pengawal baginda supaya menangkap orang yang diketahui

membunuh al-Fadhl bin Sahl. Apabila orang yang membunuh al-Fadhl bin Sahl ditangkap dan cuba membuka rahsia yang sebenarnya dengan berani mengatakan bagindalah yang memerintahkan perbuatan itu, Khalifah al-Ma'mun terus membunuh orang atau pesuruh itu dengan segera kerana tidak mahu rahsia baginda itu pecah kepada orang ramai.

Kematian Imam Ali ar-Redha adalah setelah beliau memakan anggur dengan agak banyak. Inilah yang dikatakan kalau di dalam anggur itu tidak dimasukkan racun, masakan orang yang memakan buah anggur itu ditimpa kematian? Tetapi Khalifah al-Ma'mun telah menutup juga perkara ini dengan mengatakan memang sudah takdir Imam Ali ar-Redha kerana ajalnya sudah sampai.

Setelah membunuh menteri dan Putera Mahkota baginda, maka Khalifah al-Ma'mun telah menulis surat kepada penduduk kota Baghdad yang berbunyi, "Ali ar-Redha bin Musa sudah meninggal. Tidak ada lagi penghalang di antara aku dengan tuan-tuan. Kembalilah taat kepadaku." (rujuk Buku Dinasti Abbasiyyah Oleh Dr Isy ms 92)

Apabila Khalifah al-Ma'mun masuk ke dalam kota Baghdad, Khalifah yang dilantik oleh penduduk kota Baghdad iaitu Ibrahim bin al-Mahdi telah lari bersembunyi. Tetapi setelah para pengawal Khalifah al-Ma'mun menggelidah dan menemui Ibrahim bin al-Mahdi di tempat persembunyiannya, Khalifah al-Ma'mun tidak mengapa-apakan bapa saudara baginda itu, sebaliknya memberi kemaafan kepadanya. Ini adalah sifat Khalifah al-Ma'mun yang mulia sekali iaitu sentiasa memberi maaf kepada orang-orang yang mengaku berbuat salah dan meminta maaf kepada baginda.

❖ Pemberontakan Kelima Oleh Kaum Zatt

Pemberontakan yang kelima yang dilancarkan terhadap pemerintahan Khalifah al-Ma'mun ialah pemberontakan oleh kaum Zatt. Mengikut Ibnu Khaldun, kaum Zatt berasal dari India. Mereka juga digelar kaum Mawar. Wujudnya mereka apabila mereka melihat Khalifah al-Ma'mun sedang sibuk menghadapi kaum pemberontak di seluruh negara. Mereka bukan bangkit memberontak, tetapi semata-mata untuk membuat kacau dan merompak sahaja. Mereka hanya membuat kerosakan ke atas perkampungan dan jalan-jalan raya menuju ke kota Basrah.

Setelah Khalifah al-Ma'mun pulang ke kota Baghdad, baginda telah berusaha untuk menumpaskan mereka. Setelah mereka diserang oleh tentera kerajaan, mereka lari ke bukit-bukit dan menyelamatkan diri di atas sana. Apabila tentera kerajaan meninggalkan mereka, mereka kembali membuat kekacauan. Kumpulan Zatt ini tidak dapat dipadamkan oleh Khalifah al-Ma'mun. Dan ianya mengacau sehinggalah ke zaman pemerintahan Khalifah al-Mu'tasim.

❖ Pemberontakan Keenam Oleh Penduduk Negeri Mesir

Pemberontakan yang keenam terhadap pemerintahan Khalifah al-Ma'mun ialah pemberontakan oleh penduduk negeri Mesir. Puncanya adalah di antara dua suku kaum yang terbesar di sana iaitu suku Yaman dan suku Qais. Suku Qais memberi sokongan mereka kepada Khalifah al-Amin. Manakala suku Yaman menyokong Khalifah al-Ma'mun. Disamping itu para penduduk Mesir pula mengambil kesempatan dengan membuat kekacauan untuk menambah lagi kekacauan yang sedang berlaku itu.

Maka Khalifah al-Ma'mun telah menghantar Panglima Abdullah bin Tahir bin al-Husein untuk memadamkan pemberontakan itu. Abdullah bin Tahir berjaya mengembalikan keamanan di Mesir. Tetapi setelah Abdullah bin Tahir kembali ke Syam, pemberontakan meletus semula. Kali ini Khalifah al-Ma'mun telah datang sendiri ke Mesir dan mengembalikan semula keamanan di sana.

Bila pemberontakan ini berlaku? Ahmad Syalabi tidak menyebut tarikhnya.

Pemberontakan Ketujuh Oleh Kaum Syiah

Ketika Khalifah al-Ma'mun masih bersemayam di kota Merw, negeri Khurasan, menjelang tahun 200 hijrah/815 Masihi, telah meletus pemberontakan kaum Syiah oleh Ibnu Tabataba di kota Kufah. Dan mengisytiharkan dirinya imam kaum Muslimin. Tetapi pemberontakan Ibnu Tabataba ini telah dapat dipadamkan oleh Panglima Harthamah bin A'yun.

Pada tahun 202 hijrah/817 Masihi, berlaku pula pemberontakan kaum Syiah di kota Raqqah. Tetapi pemberontakan ini telah berjaya dipadamkan oleh Panglima Tahir bin al-Husein.

❖ Pemberontakan Kelapan Oleh Kaum Khawarij

Sebaik sahaja Khalifah al-Ma'mun meninggalkan kota Merw, menuju ke kota Baghdad, kaum Khawarij di negeri Khurasan telah bangkit memberontak terhadap pemerintahan baginda. Tetapi Panglima Tahir bin al-Husein yang dilantik menjadi gabenor di negeri Khurasan telah dapat mengalahkan kaum Khawarij dengan mudah sahaja. Sebab itu sesetengah buku sejarah tidak menyebut tentang pemberontakan kaum Khawarij pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun kerana tidak begitu meninggalkan kesan kepada pemerintahan Khalifah al-Ma'mun.

Munculnya Kerajaan-Kerajaan Kecil Yang Memerintah Sendiri

Sebagaimana zaman pemerintahan ayahanda baginda Khalifah Harun ar-Rasyid, zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun juga telah berlaku pembentukan kerajaan-kerajaan kecil yang mempunyai kuasa otonomi memerintah sendiri bebas dari pengaruh dan kawalan kerajaan bani

Abbasiyyah atau kerajaan pusat. Pemerintahan yang pertama sekali muncul selaku satu pemerintahan berkerajaan sendiri pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun ialah kerajaan Tahiriyyah, iaitu kerajaan di negeri Khurasan yang diperintah secara mutlak oleh keluarga Tahir bin al-Husein, seorang pahlawan berbangsa Farsi yang sangat berjasa kepada pemerintahan Khalifah al-Ma'mun.

Marilah kita lihat bagaimana kerajaan Tahiriyyah ini terbentuk:-

Pembentukan Kekuasaan Tahiriyyah Di Khurasan Dan Syam

Menjelang tahun 204 hijrah/819 Masihi, Khalifah al-Ma'mun meninggalkan negeri Khurasan dan berangkat ke negeri Iraq untuk memadamkan pemberontakan oleh penduduk kota Baghdad sendiri. Untuk mentadbir negeri Khurasan, Khalifah al-Ma'mun telah melantik Panglima Tahir bin al-Husein sebagai gabenor di sana. Tahir sebagaimana Abu Muslim al-Khurasani juga adalah seorang Farsi yang sangat berpengaruh di negeri Khurasan. Pelantikannya selaku gabenor Khurasan oleh Khalifah al-Ma'mun ibarat melempar batu ke lubuk. Dikatakan sebaik sahaja dilantik menjadi gabenor negeri Khurasan, pengaruh Tahir bin al-Husein meningkat dengan mendadak sekali. Sudahlah seorang berkebangsaan Farsi, Tahir juga adalah seorang pahlawan yang sangat perkasa dan sangat berjasa kepada penduduk negeri Khurasan. Menjelang tahun 206 hijrah/821 Masihi, Panglima Tahir bin al-Husein tidak lagi membaca doa di atas mimbar Jumaat ke atas Khalifah al-Ma'mun, sedangkan semenjak dari tahun 204 hijrah/819 Masihi hingga akhir 206 hijrah/821 Masihi, beliau tetap membaca doa untuk Khalifah al-Ma'mun di atas mimbar pada setiap hari Jumaat. Ini menunjukkan bahawa Tahir bin al-Husein sudah mula hilang pedoman hidup selaku seorang gabenor dan mula merasa dirinya besar dan bercita-cita menerajui kerajaan secara mutlak.

Setelah Khalifah al-Ma'mun mendapat tahu perkara ini, baginda tidak lekas naik pitam, sebaliknya baginda bertindak dengan bijaksana terhadap Tahir bin al-Husein. Dikatakan Tahir bin al-Husein telah meninggal dunia pada tahun 207 hijrah/822 Masihi lantas Khalifah al-Ma'mun terus melantik anak Tahir iaitu Talhah bin Tahir selaku gabenor negeri Khurasan. Dikatakan sebenarnya Khalifah al-Ma'mun sendiri yang memerintah Tahir diracun. Ada riwayat mengatakan ketika Khalifah al-Ma'mun meninggalkan kota Merw pada tahun 204 hijrah/819 Masihi kerana pergi ke kota Baghdad, baginda telah melantik Tahir bin al-Husein sebagai gabenor negeri Khurasan dengan ditemani oleh salah seorang menteri baginda iaitu Ahmad bin Abu Khalid. Baginda berpesan kepada menteri baginda itu, "Sekiranya Tahir cuba bertindak sendiri, masukkanlah racun ke dalam makanannya." (lihat Buku Dinasti Abbasiyyah Oleh Dr Isy ms 95).

Talhah bin Tahir menjadi gabenor Khurasan dari tahun 207 hijrah/822 Masihi hinggalah ke tahun 214 hijrah/829 Masihi selama kira-kira tujuh tahun

kemudian wafat. Tempat beliau digantikan pula oleh saudaranya Abdullah bin Tahir yang juga adalah gabenor di negeri Syam.

Semasa mentadbir negeri Syam, Abdullah bin Tahir telah memperlihatkan kemampuannya selaku pentadbir dan panglima perang. Ketika terjadi pemberontakan Mesir menjelang tahun akhir 199 hijrah/814 Masihi dan awal tahun 200 hijrah/815 Masihi, Khalifah al-Ma'mun telah memerintah kepada Abdullah bin Tahir supaya menyelesaikan masalah pemberontakan itu. Dan ternyata Abdullah bin Tahir berjaya menyelesaikannya. Tetapi sekembalinya Abdullah bin Tahir ke negeri Syam, pemberontakan telah meletus semula. Khalifah al-Ma'mun mengambil usaha sendiri untuk memadamkan pemberontakan itu dengan memimpin sendiri pasukan tentera ke Mesir dan baginda berjaya menyelesaikannya.

Pembentukan Kekuasaan Ziyadiyyah Di Yaman

Wujudnya kerajaan Ziyadiyyah di negeri Yaman apabila para gabenor yang mentadbir negeri Yaman tidak berdaya membendung kekacauan yang ditimbulkan oleh pemimpin-pemimpin kaum di sana termasuklah juga oleh kaum Syiah. Menjelang tahun 204 hijrah/819 Masihi, Khalifah al-Ma'mun yang sudah memerintah selama enam tahun telah menghantar seorang pahlawan dari keturunan Ziyad bin Abihi bernama Muhammad bin Ibrahim untuk menenteramkan keadaan huru hara di negeri Yaman. Setelah berjaya melenyapkan kaum Syiah dan membasmikan para pengacau di sana, maka Muhammad bin Ibrahim telah mendirikan kerajaan di sana dengan nama kerajaan Ziyadiyyah. Ibukotanya ialah Zabid, salah sebuah kota di negeri Yaman. Beliau bertindak itu tanpa terlebih dahulu memberitahu atau meminta izin daripada Khalifah al-Ma'mun, bahkan sebaliknya memulakan pemerintahan sendiri di sana. Khalifah al-Ma'mun membiarkan sahaja Muhammad bin Ibrahim memerintah Yaman sendirian tanpa bernaung di bawah pentadbiran kerajaan pusat atau pentadbiran baginda. Ini adalah kerana Khalifah al-Ma'mun lebih menyukai berdirinya sebuah kerajaan yang tidak memusuhi pentadbiran pusat, biarpun ianya sebuah kerajaan yang berkuasa atau memerintah sendiri berbanding sebuah kerajaan yang memusuhi pentadbiran pusat. Sebab itu Khalifah al-Ma'mun tidak mengambil apa-apa tindakan ke atas kerajaan Ziyadiyyah yang diterajui oleh Muhammad bin Ibrahim al-Ziyadi itu. Kerajaan Ziyadiyyah berjaya mengekalkan pemerintahannya di negeri Yaman sehingga tahun 412 hijrah/1021 Masihi. Ini bermakna pemerintahan Ziyadiyyah tegak di negeri Yaman selama 202 tahun iaitu hinggalah ke zaman pemerintahan Khalifah al-Qadir Billah, iaitu Khalifah kerajaan bani Abbasiyyah yang ke 25.

Perkembangan Dan Kemajuan Berbagai-bagai Jenis Ilmu Pengetahuan

Kalau pada zaman pemerintahan ayahanda baginda Khalifah Harun ar-

Rasyid perkembangan ilmu pengetahuan begitu pesat sekali, maka pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun, perkembangan dan kemajuan ilmu pengetahuan bertambah meningkat lagi sehingga mencapai kemuncak kemajuannya. Ini adalah kerana usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Khalifah al-Ma'mun kearah memperluas dan memperkayakan khazanah ilmu pengetahuan dalam berbagai-bagai bidang, bukan sahaja di dalam bidang agama yang telah bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi, bahkan juga ilmu-ilmu keduniaan yang baru dipindah dari negara-negara bukan Islam atau negara-negara asing yang sudah lama maju dan berkembang pengetahuan mereka di dalam ilmu-ilmu tersebut seperti negara Mesir, India, Farsi, Rom, Yunani (Greek) dan lain-lain.

Kepesatan perkembangan di dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan pada zaman Khalifah al-Ma'mun sebenarnya berpunca daripada sikap atau kecenderungan Khalifah al-Ma'mun sendiri kepada ilmu pengetahuan. Baginda adalah satu-satunya khalifah bani Abbasiyyah yang paling menyukai ilmu pengetahuan sehingga dikatakan baginda sendiri adalah seorang ulama' dan intelek yang hebat dan sukar ditandingi.

Usaha-Usaha Oleh Pihak Pemerintah

Apakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh Khalifah al-Ma'mun untuk meningkat dan menambah majunya ilmu pengetahuan sama ada dalam bidang ilmu-ilmu agama mahupun ilmu-ilmu duniawi? Kita tahu pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid, baginda sudah berusaha menjadikan kota Baghdad sebagai pusat ilmu pengetahuan dan juga perdagangan. Bahkan dikatakan pada zaman Khalifah Harun ar-Rasyid, kemajuan ilmu pengetahuan telah mengkagumi orang-orang Eropah sehingga mereka merasa pelik dan hairan dengan barang-barang yang dicipta oleh orang-orang Islam kerana ketinggian ilmu pengetahuan umat Islam. Tetapi pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid, kemuncak usaha membawa masuk buku-buku yang dikarang oleh cendikiawan-cendikiawan bangsa asing masih belum dilakukan secara bersungguh-sungguh. Begitu juga dengan usaha menterjemah buku-buku asing di dalam berbagai-bagai bidang ilmu tidak dilakukan dengan sesungguhnya kecuali setelah zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun.

Di dalam usaha baginda untuk memperkembangkan ilmu pengetahuan di dalam semua bidang, Khalifah al-Ma'mun telah mengambil langkah pertama iaitu menyempurnakan Baitul Hikmah atau Rumah Ilmu Pengetahuan. Setelah Baitul Hikmah siap disempurnakan penyeliaannya, maka Khalifah al-Ma'mun telah menghantar para pakar yang berminat dan berkebolehan di dalam mencari ilmu yang baru terutamanya ke negara-negara yang sudah diketahui maju di dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan seperti negeri Mesir, India, Farsi, Rom dan Yunani untuk membawa pulang buku-buku dari sana ke kota Baghdad untuk disimpan di Baitul Hikmah.

Diriwayatkan oleh para sejarawan bahawa Khalifah al-Ma'mun telah mengetahui bahawa di pulau Cyprus terdapat banyak buku-buku ilmu pengetahuan yang dikarang oleh intelek-intelek Greek purba yang disimpan di pulau itu termasuklah buku-buku falsafah yang dikarang oleh ahli-ahli falsafah Greek kuno. Setelah pihak kerajaan bani Abbasiyyah mengadakan perdamaian dengan pihak penguasa pulau Cyprus, maka Khalifah al-Ma'mun telah meminta kepada pihak pemerintah di pulau itu agar sudi mengirim sebanyak mungkin buku-buku yang disimpan di perpustakaan di pulau Cyprus itu ke kota Baghdad untuk disimpan seterusnya dibuat kerja-kerja penterjemahan, tetapi pihak penguasa dan para pembesar kerajaan pulau Cyprus tidak sudi mendengar permintaan Khalifah al-Ma'mun itu. Namun segala-galanya berubah apabila paderi besar di pulau itu yang berpangkat Uskup Agong (Mutran) telah memberi pendapatnya kepada pemerintah dan para pembesar di pulau itu, katanya memberi pandangan, "Pendapat yang tepat ialah membenarkan buku-buku itu dikirim kepada Khalifah al-Ma'mun; kerana tidak ada sebuah kerajaan pun yang menggunapakai undang-undang syara', lantas diresapi oleh ilmu falsafah melainkan kerajaan itu dirosakkan oleh ilmu falsafah itu dan alim ulama'nya menjadi berpecah belah."

Setelah penguasa pulau Cyprus mendengar hujjah dan perjelasan yang diberikan oleh paderi besar mereka itu, barulah ia bersetuju untuk memenuhi permintaan Khalifah al-Ma'mun dan dipersetujui juga oleh para pembesarnya.

Khalifah al-Ma'mun sangat gembira mendapat buku-buku di dalam berbagai-bagai bidang atau disiplin ilmu pengetahuan itu khususnya yang berkaitan dengan ilmu-ilmu falsafah, matematik, perubatan, kaji bintang, geografi, sejarah, muzik, kimia, bioloji, fizik dan sebagainya yang dikarang oleh ahli-ahli fikir Greek kuno atau Yunani purba itu.

Ibnu Nadim bercerita, "Setelah Khalifah al-Ma'mun berjaya mengalahkan Kaiser Byzentium, maka baginda telah mengarahkan kepada Kaiser Rom Timur itu supaya mengirim buku-buku terplilih yang ditulis berkaitan ilmu pengetahuan lama yang disimpan di negeri Rom. Pada mulanya pihak kerajaan Rom enggan untuk memberinya, tetapi kemudian telah bersetuju memberi juga. Al-Ma'mun lalu mengirim al-Hajjaj bin Mattar, Ibnu Batriq, Salam pemimpin Baitul Hikmah dan lain-lain cendikiawan lagi untuk maksud tersebut. Maka berangkatlah utusan-utusan itu ke kota Constantinople dan mereka pilih buku-buku yang berharga di antara buku-buku yang mereka jumpai di sana, lalu dibawa pulang ke kota Baghdad. Al-Ma'mun memerintah agar buku-buku itu diterjemahkan ke dalam bahasa Arab lalu diterjemahkan."

Sedikit Tentang Ketua Penterjemah-Penterjemah Terkemuka

Memperkatakan tentang para penterjemah pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun, sebenarnya terdapat ramai orang-orang yang pintar atau cerdik pandai-cerdik pandai yang ahli di dalam beberapa ilmu bahasa seperti

seseorang itu ahli di dalam bahasa Arab dan Farsi, atau ahli di dalam bahasa Arab dan Greek tua atau Yunani, atau ahli di dalam bahasa Arab dan Hindi dan Rom, Qibti (Mesir), Ibrani (Yahudi), Suryani dan sebagainya. Tetapi tokoh-tokoh penterjemah yang hendak dikemukakan tentang mereka di bawah tajuk ini ialah tokoh-tokoh penterjemah yang merupakan pemimpin-pemimpin mereka yang bekerja di Baitul Hikmah. Terdapat beberapa belas orang sahaja di kalangan mereka. Marilah kita ikuti riwayat sebahagian mereka ini secara ringkas:-

Tokoh penterjemah yang paling terkemuka yang bekerja di Baitul Hikmah pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun ialah Hunain bin Ishak. Sebenarnya beliau ini sangat muda pada masa pemerintahan Khalifah al-Ma'mun. Beliau dilahirkan pada tahun 194 hijrah/810 Masihi, ini bermakna ketika Khalifah al-Ma'mun wafat pada tahun 218 hijrah/833 Masihi, Hunain bin Ishak baru berusia 24 tahun. Ini bererti ketika Khalifah al-Ma'mun naik takhta pada tahun 198 hijrah/813 Masihi, Hunain bin Ishak baru berusia 4 tahun.

Hunain bin Ishak dilahirkan di kota Baghdad ketika pemerintahan Khalifah al-Amin. Ketika itu Khalifah al-Amin baru menjadi khalifah selama setahun. Beliau seorang Arab, tetapi beragama Kristian. Khalifah al-Ma'mun sangat memandang tinggi kepada beliau kerana kebolehan beliau yang sangat baik di dalam ilmu bahasa yang membolehkan beliau muncul sebagai seorang penterjemah yang baik dan handal. Beliau adalah ahli di dalam empat bahasa iaitu Arab, Farsi, Suryani dan Yunani. Khalifah al-Ma'mun menjadikan beliau ketua kepada para penterjemah di Baitul Hikmah dan bertugas membaiki terjemahan-terjemahan oleh penterjemah yang lain.

Di Baitul Hikmah, Khalifah al-Ma'mun menugaskan beliau menterjemah buku-buku Yunani dan Suryani ke dalam bahasa Arab. Selain membaiki mana-mana terjemahan-terjemahan yang telah dibuat oleh penterjemah-penterjemah lain yang kurang tepat makna atau erti terjemahannya. Meskipun sangat sibuk selaku Ketua Baitul Hikmah, Hunain bin Ishak masih berkesempatan menterjemahkan buku-buku karya Plato, Galen, Ecliud dan lain-lain ke dalam bahasa Arab. Selain pakar di dalam bahasa, Hunain bin Ishak adalah juga mempunyai keahlian di dalam tiga ilmu iaitu perubatan, falsafah dan sejarah. Khalifah al-Ma'mun membayar gaji kepada beliau emas seberat buku-buku yang telah diterjemahkannya. Tulisan Hunain bin Ishak sangat jelas dan cantik. Beliau menggunakan kertas yang baik dan tahan lama. Bentuk tulisan beliau adalah mengikut seni tulisan khat Kufi (sejenis tulisan yang termasyhur di kota Kufah).

Hunain bin Ishak hidup sehinggalah ke tahun 260 hijrah/874 Masihi. Ini membolehkan beliau hidup di bawah sembilan khalifah bani Abbasiyyah dan menjadi doktor peribadi kepada Khalifah al-Mutawakkil. Beliau adalah seorang pengarang yang produktif atau prolifik. Banyak menghasilkan karya terjemahan sehingga mencapai lebih 100 buah. Selain bertekun melakukan

kerja-kerja penterjemahan di Baitul Hikmah memimpin para penterjemah yang lain, Hunain bin Ishak masih berkesempatan membuat beberapa lawatan ke beberapa buah perpustakaan di negeri tanah jajahan Rom dan juga Farsi.

Penterjemah kedua yang terkemuka pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun ialah Yuhanna bin al-Batriq. Beliau juga terkenal dengan nama Yahya bin al-Batriq. Bergelar Abu Zakaria. Beliau juga seorang Nasrani seperti Hunain bin Ishak. Beliau pakar di dalam bahasa Latin dan bekerja sebagai penterjemah sejak zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid lagi. Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun, beliau telah dihantar ke negara Rom dan jajahan takluknya bersama-sama al-Hajjaj bin Mattar dan Salam untuk mencari buku-buku bermutu yang ditulis oleh intelek-intelek Yunani. Beliau ditugaskan menterjemahkan buku-buku Greek tua ke dalam bahasa Arab khususnya di dalam bidang falsafah dan kedoktoran. Beliaulah yang menterjemah buku karya Galen yang berjudul *Tiryaf* dan buku karangan Aristotle yang bertajuk *al-Hayawan*.

Penterjemah terkemuka yang ketiga pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun ialah Ishak bin Hunain juga seorang Keristian. Bergelar Abu Ya'qub. Beliau bukan anak kepada Hunain bin Ishak kerana Hunain bin Ishak sangat muda pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun. Ketika Khalifah al-Ma'mun wafat, Hunain bin Ishak baru berusia 24 tahun. Kalau Hunain bin Ishak berkahwin ketika berusia 15 tahun, anak sulung beliau ketika Khalifah al-Ma'mun wafat baru berusia 9 tahun. Selain bertugas sebagai penterjemah buku-buku asing ke dalam bahasa Arab, Ishak bin Hunain juga adalah seorang doktor dan hakim. Beliau juga ada mengarang beberapa buah buku seperti buku yang berjudul *Kunnash al-Khif, Tarikh at-Tibba'* dan *al-Adwiyah al-Mufrad*. Beliau wafat pada tahun 298 hijrah/911 Masihi pada masa pemerintahan Khalifah al-Muqtadi.

Penterjemah terkemuka yang keempat ialah Yuhanna bin Masawaih. Beliau juga disebut dengan nama Yahya bin Masawaih. Beliau bertugas di Baitul Hikmah sejak zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid lagi sebagai ketua Baitul Hikmah. Beliau bukan seorang Arab, tetapi berbangsa Suryani. Beliau mahir di dalam bahasa Arab kerana beliau dibesarkan di kota Baghdad. Sebagaimana Hunain bin Ishak dan Ishak bin Hunain, Yuhanna bin Masawaih juga adalah seorang doktor. Beliau pakar di dalam penyakit mata. Khalifah Harun ar-Rasyid melantik beliau sebagai ketua penterjemah buku-buku kedoktoran Yunani ke dalam bahasa Arab.

Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun, Yuhanna bin Masawaih pernah dihantar oleh baginda ke negeri Rom untuk mencari buku-buku yang bermanfaat di sana. Beliau telah menjadi doktor peribadi kepada Khalifah al-Mutawakkil. Beliau wafat pada tahun 243 hijrah/857 Masihi di kota Samarra' pada zaman Khalifah al-Mutawakkil. Beliau sempat menterjemah lebih daripada 40 buah buku. Beliau juga seorang Nasrani.

Penterjemah terkemuka yang kelima ialah Allan asy-Syu'ubi. Berbangsa Farsi dan ahli di dalam sejarah asal usul bangsa-bangsa. Beliau ditugaskan menterjemah buku-buku bahasa Farsi ke dalam bahasa Arab. Di antara buku-buku masyhur yang beliau terjemahkan ialah buku *Fadail Rabiah* dan buku *Nisab an-Namru bin Qasit.*

Penterjemah terkemuka yang keenam ialah Sahl bin Harun, saudara kepada Said bin Harun. Berbangsa Farsi. Selain pakar bahasa Arab dan Farsi, Sahl bin Harun juga adalah seorang pemidato, penyair, hakim dan sasterawan. Beliau banyak menterjemah buku-buku yang dibawa dari pulau Qubrus. Beliau wafat pada tahun 215 hijrah/830 Masihi pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun juga.

Penterjemah terkemuka yang ketujuh ialah al-Fadhl bin Naubakht. Digelar Abu Sahl, berbangsa Farsi dan ahli di dalam berbagai-bagai ilmu pengetahuan. Beliau mula berkhidmat sejak zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid dan menterjemah buku-buku dari bahasa Farsi ke dalam bahasa Arab.

Penterjemah terkemuka yang kelapan ialah Yahya bin Abu Mansur. Digelar Abu Ali. Beliau ahli di dalam ilmu astronomi, ilmu kalam dan kesusasteraan. Beliau memeluk agama Islam pada zaman Khalifah al-Ma'mun. Beliau ditugaskan oleh Khalifah al-Ma'mun supaya mengkaji peredaran bintang-bintang dan mencipta alat penentu peredaran bintang-bintang. Penyelidikan dibuat di atas bukit Qasiyun di kota Damsyik dan bukit Syamsiah di kota Baghdad. Di dalam kesibukan membuat penyelidikan tentang bintang-bintang, Yahya bin Abu Mansur sempat juga menterjemah beberapa buah buku asing ke dalam bahasa Arab.

Penterjemah terkemuka yang kesembilan ialah Jibril bin Bakhtisyo'. Beliau dilantik oleh Khalifah Harun ar-Rasyid menjadi doktor peribadi baginda dan juga berkhidmat kepada khalifah-khalifah kemudiannya sehinggalah beliau wafat pada tahun 213 hijrah/828 Masihi.

Penterjemah terkemuka yang kesepuluh ialah Umar bin al-Farukhan. Beliau dilantik sebagai ketua penterjemahan di unit astronomi dan pernah bertugas sebagai penyelidik bintang-bintang pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid.

Penterjemah terkemuka yang kesebelas ialah Muhammad bin Musa al-Khawarizmi. Beliau amat terkemuka dan sangat ahli di dalam bidang matematik terutama di dalam aljebra, astronomi, geografi, sejarah, ilmu-ilmu greek dan India.

Penterjemah terkemuka yang kedua belas ialah al-Hajjaj bin Mattar. Bertugas sebagai ketua penterjemah di Baitul Hikmah. Beliau dilantik sejak zaman Khalifah Harun ar-Rasyid lagi. Khalifah al-Ma'mun menyambung tugas beliau itu. Beliau termasuk pakar yang dihantar oleh Khalifah al-Ma'mun ke negeri-

negeri taklukan Rom untuk mencari buku-buku yang ditulis dalam bahasa Yunani di sana.

Demikianlah maklumat beberapa belas tokoh-tokoh penterjemah yang handal yang merupakan ketua-ketua atau pemimpin-pemimpin kepada para penterjemah yang bekerja di Baitul Hikmah pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun, dan setengah-tengahnya telah bertugas sejak zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid lagi. Mereka sangat cemerlang dan mempunyai kesungguhan dan kesanggupan bekerja yang luar biasa sekali dan sukar ditandingi oleh sesiapapun.

Ilmu Agama Dan Ilmu Dunia

Sebenarnya apabila membicarakan tentang ilmu pengetahuan, ianya meliputi ilmu-ilmu agama dan dunia. Ilmu-ilmu agama bersumberkan al-Qur'an dan al-hadis, manakala ilmu-ilmu keduniaan bersumberkan kajian-kajian oleh cerdik pandai-cerdik pandai dan hasil pengalaman yang mereka perolehi.

Kewujudan ilmu-ilmu agama telah lama bermula iaitu sejak penciptaan Nabi Adam as lagi. Tetapi penyempurnaan ilmu dan ketepatan maklumat adalah setelah kebangkitan Nabi Muhammad s.a.w. Sejak itu ilmu agama terus berkembang dan mencapai satu skop maklumat berkaitan dengannya yang teramat luas dan dalam. Sumber utama ilmu-ilmu agama ialah al-Qur'an dan al-hadis. Jelas ilmu-ilmu agama bermula lebih awal daripada ilmu-ilmu duniawi di negara Islam khususnya di negara Arab. Meskipun ilmu-ilmu duniawi sebenarnya telah lama berkembang bermula sebelum tahun Masihi lagi iaitu di Mesir, Farsi, India, Yunani dan Rom, tetapi apabila dihubungkan dengan zaman pemerintahan Islam khususnya pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun, maka nampaknya ilmu-ilmu agama jauh lebih awal bermula kerana ilmu-ilmu duniawi baru mula muncul dan memperkenalkan dirinya setelah zaman kerajaan Abbasiyyah yang mencapai kemuncaknya pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun.

Ilmu-ilmu agama sebenarnya teramat luas bidangnya. Ianya bermula dengan ilmu tafsir al-Qur'an, ilmu hadis, ilmu nahu atau tatabahasa, kemudian berpecah atau berkembang kepada ilmu-ilmu fikah, tauhid, tasauf, akhlak dan sebagainya. Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun, ilmu agama sudah berbagai-bagai. Tidak lagi pada ilmu tafsir, ilmu hadis dan ilmu fikah sahaja, tetapi juga sudah merebak kepada ilmu tauhid, tasauf dan sebagainya yang perbahasannya dibuat secara mendalam.

Tokoh-Tokoh Ilmu Agama Pada Zaman Khalifah Al-Ma'mun

Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun muncul ramai sekali tokoh-tokoh ulama' besar di dalam bidang ilmu agama khususnya di dalam bidang

ilmu tafsir, hadis dan fikah. Tokoh-tokoh agama di dalam bidang tafsir al-Qur'an, hadis dan fikah seperti Imam asy-Syafie rhm, Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Ishak bin Ruhaiwah, Imam al-Auza'i, Imam Ibnu Abu Laila, Imam Lait bin Saad, Imam Yahya bin Hasan, Imam Abu Yusuf, Imam Muhammad bin Hasan asy-Syaibani dan ramai lagi. Manakala para ulama' di dalam bidang hadis pula seperti Imam Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Abu Daud, Imam ad-Darani, Imam Daruqutni, Imam Ibnu Khuzaimah dan lain-lain. Manakala para ulama' atau ahli-ahli ilmu di dalam bidang tasauf pula seperti al-Harith al-Muhaisibi dan lain-lain. Dalam bidang falsafah seperti al-Kindi. Tidak ketinggalan juga tokoh-tokoh bahasa seperti Sibawaihi, Khalil bin Ahmad dan Kisa'i dalam ilmu tatabahasa atau nahu.

Tokoh-Tokoh Ilmu Dunia Pada Zaman Khalifah Al-Ma'mun

Yang dimaksudkan dengan tokoh-tokoh ilmu dunia atau sarjana ilmu-ilmu keduniaan ialah mereka-mereka yang ahli di dalam bidang-bidang ilmu selain ilmu agama seperti ilmu falsafah, matematik, kedoktoran, metafizik, lojik, geografi, muzik, astronomi, geometri, pembedahan, permakanan, sejarah, kimia, fizik, bioloji, geologi dan lain-lain.

Kita sukar untuk mengatakan seseorang sarjana itu ahli di dalam satu-satu ilmu kerana kebanyakan sarjana-sarjana ilmu yang hidup pada zaman ini adalah merupakan ahli-ahli ilmu yang pakar di dalam banyak bidang ilmu. Mereka dikatakan sangat menonjol dalam satu-satu bidang ilmu, sedangkan mereka juga adalah pakar di dalam ilmu-ilmu yang lain. Sebab itu apabila disebut al-Kindi, beliau bukan sahaja ahli di dalam bidang ilmu falsafah, tetapi juga di dalam berbagai-bagai bidang ilmu yang lain.

Tetapi kebanyakan ahli-ahli sejarah apabila menyebut al-Kindi, mereka maksudkan seorang ahli falsafah Islam Arab yang paling tekemuka. Begitu pula apabila disebut al-Khawarizmi, maksudnya seorang sarjana ilmu matematik yang sangat terkemuka, padahal al-Khawarizmi bukan sahaja pakar matematik, tetapi pakar di dalam berbagai-bagai bidang ilmu yang lain sebagaimana al-Kindi juga.

Pada masa inilah hidup ahli falsafah Arab yang terkemuka iaitu al-Kindi (wafat tahun 252 hijrah/866 Masihi). Al-Kindi dilahirkan di kota Basrah pada tahun 185 hijrah/801 Masihi. Setelah ayahnya wafat, beliau berpindah ke kota Baghdad. Ketika itu beliau masih kanak-kanak. Ketika Khalifah al-Ma'mun dilantik menjadi khalifah, al-Kindi baru berusia 13 tahun. Ketika Khalifah al-Ma'mun wafat, al-Kindi baru berusia 33 tahun. Beliau bukan sahaja pakar di dalam ilmu falsafah, tetapi juga pakar di dalam ilmu kaji bintang (astronomi), geografi, sejarah, ilmu-ilmu Greek dan India. Beliau menulis kira-kira 270 buah buku di dalam bidang metafizik, matematik, lojik, geografi, muzik, astronomi, geometri, pembedahan, permakanan, ilmu tauhid, sejarah, kimia, geologi dan lain-lain.

Pakar matematik (al-jebra dan geometri) Muhammad bin Musa al-Khawarizmi (wafat 232 hijrah/847 Masihi). Sebenarnya al-Khawarizmi juga adalah ahli di dalam ilmu kajibintang (astronomi), geografi, sejarah, ilmu-ilmu Greek dan India.

Pada masa ini juga hidup ahli sejarah yang terkemuka ialah Saif bin Umar at-Tamimi. Saif bin Umar adalah ahli sejarah yang awal yang hidup di kota Kufah. Dikatakan Imam at-Tabari mencipta buku sejarahnya yang berjudul Tarikh *Rasul wal Mulk* adalah hasil ciplak dari buku Saif bin Umar at-Tamimi. Saif wafat pada tahun 180 hijrah/796 Masihi pada zaman pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid.

Pada masa ini juga hidup Musa bin Syakir yang melahirkan anak-anak yang menjadi intelek yang telah menabur jasa yang tidak berbeza dengan tokoh-tokoh intelek yang lain seperti para penterjemah yang telah disebutkan di atas. Musa berbangsa Farsi.

Mengikut catitan ahli-ahli sejarah bahawa Musa bin Syakir adalah seorang penyamun. Kemudian bekerja sebagai ahli nujum nasib kepada Khalifah al-Ma'mun. Ketika Musa bin Syakir meninggal dunia, beliau meninggalkan tiga orang anak-anak yang masih kecil. Khalifah al-Ma'mun telah menyerahkan anak-anak Musa bin Syakir supaya dijaga oleh Ishak bin Ibrahim al-Mus'abi yang merupakan bekas gabenor kota Baghdad. Ishak bin Ibrahim al-Mus'abi telah menerima amanah yang diberikan oleh Khalifah al-Ma'mun kepadanya.

Ishak bin Ibrahim kemudian mendidik ketiga-tiga anak Musa bin Syakir itu dengan menghantarnya belajar di Baitul Hikmah yang ketika ini diketuai atau dikelolai oleh Yahya bin Abu Mansur. Ketiga-tiga anak-anak Musa bin Syakir membesar di Baitul Hikmah dan telah muncul sebagai pemuda-pemuda yang pintar dan sangat pandai di dalam bidang ilmu pengetahuan.

Anak Musa bin Syakir yang pertama bernama Muhammad. Muhammad pintar atau pakar di dalam ilmu astronomi, jurutera, geometri dan fizik. Anak kedua Musa ialah Ahmad. Ahmad pakar di dalam ilmu jurutera dan mesin. Anak ketiga atau bongsu ialah Hasan. Hasan pakar di dalam ilmu jurutera dan geometri.

Menganut Mazhab Mu'tazilah

Perkembangan ilmu pengetahuan di zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun sebenarnya bukan sahaja telah memberi kebaikan kepada umat Islam, tetapi juga kesan yang buruk ke atas kerajaan dan rakyat. Ini adalah kerana usaha-usaha memperkembangkan ilmu pengetahuan dengan cara menterjemahkan buku-buku karangan cendekiawan-cendekiawan asing khususnya buku-buku falsafah dan lojik telah menyebabkan sebahagian umat atau ulama' atau cerdik pandai Islam telah menjadi manusia yang sangat mengutamakan akal di dalam semua persoalan termasuklah persoalan-

persoalan agama yang sebenarnya tidak boleh didasarkan kepada kelogikan akal. Islam sebenarnya mendahulukan nas daripada akal. Tetapi orang-orang atau pakar-pakar atau cerdik pandai yang menamakan diri mereka kaum Mu'tazilah telah mengutamakan akal di dalam semua perkara termasuklah di dalam beberapa persoalan-persoalan agama sehingga mereka sampai kepada persoalan atau pertanyaan, apakah al-Qur'an itu qadim atau makhluk? Mereka memutuskan al-Qur'an itu makhluk. Alasan mereka ialah Allah SWT itu tidak mempunyai sifat atau tidak bersifat. Jadi tidak mungkin al-Qur'an itu qadim sedangkan ianya terpisah daripada Allah SWT. Mereka memutuskan al-Qur'an itu adalah kejadian Allah SWT. Mereka juga beralaskan kepada ayat yang bermaksud, ***"Sesungguhnya Kami (Allah swt) menjadikan al-Qur'an itu dalam bahasa Arab supaya kamu memahaminya."*** (Lihat al-Qur'an surah az-Zukhruf ayat 3). Dan ayat, ***"Dan sekiranya Kami jadikan al-Qur'an itu suatu bacaan dalam bahasa selain bahasa Arab, nescaya mereka akan mengatakan................"*** (Lihat al-Qur'an surah al-Fussilat ayat 44). Ini bukti bahawa al-Qur'an itu makhluk kerana ia dijadikan. Jadi salahlah kaum Ahlis Sunnah wal Jamaah yang menetapkan al-Qur'an itu qadim dikatakan sebagai satu dari sifat-sifat Allah SWT.

Padahal ayat itu mahu mengatakan bahawa Allah SWT jadikan al-Qur'an dalam bahasa Arab bukan al-Qur'an itu dijadikan, tetapi dijadikan dalam bahasa Arab. Maka pendapat orang-orang Mu'tazilah yang mengatakan al-Qur'an dijadikan oleh Allah SWT adalah keliru.

Satu lagi hujjah kaum Mu'tazilah bahawa al-Qur'an itu bukan qadim, tetapi makhluk ialah Allah SWT hanyalah zat tanpa sifat. Jadi bagaimana zat Allah boleh terlepas daripada zatNya? Bukankah zat Allah SWT itu qadim? Bagaimana zat Allah SWT (al-Qur'an) boleh terlepas daripada Zatnya? Tetapi golongan Ahlis Sunnah wal Jamaah mengatakan Allah SWT itu zat dan sifat, bukan zat sahaja. Dan al-Qur'an itu adalah terhasil dari kalam Allah SWT yang merupakan sifatNya yang tidak pernah terlepas daripada zat Allah SWT. Sebagai contoh satu lembaran pidato seseorang, apakah lembaran itu sebenarnya pidato seseorang itu? Tidak! Pidato seseorang itu tetap pada dirinya. Yang menjadi lembaran itu adalah terjemahan pidato seseorang itu. Jadi kalau dikatakan lembaran itu adalah pidato seseorang itu, maka itu adalah benar juga. Tetapi pada hakikatnya pidato seseorang itu tidak pernah terlepas daripada diri si pemidato. Ini terbukti sekiranya si pemidato itu mengulangi semula apa yang dia telah pidatokan, maka dia dapat berbuat demikian kerana isi pidato itu adalah dari dirinya. Begitu juga dengan al-Qur'an. Al-Qur'an itu tetap tidak pernah terlepas daripada zat Allah SWT kerana ianya adalah sifat Allah SWT iaitu kalam Allah. Adapun yang ditulis dalam bahasa Arab itu adalah terjemahan daripada kalam Allah SWT yang terbit dari zat Allah SWT. Kalam itu tetap berada di zat Allah SWT. Jadi kalau dikatakan lembaran itu adalah kalam Allah swt, maka itu adalah benar juga. Sebab itu Imam Ahmad

bin Hanbal tidak mahu memperkatakan tentang lembaran al-Qur'an yang ditulis dengan dakwah di atas kertas dalam bahasa Arab itu melainkan tetap kalam Allah yang qadim.

Peristiwa munculnya fahaman fitnah kemakhlukan al-Qur'an setelah menjelang tahun 215 hijrah/830 Masihi yang mana ketika Khalifah al-Ma'mun sedang (sudah setahun - P) berperang dengan pihak kerajaan Rom Timur atau Byzentium sehinggalah baginda wafat pada tahun 218 hijrah/833 Masihi, maka sebahagian tugas memperjuangkan fahaman kaum Mu'tazilah ditangani oleh gabenor kota Baghdad iaitu Ishak bin Ibrahim.

Pada masa itu golongan yang berfahaman Mu'tazilah diketuai oleh seorang ulama' yang bernama Ahmad bin Abu Duad. Manakala kaum Ahlis Sunnah wal Jamaah diketuai oleh Imam Ahmad bin Hanbal. Terdapat tiga orang ulama' lagi yang menyertai Imam Ahmad bin Hanbal iaitu Imam Muhammad bin Nuh, Imam Abdullah bin al-Ghuwariri dan Imam Sajadah. Perdebatan berlaku di antara Ahmad bin Abu Duad dengan Imam Ahmad bin Hanbal. Khalifah al-Ma'mun pula lebih tertarik kepada hujjah-hujjah yang dikemukakan oleh kaum Mu'tazilah. Baginda mahu semua ulama' Islam dan seluruh rakyat jelata menganut fahaman kaum Mu'tazilah yang berpegang bahawa al-Qur'an itu adalah makhluk.

Imam Ahmad bin Hanbal telah mempertahankan pendapat kaum Ahlis Sunnah wal Jamaah yang berpegang bahawa al-Qur'an itu adalah qadim. Sebab al-Qur'an adalah Kalamullah. Macam mana Kalam Allah itu makhluk? Sesuatu yang keluar daripada Zat Allah itu adalah sesuatu yang qadim. Tetapi Khalifah al-Ma'mun berpegang kepada pegangan kaum Mu'tazilah yang mengatakan al-Qur'an itu ciptaan Allah SWT serupa dengan seluruh ciptaan-ciptaan Allah yang lain seperti alam ini keseluruhannya. Tetapi Imam Ahmad bin Hanbal tetap berkeras mempertahankan bahawa al-Qur'an itu adalah qadim, kalam Allah SWT yang qadim. Dengan sebab mempertahankan al-Qur'an adalah qadim yang bertentangan dengan pegangan Khalifah al-Ma'mun, telah menyebabkan Imam Ahmad bin Hanbal dan ketiga-tiga ulama' yang menyertai beliau telah dipenjarakan di tempat yang sempit dan dipukul oleh pihak pemerintah. Beberapa hari kemudian keempat-empat ulama' Ahlis Sunnah wal Jamaah itu telah dibawa ke hadapan gabenor kota Baghdad iaitu Ishak bin Ibrahim. Mereka diminta memberi jawapan yang tegas terhadap persoalan tersebut. Kali ini dua orang ulama' iaitu Imam Ibnu al-Ghuwariri dan Imam Sajadah telah mengaku kalah dengan menurut kehendak pihak Khalifah al-Ma'mun kerana tidak tahan menanggung seksaan dipenjara dan dipukul. Mereka berdua dibenarkan pulang ke rumah. Tinggal lagi Imam Ahmad bin Hanbal dan Imam Muhammad bin Nuh yang tetap mempertahankan pendirian mereka tanpa mahu mengubah. Akibatnya Imam Ahmad bin Hanbal dan Imam Muhammad bin Nuh terus dipenjara dan diseksa. Imam Ahmad bin Hanbal dan Imam Muhammad bin Nuh masih berada di penjara dan diseksa

sehinggalah Khalifah al-Ma'mun wafat dan digantikan dengan Khalifah al-Mu'tasim.

Pelantikan Putera Mahkota

❖ Tindakan Memindahkan Jawatan Khalifah Kepada Ahlil Bait

Sebenarnya persoalan melantik Putera Mahkota oleh Khalifah al-Ma'mun adalah suatu tindakan yang amat luar biasa sekali. Belum pernah terjadi di dalam sejarah mana-mana khalifah atau raja-raja Islam seseorang khalifah atau raja cuba melantik seorang lain yang di luar daripada keluarga mereka sebagai khalifah atau raja yang akan menggantikan mereka kelak. Ini hanya berlaku pada zaman Khalifah al-Ma'mun sahaja. Siapakah tokoh yang dilantik oleh Khalifah al-Ma'mun sebagai Putera Mahkota baginda itu? Dia ialah Imam Ali ar-Redha bin Imam Musa al-Kazim, Imam Syiah kelapan di dalam mazhab Syiah Isna Asya'ariyyah.

Bagaimanakah Khalifah al-Ma'mun boleh terfikir atau tertarik untuk melantik Imam Ali ar-Redha sebagai bakal khalifah sesudah baginda? Sebenarnya ini adalah idea atau buah fikiran dari menteri baginda juga. Al-Fadhl bin Sahl adalah menteri Khalifah al-Ma'mun yang cenderong kepada kaum Alawiyyeen. Al-Fadhl bin Sahllah yang telah memberi idea kepada Khalifah al-Ma'mun supaya melantik Imam Ali ar-Redha sebagai Putera Mahkota dengan mengemukakan alasan bahawa sebenarnya jawatan khalifah kaum Muslimin adalah hak keluarga Rasulullah s.a.w. dari pihak keturunan Sayidah Fatimah az-Zahra' rha, yang merupakan isteri pertama dan utama Sayidina Ali bin Abu Talib. Dan mengingatkan jasa-jasa Sayidina Ali bin Abu Talib ketika menjadi khalifah yang telah melantik moyang mereka Abdullah bin al-Abbas sebagai gabenor kota Basrah dan saudara Abdullah iaitu Ubaidullah bin al-Abbas sebagai gabenor di negeri Yaman. Hujjah-hujjah inilah yang telah menarik hati dan mempengaruhi fikiran Khalifah al-Ma'mun untuk memilih keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib dari kalangan Ahlil Bait sebagai Putera Mahkota seterusnya bakal khalifah umat Islam yang akan memerintah dunia Islam setelah kewafatan baginda.

Tetapi tindakan ini telah menimbulkan kekecohan besar di kalangan keluarga bani Abbasiyyah sehingga tercetus pemberontakan di kota Baghdad dan kaum keluarga bani al-Abbas bersama-sama penduduk Baghdad telah sepakat mengangkat Ibrahim bin al-Mahdi iaitu bapa saudara Khalifah al-Ma'mun sebagai khalifah yang menggantikan Khalifah al-Ma'mun yang bersemayam di negeri Khurasan itu.

Kerana tidak mahu penolakan keluarga bani al-Abbas yang disertai oleh penduduk kota Baghdad terhadap kepimpinan baginda selaku khalifah umat Islam, maka Khalifah al-Ma'mun akhirnya telah menarik balik tindakan baginda melantik Imam Ali ar-Redha selaku Putera Mahkota itu. Caranya ialah

dengan membunuh Imam Ali ar-Redha.

Setelah Imam Ali ar-Redha dibunuh bersama-sama dengan al-Fadhl bin Sahl yang merupakan punca kepada perlantikan Imam Ali ar-Redha sebagai Putera Mahkota itu, maka Khalifah al-Ma'mun membujuk penduduk kota Baghdad (terutama kepada keluarga bani al-Abbas sendiri) agar kembali memberi baiat kepada baginda.

Dengan itu berakhirlah pemberontakan penduduk kota Baghdad terhadap pemerintahan Khalifah al-Ma'mun yang terjadi sekitar tahun 202 hijrah/817 Masihi.

Keluarga

Setakat yang penyusun memperoleh maklumat, bahawa Khalifah al-Ma'mun berkahwin dengan dua orang perempuan sahaja. Isteri baginda yang pertama ialah Ummu Isa bin Musa al-Hadi iaitu saudara sepupu baginda sendiri. Dengan isteri ini, baginda dikurniakan dua orang anak lelaki ialah Muhammad as-Sughra dan Ubaidullah.

Isteri baginda yang kedua ialah Buran binti al-Hasan bin Sahl, anak saudara menteri baginda yang pertama al-Fadhl bin Sahl. Perkahwinan dengan Buran terjadi pada tahun 210 hijrah/825 Masihi. Para sejarawan mengatakan perkahwinan Khalifah al-Ma'mun dengan Buran dibuat secara besar-besaran sehingga mencapai ke tahap pembaziran. Bahkan Khalifah al-Ma'mun telah memberi wang kepada bapa mertua merangkap menteri baginda iaitu al-Hasan bin Sahl sebanyak 10 juta dirham dan kepada anak-anak al-Hasan masing-masing satu juta. Antara anak-anak al-Hasan bin Sahl selain Buran ialah Muhammad dan Ahmad. Perkahwinan Khalifah al-Ma'mun dengan Buran dibuat semata-mata untuk menutup pembunuhan al-Fadhl bin Sahl yang baginda lakukan. Penyusun masih belum menemui maklumat, apakah Khalifah al-Ma'mun memperoleh anak dari perkahwinan baginda dengan Buran binti al-Hasan bin Sahl.

Khalifah al-Ma'mun dikatakan masih mempunyai anak-anak yang lain seperti al-Abbas dan al-Fadhl.

Inilah dua orang isteri Khalifah al-Ma'mun. Penyusun masih belum mendapat maklumat siapakah jariah-jariah Khalifah al-Ma'mun.

Kemeriahan Perkahwinan Dengan Buran

Khalifah al-Ma'mun melangsungkan perkahwinan baginda dengan Buran puteri menteri baginda al-Hasan bin Sahl dengan sangat meriah sekali. Perkahwinan ini berlangsung pada tahun 210 hijrah/825 Masihi iaitu setelah enam tahun terjadinya pembunuhan ke atas al-Fadhl bin Sahl. Al-Hasan bin Sahl telah mengeluarkan belanja yang sangat besar ketika mengadakan majlis

perkahwinan puterinya Buran dengan Khalifah al-Ma'mun. Di antara atur cara yang dibuat ialah diselitkan sekeping kertas yang ditulis nama sebuah kebun milik beliau di dalam sebiji buah tembikai. Kepada sesiapa yang memperoleh buah tembikai yang mengandungi kertas yang ditulis estet itu, si bertuah itu diberi estet itu. Khalifah al-Ma'mun sendiri menganggap majlis perkahwinan baginda dengan Buran adalah suatu majlis yang membazir harta kekayaan. Ketika mahu menyambut Khalifah al-Ma'mun, al-Hasan bin Sahl telah membentang hamparan tenunan emas bertatah beribu butir mutiara. Demikian riwayat oleh Ibnu Tabatiba.

Wafat

Sejak dari tahun 214 hijrah/829 Masihi, Khalifah al-Ma'mun mula menerjunkan diri baginda ke medan perang sehinggalah tahun 218 hijrah/833 Masihi iaitu sehingga ke wafat baginda. Masanya selama empat tahun. Sebelum itu baginda tidak pernah menceburkan diri memimpin angkatan tentera untuk menghapuskan musuh negara dan para pemberontak. Baginda hanya menghantar pasukan sahaja untuk menghadapi semua pemberontakan yang meletus. Tetapi apabila baginda sangat menyedari betapa bahayanya pemberontakan Babuk al-Khurrami yang telah dibantu oleh kerajaan Rom Timur atau Byzentium, maka hati Khalifah al-Ma'mun tidak dapat ditahan-tahan lagi untuk menerjunkan diri ke dalam medan perang. Ini berlaku setelah baginda memerintah selama 16 tahun.

Khalifah al-Ma'mun berjaya dalam banyak pertempuran dengan tentera kerajaan Byzentium. Dalam pertempuran di kota Tarsus, tentera Rom Timur telah mengalami kekalahan yang teruk sehingga memaksa Maharaja Rom iaitu Kaiser Theophilus membayar jizyah kepada Khalifah al-Ma'mun. Setelah Khalifah al-Ma'mun sampai di sebuah kota bernama Budendun yang terletak di utara kota Tus pada tahun 218 hijrah/833 Masihi, baginda jatuh sakit dan wafat di situ. Ketika itu usia baginda baru 48 tahun. Sebelum wafat, Khalifah al-Ma'mun sempat menyebut nama saudaranya al-Mu'tasim sebagai pengganti baginda.

Kelebihan Dan Keistimewaan

Tentang kelebihan dan keistimewaan yang dimiliki oleh Khalifah al-Ma'mun tentulah banyak. Kelebihan dan keistimewaan baginda di dalam bidang ilmu pengetahuan terutama di dalam lapangan ilmu agama dikatakan baginda telah diberi pendidikan di dalam bidang ilmu tatabahasa Arab, fikah dan sejarah oleh ayahandanya Khalifah Harun ar-Rasyid sejak masih kecil lagi. Ini adalah kerana Khalifah Harun ar-Rasyid yang dirinya adalah seorang yang sangat alim di dalam ilmu-ilmu agama terutama di dalam ilmu al-Qur'an, hadis dan fikah tidak mahu melihat anakanda baginda menjadi manusia yang tidak berilmu pengetahuan atau jahil tidak mengetahui ilmu apa-apa.

Dikatakan guru Khalifah al-Ma'mun yang pertama ialah ayahanda baginda sendiri Khalifah Harun ar-Rasyid. Selain ini ialah Hisyam bin Urwah bin az-Zubair bin al-Awwam, Abbad bin az-Zubair bin al-Awwam, Yusuf bin Atiyyah, Abu Mu'awiyah adh-Dharir, Ismail bin Aliyyah, Hajjaj al-A'war dan ramai lagi. Ismail bin Aliyyah yang dikatakan telah menyimpang akidah Khalifah al-Ma'mun (daripada fahaman Ahlis Sunnah wal Jamaah kepada Mu'tazilah – P) kerana dialah yang mula-mula menyebar fahaman Mu'tazilah kepada Khalifah al-Ma'mun.

Manakala murid baginda pula (ini tentunya yang belajar kepada baginda secara tidak resmi) ialah putera baginda sendiri yang bernama al-Fadhl, Yahya bin Aktham (yang baginda lantik menjadi qadhi kerajaan baginda), Ja'far bin Abu Sulaiman al-Tayalisi, Abdullah bin Tahir, gabenor Syam dan Khurasan, Ahmad bin al-Harith asy-Syi'i, Da'bal al-Khuza'i dan ramai lagi.

Kelebihan dan keistimewaan Khalifah al-Ma'mun yang lain ialah baginda sangat cerdas, pintar mentabdir, bijaksana, berani, kepahlawanan, tajam akal fikiran, berkebolehan dan sangat pemaaf.

AL-MU'TASIM
(218-227 Hijrah=833-842 Masihi)

Pengenalan

Al-Mu'tasim adalah Khalifah kerajaan dinasti bani Abbasiyyah yang kelapan dan salah seorang daripada empat orang khalifah bani Abbasiyyah yang agung. Imam as-Sayuti memetik kata-kata Imam az-Zahabi yang berbunyi, "al-Mu'tasim termasuk khalifah yang agung dan berwibawa seandainya dia tidak terperangkap menguji ulama' tentang al-Qur'an itu makhluk." Baginda dilantik menjadi khalifah kerajaan dinasti bani Abbasiyyah menggantikan tempat kakanda baginda Khalifah al-Ma'mun yang wafat. Ketika itu baginda baru berusia 40 tahun. Tetapi baginda bukanlah salah seorang Putera Mahkota yang dilantik oleh ayahanda baginda Khalifah Harun ar-Rasyid sebagaimana kakanda baginda al-Amin, al-Ma'mun dan juga al-Qasim dan tidak pula diberi kawasan untuk memerintah sebagaimana ketiga-tiga saudara baginda yang tersebut itu. Ini adalah kerana ketika ayahanda baginda Khalifah Harun ar-Rasyid membuat perlantikan Putera Mahkota dan pembahagian kawasan pentadbiran kepada ketiga-tiga putera baginda itu, al-Mu'tasim ketika itu baru berusia 5 tahun dan ketika Khalifah Harun ar-Rasyid wafat, al-Mu'tasim baru berusia 15 tahun. Sebab itulah baginda tidak pernah diambil perhatian oleh ayahanda baginda untuk melantik baginda menjadi pentadbir wilayah sebagaimana ketiga-tiga kakanda baginda yang telah agak berusia itu.

Khalifah al-Mu'tasim tidak sebagaimana ayahanda dan kakanda baginda Khalifah al-Ma'mun yang sangat meminati ilmu pengetahuan dan berusaha memajukan ilmu pengetahuan dengan memasukkan kitab-kitab dan buku-buku asing ke dalam negara serta menterjemahkannya, baginda hanya lebih berminat kepada soal-soal ketenteraan dan peperangan kurang sekali memberi penumpuan kepada soal-soal ilmu pengetahuan. Sebab itu baginda tidak terkenal sebagai seorang ahli ilmu pengetahuan sebagaimana moyang, datuk, ayahanda dan kakanda baginda yang merupakan orang-orang alim. Apa yang menyerupai baginda dengan mereka itu ialah berkaitan dengan keperkasaan selaku seorang pahlawan dan seorang pentadbir yang cekap dan berkebolehan.

Pada masa pemerintahan kakanda baginda Khalifah al-Ma'mun, al-Mu'tasim

dilantik menjadi gabenor di negeri Syam dan juga Mesir, di samping merupakan tenaga penting di dalam bidang ketenteraan. Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun, selain Tahir bin Husin, Harthamah bin A'yun, Abdullah bin Tahir, al-Mu'tasim adalah selalu diamanahkan untuk memimpin pasukan tentera menghapuskan pemberontakan dan pencerobohan pihak tentera Rom Timur di sempadan negara. Bahkan ketika Khalifah al-Ma'mun wafat dan baginda dilantik menjadi khalifah pun, (Khalifah) al-Mu'tasim ketika itu sedang memimpin angkatan tentera memerangi tentera Rom Timur di wilayah Tarsus, dalam negara Turki.

Pada awal-awal pemerintahan baginda, telah terjadi usaha untuk menyingkir baginda dari jawatan khalifah oleh pihak tentera yang sebahagian besarnya adalah orang-orang Farsi, tetapi gagal kerana orang yang mahu dilantik menjadi khalifah iaitu al-Abbas bin al-Ma'mun telah memberi baiat kepada al-Mu'tasim untuk menjadi khalifah. Dan telah timbul juga beberapa kekacauan dan pemberontakan yang dicetuskan oleh rakyat dan juga pencerobohan oleh tentera kerajaan Rom Timur di sempadan wilayah. Tetapi semua usaha-usaha jahat dan pemberontakan serta pencerobohan itu telah berjaya dihapus atau dipadamkan oleh Khalifah al-Mu'tasim yang dibantu oleh tenaga-tenaga pahlawan berbangsa Turki yang handal dan perkasa.

Perlu sangat disebut bahawa pada zaman pemerintahan Khalifah al-Mu'tasim, pengaruh orang-orang Arab terus merosot dan pengaruh orang-orang Farsi mulai pudar dari pentadbiran kerajaan, dan diisi pula oleh pengaruh bangsa Turki. Pada mulanya ketika baru-baru dilantik menjadi khalifah, Khalifah al-Mu'tasim masih memakai tenaga-tenaga bangsa Farsi di dalam pentadbiran kerajaan seperti dijadikan pengawal keselamatan peribadi, pengawal istana dan juga anggota tentera serta panglima perang, tetapi setelah baginda mengetahui sifat-sifat orang Farsi yang bukan mahu menguatkan kedudukan pemerintah, tetapi lebih kepada untuk kepentingan peribadi dan bangsa Farsi, dan baginda melihat orang-orang Arab tidak begitu menyukai baginda yang merupakan seorang yang berdarah kacukan Turki (dari pihak ibu), maka Khalifah al-Mu'tasim mula mengalihkan perhatian baginda kepada bangsa asing yang lain. Baginda mendapati bangsa Turki amat sesuai untuk diisi menggantikan tempat bangsa Arab dan Farsi untuk menguatkan kerajaan dan tentera baginda. Ini kerana amat sesuai dengan darah keturunan baginda dari pihak ibunda baginda itu. Akhirnya Khalifah al-Mu'tasim memenuhkan para pegawai, pengawal peribadi dan istana, para gabenor serta tentera dan pemimpin-pemimpin tentera dengan orang-orang berbangsa Turki. Sehingga orang-orang Turki menjadi besar kepala kerana merasa mereka sangat diutamakan dan tenaga serta kebolehan mereka sangat diperlukan oleh yang baru memegang kuasa iaitu Khalifah al-Mu'tasim.

Apa yang penting juga untuk disebutkan ialah pembinaan kota Samarra' oleh Khalifah al-Mu'tasim. Setelah kota Samarra' siap dibina, Khalifah al-

Mu'tasim telah meninggalkan kota Baghdad dan diserahkan kepada putera baginda al-Wathiq untuk mentadbirnya. Baginda menjadikan kota Samarra' sebagai pusat pentadbiran pemerintahan baginda yang baru sebagaimana ayahanda baginda Khalifah Harun ar-Rasyid yang membina kota ar-Raqqah dan menjadikannya sebagai pusat pentadbiran yang baru setelah terjadi tragedi pembunuhan kaum Baramikah.

Apa yang disesalkan terhadap diri Khalifah al-Mu'tasim ialah berkaitan dengan pegangan akidah baginda. Baginda sebagaimana juga dengan kakanda baginda Khalifah al-Ma'mun telah berpegang dengan teguh kepada mazhab Mu'tazilah terutama berkaitan dengan al-Qur'an itu makhluk. Mazhab Mu'tazilah turut dipegang pula oleh putera baginda al-Wathiq dan mazhab ini hanya dapat dihapuskan daripada menjadi mazhab resmi kerajaan bani Abbasiyyah setelah Khalifah al-Mutawakkil dilantik menjadi khalifah menggantikan tempat Khalifah al-Wathiq. Kalau setakat bermazhab Mu'tazilah untuk diri baginda sahaja tidaklah mengapa. Ini memaksa seluruh rakyat agar turut menganut sama. Mana boleh jadi demikian? Pada zaman baginda juga telah terjadi penyiksaan ke atas para ulama' Ahlis Sunnah wal Jamaah yang mempertahankan pegangan al-Qur'an itu Kalamullah yang qadim termasuklah ke atas diri Imam Ahmad bin Hanbal yang merupakan kepala atau ketua ulama' Ahlis Sunnah wal Jamaah yang mempertahankan akidah yang benar itu.

Kelahiran Dan Peribadi

Khalifah al-Mu'tasim dilahirkan pada tahun 178 hijrah/794 Masihi di kota Baghdad ketika ayahanda baginda Khalifah Harun ar-Rasyid telah menjadi khalifah selama 8 tahun. Baginda adalah putera keempat kepada Khalifah Harun ar-Rasyid di belakang ketiga-tiga kakanda baginda iaitu al-Amin, al-Ma'mun dan al-Qasim. Selain keempat-empat mereka ini, Khalifah Harun ar-Rasyid masih mempunyai ramai lagi putera dan puteri. Untuk mendapat maklumat tentang saudara-saudara Khalifah al-Mu'tasim atau anak-anak Khalifah Harun ar-Rasyid, bolehlah dirujuk semula di bawah tajuk keluarga Khalifah Harun ar-Rasyid.

Salasilah keturunan Khalifah al-Mu'tasim secara lengkapnya dari pihak ayahanda baginda samalah dengan salasilah keturunan Khalifah al-Ma'mun iaitu Muhammad (bergelar al-Mu'tasim) bin Harun ar-Rasyid bin al-Mahdi bin Abu Ja'far al-Mansur bin Muhammad as-Sajjad bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas bin Abdul Muttalib. Gelaran baginda ialah Abu Ishak. Manakala salasilah baginda dari pihak ibu pula ialah Muhammad al-Mu'tasim bin Maridah. Maridah adalah salah seorang jariah Khalifah Harun ar-Rasyid dan seorang wanita berbangsa Turki.

Tentang sifat-sifat dan rupaparas Khalifah al-Mu'tasim, sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibnu Abdul Rabbih di dalam kitabnya *Iqdul Farid* adalah baginda seorang lelaki yang tinggi tubuh badannya, kulit putih bersih, misainya

diwarnakan dengan warna merah jadilah ianya kemerah-merahan, manakala janggutnya pula diwarnakan dengan pewarna perang jadilah janggutnya berwarna perang. Tenaga baginda sangat kuat dan baginda mampu membawa (memikul atau membimbit - P) sebuah pintu (besi atau tembaga - P) yang beratnya 750 kati. Pada lain riwayat dikatakan Khalifah al-Mu'tasim mampu memegang sebatang tongkat dari besi yang besar dan barang-barang besar yang tidak mampu diangkat oleh beberapa orang lelaki yang kuat-kuat. Sebagaimana yang telah disebutkan di atas, bahawa Khalifah al-Mu'tasim adalah seorang pahlawan yang sangat perkasa dan gagah. Ini tentunya kerana sudah menjadi ciri-ciri peribadi baginda yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada baginda.

Khalifah al-Mu'tasim terkenal sebagai seorang yang berperangai mulia, baik budi bahasanya dan seorang yang sangat pemaaf menuruti perangai kakanda baginda Khalifah al-Ma'mun. Baginda akan memaafkan sesiapa sahaja yang datang meminta maaf kepada baginda. Sebagai contoh orang-orang Zatt yang membuat kekacauan. Setelah mereka merasa akan hancur di tangan tentera Khalifah al-Mu'tasim, mereka segera datang kepada Khalifah al-Mu'tasim untuk meminta maaf di atas perbuatan mereka membuat kekacauan di dalam negara yang telah menyusahkan khalifah dan kehidupan orang ramai itu. Khalifah al-Mu'tasim telah memaafkan mereka.

Sungguhpun begitu, Khalifah al-Mu'tasim tidak akan memberi kemaafan kepada sesiapa pun yang membuat kesalahan tetapi tidak mahu memohon kemaafan kepada baginda. Sebagai contoh ketika seorang penyair bernama Ibnu Yunus mengalunkan serangkap syair menghina baginda, Khalifah al-Mu'tasim telah bernazar untuk membunuh Ibnu Yunus itu. Syair Ibnu Yunus itu berbunyi;

Para penguasa bani Abbas ada tujuh dalam catitan,

Tidak ada data pada kami yang menyatakan yang kelapan,

Begitu pula tujuh penghuni gua dalam surah al-Kahfi dalam al-Qur'an,

Mereka bersembunyi di dalam dan anjing yang kelapan.

Setelah Ibnu Yunus mendapat tahu Khalifah al-Mu'tasim telah bersumpah mahu membunuhnya, maka dia terus melarikan diri sehingga ke negeri Mesir, kemudian lari lagi hingga sampai ke negeri Maghribi dan bersembunyi di sana.

Perlantikan Dan Pemerintahan

❖ Para Pembantu, Menteri Dan Penasihat

Sebelum kita memperkatakan tentang perjalanan pemerintahan Khalifah al-Mu'tasim, ada baiknya kita memperkatakan dahulu tentang siapakah para menteri atau penasihat baginda. Tokoh yang pertama dilantik oleh Khalifah al-Mu'tasim menjadi menteri dan penasihat baginda sebaik sahaja baginda naik

takhta khalifah ialah al-Fadhl bin Marwan iaitu kerani baginda sendiri ketika baginda menjadi gabenor bagi wilayah atau negeri Syam dan Mesir pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun. Penyusun belum memperoleh maklumat, apakah bangsa al-Fadhl bin Marwan ini? Apakah beliau seorang Turki atau Farsi atau Arab! Kalau mengikut selera hati Khalifah al-Mu'tasim, sudah pasti al-Fadhl bin Marwan adalah seorang Turki. Tetapi namanya adalah menunjukkan dia seorang Arab atau Farsi. Tetapi penyusun lebih yakin al-Fadhl bin Marwan adalah seorang Farsi kerana dia dilantik menjadi kerani al-Mu'tasim ketika zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun.

Al-Fadhl bin Marwan sebenarnya adalah seorang yang kurang elok perangainya dan tidak memiliki ilmu pengetahuan yang luas. Sebenarnya amat tidak sesuai menjadi kerani kepada Khalifah al-Mu'tasim yang sudah diketahui bukan seorang yang berpengetahuan yang luas. Sepatutnya kerani kepada al-Mu'tasim perlulah seorang yang memiliki pengetahuan yang luas dan berbagai-bagai untuk membantu pentadbiran beliau. Al-Mu'tasim menyenangi al-Fadhl bin Marwan adalah disebabkan kebolehan al-Fadhl di dalam soal-soal pentabdiran dan baik buah fikirannya. Ini (berkebolehan di dalam soal-soal pentabdiran dan baik buah fikirannya) adalah pendapat penyusun bukan dipetik dari mana-mana tulisan ahli-ahli sejarah baik dahulu mahupun sekarang apabila dikatakan bahawa al-Fadhl bin Marwan bukanlah seorang yang elok peribadi dan tidak luas pengetahuannya.

Seorang sejarawan yang terkemuka iaitu Ibnu Tabatiba menulis di dalam kitabnya *al-Fakhri* bahawa Khalifah al-Mu'tasim tidak dapat menahan sabar baginda terhadap tingkahlaku menteri atau penasihat baginda ini. Lantas baginda terus memecatnya dan merampas seluruh harta kekayaannya.

Pada pendapat penyusun yang sebenarnya amat cetek pemikirannya ini, al-Fadhl bin Marwan ketika menjadi kerani kepada al-Mu'tasim ketika al-Mu'tasim menjadi gabenor negeri Syam dan Mesir, dia tidak membuat sebarang keputusan, hanya mengikut perintah dari al-Mu'tasim sahaja tanpa membantah. Lebih-lebih lagi kerjanya sebagai kerani tidak memerlukan kepada memberi pandangan dan nasihat kepada bosnya, hanya lebih kepada melakukan kerja atau menyempurnakan tugas sahaja. Dan al-Fadhl bin Marwan telah memperlihatkan kecekapannya bekerja kepada bosnya al-Mu'tasim. Jadi sifat dan sikap kurang sopannya tidak begitu zahir kepada al-Mu'tasim ketika itu. Ini menyebabkan al-Mu'tasim merasa sayang kepada al-Fadhl bin Marwan kerana kesetiaan dan kebolehannya di dalam melaksanakan kerja-kerjanya. Tetapi apabila Khalifah al-Mu'tasim melihat al-Fadhl bin Marwan yang perlu menasihati baginda dengan perlu mempamirkan adab sopan yang baik, barulah baginda nampak sifat-sifat dan sikap al-Fadhl bin Marwan yang ternyata kurang sopan itu. Inilah punca kenapa Khalifah al-Mu'tasim telah memecat al-Fadhl bin Marwan daripada menjadi menteri dan penasihat baginda.

Setelah itu Khalifah al-Mu'tasim melantik pula Ahmad bin Ammar

menggantikan tempat al-Fadhl bin Marwan. Kemungkinan sekali Ibnu Ammar ini adalah seorang Turki. Nama Ahmad digunapakai oleh semua umat Islam tanpa mengira kebangsaannya. Ahmad bin Ammar adalah seorang hartawan yang kaya raya dan seorang yang mempunyai budi yang mulia. Tetapi setelah dia melaksanakan kerja-kerja sebagai menteri dan penasihat kepada seorang khalifah, ternyata dia tidak begitu berkebolehan di dalam bidang pentadbiran, dan tidak mempunyai keahlian di dalam bahasa dan kesusasteraan. Khalifah al-Mu'tasim melantik Ibnu Ammar ke jawatan menteri atau penasihat baginda semata-mata melihat kepada kemuliaan budi dan harta kekayaan Ahmad bin Ammar, tidak kepada kebolehan dan keahliannya di dalam soal-soal pentadbiran. Jadi apabila Ahmad bin Ammar mula melaksanakan kerja-kerjanya di dalam soal-soal pentabdiran, nampaklah kepada Khalifah al-Mu'tasim kelemahan-kelemahan menteri baginda ini. Sudah tentu Khalifah al-Mu'tasim tidak dapat mengguna perkhidmatan seseorang yang tidak mempunyai kebolehan di dalam bidang pentadbiran. Oleh itu Khalifah al-Mu'tasim terpaksa menyingkir Ibnu Ammar daripada jawatan menteri baginda.

Tempoh masa al-Fadhl bin Marwan dan Ahmad bin Ammar berkhidmat selaku menteri dan penasihat kepada Khalifah al-Mu'tasim ialah kira-kira dua tahun.

Kemudian Khalifah al-Mu'tasim telah berjumpa pula dengan seorang tokoh yang terkenal memiliki kekayaan yang besar atau seorang hartawan yang kaya raya bernama Muhammad bin Abdul Malik bin Zayyat yang lebih dikenali dengan panggilan Ibnuz-Zayyat. Ibnu Zayyat, di samping seorang yang kayaraya, adalah juga seorang yang bijak, pintar dan gagah perkasa. Yang buruknya dia juga adalah seorang yang sombong dan berani bertindak sendiri meskipun tanpa memohon restu terlebih dahulu kepada khalifah. Ada riwayat mengatakan beliau juga adalah seorang yang zalim.

Setelah Ibnuz Zayyat bertugas sebagai menteri dan penasihat kepada Khalifah al-Mu'tasim, baginda mendapati memang Ibnu Zayyat adalah seorang yang berkebolehan malah sangat berkebolehan di dalam bidang pentadbiran. Khalifah al-Mu'tasim sangat berpuas hati mendapat menteri sebagaimana Ibnu Zayyat ini. Baginda merasakan kebolehan Ibnu Zayyat tidak boleh ditukar ganti sebagaimana baginda mengganti al-Fadhl bin Marwan dan Ahmad bin Ammar. Apabila Ibnu Zayyat mengetahui Khalifah al-Mu'tasim begitu sayang kepadanya, maka mulalah beliau besar kepala dan mahu memerintah pula. Sesuai dengan sifatnya yang sombong dan berani bertindak sendiri, diriwayatkan Ibnu Zayyat telah bertindak sesuka hatinya di dalam melaksanakan tugas-tugasnya yang sebenarnya hanya seorang yang berpangkat menteri dan penasihat kepada Khalifah al-Mu'tasim sahaja itu, tanpa dia mahu bermesyuarat dengan khalifah terlebih dahulu.

Penyusun masih belum menemui maklumat-maklumat tentang kezaliman yang dilakukan oleh Ibnu Zayyat selama beliau berkhidmat di bawah Khalifah

al-Mu'tasim, tetapi penyusun ada menemui kisah dia bertindak mengikut kehendaknya sendiri tanpa mendapat izin dari Khalifah al-Mu'tasim iaitu tindakannya memansuhkan cukai kepada para nelayan yang menangkap ikan di perairan Teluk Farsi. Meskipun ini adalah suatu tindakan yang baik dan untuk meringankan beban nelayan, tetapi ianya mengakibatkan kekurangan hasil pendapatan negara dari jurusan cukai laut. Tetapi Khalifah al-Mu'tasim tidak mengambil apa-apa tindakan seperti memecat Ibnuz Zayyat dari jawatannya, kerana baginda memikirkan kebolehan, kekayaan, kepintaran dan pengaruhnya yang sangat besar ke atas rakyat. Muhammad bin Abdul Malik bin Zayyat menjadi menteri atau penasihat kepada Khalifah al-Mu'tasim selama tujuh tahun iaitu sehingga khalifa al-Mu'tasim wafat.

Selain menteri atau penasihat yang khusus di dalam bidang politik, Khalifah al-Mu'tasim juga mempunyai seorang lagi menteri atau penasihat di dalam bidang agama khususnya berkaitan dengan persoalan akidah. Menteri atau penasihat agama yang dimaksudkan itu ialah Ahmad bin Abu Duad, seorang ahli agama di dalam bidang ilmu kalam atau usuluddin. Ahmad bin Abu Duad termasuk salah seorang tokoh yang sangat terkemuka dari kalangan ahli kalam bermazhab Mu'tazilah. Tokoh inilah yang telah mempengaruhi Khalifah al-Mu'tasim untuk menjadi seorang Mu'tazilah di dalam bidang akidah selain peranan kakanda baginda Khalifah al-Ma'mun yang mahu supaya baginda berpegang teguh pada fahaman al-Qur'an itu adalah makhluk, bukan qadim. Berpunca dari tindakan Ahmad bin Abu Duad inilah yang menyebabkan imam-imam dari kalangan Ahlis Sunnah wal Jamaah seperti Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Muhammad bin Nuh, Imam Abdullah bin al-Ghuwariri, Imam Sajadah (di masa al-Ma'mun dan al-Mu'tasim), Imam Ahmad bin Nasr al-Khuza'i, Imam Na'im bin Hamad dan Imam Abu Ya'qub Yusuf bin Yahya al-Buwaiti, salah seorang murid Imam asy-Syafie telah mengalami nasib hidup yang amat menyiksakan di masa pemerintahan Khalifah al-Wathiq.

Namun akhirnya pada zaman pemerintahan Khalifah al-Mutawakkil, Ahmad bin Abu Duad mengalami nasib yang sama seperti yang dialami oleh para ulama' dari kalangan Ahlis Sunnah wal Jamaah pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun sampai Khalifah al-Wathiq. Ahmad bin Abu Duad telah diseksa oleh Khalifah al-Mutawakkil yang berpegang kepada mazhab Ahlis Sunnah wal Jamaah dan telah membela Imam Ahmad bin Hanbal.

Tentang bagaimana Khalifah al-Mu'tasim dapat menuruti pegangan kakanda baginda Khalifah al-Ma'mun di dalam persoalan akidah iaitu telah turut menganut mazhab kaum Mu'tazilah yang berpegang bahawa al-Qur'an itu adalah makhluk, bukan qadim adalah disebabkan pengaruh dari Khalifah al-Ma'mun juga. Mengikut apa yang dicatit oleh para sejarawan bahawa Khalifah al-Ma'mun sangat berkeinginan untuk melantik adinda baginda al-Mu'tasim ini sebagai pengganti baginda ketika baginda sakit, tetapi Khalifah al-Ma'mun tahu tentang kelemahan al-Mu'tasim di dalam soal-soal ilmu khususnya ilmu-ilmu

agama. Maka Khalifah al-Ma'mun telah menyediakan perlembagaan yang ditulis beberapa persoalan yang baginda mahu adinda baginda al-Mu'tasim mengikuti atau patuh kepada perkara-perkara yang dijadikan perlembagaan negara itu. Antara isi kandungan perlembagaan itu ialah baginda meminta al-Mu'tasim supaya menjadikan Ahmad bin Abu Duad seorang tokoh dan ulama' kaum Mu'tazilah sebagai penasihat dan tok guru di dalam persoalan-persoalan agamanya khususnya di dalam persoalan akidah. Baginda dinasihatkan supaya mengikut semua tunjuk ajar yang diberikan oleh Ahmad bin Abu Duad dan terus mengekalnya sebagai menteri kerajaan. Ini adalah kerana Khalifah al-Mu'mun sangat yakin kepada kebenaran ajaran atau fahaman yang dipegang dan diyakini ulama'-ulama' Mu'tazilah terutamanya yang berkaitan dengan kemakhlukan al-Qur'an, dan memaksa seluruh rakyat supaya turut berpegang atau menganut mazhab tersebut kerana itulah (mengakui al-Qur'an itu makhluk) adalah pegangan yang benar dan terkeluar daripada syirik.

Dan satu lagi yang dicatit di dalam perlembagaan itu ialah al-Mu'tasim dikehendaki membasmi musuh-musuh negara terutama para pengikut Babuk al-Khurrami yang telah membuat kacau atau melakukan pemberontakan terhadap pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah. Marilah kita lihat sebahagian isi perlembagaan itu:-

"....... Ikutilah langkah saudaramu berhubung dengan masalah al-Qur'an itu. Jalankanlah tugas khalifah sebagai seorang yang patuh kepada Allah swt, yang takut kepada hukuman dan seksaNya............janganlah lalaikan urusan rakyat kerana adanya kerajaan ialah dengan mereka. Ambillah dari pihak yang kuat hak yang lemah dari kalangan mereka. Bersikap adillah antara satu dengan yang lain mengikut hak masing-masing. Perangilah gerakan Khurramiyyah dengan tegas dan keras.........janganlah berjauhan dari Abu Abdullah Ahmad bin Abu Duad. Ajaklah ia berunding dalam semua perkara kerana ia amat layak untuk sentiasa diajak berunding."

Ternyata Khalifah al-Mu'tasim telah benar-benar mematuhi semua isi-isi perlembagaan yang telah digariskan oleh kakanda baginda Khalifah al-Ma'mun itu.

Pusat Pemerintahan

Sebagaimana yang telah dijelaskan, al-Mu'tasim menaiki takhta khalifah pada tahun 218 hijrah/833 Masihi dan baginda dilahirkan pada tahun 178 hijrah/794 Masihi. Ini bererti ketika dilantik menjadi khalifah, usia Khalifah al-Mu'tasim baru 40 tahun. Sedang berada dikemuncak kepemudaan. Baginda diakui sebagai seorang pemerintah yang berkebolehan, pintar dan cekap. Ditambah lagi sifat-sifat kepahlawanan yang menjadi ciri-ciri peribadi baginda. Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, ketika Khalifah al-Mu'tasim dilantik menjadi khalifah, baginda sedang berada di kota Tarsus kerana memimpin pasukan tentera memerangi tentera Rom Timur yang menceroboh sempadan

negara Islam di sana. Setelah selesai menghancurkan tentera Rom dalam pertempuran di kota Tarsus, barulah al-Mu'tasim pulang ke kota Baghdad untuk menerima jawatan khalifah secara resmi.

Ciri-ciri peristiwa ketika baginda akan menerima jawatan khalifah sama dengan ciri-ciri peristiwa yang terjadi kepada Khalifah al-Mahdi. Khalifah al-Mahdi datuk baginda ketika dilantik menjadi khalifah menggantikan tempat ayahandanya Khalifah Abu Ja'far al-Mansur sedang memimpin pasukan untuk memadamkan pemberontakan yang terjadi di negeri Khurasan yang bangkit memberontak terhadap gabenor negeri Khurasan iaitu al-Jabbar bin Abdul Rahman al-Azdi.

Masalah Yang Dihadapi

❖ **Usaha Pihak Tentera Menyingkir Baginda Dari Jawatan Khalifah**

Punca Al-Mu'tasim Hilang Kepercayaan Kepada Bangsa Arab

Sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah bani Abbasiyyah yang kelapan menggantikan kakanda baginda Khalifah al-Ma'mun, Khalifah al-Mu'tasim telah menghadapi masalah kebencian pihak tentera kepada baginda. Memang ketika itu tentera kerajaan bani Abbasiyyah terdiri sebahagian besarnya adalah dari kalangan bangsa Farsi. Sedikit sahaja orang-orang Arab. Sedangkan Khalifah al-Mu'tasim adalah seorang yang berdarah Turki dari pihak ibunda baginda. Ini menyebabkan pihak tentera menjadi kurang percaya kepada Khalifah al-Mu'tasim akan melakukan kebaikan kepada mereka seperti mendengar keluhan mereka. Maklumlah khalifah tidak sedarah dengan mereka tidak sebagaimana Khalifah al-Ma'mun dahulu yang merupakan seorang Farsi dari pihak darah ibunda baginda.

Kerana tidak mahu al-Mu'tasim menjadi khalifah, maka pihak panglima tentera telah merancang untuk melantik putera Khalifah al-Ma'mun iaitu al-Abbas yang merupakan salah seorang pemimpin tentera. Tetapi usaha atau rancangan itu telah gagal kerana al-Abbas sendiri tidak menyetujui perkara itu dan telah pergi kepada Khalifah al-Mu'tasim dan memberi baiat kepada baginda.

Pengaruh Bangsa Turki Dalam Pentadbiran

Setelah menduduki kerusi khalifah, Khalifah al-Mu'tasim tentunya telah mendapat tahu tentang ada usaha untuk menyingkir baginda daripada jawatan khalifah telah berusaha untuk meneguhkan kedudukan baginda di takhta khalifah. Baginda bimbang juga kalau-kalau terjadi sekali lagi usaha menyingkir baginda daripada kerusi khalifah yang akan dibuat oleh pihak tentera sebagaimana yang telah baginda dengar itu. Oleh itu baginda mahu bertindak cepat sebelum terlambat. Khalifah al-Mu'tasim melihat tiada bangsa lain lagi yang boleh menguatkan kedudukan baginda selain bangsa Turki. Diriwayatkan

bahawa Khalifah al-Mu'tasim telah menghantar utusan untuk membeli orang-orang Turki di negeri Samarkand, Firghanah (kawasan Asia Tengah) seramai 4,000 orang untuk dijadikan pegawai-pegawai tinggi, pengawal istana dan juga mengisi kedudukan tentera. Akhirnya dikatakan jumlah orang-orang Turki di dalam pentadbiran dan ketenteraan Khalifah al-Mu'tasim mencapai jumlah 70,000 orang.

Membina Kota Samarra'

Setelah memerintah selama kira-kira enam tahun, iaitu pada tahun 224 hijrah/839 Masihi, Khalifah al-Mu'tasim telah membina kota Samarra' yang terletak di bahagian utara kota Baghdad iaitu di pinggir sungai Dajlah (Tigris). Apakah yang telah mendorong Khalifah al-Mu'tasim membina kota Samarra'? Bukankah kota Baghdad sudah bagus untuk menjadi pusat pentadbiran kerajaan bani Abbasiyyah?

Sebenarnya Khalifah al-Mu'tasim tidak pernah berniat untuk membina kota yang baru dengan meninggalkan kota Baghdad yang telah begitu maju dan makmur. Tetapi kerana terpaksa, maka baginda telah membina sebuah bandar baru untuk dijadikan ibu kota atau pusat pentadbiran. Kota itu ialah kota Samarra'.

Punca Khalifah al-Mu'tasim membina kota Samarra' ialah disebabkan satu peristiwa yang berlaku. Marilah kita lihat peristiwa itu:-

Diriwayatkan bahawa setelah Khalifah al-Mu'tasim membawa masuk ramai sekali orang-orang Turki ke dalam kota Baghdad, dan menjadikan mereka pengawal istana, tentera-tentera dan juga pegawai-pegawai tinggi kerajaan, akhirnya mereka menjadi besar kepala dan ganas. Diceritakan pada suatu hari orang-orang Turki menunggang kuda di dalam kota Baghdad. Mereka menunggang dengan sombong dan bongkak sehingga pada suatu hari mereka telah memijak kanak-kanak dan orang-orang tua berbangsa Arab yang melintasi di hadapan mereka. Ini menyebabkan para penduduk kota Baghdad telah menghadap Khalifah al-Mu'tasim dan berkata kepada baginda;

"Wahai Amirul Mu'minin! Sekiranya tuan tidak meninggalkan tempat ini bersama tentera-tentera tuan, nescaya kami akan bangkit memberontak terhadap tuan."

Khalifah al-Mu'tasim bertanya, "Bagaimanakah caranya kamu mahu melawan aku?"

"Dengan menghala panah-panah pada waktu malam," jawab penduduk kota Baghdad.

"Hal itu sama sekali tidak menggoyahkan kekuatanku," jawab Khalifah al-Mu'tasim pula.

Tetapi inilah puncanya Khalifah al-Mu'tasim cepat-cepat membina kota Samarra'.

Pembinaan kota Samarra' siap dalam masa setahun. Baginda berpindah ke sana dan menyerahkan pentadbiran di kota Baghdad kepada putera baginda al-Wathiq. Dan baginda memerintah kepada al-Wathiq supaya menyambut kepulangan Panglima Afsyin yang menang menentang Babak al-Khurramiyyah dan tentera Rom Timur di utara negeri Syam dan al-Jazirah. Jadi Khalifah al-Mu'tasim sempat mentadbir kerajaan dari kota Samarra' selama dua tahun lebih sahaja.

Di kota Samarra', Khalifah al-Mu'tasim tinggal bersama-sama orang-orang Turki yang merupakan penyokong-penyokong kerajaan baginda yang kuat. Ketua-ketua orang Turki yang paling terkenal ialah Itakh, Afsyin Asyinas dan Bugha al-Kabir.

Apa yang berlaku atau terjadi ke atas kota Baghdad? Khalifah al-Mu'tasim melantik putera baginda al-Wathiq sebagai penguasa ke atas ibukota kerajaan bani Abbasiyyah itu.

Mengikut catitan para sejarawan Islam, bahawa kota Samarra' dilengkapi dengan kolam renang dan taman-taman yang indah, sehingga kota Samarra' dapat menandingi kegemilangan kota Baghdad pada zaman pemerintahan ayahanda baginda Khalifah Harun ar-Rasyid.

Tokoh-Tokoh Turki Yang Terkemuka

Pada masa pemerintahan Khalifah al-Mu'tasim, terdapat beberapa orang pemimpin-pemimpin bangsa Turki yang terkemuka. Tetapi yang paling terkenal hanyalah seorang sahaja iaitu Afsyin. Nama Afsyin yang sepenuhnya ialah Haidar bin Kaus.

Semenjak Khalifah al-Mu'tasim mengambil orang-orang Turki sebagai pembantu baginda di dalam pentadbiran dan pasukan tentera, pengaruh Afsyin menjadi bertambah kuat dan berpengaruh. Khalifah al-Mu'tasim sangat mendambakan tenaga dan kepintaran Afsyin di dalam usaha baginda untuk menghapuskan musuh-musuh negara, baik musuh dalam negara mahupun musuh luar khususnya kerajaan Rom Timur atau Byzentium. Namun akhirnya Afsyin telah menerima nasib yang malang setelah memberi jasa yang sangat besar kepada kerajaan atau pentadbiran Khalifah al-Mu'tasim. Afsyin telah ditangkap dan dipenjarakan oleh Khalifah al-Mu'tasim sampai beliau meninggal dalam penjara. Mengikut apa yang ditulis oleh ahli-ahli sejarah bahawa sebab-sebab Afsyin ditangkap dan dipenjarakan sampai mati oleh Khalifah al-Mu'tasim ialah kerana beliau dituduh telah murtad dan telah cuba memerintah sendiri negara Asyrusanah (Turkistan).

Kejadian seperti ini tidaklah aneh terjadi kepada tokoh-tokoh yang

sebelumnya sangat berjasa kepada seseorang khalifah atau pemerintah, tetapi disebabkan tokoh-tokoh itu kemudiannya telah melakukan satu-satu tindakan yang boleh menimbulkan kemarahan khalifah, maka ianya dibunuh atau dipenjarakan atau disingkir seperti yang terjadi kepada Abu Salamah al-Khallali pada masa Khalifah Abul Abbas as-Saffah, kepada Abu Muslim al-Khurasani pada masa Khalifah Abu Ja'far al-Mansur, kepada Ya'qub bin Daud pada masa Khalifah al-Mahdi, kepada kaum Barmak pada masa Khalifah Harun ar-Rasyid dan al-Fadhl bin Sahl pada masa Khalifah al-Ma'mun. Maka ini tidaklah pelik terjadi ke atas Afsyin pada masa Khalifah al-Mu'tasim.

Pemberontakan-Pemberontakan Dan Pencerobohan Serta Usaha Mengatasinya

Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Mu'tasim, telah meletus beberapa pemberontakan dalam negara oleh rakyat di samping pencerobohan oleh pihak tentera Rom Timur di sempadan yang tidak henti-henti. Pemberontakan dan kekacauan yang terjadi pada masa pemerintahan Khalifah al-Mu'tasim tidak semuanya terjadi sebaik sahaja baginda naik takhta, tetapi ada yang merupakan rentetan sejak zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun lagi yang gagal dipadamkan. Pemberontakan-pemberontakan, kekacauan-kekacauan dan pencerobohan yang timbul itu ialah pencerobohan di sempadan negara Islam oleh pihak Rom Timur atau kerajaan Byzentium, pemberontakan oleh Babuk al-Khurramiyyah, kekacauan yang ditimbulkan oleh kaum Zatt dan pemberontakan oleh kaum Syiah Alawiyyeen. Marilah kita lihat bagaimana Khalifah al-Mu'tasim memadam pemberontakan-pemberontakan, kekacauan dan juga pencerobohan yang timbul atau terjadi pada masa pemerintahan baginda satu persatu:-

Usaha Khalifah Al-Mu'tasim Memadam Pemberontakan

Pencerobohan yang dilakukan oleh tentera Rom Timur atau kerajaan Byzentium bukan bermula pada zaman pemerintahan Khalifah al-Mu'tasim, tetapi sejak zaman pemerintahan kakanda baginda al-marhum Khalifah al-Ma'mun dan nenda baginda Khalifah Harun ar-Rasyid lagi. Pada zaman Khalifah al-Ma'mun, baginda telah mengarahkan adinda baginda (Khalifah) al-Mu'tasim supaya menghalau tentera Rom Timur yang mengacau di kota Tarsus. Turut serta di dalam pasukan tentera yang dipimpin oleh (Khalifah) al-Mu'tasim itu ialah Panglima Haidar bin Kaus yang lebih dikenali dengan panggilan Afsyin seorang pahlawan yang sangat gagah perkasa. Ketika al-Mu'tasim sedang berperang dengan tentera Rom Timur di kota Tarsus, Khalifah al-Ma'mun telah wafat di kota Merw, iaitu pusat pentadbiran Khalifah al-Ma'mun. Jadi (Khalifah) al-Mu'tasim terpaksa pulang dengan segera ke kota Merw kerana baginda adalah bakal pengganti Khalifah al-Ma'mun yang wafat kerana baginda adalah Putera Mahkota Khalifah al-Ma'mun. Sedangkan pada

ketika itu juga sedang berlaku pemberontakan yang ditimbulkan oleh Babak al-Khurramiyyah di negeri Azerbaijan. Pemberontakan Babak al-Khurramiyyah perlu dihapuskan segera. Agar pemberontakan Babak al-Khurramiyyah tidak merebak semakin luas, al-Mu'tasim telah memerintah kepada Afsyin agar memerangi Babak al-Khurramiyyah di negeri Azerbaijan itu.

Babak al-Khurramiyyah berjaya ditewaskan oleh angkatan tentera kerajaan bani Abbasiyyah pimpinan Panglima Afsyin di negeri Azerbaijan pada tahun 224 hijrah/839 Masihi. Ketika itu Khalifah al-Mu'tasim sudah memerintah selama enam tahun. Ini menunjukkan betapa kuatnya persatuan golongan al-Khurramiyyah dan kekuatan Babak di dalam mentalbiah para pengikutnya.

Setelah Panglima Afsyin berjaya menghancurkan pemberontakan Babak al-Khurramiyyah setelah enam tahun berjuang, maka Khalifah al-Mu'tasim mengarahkan pula kepada Panglima Afsyin agar mara untuk menghadapi tentera Rom Timur yang kembali membuat kacau di bahagian utara negeri Syam dan al-Jazirah. Ketika itu panglima atau pimpinan tentera Rom Timur ialah Kaiser Rom Timur sendiri iaitu Kaiser Theophilus. Dalam pertempuran ini, tentera Rom Timur telah tewas. Entah apa yang telah terjadi kepada Kaiser Theophilus, terbunuh atau melarikan diri.

Salah satu pemberontakan yang meletus pada zaman pemerintahan Khalifah al-Mu'tasim ialah pemberontakan yang dilancarkan kaum Zatt atau Jat. Sebenarnya pemberontakan ini telah meletus sejak zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun lagi, tetapi Khalifah al-Ma'mun tidak berjaya menghapuskan mereka sehinggalah baginda wafat. Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Mu'tasim mereka telah berpindah pula ke kawasan di antara kota Basrah dengan kota Wasit. Untuk menghapuskan pemberontakan ini, Khalifah al-Mu'tasim telah menghantar sebuah angkatan tentera yang dipimpin oleh panglima berbangsa Turki bernama Ujaif bin Anbasah. Kumpulan atau Zatt tidak berdaya menghadapi serangan oleh pasukan tentera Turki yang dipimpin oleh Panglima Ujaif bin Anbasah ini. Agar mereka tidak musnah, mereka cepat-cepat meminta keamanan dan jaminan nyawa kepada Khalifah al-Mu'tasim. Khalifah al-Mu'tasim telah menerima permohonan mereka dan menempatkan mereka di suatu tempat bernama Ain Zarbah di negara Turki. Mereka hidup di sana dan tidak membuat kekacauan lagi.

Satu pemberontakan oleh kaum Syiah Alawiyyeen juga telah meletus pada zaman pemerintahan Khalifah al-Mu'tasim. Pemimpin atau tokoh Ahlil Bait yang bangkit memimpin pemberontakan pada masa itu ialah Muhammad bin al-Qasim bin Ali bin Umar bin Ali bin al-Husein bin Ali bin Abu Talib. Mula-mula Muhammad bin al-Qasim bangkit membuat kekacauan di sekitar kota Kufah. Kemudian beliau membawa para pengikutnya berpindah ke negeri Khurasan dan melakukan kekacauan di sana. Ketika itu gabenor di timur dari Farsi sampai ke Khurasan ialah Abdullah bin Tahir bin Husain. Abdullah berjaya menangkap Muhammad dan menyerahkan kepada Khalifah al-

Mu'tasim dan dipenjara di kota Samarra' dan berita tentangnya hilang begitu sahaja.

Sebenarnya Khalifah al-Mu'tasim mencintai seluruh rakyat baginda asalkan tidak menentang pemerintahan baginda termasuklah mereka dari keluarga Rasulullah s.a.w. dan keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib. Tetapi disebabkan ada terdapat tokoh Syiah yang bangkit menentang pemerintahan baginda, maka Khalifah al-Mu'tasim terpaksa menghadapi dan menghancurkan mereka. Bukti bahawa Khalifah al-Mu'tasim mencintai seluruh rakyat baginda ialah satu peristiwa yang diriwayatkan oleh para sejarawan bahawa pada suatu ketika pihak tentera Rom Timur telah menceroboh kota Ammuriyyah yang terletak di sempadan wilayah Islam. Mereka memperkosa segala harta dan tempat kediaman penduduk Islam di situ. Di situ tinggal beberapa keluarga kaum Muslimin termasuklah juga anggota Ahlil Bait. Seorang perempuan telah memekik nama Khalifah al-Mu'tasim minta pertolongan kepada baginda, padahal ketika itu Khalifah al-Mu'tasim sedang bersemayam di istana baginda di kota Samarra'. Entah keramat apa perempuan itu yang mana suaranya telah didengar oleh Khalifah al-Mu'tasim dan menjawabnya, labbaik, labbaik yang bererti aku menyambut aku menyambut panggilanmu. Maka Khalifah al-Mu'tasim lantas bergerak memimpin sebuah angkatan tentera yang besar mara ke kota Ammuriyyah dan menghalau tentera Rom dari situ. Seluruh umat Islam di kawasan itu berjaya diselamatkan.

Menganut Mazhab Mu'tazilah

Khalifah al-Mu'tasim termasuk salah seorang khalifah bani Abbasiyyah yang menganut mazhab Mu'tazilah yang diasaskan oleh Wasil bin Ata', salah seorang asalnya murid kepada Imam Hasan al-Basri, seorang ulama' tabiin yang terkemuka. Ini adalah kerana baginda menunaikan wasiat kakanda baginda Khalifah al-Ma'mun yang mahukan baginda berpegang kepada mazhab tersebut setelah ianya menjadi mazhab resmi kerajaan pada masa pemerintahan Khalifah al-Ma'mun. Di antara dasar-dasar pegangan mazhab Mu'tazilah di dalam akidah ialah mempercayai bahawa al-Qur'an itu adalah Kalam Allah yang bersifat makhluk, bukan qadim sebagaimana yang dipegangi oleh golongan bermazhab Ahlis Sunnah wal Jamaah. Dengan ini jelas bererti bahawa Khalifah al-Mu'tasim adalah terkeluar atau bukan penganut mazhab Ahlis Sunnah wal Jamaah sebagaimana kakanda baginda Khalifah al-Ma'mun juga.

Menyeksa Ulama'-Ulama' Ahlis Sunnah Wal Jamaah

Krisis mazhab usuluddin di kalangan umat Islam sejak pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun terus menular ke zaman pemerintahan Khalifah al-Mu'tasim. Kerana sangat terhutang budi kepada kakanda baginda Khalifah al-Ma'mun dan kerana kurang mendalamnya baginda di dalam

persoalan agama telah menyebabkan Khalifah al-Mu'tasim menerima segala arahan yang dilembagakan oleh Khalifah al-Ma'mun termasuklah tentang mazhab ini. Sokongan yang diberikan oleh pihak istana terhadap pegangan mazhab Mu'tazilah telah menyebabkan golongan umat Islam yang berpegang kepada akidah Ahlis Sunnah wal Jamaah terus terhimpit. Khalifah al-Mu'tasim (sebelumnya Khalifah al-Ma'mun) bukan sahaja menganut mazhab Mu'tazilah, tetapi telah turut memaksa rakyat supaya turut menganut mazhab tersebut. Kalau tidak mahu, Khalifah al-Mu'tasim akan menyeksa mereka dengan memenjara dan menyeksa mereka di dalam penjara. Ini menyebabkan ramai ulama'-ulama' Ahlis Sunnah wal Jamaah terpaksa mengakui bersetuju kepada persoalan al-Qur'an yang dibawa atau dipegang oleh golongan Mu'tazilah.

Namun masih ada beberapa orang ulama' yang sejak dari zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun tidak mahu mengakui al-Qur'an itu adalah makhluk, biarpun untuk bermuslihat sahaja agar terhindar daripada diseksa oleh pihak pemerintah. Mereka rela diseksa di dunia, asalkan jangan diseksa oleh Allah SWT di akhirat. Golongan ulama' ini diketuai oleh Imam Ahmad bin Hanbal, pengasas mazhab Hanbali yang terkenal itu. Imam Ahmad bin Hanbal telah dimasukkan ke dalam penjara dan diseksa dengan dipukul badannya dengan belatan atau cemeti. Tetapi beliau tetap bersabar. Seorang lagi tokoh ulama' yang turut bertahan bersama-sama Imam Ahmad bin Hanbal ialah Imam Muhammad bin Nuh. Kedua ulama' besar ini tinggal di dalam penjara Khalifah al-Ma'mun sehinggalah Khalifah al-Ma'mun wafat.

Ketika Khalifah al-Mu'tasim dilantik menjadi khalifah, Imam Ahmad bin Hanbal dan Imam Muhammad bin Nuh masih dipenjara dan diseksa. Khalifah al-Mu'tasim telah meneruskan sikap dan pegangan kakandanya Khalifah al-Ma'mun. Baginda meneruskan penyiksaan ke atas kedua-dua ulama' Ahlis Sunnah wal Jamaah yang gigih dan tabah itu sehingga kerana sangat teruk menanggung penyiksaan, Imam Muhammad bin Nuh telah menemui syahid di dalam penjara Khalifah al-Mu'tasim. Orang-orang yang ditugaskan memandi jenazah Imam Muhammad bin Nuh menceritakan bahawa jenazah Imam Muhammad bin Nuh sangat kurus dan badannya penuh dengan luka-luka yang parah akibat sentiasa dipukul dengan cambuk sepanjang hari di dalam penjara itu.

Perlantikan Putera Mahkota

Tidak sebagaimana kakanda baginda Khalifah al-Ma'mun yang tidak mahu melantik anak sebagai Putera Mahkota untuk menggantikan tempat baginda, Khalifah al-Mu'tasim telah kembali kepada tradisi khalifah-khalifah bani Umayyah dan khalifah-khalifah bani Abbasiyyah sebelum Khalifah al-Ma'mun iaitu melantik Putera Mahkota dari kalangan anak sendiri. Baginda telah melantik putera baginda iaitu Harun al-Wathiq sebagai Putera Mahkota bakal menggantikan tempat baginda selaku khalifah.

Wafat

Setelah menjadi khalifah selama kira-kira sembilan tahun bermula dari tahun 218 hijrah/833 Masihi hingga ke tahun 227 hijrah/842 Masihi, maka wafatlah Khalifah al-Mu'tasim. Ketika itu baginda baru berusia 49 tahun. Baginda wafat kerana sakit biasa bukan kerana diracun atau dibunuh. Jenazah baginda dikebumikan di kota Samarra' di tempat baginda wafat itu.

Keluarga

Tentang keluarga Khalifah al-Mu'tasim iaitu tentang siapakah isteri baginda dan berapa orangkah perempuan yang telah menjadi isteri baginda, begitu pula tentang berapa orangkah jariah baginda, penyusun masih belum menemui fakta-faktanya. Apa yang penyusun memperoleh maklumat ialah jumlah anak-anak baginda. Dikatakan bahawa anak-anak Khalifah al-Mu'tasim adalah seramai 16 orang, lapan lelaki dan lapan perempuan. Salah seorang daripadanya ialah Harun al-Wathiq yang beribukan jariah yang bernama Qaratis. Seorang lagi ialah Ja'far al-Mutawakkil yang beribukan seorang jariah yang bernama Syuja'.

Kelebihan

Sebagaimana khalifah-khalifah bani Abbasiyyah yang lain juga, Khalifah al-Mu'tasim juga mempunyai keistimewaan dan kelebihan. Di antara keistimewaan dan kelebihan baginda ialah mempunyai tubuh yang sangat perkasa, yang luar biasa sekali kegagahannya. Selain juga baginda juga adalah seorang yang sangat pemaaf, bijak mentadbir dan sanggup berkorban kesenangan diri demi untuk membela rakyat yang ditimpa kesusahan seperti yang terjadi kepada seorang perempuan penduduk kota Amurriyyah yang dizalimi oleh tentera Rom sebagaimana cerita di atas.

Sekian kisah Khalifah al-Mu'tasim.

AL-WATHIQ
(227-232 Hijrah=842-847 Masihi)

Pengenalan

Al-Wathiq adalah khalifah penutup kepada zaman kegemilangan dan keagungan pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah yang memakan masa selama 100 tahun hijrah atau 96 tahun Masihi. Baginda adalah khalifah kerajaan bani Abbasiyyah yang kesembilan dan terakhir daripada sembilan orang khalifah kesemuanya. Baginda memerintah selama lima tahun sahaja. Satu jangka masa yang dikira pendek dan tidak berapa cukup untuk melakukan berbagai-bagai projek pembangunan dan juga peluasan wilayah Islam. Lebih kurang sama lama dengan masa pemerintahan Khalifah Ali bin Abu Talib. Tetapi sebagaimana para khalifah bani Abbasiyyah yang lain juga, Khalifah al-Wathiq tidak memerlukan masa yang luas dan panjang untuk melakukan sebarang peluasan tanah jajahan kerana kerajaan Islam bani Abbasiyyah adalah sebuah kerajaan Islam yang sudah teramat luas tanah taklukannya. Sejak zaman pemerintahan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik iaitu khalifah dari dinasti bani Umayyah yang keenam, wilayah kerajaan Islam sudah menjangkau bumi timur meliputi negara India dan China. Manakala disebelah barat pula sudah menggenggam negara Sepanyol, bahagian selatan negara Perancis dan seluruh negeri-negeri di Afrika Utara.

Khalifah al-Wathiq hanya duduk di atas singgahsana sahaja selaku seorang raja besar yang tidak diganggu-gugat pemerintahannya. Menjaga sempadan wilayah Islam terutama di bahagian yang bersempadan dengan kerajaan Rom Timur di belahan utara. Menjaga kebajikan rakyat dan menjaga keutuhan keagungan dan kebesaran negara agar ianya tidak luntur.

Dengan sebab itu para penulis sejarah berkaitan kerajaan pemerintahan Khalifah al-Wathiq tidak memperkatakan tentang projek-projek pembangunan dan penaklukan pada zaman pemerintahan baginda. Apa yang diperkatakan mereka hanyalah tentang pengaruh bangsa Turki di dalam kerajaan, tentang para menteri, tentang mazhab anutan khalifah atau lain-lain peristiwa yang tidak ada kena mengena dengan soal-soal pembangunan dan penaklukan.

Sebagaimana yang telah disebutkan di atas, bahawa zaman pemerintahan

Khalifah al-Wathiq adalah merupakan zaman terakhir kemuncak kegemilangan dan keagungan pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah peringkat pertama. Dengan sebab itu kuasa-kuasa besar ketika itu terutama kerajaan Rom Timur yang berpusat di Turki dan kerajaan China di belahan timur laut tidak berani mengusik sempadan wilayah Islam. Jadi Khalifah al-Wathiq tidak mempunyai masalah di sempadan tidak sebagaimana pada zaman pemerintahan datuk nenek baginda dahulu.

Tentang pengaruh bangsa Turki ke atas kerajaan bani Abbasiyyah pada masa pemerintahan baginda, sesungguhnya kuasa orang-orang Turki semakin mencekam pentadbiran kerajaan. Ini adalah kerana sejak zaman pemerintahan ayahanda baginda lagi pengaruh Turki telah begitu kuat mencekam pentadbiran kerajaan kerana Khalifah al-Mu'tasim sengaja menyerapkan bangsa Turki ke dalam pentadbiran kerajaan kerana sudah tidak percaya lagi kepada bangsa Arab dan Farsi. Jadi Khalifah al-Wathiq sama ada baginda suka atau tidak terpaksa menggunakan khidmat tenaga orang-orang Turki kerana pengaruh bangsa itu sudah tidak dapat dibendung lagi dari kedudukan-kedudukan penting dalam kerajaan.

Ketika ayahanda baginda selesai membina kota Samara', bagindalah yang ditugaskan mentadbir atau menjaga kota Baghdad. Dan ayahanda baginda telah mewakilkan kepada baginda untuk menyambut kepulangan Panglima Afsyin setelah pahlawan Turki itu berjaya menewaskan pemberontakan Babak al-Khurramiyyah di negeri Azerbaijan, seorang pahlawan Turki yang bangkit menderhaka terhadap pemerintahan Khalifah al-Mu'tasim.

Kelahiran Dan Peribadi

Khalifah al-Wathiq dilahirkan pada hari Isnin bertarikh 10 hari bulan Sya'ban tahun 196 hijrah/812 Masihi di kota Baghdad pada masa pemerintahan Khalifah al-Amin. Ketika baginda dilahirkan, ayahanda baginda berusia kira-kira 18 tahun. Ini adalah kerana Khalifah al-Mu'tasim dilahirkan pada tahun 178 hijrah/794 Masihi. Ketika baginda dilahirkan, datuk baginda Khalifah Harun ar-Rasyid sudah 3 tahun wafat.

Salasilah keturunan baginda yang selengkapnya ialah Harun al-Wathiq bin Muhammad al-Mu'tasim bin Harun ar-Rasyid bin Muhammad al-Mahdi bin Abu Ja'far al-Mansur bin Muhammad as-Sajjad bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas bin Abdul Muttalib. Bergelar Abu Ja'far. Tetapi nama julukan yang lebih masyhur digunakan.

Tentang ibunda baginda, Prof Dr Ahmad Syalabi di dalam bukunya Sejarah *Dan Kebudayaan Islam (3)* mengatakan namanya Qaratis dan bertaraf jariah berbangsa Rom. Sedangkan Prof Dr Mahayuddin Haji Yahya di dalam bukunya *Sejarah Islam* mengatakan nama ibunda baginda ialah Rumiyyah yang menjadi Ummul Walid dan seorang jariah. Manakala Syeikh Muhammad Raji Kinas di

dalam bukunya *Azwajul Khulafa'* (Isteri-Isteri Para Khalifah) mengatakan namanya juga Qaratis ar-Rumiyyah. Jelaslah nama ibunda Khalifah al-Wathiq ialah Qaratis seperti yang dikatakan oleh Prof Dr Syalabi dan Syeikh Kanis dan berketurunan Rom. Prof Dr Mahayuddin tidak menyebut namanya dan hanya menyebut seorang yang bernama Rumiyyah yang dimaksudkannya seorang perempuan Rom. Tentang pengaruh Turki yang semakin kuat pada zaman pemerintahan Khalifah al-Wathiq bukan menunjukkan bahawa ibunda baginda seorang Turki, tetapi disebabkan kedudukan kaum Turki telah kuat pada zaman pemerintahan ayahanda baginda lagi dan bertambah teguh pada zaman pemerintahan baginda.

Tentang sifat-sifat peribadi Khalifah al-Wathiq, Ibnu Abdul Rabbih menulis bahawa baginda adalah seorang yang tampan wajahnya dan kulitnya putih kekuningan. Manakala Ibnu Tabatiba pula menulis di dalam kitabnya *al-Fakhri* bahawa Khalifah al-Wathiq adalah seorang khalifah yang terkemuka, cerdas, bijaksana, fasih dan seorang penyair. Baginda menyerupai bapa saudara baginda di dalam gerak-geri dan ketenangan. Setelah menyandang jawatan khalifah, baginda memperlakukan dengan baik saudara-saudara sepupu baginda dari keturunan Abu Talib."

Apa yang menyedihkan tentang Khalifah al-Wathiq ialah baginda turut menganut mazhab Mu'tazilah sebagaimana ayahanda dan bapa saudara baginda Khalifah al-Ma'mun juga kerana baginda diwasiatkan oleh ayahanda baginda agar menganut fahaman tersebut.

Perlantikan Dan Pemerintahan

❖ Para Pembantu, Menteri Dan Penasihat

Siapakah para menteri atau penasihat kepada Khalifah al-Wathiq?

Di antara para menteri dan penasihat kepada Khalifah al-Wathiq ialah Muhammad bin Abdul Malik bin Zayyat yang lebih dikenali sebagai Ibnu Zayyat yang merupakan menteri yang terkemuka pada zaman pemerintahan ayahanda baginda Khalifah al-Mu'tasim. Dan seorang lagi ialah Ahmad bin Abu Du'ad yang juga merupakan qadhi kerajaan. Ahmad bin Abu Du'ad juga yang memainkan peranan menjadikan Khalifah al-Wathiq seorang Mu'tazilah yang fanatik sebagaimana ayahanda dan bapa saudara baginda Khalifah al-Ma'mun. Jelas menunjukkan bahawa para menteri atau penasihat Khalifah al-Wathiq adalah tokoh-tokoh pusaka sejak daripada ayahanda baginda lagi.

Ibnu Zayyat sangat zalim. Beliau membunuh siapa sahaja yang disyaki sebagai musuh politik kerajaan bani Abbasiyyah. Peranan Ibnu Zayyat di dalam mengukuhkan kerajaan bani Abbasiyyah pada zaman pemerintahan Khalifah al-Wathiq (dan al-Mu'tasim) serupa dengan peranan yang dimainkan oleh al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi pada zaman pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan di dalam usaha mengukuhkan kerajaan bani Umayyah yang

hampir goyang ketika itu.

Pusat Pemerintahan

Khalifah al-Wathiq tidak kembali ke kota Baghdad, sebaliknya meneruskan apa yang telah ditetapkan oleh ayahanda baginda Khalifah al-Mu'tasim dengan menjadikan kota Samarra' sebagai pusat pemerintah atau ibukota kerajaan.

Melaksanakan Pemerintahan Dan Masalah Yang Dihadapi

Khalifah al-Wathiq tidak menghadapi apa-apa masalah di dalam pemerintahannya. Ini adalah kerana pada masa pemerintahan baginda, keadaan dalam negara sudah stabil. Pembangunan material sudah sempurna. Para pemberontakan sudah tumpas kesemuanya. Ini adalah kerana ayahandanya Khalifah al-Mu'tasim adalah seorang pahlawan yang sangat perkasa. Jadi perjalanan pemerintahan kerajaan bani Abbasiyyah pada masa Khalifah al-Wathiq berjalan dengan lancar dan gemilang sekali. Apa yang menjadi masalah kepada Khalifah al-Wathiq ialah berkaitan dengan pengaruh kaum Turki di dalam kerajaan. Kerajaan bani Abbasiyyah menjadi begitu kuat adalah kerana kekuatan pemerintahan yang dikuasai atau dipegang oleh kaum Turki. Khalifah al-Wathiq melantik ramai sekali tokoh-tokoh berbangsa Turki untuk memegang jawatan penting di dalam pentadbiran. Menteri orang Turki. Ketua tentera orang Turki. Para gabenor wilayah-wilayah adalah semua orang Turki. Para pegawai kanan kerajaan orang Turki. Semuanya dikuasai oleh bangsa Turki. Khalifah al-Wathiq dapat berkuasa dengan teguhnya kerana pertolongan dari bangsa Turki.

Zaman pemerintahan Khalifah al-Wathiq dikira sebagai zaman terakhir kegemilangan bangsa Arab di dalam kerajaan bani Abbasiyyah. Juga zaman berakhirnya kegemilangan kerajaan bani Abbasiyyah. Kekuasaaan kaum Arab pada tangan Khalifah al-Wathiq hanyalah pada nama sahaja. Sebenarnya kekuasaan kerajaan bani Abbasiyyah pada zaman Khalifah al-Wathiq berada di dalam cengkaman bangsa Turki. Tokoh Turki yang paling berkuasa pada zaman Khalifah al-Wathiq ialah Asyinas dan Itakh. Kedua tokoh Turki ini dilantik menjadi ketua tentera di barat dan seorang di timur. Asyinas di barat, manakala dan Itakh timur.

Untuk mengimbangi pengaruh orang-orang Turki di dalam kerajaan baginda, Khalifah al-Wathiq telah melantik pula Abdullah bin Tahir bin Husain sebagai gabenor di timur yang mana kuasanya meliputi kota Baghdad dan negeri Iraq seluruhnya. Setelah Abdullah bin Tahir wafat, Khalifah al-Wathiq melantik pula putera Abdullah iaitu Muhammad bin Abdullah bin Tahir bin Husain sebagai gabenor di timur. Tetapi pengaruh Itakh tidak berkurangan juga. Ini adalah kerana pengaruh kaum Turki pada zaman ini telah begitu mendasar di dalam bumi kerajaan bani Abbasiyyah.

Pengaruh Turki Dalam Kerajaan

❖ Pengaruh Panglima Asyinas

Asyinas adalah pahlawan Turki yang berkhidmat sejak zaman pemerintahan Khalifah al-Mu'tasim lagi. Setelah Khalifah al-Wathiq menjadi khalifah, baginda telah menambahkan lagi kekuasaan Panglima Asyinas sehingga menjadi lebih besar dan luas. Khalifah al-Wathiq telah membawa gelaran 'Sultan' kepada Panglima Asyinas yang memberi erti kekuasaan Panglima Asyinas telah melangkaui selain di bidang ketenteraan. Sehingga dikatakan hamba Panglima Asyinas juga diberi kekuasaan yang besar sehingga hamba Asyinas dapat melantik sesiapa sahaja untuk menjadi khalifah menggantikan Khalifah al-Wathiq, lebih-lebih lagi Khalifah al-Wathiq tidak mahu melantik Putera Mahkota sebagai pengganti tempat baginda. Kekuasaan Panglima Asyinas dapat dilihat apabila hambanya telah melantik Muhammad bin al-Wathiq sebagai khalifah setelah Khalifah al-Wathiq wafat, tetapi dengan segera telah diganti pula oleh adinda Khalifah al-Wathiq iaitu Ja'far al-Mutawakkil.

Demikianlah betapa tinggi dan berkuasanya Asyinas, seorang pahlawan Turki pada zaman pemerintahan Khalifah al-Wathiq. Ertinya betapa kuat dan kukuhnya kekuasaan bangsa Turki pada zaman pemerintahan Khalifah al-Wathiq.

❖ Pengaruh Ibnuz Zayyat

Muhammad bin Abdul Malik bin az-Zayyat adalah menteri kerajaan bani Abbasiyyah sejak zaman Khalifah al-Mu'tasim lagi juga sebagaimana Panglima Asyinas. Kekuasaan Ibnuz Zayyat pada zaman Khalifah al-Mu'tasim sangat besar, sehingga Ibnuz Zayyat dapat melakukan apa sahaja yang dikehendakinya meskipun sebenarnya tidak dipersetujui oleh khalifah. Tetapi Khalifah al-Mu'tasim tidak membantah apa sahaja yang dilakukan oleh Ibnuz Zayyat kerana menjaga pengaruhnya yang sangat besar itu.

Pada zaman Khalifah al-Wathiq, kekuasaan Ibnuz Zayyat bertambah besar lagi sehingga dikatakan Khalifah al-Wathiq pernah berkata kepada az-Zayyat, "Aku akan mengekalkan jawatanmu kerana bimbang kerajaan akan kehilangan orang sepertimu. Aku akan menebus semula sumpahku itu. Kerana aku mendapati kehilangan hartabenda boleh diganti, tetapi kehilanganmu tidak dapat diganti."

Kata-kata Khalifah al-Wathiq ada kaitan dengan peristiwa antara ayahanda baginda dengan Ibnu az-Zayyat berhubung dengan baginda. Diriwayatkan oleh Ibnu Tabatiba dalam kitabnya *al-Fakhri* bahawa Khalifah al-Mu'tasim pernah menyediakan peruntukkan kewangan kepada putera baginda al-Wathiq, yang ketika itu adalah Putera Mahkota. Ibnu az-Zayyat selaku menteri dan penasihat kepada Khalifah al-Mu'tasim telah diserahkan oleh Khalifah al-Mu'tasim untuk melaksanakan urusan tersebut. Tetapi Ibnu az-Zayyat tidak melaksanakan

amanah tersebut. Bahkan menasihatkan Khalifah al-Mu'tasim agar tidak membuat peruntukkan itu. Khalifah al-Mu'tasim telah menerima nasihat Ibnu az-Zayyat itu. Al-Wathiq telah bersumpah untuk membunuh Ibnu az-Zayyat apabila baginda dilantik menjadi khalifah nanti.

Sebelum bertindak membunuh Ibnu az-Zayyat, Khalifah al-Wathiq telah mencari bakal menteri dan penasihat untuk kerajaan baginda. Baginda telah mengundang seberapa ramai jurutulis dan menguji kepintaran dan kebolehan mereka di dalam politik. Tetapi tidak seorang pun yang memuaskan hati baginda. Ini menyebabkan baginda memerintah agar dibawa Ibnu az-Zayyat ke hadapan baginda. Kata-kata di atas itulah yang diucapkan oleh Khalifah al-Wathiq kepada Ibnu az-Zayyat.

Pemberontakan

Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Wathiq, tidak berlaku sebarang pemberontakan dan pencerobohan, baik oleh pihak luar seperti tentera Rom Timur di sempadan mahupun pihak-pihak dalam negeri seperti kaum Syiah dan tokoh-tokoh yang lain. Keadaan dalam negara pada zaman pemerintahan Khalifah al-Wathiq aman damai serupalah dengan keadaan pada zaman pemerintahan kedua-dua moyang baginda iaitu Khalifah Abul Abbas as-Saffah dan Khalifah al-Mahdi.

Menganut Mazhab Mu'tazilah

Khalifah al-Wathiq juga menganut mazhab Mu'tazilah sebagaimana bapa saudara baginda Khalifah al-Ma'mun dan ayahanda baginda Khalifah al-Mu'tasim. Kenapakah Khalifah al-Wathiq cenderung kepada fahaman golongan Mu'tazilah, dengan mengetepikan fahaman Ahlis Sunnah wal Jamaah? Ini sudah tentu kerana ada wasiat daripada ayahanda baginda juga, sebagaimana wasiat Khalifah al-Ma'mun kepada ayahanda baginda Khalifah al-Mu'tasim. Memang orang-orang yang terlalu menggunakan logik akal akan mudah terpengaruh kepada fahaman kaum Mu'tazilah berkaitan dengan apakah al-Qur'an itu qadim atau makhluk. Akal lebih dapat menerima pendapat yang mengatakan bahawa al-Qur'an itu makhluk. Kenapa? Kerana Allah SWT sendiri di dalam al-Qur'an mengatakan: ***Dia menjadikan al-Qur'an itu dalam bahasa Arab***. Lihat al-Qur'an surah az-Zukhruf ayat 3 dan surah al-Fussilat ayat 44. Jelas Allah SWT mengatakan al-Qur'an itu dijadikan. Maka ia adalah makhluk. Padahal ayat itu mengatakan Allah SWT jadikan al-Qur'an dalam bahasa Arab bukan al-Qur'an itu dijadikan, tetapi dijadikan dalam bahasa Arab. Maka pendapat orang-orang Mu'tazilah yang mengatakan al-Qur'an dijadikan oleh Allah SWT adalah keliru.

Satu lagi hujjah kaum Mu'tazilah bahawa al-Qur'an itu bukan qadim, tetapi makhluk ialah Allah SWT hanyalah zat tanpa sifat. Jadi bagaimana zat Allah

boleh terlepas daripada zatNya? Bukankah zat Allah SWT itu qadim? Bagaimana zat Allah SWT (al-Qur'an) boleh terlepas daripada Zatnya? Tetapi golongan Ahlis Sunnah wal Jamaah mengatakan Allah SWT itu zat dan sifat, bukan zat sahaja. Dan al-Qur'an itu adalah terhasil dari kalam Allah SWT yang merupakan sifatNya yang tidak pernah terlepas daripada zat Allah SWT. Sebagai contoh satu lembaran pidato seseorang, apakah lembaran itu sebenarnya pidato seseorang itu? Tidak! Pidato seseorang itu tetap pada dirinya. Yang menjadi lembaran itu adalah terjemahan pidato seseorang itu. Jadi kalau dikatakan lembaran itu adalah pidato seseorang itu, maka itu adalah benar juga. Tetapi pada hakikatnya pidato seseorang itu tidak pernah terlepas daripada diri si pemidato. Ini terbukti sekiranya si pemidato itu mengulangi semula apa yang dia telah pidatokan, maka dia dapat berbuat demikian kerana isi pidato itu adalah dari dirinya. Begitu juga dengan al-Qur'an. Al-Qur'an itu tetap tidak pernah terlepas daripada zat Allah SWT kerana ianya adalah sifat Allah SWT iaitu kalam Allah. Adapun yang ditulis dalam bahasa Arab itu adalah terjemahan daripada kalam Allah SWT yang terbit dari zat Allah SWT. Kalam itu tetap berada di zat Allah SWT. Jadi kalau dikatakan lembaran itu adalah kalam Allah swt, maka itu adalah benar juga. Sebab itu Imam Ahmad bin Hanbal tidak mahu memperkatakan tentang lembaran al-Qur'an yang ditulis dengan dakwah di atas kertas dalam bahasa Arab itu melainkan tetap kalam Allah yang qadim.

Menyeksa Ulama' Ahlis Sunnah wal Jamaah

Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Wathiq, tradisi memaksa umat Islam supaya menganut fahaman kaum Mu'tazilah khususnya berkaitan dengan kemakhlukan al-Qur'an diteruskan oleh pihak pemerintahan iaitu oleh Khalifah al-Wathiq dan akan menyeksa sesiapa yang enggan menurut kemahuan pihak pemerintah khususnya terhadap para ulama' besar yang berpengaruh. Ini adalah kerana sebagaimana yang telah dijelaskan di atas bahawa Khalifah al-Wathiq juga telah menganut mazhab kaum Mu'tazilah yang merupakan mazhab resmi negara sejak zaman pemerintahan bapa saudara baginda lagi iaitu Khalifah al-Ma'mun, yang merupakan pelopor atau pengasas menjadikan mazhab Mu'tazilah anutan pemerintah dengan mengetepikan fahaman golongan Ahlis Sunnah wal Jamaah yang berpegang bahawa al-Qur'an itu adalah Kalam Allah yang qadim.

Di atas sebab-sebab itu menjelang tahun 231 hijrah/846 Masihi iaitu setelah memerintah selama kira-kira 4 tahun, Khalifah al-Wathiq mula menulis surat kepada beberapa orang gabenor agar menghadapkan atau membawa kepada baginda semua para ulama' khususnya yang telah dikenal pasti sebagai pemimpin-pemimpin golongan Ahlis Sunnah wal Jamaah. Maka dengan itu berulanglah berlakunya ujian yang teramat dahsyat ke atas beberapa orang para ulama' Ahlis Sunnah wal Jamaah iaitu dimasukkan ke dalam penjara dan juga

dikenakan penyiksaan ke atas mana-mana ulama' yang menolak fahaman bahawa al-Qur'an itu adalah makhluk. Kalau pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun dan Khalifah al-Mu'tasim, empat orang ulama' yang telah menerima ujian ini yang mana dua orang ulama' besar telah menanggung penderitaan akibat di penjara dan diseksa dengan dipukul iaitu Imam Ahmad bin Hanbal dan Imam Muhammad bin Nuh dan Imam Muhammad bin Nuh telah meninggal dunia akibat diseksa itu, kini pada zaman pemerintahan Khalifah al-Wathiq, tiga orang ulama' Ahlis Sunnah wal Jamaah pula yang telah menerima ujian yang sangat berat itu. Ulama'-ulama' yang dimaksudkan itu ialah Imam Ahmad bin Nasr al-Khuza'i, Imam Na'im bin Hamad dan Imam Abu Ya'qub Yusuf bin Yahya al-Buwaiti. Ulama' yang terakhir ini adalah merupakan salah seorang murid Imam asy-Syafie yang paling terkemuka. Imam asf-Syafie pernah di akhir hayat beliau meramalkan bahawa akan timbul fitnah kemakhlukan al-Qur'an dan Imam al-Buwaiti adalah salah seorang yang akan menghadapi fitnah itu.

Imam Ahmad bin Nasr al-Khuza'i telah dihukum pancung leher kerana kelantangannya menentang fahaman kemakhlukan al-Qur'an. Imam Na'im bin Hamad meninggal dunia dalam penjara seperti Imam Muhammad bin Nuh juga akibat menerima seksaan yang dahsyat. Dan Imam al-Buwaiti, salah seorang murid terkemuka Imam asy-Syafie rhm juga telah dipenjarakan dan diseksa dengan teruknya sehingga syahid di dalam penjara.

Tidak Melantik Putera Mahkota

Dari seramai-ramai khalifah bani Abbasiyyah yang bermula dengan Khalifah Abul Abbas as-Saffah sehinggalah Khalifah al-Wathiq, hanya baginda sahaja khalifah yang tidak melantik Putera Mahkota, bahkan lebih aneh daripada kedua-dua khalifah sebelum baginda iaitu Khalifah Abul Abbas as-Saffah dan Khalifah al-Ma'mun. Ini adalah kerana kedua-dua khalifah tersebut bukan tidak melantik Putera Mahkota, tetapi sekadar tidak melantik anak menjadi Putera Mahkota. Mereka berdua telah melantik saudara sebagai Putera Mahkota mereka. Soalnya kenapa Khalifah al-Wathiq tidak melantik anak atau sesiapa sahaja sebagai Putera Mahkota untuk menggantikan tempat baginda sebagai khalifah setelah baginda wafat? Besar kemungkinan sekali Khalifah al-Wathiq tidak melantik anak sebagai Putera Mahkota adalah disebabkan pada ketika baginda wafat, anak-anak baginda masih kecil-kecil lagi, tidak layak untuk menduduki kerusi khalifah yang sangat berat kerja dan tugasnya itu.

Tindakan sebegini (tidak melantik pengganti sebagai Putera Mahkota - P) telah menyebabkan timbul kekeruhan di dalam istana kerana tidak ada pengganti khalifah yang wafat itu. Sehingga orang yang bertugas atau berdaya usaha untuk menentukan pengganti Khalifah al-Wathiq terpaksa melantik sesiapa yang dia suka. Orang yang dimaksudkan itu ialah seramai enam orang. Mereka ialah Qadhi Ahmad bin Abu Duad, Wasif bin Ashnas, Itakh, kedua-

duanya adalah pembesar dan pahlawan dan tiga orang pegawai kerajaan termasuklah menteri Muhammad bin Abdul Malik bin Zayyat. Mereka inilah yang telah bermesyuarat untuk memilih siapakah bakal pengganti Khalifah al-Wathiq yang telah wafat tanpa melantik Putera Mahkota itu. Akhirnya majlis enam orang ini bersetuju untuk melantik saudara kepada Khalifah al-Wathiq iaitu al-Mutawakkil sebagai Khalifah bani Abbasiyyah yang kesepuluh setelah sebelumnya melantik putera sulung Khalifah al-Wathiq yang bernama Muhammad al-Muhtadi, tetapi kemudiannya dipecat untuk digantikan dengan Ja'far al-Mutawakkil, adinda Khalifah al-Wathiq.

Wafat

Mengikut riwayat Imam as-Sayuti, Khalifah al-Wathiq wafat di kota Samarra' pada hari Rabu bertarikh 6 Zulhijjah tahun 232 hijrah/847 Masihi setelah memerintah selama lima tahun sahaja. Ketika itu usia baginda ialah 36 tahun. Baginda dilantik menjadi khalifah bani Abbasiyyah yang kesembilan ketika berusia 31 tahun. Khalifah al-Wathiq tidak ada putera yang sudah dewasa. Ketika baginda wafat, putera baginda masih lagi kanak-kanak. Baginda pula tidak menunjukkan siapakah bakal pengganti baginda. Inilah kali pertama dalam sejarah pemerintahan kerajaan Islam bani Abbasiyyah, seseorang khalifah tidak sempat atau sengaja tidak melantik Putera Mahkota sebagai bakal pengganti tempatnya sebagai khalifah.

Keluarga

Di dalam usaha penyusun mencari maklumat-maklumat berkaitan isteri, para jariah dan anak-anak dengan kata anggota keluarga Khalifah al-Wathiq, siapa dan berapa orangkah mereka, penyusun masih belum menemui maklumat-maklumat yang terperinci tentang itu. Hanya penyusun ada membaca buku yang dikarang oleh seorang penulis yang bernama Syeikh Muhammad Raji Kinas yang menulis di dalam bukunya Isteri-*Isteri Para Khalifah* bahawa anak-anak Khalifah al-Wathiq adalah seramai enam orang iaitu Muhammad al-Muhtadi yang dilahirkan oleh seorang jariah, Qurab, Abdullah, Ahmad yang lebih dikenali dengan panggilan Abul Abbas, Muhammad yang lebih dikenali dengan panggilan Abu Ishak dan Ibrahim juga dikenali dengan nama Abu Ishak. Ketika baginda wafat, kerana baginda tidak menentukan Putera Mahkota, maka para pembesar kerajaan yang terdiri daripada enam orang anggota panel telah melantik Muhammad al-Muhtadi sebagai pengganti ayahandanya, tetapi kemudian dipecat dan diganti dengan bapa saudara beliau iaitu Ja'far al-Mutawakkil sebagaimana yang telah diperkatakan di atas.

Kelebihan

Penyusun tetap menyentuh tentang keistimewaan dan kelebihan setiap orang khalifah bani Abbasiyyah setiap kali kisah mereka akan ditutup. Biarpun

kelebihan dan keistimewaan seseorang khalifah itu tidak banyak, namun penyusun akan memperkatakan juga sekadar yang ada padanya. Kini sampailah masanya untuk memperkatakan pula tentang keistimewaan dan kelebihan yang dimiliki oleh Khalifah al-Wathiq. Penyusun tidak berapa mempunyai maklumat dan pengetahuan tentang kelebihan dan keistimewaan yang dimiliki oleh Khalifah al-Wathiq selain daripada dua perkara sahaja iaitu kebolehan baginda mentadbir negara sebagaimana beberapa orang khalifah yang terdahulu termasuklah moyang baginda dan juga ayahanda dan bapa saudara baginda, dan kegagahperkasaan dan kehandalan baginda selaku seorang pahlawan di medan perang. Mungkin masih banyak lagi keistimewaan dan kelebihan yang dimiliki oleh Khalifah al-Wathiq yang penyusun masih tercari-cari di dalam buku-buku atau kitab-kitab yang belum didapati oleh penyusun kerana kelemahan penyusun di dalam membuat pembacaan dan pencarian.

Demikianlah kisah sembilan orang Khalifah Dinasti Bani Abbasiyyah yang terkemuka dan teragong daripada seramai 37 orang khalifah kesemuanya. Mereka adalah para pemerintah yang terdahulu di dalam rentetan atau kedudukan para Khalifah bani Abbasiyyah. Semoga kisah-kisah hidup dan perjalanan pemerintahan khalifah-khalifah ini akan menjadi pedoman dan pengajaran kepada para pemimpin zaman kini yang menduduki kedudukan yang sama seperti mereka. Mana-mana yang baik, jadikan teladan, dan mana-mana yang tidak dan kurang baik, jadikanlah sempadan. Semoga apa-apa yang terkandung di dalam buku yang tidak sepertinya ini memberi manfaat yang berguna dan besar faedahnya kepada para pembaca yang budiman semua. Sekian terima kasih. Wassalam.

BUKU RUJUKAN

1. Biografi Empat Imam Mazhab - Kiyai Haji Munawar Khalil
2. Sejarah Pendidikan Islam - Prof Dr Ahmad Syalaby
3. Pengantar Tamadun Islam - Dr Mustafa Haji Daud
4. Tokoh-Tokoh Islam Di Zaman Nabi - Haji Syeikh Marhaban
5. Sejarah Islam (2) - Ustaz Khairuddin Haji Muhammad
6. Sejarah Islam - Prof Dr Muhyiddin Haji Yahya & Prof Dr Ahmad Jelani Halimi
7. Pemberontakan Abbasiyyah - MA Syaban (terjemahan Mahayudin Haji Yahya)
8. Gelombang Hidup Para Isteri Khalifah - Ibnu Safa
9. Sejarah Dan Kebudayaan Islam (3) - Ahmad Syalaby
10. Isteri-Isteri Para Khalifah - Syeikh Muhammad Raji Kinas
11. Ulama' Dan Penguasa - Abdul Aziz bin Ismail
12. Sejarah Dan Pengantar Ilmu Hadis - Prof Dr T.M Hasbi As-Siddiqie